



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

---

Bil. 48

Khamis

6 Disember 2018

---

**K A N D U N G A N**

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	6)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman	34)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>		
Rang Undang-undang Perbekalan 2019		
<b>Jawatankuasa:-</b>		
<b>Jadual:-</b>		
Maksud B.60	(Halaman	53)
Maksud B.62	(Halaman	93)
Maksud B.63	(Halaman	151)
<b>USUL-USUL:</b>		
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	52)
Usul Anggaran Pembangunan 2019		
<b>Jawatankuasa:-</b>		
Maksud P.60	(Halaman	53)
Maksud P.62	(Halaman	93)
Maksud P.63	(Halaman	151)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KEDUA**

**Khamis, 6 Disember 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]** minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan status perkembangan pembinaan loji jana kuasa *geothermal* pertama untuk Malaysia yang terletak di Tawau.

**Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Yeo Bee Yin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan- *Sustainable Energy Development Authority Malaysia* (SEDA) telah meluluskan permohonan Tawau Green Energy Sendirian Berhad bagi pelaksanaan projek jana kuasa sumber *geothermal* melalui mekanisme takrif galakan ataupun kita lebih dikenali sebagai *feed-in tariff* (FiT) dengan izin di Apas Kiwi Tawau Sabah pada 2 Julai 2015.

Projek ini sepatutnya telah mula beroperasi dan menjana tenaga boleh baharu daripada sumber *geothermal* kepada SESB pada 31 Disember 2017. Walau bagaimanapun, ia telah gagal berbuat demikian. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, berdasarkan pemeriksaan tapak yang dijalankan, kerajaan mendapatih bahawa tiada sebarang kemajuan projek yang ditunjukkan. Sebagai contoh, operasi penggerudian telah diberhentikan sejak suku ketiga 2016 dan *slim hole* telah pun ditutup dengan *well head*.

Kesemua kabin sementara dan kelengkapan penggerudian yang diberhentikan semasa lawatan tapak tidak lagi di atas tapak. Ketiga ialah tiada langsung kakitangan yang ditempatkan di tapak projek dan rumpai panjang kelihatan sudah pun tumbuh meliar. Tawau Green Energy seolah-olahnya telah memberhentikan segala operasi dan urusan di tapak projek. Oleh itu, kerajaan melalui SEDA telah membatalkan kelulusan yang diberikan kepada Tawau Green Energy pada 29 Ogos 2018. Dengan pembatalan ini, kuota kelulusan galakan 37 megawatt daripada projek ini akan diagihkan semula kepada projek-projek tenaga boleh baharu lain yang berdaya maju khususnya biogas, *biomass* dan hidro kecil.

**Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]:** Ya, projek ini sebenarnya dia berkait rapat dengan seorang Ahli Parlimen Sipitang yang tak berani datang untuk mengangkat sumpah. Beliau merupakan bekas Ketua Menteri Sabah, dia memegang majoriti syer 52 peratus Syarikat

Tawau Green Energy ini pada tahun 2013. So soalan saya, ini kerana sering kali penduduk tempatan nampak lori balak. Okey, dia keluar masuk tapak ini dan di atas barang kemajuan projek ini ditunjukkan. So, saya meminta soalan saya adakah, apakah perancangan kerajaan untuk menegakkan keadilan untuk memastikan projek ini diteruskan atau diselamatkan oleh pihak lain. Memandangkan RM35 juta geran UKAS sudah dibelanjakan untuk membina jalan yang sekarang tumbuh liar dengan rumput-rumput di sana. Sekian, terima kasih.

**Puan Yeo Bee Yin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan tadi, projek ini telah dibatalkan tetapi kerajaan masih belum ada lagi rancangan yang seterusnya untuk menawar balik pelaksanaan projek ini. Ini adalah kerana projek *geothermal* kadangkala adalah lebih mahal daripada sumber tenaga baru yang lain. Akan tetapi, kita akan meneliti dari semasa ke semasa teknologi dan juga kewajaran *feasibility project* itu. Apabila dia *make business sense* dengan izin, kita akan meneruskan pelaksanaan walau apa pun kita akan tawarkan semula dengan pembinaan terbuka dengan *open tender*.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pembinaan loji jana kuasa ini ada empat jenis, biogas, *biomass*, hidro dan arang batu. Apakah keutamaan pihak kementerian daripada empat jenis ini dan bagaimana kita boleh memperbanyakkan lagi pembinaan-pembinaan dari segi loji jana kuasa *biomass*. Sebagaimana yang saya pernah timbulkan di sini untuk bahan buangan kelapa sawit supaya ia boleh membantu pengusaha-pengusaha pekebun sawit. Terima kasih.

**Puan Yeo Bee Yin:** Terima kasih, Yang Berhormat Pontian kata arang batu adalah tenaga boleh baharu. Saya hendak *correct* kan di sini, ini bukan arang batu. Bukan *renewable energy* ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya tak cakap begitu, saya kata empat jenis biogas, *biomass*, hidro, arang batu.

**Puan Yeo Bee Yin:** Oh! Okey. So...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Silap, Yang Berhormat Menteri silap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Yeo Bee Yin:** Oleh itu, sumber jana kuasa bukan sahaja ada empat jenis. Ada banyak lagi jenis tetapi saya ambil maklum. Akan tetapi, apabila kerajaan tengok apakah teknologi tenaga boleh baharu ini, kita tengok *feasibility*, semua *renewable energy* teknologi ini.

■1010

Di mana kita kena tengok, sama ada ia adalah *cost competitive*, adalah dia- apakah kos penjanaan kuasa per kilowatt jam. Itu sangat penting apabila kita memilih apakah teknologi yang kita kena galakkan. Saya memang tahu bahawa *biomass* ataupun biojisim, biogas adalah lebih strategik untuk kerajaan untuk menggalakkannya kerana ia bukan sahaja boleh menjana kuasa tetapi ia pun juga boleh menambah pendapatan untuk pengusaha-pengusaha kelapa sawit. Akan

tetapi sekarang kita sedang mengkaji *biomass* sekarang belum lagi kompetitif, oleh itu ia adalah terletak dalam mekanisme *feed-in tariff* di mana kita bagi subsidi untuk penjanaan kuasa.

Sekarang kementerian sedang menjalankan penyelidikan bagaimanakah kita kena *fill in the gap* untuk menjadikan teknologi ini lebih kompetitif daripada segi penjanaan kuasa dan kita akan umumkan *finding* kita selepas kita mendapatkan apa-apa *finding* yang kita dapat dan kita juga akan melabur dalam R&D. R&D untuk *biomass* dan juga biogas supaya dia menjadi lebih kompetitif. Akan tetapi untuk sekarang, apa yang boleh saya maklumkan kepada banyak sidang dalam ucapan saya bahawa *biomass* dan biogas masih lagi perlu subsidi daripada kerajaan untuk menjadi lebih kompetitif.

**2. Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa banyak komponen projek Pan Borneo Highway Sabah yang dikendalikan oleh golongan profesional tempatan. Adakah sumbangan mereka ini telah memberi nilai tambah kepada pelaksanaan projek tersebut.

**Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat sekurang-kurangnya lapan komponen bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah yang dikendalikan oleh golongan profesional tempatan. Komponen-komponen terlibat ialah kejuruteraan, geoteknikal, ukur nilai tanah, ukur bahan, perundangan kesihatan, keselamatan alam sekitar, perancangan projek dan pengurusan risiko. Sumbangan mereka ini telah memberi nilai tambah kepada pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah daripada segi pembangunan modal insan, profesional di bidang pembinaan lebuh raya kepada golongan profesional tempatan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini melalui kontrak 12 pakej kerja yang sedang dilaksanakan, pihak rakan pelaksana projek atau PDP iaitu Borneo Highway PDP Sdn. Bhd. telah mengambil pekerja seramai 117 tenaga profesional tempatan Sabah di bidang-bidang yang telah disebutkan di atas. Bilangan tenaga profesional itu merupakan hampir separuh daripada tenaga kerja keseluruhan yang berkhidmat dengan pihak PDP.

Jumlah tersebut tidak termasuk anggota profesional yang diambil bekerja oleh pihak perunding dan kontraktor yang terlibat di dalam projek ini secara langsung bukan di bawah PDP iaitu seramai 755 orang tenaga profesional. Jumlah keseluruhan tersebut iaitu seramai 872 orang tenaga profesional dijangka akan bertambah apabila lebih banyak pakej akan dilaksanakan bagi keseluruhan 35 pakej kerja projek ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, majoriti atau 90 persen daripada tenaga profesional berkenaan terdiri daripada warga negeri Sabah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apakah status terkini kajian semula pelaksanaan projek Pan Borneo secara *project delivery partner* (PDP) ini. Terima kasih.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Perundingan dan kajian masih dijalankan di antara *stakeholders* yang melibatkan iaitu Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan juga

pihak PDP. Oleh kerana itu, keputusan muktamad belum lagi dibuat mengenai perkara tersebut. Terima kasih.

**3. Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah prosedur untuk memastikan kanak-kanak yang lahir di Malaysia yang tidak memiliki dokumen lengkap seperti surat lahir boleh diberikan vaksin (*vaccine*) yang amat diperlukan untuk pertumbuhan pembesaran sempurna kanak-kanak tersebut.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]:** Terima kasih. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Kalabakan. Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada soalan. Perkhidmatan imunisasi diberikan kepada semua kanak-kanak, termasuk kanak-kanak tanpa dokumen di semua fasiliti kesihatan di seluruh negara. Kanak-kanak yang gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri sebagai warganegara akan dikenakan bayaran perkhidmatan imunisasi berdasarkan pelaksanaan caj fi perkhidmatan kesihatan kanak-kanak di bawah Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014, Yang Berhormat.

Caj bayaran yang dikenakan kepada kanak-kanak yang tiada dokumen adalah sebanyak RM40 untuk pendaftaran, perundingan dan ubatan untuk lima hari dan tambahan RM40 untuk imunisasi. Perkhidmatan vaksinasi ini disediakan di semua fasiliti kesihatan KKM kecuali di klinik komuniti. Caj fi perkhidmatan tidak terpakai sekiranya anggota kesihatan menjalani dan melalui program aktiviti *outreach* di lokasi tahanan imigresen ataupun di lokasi mengawal wabak penyakit. Dalam *outreach program*, kami dalam *mopping up program*. Dalam memastikan semua kanak-kanak diberi vaksinasi, aktiviti *outreach* dijalankan oleh pihak KKM secara meluas terutama dalam kawalan wabak *epidemic*, dengan izin.

Di antara aktiviti kawalan ini termasuk pencarian kes yang bergejala serta pencarian kanak-kanak yang tercincir dalam imunisasi. Di bawah Akta Kawalan Penyakit Berjangkit juga, dalam keadaan di mana berlakunya wabak penyakit yang boleh dicegah dengan imunisasi, imunisasi diberikan kepada semua kanak-kanak yang layak secara percuma tanpa bayaran. Jadi ada dua keadaan di sana, dalam *outreach program* ringkasnya kita berikan secara percuma tetapi kalau mereka datang pada fasiliti dalam keadaan yang biasa terutama yang ekspatriat, kita kenakan caj RM40 dan RM40 untuk rawatan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Apa yang merunsingkan adalah *communicable disease* seperti rubella, hepatitis B, tuberkulosis tetapi di Sabah, kebanyakan yang sudah membesar dan bekerja di restoran-restoran ini tanpa dokumen boleh mendedahkan masyarakat dengan penyakit berjangkitlah. Jadi soalan saya, jika sekiranya kementerian kekurangan sumber untuk memastikan setiap kana-kanak tanpa dokumen menerima vaksin, adakah sebarang halangan kementerian untuk badan-badan antarabangsa yang ingin memberi sokongan bantuan? Itu sahaja.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat memahami dan sedar serta insaf akan kedudukan ketika mana bukan sahaja kanak-kanak tetapi yang dewasa yang tidak mendapat imunisasi atas apa pun sebabnya. Ini kerana merupakan dengan izin, *reservoir* ataupun *epicentre of outbreak* yang berpotensi mencetuskan wabak dan epidemik seumpama ini. Lalu pastinya mana-mana pihak terutama badan-badan antarabangsa dan mana-mana pihak juga daripada sudut program-program CSR, konglomerat korporat, organisasi-organisasi korporat yang sudi untuk memberikan dokongan dan sokongan dana, memang sangat kami alu-alukan kerana memang kami tidak dapat lakukan ke atas semua khususnya kerana kewangan.

Saya yakin ketika kewangan kita mengizinkan, kita akan dapat mempertingkatkan imunisasi ini kepada semua. Khususnya kalau kita perhatikan kepada anak-anak yang *stateless*, itu tidak termasuk pendatang-pendatang asing, pendatang-pendatang dalam bentuknya *refugee* dan sebagainya. Kesemua ini pada saya adalah potensi besar *outbreak* dan saya memandang serius akan perkara ini. Oleh kerana kalaularah mereka terkena atau dihinggapi apanya tadi *measles*, *mumps*, *rubella*, *diphtheria*, *whooping cough*, semua yang 10 ke 12 yang kita imunisasikan itu termasuk JE dari Sarawak itu. Andainya mereka *down* dengan izin, *down* dengan penyakit berjangkit seperti ini, maka kos merawat mereka itu adalah jauh lebih besar.

## ■1020

Kalau kita tahu *diphtheria* sahaja, *one injection* itu is about RM500. Bayangkan kalau ia berlaku, maka ia akan membebankan kewangan kerajaan.

Lalu kita perlu berfikir kembali akan *the longer term interest*. Walaupun pada ketika ini memang berat untuk kita tanggung tetapi *the longer term* andainya kita vaksinasi mereka ini, ia akan dapat mengurangkan kos *curative care*nya itu, kos menangani masalah itu.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah kalau kita kenakan caj vaksin kepada golongan yang tidak ada dokumen ini, sebahagian mereka ialah berada di pedalaman dan sebahagian mereka ini ialah pemegang kad UNHCR. Apakah mekanisme yang boleh digunakan oleh pihak kementerian berhubung dengan WHO khususnya badan antarabangsa yang mengeluarkan kad kepada pelarian ini untuk mereka menanggung bersama kos vaksin tersebut? Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Terima kasih, Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya amat sukar untuk menyatakan di sini bahawa dari segi kad pemegang UNHCR itu, Malaysia adalah di antara yang belum lagi meratifikasi dan mengiktiraf mereka sebagai *refugees*. Jadi ini dia dalam keadaan yang agak kekok kita kerana dikekang dengan status dan situasi seperti itu kerana mereka adalah PATI dari sudut status mereka. Dengan kata lain, mereka terpaksa juga dikenakan caj.

Cumanya dari sudut ini, Tuan Yang di-Pertua, kita punya belas ihsan untuk memberikan diskaun sebanyak 50 peratus dari sudut kenaan bayaran caj yang kita sebutkan tadi.

Jadi, itu perkara yang sedang kami pertimbangkan *moving forward*, dengan izin, apakah kita akan dapat merubah pendirian yang dibuat dahulu dan apakah kerajaan ke depan nanti akan membuat perubahan dari sudut sikap ini. Jadi, ini perkara yang kita masih lagi memandang serius akan perkara ini kerana seperti mana yang saya sebutkan tadi, ia potensi *outbreak* dan *reservoir epidemic* itu.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah menjawab. Ahli-ahli Yang Berhormat, tiga pertanyaan telah dikemukakan. Sekarang tamatlah sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

**[Sesi untuk Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]**

#### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**[Soalan No. 1 – YB. Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh (Sandakan) tidak hadir]**

2. **Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan setelah Kerajaan membatalkan projek ECRL ke Pantai Timur dan HSR ke Singapura:

- (a) adakah GIATMARA akan meneruskan kursus latihan rel bersama UMP; dan
- (b) adakah UniKL akan meneruskan *Rail Institute* yang telah diwujudkan.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Bera atas soalan ini. Saya diberitahu oleh pegawai kementerian bahawa Yang Berhormat telah bertanya soalan ini mungkin sudah dua atau tiga kali dan telah dijawab. Walau bagaimanapun, kita sedialah jawab sekali lagi ya.

Untuk makluman Yang Berhormat, GIATMARA bersama beberapa institusi pendidikan tinggi dan kemahiran telah dipilih untuk melaksanakan kursus kemahiran dalam bidang sivil, elektrikal dan mekanikal bagi menyediakan tenaga mahir kepada industri rel.

Walau bagaimanapun, GIATMARA telah dimaklumkan oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP) melalui surat bertarikh 14 Ogos 2018 bahawa Program Latihan Kemahiran Industri East Coast Rail Link (PLKI ECRL) ditangguhkan susulan penangguhan pembinaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Yang Berhormat, dalam soalan Yang Berhormat telah menggunakan perkataan “*Batalkan*”, “*Kerajaan membatalkan projek ECRL dan HSR*”. Sebenarnya istilah ‘membatalkan’

itu tidak tepat. HSR memang jelas ditangguhkan dua tahun. ECRL pun kerajaan belum bagi kata putus sama ada dibatalkan. Jadi, adalah lebih wajar digunakan istilah ‘penangguhan’.

Walau bagaimanapun, GIATMARA masih meneruskan program latihan kemahiran seperti Kursus Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi Logam serta Kursus Pendawaian Elektrik yang menyokong kepada keperluan tenaga kerja mahir dalam industri teknologi rel. Pada masa sekarang, seramai 36 orang pelatih sedang mengikuti program ini dan dijangka akan menamatkan latihan pada akhir Disember 2018.

Seperti Yang Berhormat tahu sebagai mantan Menteri yang bertanggungjawab pada masa itu, MARA telah menubuhkan *UniKL Asia Rail Centre* pada 23 Mac 2016 berpusat di Universiti Kuala Lumpur Malaysia Italian Design Institute di Taman Shamelin Perkasa, Kuala Lumpur. Penangguhan projek rel seperti HSR dan ECRL tidak memberi kesan yang besar kepada program yang ditawarkan oleh UniKL. Kedua-dua projek ini menggunakan sistem yang berbeza iaitu sistem *main line*. Namun demikian, UniKL boleh menawarkan subjek elektif bagi sistem *main line* sekiranya projek-projek tersebut dilancarkan semula pada masa hadapan.

Sehingga kini, terdapat seramai 272 peserta atau pelajar yang telah mengikuti pelbagai kursus pendek dan seminar berkaitan teknologi rel. Bagi program akademik pula, terdapat 240 orang pelajar sedang mengikuti pengajian peringkat ijazah berkaitan rel.

UniKL tetap akan meneruskan program rel sedia ada di peringkat ijazah, kursus profesional dan program jangka pendek bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri rel di dalam negara dan Asia. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya waktu menyediakan soalan ini, waktu itu kerajaan membatalkan, selepas itu ditangguhkan. Jadi, batal-tangguh, batal-tangguh dan sebagainya.

Cuma saya hendak tanya, apabila UniKL dan GIATMARA menyediakan kursus-kursus yang disebutkan tadi, ianya merupakan program pemandanan atau *tailored* dengan apa yang akan dilaksanakan iaitu rel industri ini.

Oleh kerana projek ini telah pun ditangguhkan dan saya difahamkan ada pelajar yang telah pun terlibat sewaktu itu, jadi adakah kerajaan bercadang untuk memadankan mereka dengan industri-industri lain supaya mereka tidaklah terjejas begitu sahaja? Terlibat dengan latihan dan ditangguhkan. Jadi tentu sahaja tidak sesuai dengan projek-projek lain yang ada berkaitan dengan kursus mereka.

Kedua, apabila projek ini dilaksanakan, apabila program ini dilaksanakan, GIATMARA ataupun UniKL mengadakan kerjasama dengan syarikat-syarikat daripada negara China dan negara Jepun. Akan tetapi oleh kerana syarikat China, misalnya, tidak lagi terlibat dengan projek ECRL, misalnya, adakah syarikat ini masih lagi meneruskan kerjasama dengan GIATMARA dan UMP?

Begitu juga dengan UniKL yang mengadakan kerjasama dengan syarikat kereta api daripada Jepun dan juga China. Adakah dengan penangguhan kedua-dua projek ini—terutama ECRL yang masih belum tahu bila masanya akan diteruskan. Kalau di HSR, mungkin dua tahun

telah pun ditetapkan tetapi ECRL masih belum ditetapkan. Jadi oleh kerana syarikat China ini masih tidak tahu lagi bila projek ini akan diteruskan, dimulakan, adakah kerjasama dengan UniKL dan GIATMARA itu masih diteruskan?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih atas soalan-soalan tambahan. Saya ucap terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Bera atas keadaan pelajar-pelajar yang sedia ada.

Seperti yang saya rasa Yang Berhormat Bera pun tahu, UniKL menyediakan pelajar-pelajar bukan khusus untuk projek ini sahaja. UniKL ada kapasiti, ada keupayaan untuk melatih pelajar-pelajar untuk rel yang berjenis metro dan juga *main line* di mana mereka boleh diserapkan ke beberapa jenis rel dan kita ada beberapa jenis rel dalam negara kita. Kita ada MRT, LRT, monorel dan juga Intercity. Macam-macam kita ada.

■1030

Saya difahamkan memang kedua-dua GIATMARA dan UniKL sudah mengambil kira isu ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bera dan pelajar-pelajar telah ditempatkan di pelbagai syarikat rel termasuk syarikat vendor seperti Rolling Stock Consultant Sdn. Bhd., Prasarana dan SMH Rail Sdn. Bhd., ini yang diberitahu pada saya. Jadi, bagi saya memang itu telah diambil kira dan kementerian akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan pelajar-pelajar ini dapat peluang pekerjaan yang sesuai dengan latihan mereka.

Soalan kedua berkaitan dengan hubungan di antara GIATMARA dan UniKL dengan syarikat-syarikat yang mula dilibatkan dalam projek-projek ini daripada China dan Jepun. Kita menunggu keputusan daripada kerajaan. Kerajaan perlu memuktamadkan projek ini dulu sama ada diteruskan dengan syarikat-syarikat asal yang terlibat dalam ECRL atau pun mana-mana syarikat yang akan terlibat dalam *high-speed rail* (HSR) juga dan itu akan diputuskan pada masa itu bergantung kepada mana syarikat yang akhirnya akan terlibat. Sekian, terima kasih.

3. **Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang akan diambil kerajaan untuk menjamin pusat-pusat pengajian maahad tafhib di seluruh negara berdaftar dan terkawal dari segi keselamatan bangunan, pengajar dan terutamanya murid-murid.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]:** *Bismillahir Rahamanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, semua institusi pendidikan agama termasuk sekolah-sekolah tafhib yang ditubuhkan oleh pelbagai pihak adalah perlu berdaftar dan tertakluk kepada enakmen kawalan sekolah-sekolah agama atau undang-undang dan peraturan yang sedang berkuat kuasa di negeri berkenaan.

Ia adalah selaras dengan ketetapan Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa Hal Ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa agama negeri. Aspek keselamatan bangunan adalah di bawah bidang kuasa negeri dan pihak agensi berkaitan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat dan pihak berkuasa

tempatan. Penetapan syarat dan keperluan pendaftaran pula adalah ditetapkan oleh negeri di mana pengelola institusi di tahfiz hendaklah memenuhi syarat antaranya ialah bangunan yang memenuhi piawaian keselamatan dan guru-guru hendaklah mendapat tauliah mengajar dari negeri.

Namun Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini Enakmen Kawalan Sekolah-sekolah Agama di negeri-negeri tidak memasukkan definisi sekolah tahfiz di dalam definisi sekolah agama. Di situ ada *loophole* dalam undang-undang. Jadi dengan ini pihak Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Islam sedang menggubal satu pindaan undang-undang untuk memasukkan definisi sekolah tahfiz di dalam definisi sekolah agama. Maka, dengan itu bolehlah enakmen itu memberi penumpuan khusus untuk pendaftaran sekolah-sekolah agama.

Tuan Yang di-Pertua, kita menggunakan pendekatan *carrot and stick*. Untuk peruntukan RM50 juta yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, kita hanya akan memberikan kepada sekolah-sekolah tahfiz yang berdaftar. Itu orang kata galakan untuk sekolah-sekolah tahfiz berdaftar supaya mereka mendapat geran untuk mereka membawa penambahan kepada sekolah-sekolah tahfiz.

Di masa yang sama, kita juga menggesa pihak-pihak PBT mengambil tindakan ke atas premis-premis sekolah tahfiz yang tidak berdaftar. Sebab pada hari ini hanya PBT yang boleh mengambil tindakan ke atas premis-premis sekolah tahfiz yang tidak berdaftar. Oleh kerana sekolah tahfiz yang berdaftar dengan Jabatan Agama perlu pertamanya mendapat kelulusan daripada PBT. Jadi Jabatan Agama tidak ada kuasa untuk menutup sekolah tahfiz sebab tidak ada dalam undang-undang yang saya katakan perlu dipinda tadi.

Akan tetapi oleh kerana premis itu perlu didaftar dengan PBT, maka PBT ada kuasa untuk menutup premis sekolah tahfiz yang tidak berdaftar. Jadi perlu kerjasama di antara agensi dan juga Jabatan Agama Islam di dalam memastikan bahawa keselamatan sekolah-sekolah tahfiz ini terjaga.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengadakan kerjasama dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) untuk pendedahan kepada warga institusi tahfiz mengenai amalan keselamatan di institusi melalui kursus keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk sekolah tahfiz. Ianya bertujuan untuk memberi kefahaman dan kesedaran dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada para guru, pentadbir dan murid di institusi tahfiz. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terima baik jawapan yang telah diberikan tadi. Saya ada sebut tadi juga dalam soalan tentang dari segi keselamatan terutama bagi murid-murid dan pengajar. Bukan sahaja dari segi premis. Ini merangkumi dua aspek yang pertama keselamatan fizikal, kita lihat kejadian yang cukup tragis yang berlaku tahun lalu kebakaran maahad tahfiz di Keramat dan ia telah mengorbankan begitu ramai anak murid.

Akan tetapi selain daripada aspek keselamatan itu juga ada aspek dari segi keselamatan daripada gangguan seksual. Ini pun kita tahu bila maahad tafhiz tidak berdaftar, tidak ada kawalan, ada *loopholes* dengan izin, yang memungkinkan perkara ini boleh berlaku dan boleh terjadi. Isunya ibu bapa mungkin tidak tahu anak-anak mereka terdedah kepada keadaan seperti ini.

Jadi persoalan saya memang kalau kita lihat kalau dari segi *jurisdiction*, mungkin tidak ada kuasa untuk menutup tetapi apakah yang akan diusahakan untuk memastikan keselamatan pelajar-pelajar tafhiz ini di maahad-maahad tafhiz ini terjamin untuk memastikan tidak berlaku kejadian-kejadian seperti itu. Terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Pihak Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Islam memang amat mengakui ya bahawa ada *loopholes* di dalam undang-undang dan aspek keselamatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai ini tadi juga merupakan aspek keselamatan yang kita begitu ambil berat.

Apabila kita melihat kepada tragedi sekolah tafhiz di Keramat, Sekolah Maahad Tafhiz Darul Quran Ittifaqiyah yang mengorbankan lebih 20 jiwa. Kita dapat faktor yang membawa kepada perkara itu berlaku ialah kerana pertama dia tidak ada *exit* kerana aspek keselamatan tidak dilihat di dalam menempatkan para-para pelajar dalam bangunan sementara kerana ada bangunan yang sedang diubahsuai dan mereka diletakkan dalam bangunan sementara. Di situ berlaku kecuaian pihak pentadbir sekolah yang tidak memastikan bahawa aspek keselamatan pelajar itu diberi keutamaan.

Tambahan lagi, yang lebih menyedihkan ialah mereka mendapat bantuan kewangan dalam keadaan mereka tidak mendaftar dan tidak ada usaha memaksa mereka mendaftar pada ketika itu. Ini kerana kalau kita paksa mereka mendaftar sebelum kita beri mereka bantuan, mereka perlu patuh sebab bila dia daftar, dia kena patuh kepada aspek keselamatan. Jadi, bila kita hendak beri bantuan, kita kena pastikan mereka berdaftar. Itu yang saya maksudkan tadi *carrot and the stick* tadi sebab sekarang ini ada 815 sekolah tafhiz yang berdaftar swasta as at October 2018.

#### ■1040

Akan tetapi, kita tidak ada *mechanism* hendak cari yang tidak berdaftar. Oleh sebab itu, saya kata tadi kena kerjasama dengan PBT. Sebabnya PBT ada kuasa yang besar di dalam menutupkan premis tersebut apabila kita tengok dia tidak daftar. Jabatan agama tidak ada kuasa yang kuat. Ini kerana seperti yang saya katakan tadi, definisi itu pun tidak termasuk dalam enakmen kawalan sekolah agama. Yang Berhormat Lembah Pantai hendak cehah?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Seperkara sahaja. Saya ingin mendapatkan komitmen daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang boleh ada kita usaha, apakah yang akan diusahakan untuk menutup *loopholes* ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Lembah Pantai kena minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Boleh kah? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itulah yang saya katakan tadi bahawa perlu dipinda undang-undang. Semalam pun pegawai kami telah berjumpa dengan Setiausaha Dewan untuk memasukkan pindaan rang undang-undang di dalam senarai rang undang-undang yang perlu dipinda minggu depan.

Ini supaya dengan itu kita boleh memberi komitmen di dalam menjanjikan keselamatan anak-anak kita. Sebab memang tidak ada. Itu daptan saya sendiri sebab saya memang kaji dan saya *check* dan memang saya dapti ada *loophole* di situ.

Perkara yang kedua juga selain daripada kerjasama dengan PBT tadi, saya juga ingin menggesa ibu bapa yang hendak menghantar anak-anak ke sekolah tahfiz buat masa sekarang ini, ibu bapa *check* premis, ibu bapa *check* daftar atau tidak. Oleh sebab, ini juga menjadi tanggungjawab untuk ibu bapa untuk memastikan sama ada mereka berdaftar atau tidak dan juga ibu bapa perlu tengok dan teliti kurikulum yang ditawarkan, guru-guru yang mengajar dan sebagainya.

Oleh sebab dalam kes-kes Yang Berhormat Lembah Pantai tadi cerita pasal gangguan seksual, dalam kes-kes yang kita tengok, ada yang baru-baru ini di Kepong. Premisnya itu rumah kedai dan premis yang tidak sesuai dengan wayar berselirat, sambung-sambung untuk caj telefon dan sebagainya. Memang dari segi keselamatannya itu memang kita tahu ia tidak menepati piawaian. Kita dapti juga, apabila kes itu timbul berkenaan berlaku satu tragedi gangguan seksual, kita lihat bahawa ibu bapa seperti tidak ambil berat, ibu bapa tidak ambil *port*. Macam tidak ada terlibat sama. Ini yang kita rasakan pelbagai pihak, pelbagai segmen masyarakat harus sama-sama memainkan peranan.

Kami akan cuba sedaya-upaya pinda undang-undang supaya dengan itu kita ada lebih kuasa untuk mengawal selia. Kemudian kita juga akan menyelaraskan dengan pihak-pihak kerajaan negeri supaya jabatan agama Islam di negeri dapat menyelaraskan undang-undang mereka dengan model yang kita letak di peringkat Persekutuan dan guna sama, guna pakai pindaan-pindaan itu di peringkat negeri. Kemudian teliti bagaimana kita hendak lihat kepada keselamatan.

Yang Berhormat Lembah Pantai, Majlis Tahfiz Negara saya sudah umumkan baru-baru ini akan kita bentuk seawal tahun 2009 dan di antara perkaranya untuk melihat kepada perkara-perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Cuma bukan 2009 tetapi 2019. Okey. Saya amat menyokong dan menyambut baik hasrat kerajaan yang merangka pelbagai kaedah dan cara untuk memartabatkan lagi institusi sekolah-sekolah tahfiz di negara kita ini.

Sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut, sekarang ini yang berdaftar sahaja pun 815 buah atau pusat dan pelajarnya mencecah 50,000 Yang Berhormat Menteri ya. Jadi yang itu yang berdaftar sahaja, yang tidak berdaftar itu banyak lagi di seluruh negara ini.

Namun demikian, saya rasa agak tidak adil apabila wujudnya satu persepsi seolah-olah apabila kita sebut maahad tahfiz ini tidak selamat, maahad tahfiz ini terbakar. Saya minta maaf sahabat saya Yang Berhormat Lembah Pantai, maahad tahfiz gangguan seksual. Seolah-olah inilah yang berlaku dalam maahad tahfiz sedangkan kita tahu maahad tahfiz atau sekolah tahfiz ini telah melahirkan individu yang berjiwa besar dan juga dari segi orang Islam ini yang beriman dan kemudian akhirnya, mereka bukan semua menjadi hafiz tetapi mereka menjadi orang profesional. Ada *pilot* hafiz, ada *lawyer* hafiz, ada doktor hafiz ramailah.

Jadi, oleh sebab itu saya merasakan bahawa langkah kerajaan menubuhkan Majlis Tahfiz Negara sebagaimana Yang Berhormat Menteri itu adalah cukup baik. Cuma saya ingin menyarankan ataupun ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Menteri, sekiranya atau apabila kita ada Majlis Tahfiz Negara ini, ia janganlah menyulitkan usaha-usaha murni. Mungkin sesetengah pihak yang mungkin tidak sepenuhnya dapat *fulfill the requirement* yang ditetapkan, janganlah menyulitkan untuk pembentukan maahad-maahad tahfiz. Ini kerana ia amat penting, amat bermakna dalam negara kita, mengurangkan kadar jenayah di kalangan remaja dan sebagainya.

Jadi saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Menteri, bagaimana bentuk *mechanism* maahad tahfiz yang akan ditubuhkan ini. Terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Kota Bharu kerana anak-anak kita yang melalui institusi tahfiz ini akan melalui satu proses disiplin yang tinggi di dalam waktu mereka menjadi seorang hafiz. Ini menambah nilai kepada apa yang boleh mereka tawarkan kepada masyarakat apabila mereka keluar dalam masyarakat nanti. Sama ada mereka memilih untuk menjadi seorang profesional ataupun mereka memilih untuk menjadi seorang usahawan ataupun mereka memilih untuk menjadi seorang agamawan, apa pun profesi yang mereka pilih, diri mereka sebagai seorang hafiz itu menambah nilai kepada *professionalism* mereka. Itu kita akui.

Oleh sebab itu, kita di peringkat kerajaan sekarang ini mengangkat Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang diluluskan oleh Majlis Raja-raja pada tahun 2017 ke peringkat yang lebih tinggi. Ini kerana pada ketika itu, ia satu dasar tetapi dasar ini perlu kita terjemahkan supaya ia menjadi satu boleh diaplikasikan untuk menaikkan betul-betul martabat. Oleh sebab dasar itu tidak perlu diterjemahkan dalam bentuk undang-undang, dalam bentuk kaedah, dalam bentuk garis panduan dan sebagainya. Jadi, saya setuju dengan Yang Berhormat Kota Bharu.

Berkenaan dengan sekolah maahad tahfiz yang tidak berdaftar ini, cadangan kita ialah untuk membantu mereka berdaftar. Kalau mereka ada kekangan seperti *wiring* contohnya, peruntukan yang kita asingkan itu sebanyak RM50 juta itu harus untuk membantu mereka untuk *upgrade* dia punya sistem *wiring* contohnya ataupun kalau tidak menepati syarat keselamatan,

kita bantu mereka untuk menepati syarat keselamatan itu supaya geran itu untuk membantu memudahkan mereka untuk mendaftar.

Kenapa kita amat menekankan kepada pendaftaran itu? Supaya senang kita mengawal selia dan sebagainya dari segi sudut kurikulum, kebaikan guru, keselamatan murid dan sebagainya. *Certification* juga Yang Berhormat Kota Baharu, kita hendak mereka macam Yang Berhormat Menteri kata hendak masuk bidang profesional perlu ada *certification*, perlu ada laluan untuk masuk kepada *mainstream*, pendidikan arus perdana.

Di masa yang sama, kita juga, saya juga terima apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai kerana janganlah oleh kerana nila setitik, rosak susu sebelanga. Janganlah disebabkan oleh satu dua sekolah-sekolah tahniz ini yang bawa nama buruk kepada institusi tahniz itu sendiri. Ini kerana institusi tahniz ini merupakan satu usaha yang murni, institusi yang harus kita martabatkan, harus kita beri sokongan yang padu. Ini kerana seperti yang saya katakan tadi, melahirkan insan-insan yang lebih berdisiplin dan membawa tambah nilai dalam profesionalisme mereka, kita cuba bendung. Jangan bagi rosak nama institusi tahniz itu, insya-*Allah*. Itulah saya kira saya juga turut prihatin di atas soalan Yang Berhormat Lembah Pantai tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### ■1050

4. **Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah status koridor ekonomi yang telah diwujudkan oleh pentadbiran yang lepas dan apakah perancangan kerajaan dalam memastikan pelaburan luar terus masuk dalam merancakkan pembangunan ekonomi koridor ini.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Petrajaya atas soalan yang diajukan oleh beliau. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) terus berfungsi seperti biasa sebagai mana sebelum ini dan ditempatkan di bawah penyeliaan Kementerian Kewangan, melainkan keputusan sebaliknya dibuat oleh kerajaan pada masa akan datang.

Pihak-pihak berkuasa koridor akan meneruskan fungsi mereka untuk menarik pelaburan masuk ke wilayah ekonomi koridor ini dengan meneruskan projek-projek pembangunan infrastruktur yang telah dirancang dan meneruskan usaha-usaha mempromosi, misi perdagangan dan penyediaan insentif-insentif untuk menarik pelaburan-pelaburan masuk ke wilayah ekonomi koridor berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mungkin Yang Berhormat Menteri dapat menyatakan setakat ini, daripada bulan Mei sehingga sekarang, apakah jumlah pelaburan yang telah masuk ke setiap koridor yang dinyatakan tadi? Apakah bentuk pelaburan yang datang? Berapakah jumlah pekerjaan yang telah ditawarkan kepada pekerja-pekerja tempatan?

Dalam konteks RECODA pula, adalah Yang Berhormat Menteri akan memberi peruntukan yang lebih kepada RECODA disebabkan setakat ini RECODA telah memperluaskan bidang kuasa mereka iaitu memperkenalkan *Upper Rajang Development Agency* (URDA), *Highland Development Agency* (HDA) dan *Northern Region Development Agency* (NRDA). Ini untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan luar bandar akan dapat dibangunkan dan salah satu cabarannya ialah infrastruktur perlu dipercepatkan. Hanya dengan ada infrastruktur yang lengkap barulah akan dapat menarik minat pelabur untuk datang di semua kawasan yang saya telah nyatakan. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaburan dan peluang pekerjaan sehingga Jun 2018, jumlah pelaburan komited ialah sebanyak RM755.61 bilion sedangkan pelaburan yang direalisasikan adalah sebanyak RM 447.35 bilion. Di mana sebanyak 1,874,267 pekerjaan telah pun diwujudkan. Kalau kita berikan pecahan, IRDA pelaburan komited RM264 bilion, pelaburan yang direalisasikan adalah RM154 bilion, peluang pekerja diwujudkan 759,439 pekerjaan.

NCIA RM10 bilion, pelaburan yang direalisasikan RM90 bilion, pelaburan komited RM90 bilion yang direalisasikan pun RM90 bilion dan peluang pekerjaan yang diwujudkan ialah 116,799 pekerjaan. ECERDC RM114 bilion, direalisasikan RM57 bilion, 153,404 pekerjaan diwujudkan. Untuk SEDIA RM166 bilion, yang direalisasikan RM68.7 bilion dan peluang pekerjaan adalah sebanyak 781,824 peluang pekerjaan tetapi ini adalah terdiri daripada 188,624 pekerjaan secara langsung dan 593,200 pekerjaan secara tidak langsung.

Untuk RECODA ialah sebanyak RM121 bilion, yang direalisasikan RM78 bilion, mewujudkan 62,801 pekerjaan. Perlu disebutkan bahawa jumlah ini adalah merangkumi jumlah yang pun telah diumumkan oleh MIDA kerana ada banyak pertindihan. Saya sebut sedemikian kerana apabila NCIA yang merangkumi kawasan Wilayah Utara, mereka juga masuk pelaburan yang diumumkan oleh MIDA. So, itulah kita boleh sebut sebagai satu jumlah secara holistik. Sekian, terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan pertama saya, apakah strategi untuk memastikan bahawa *approved investment* itu akan jadi *realized investment* dalam koridor-koridor pembangunan ekonomi ini dan tidak ada jurang yang terlalu besar antara *approved* dan *realized investment*. Kedua, berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan *Investment Approval Agency*.

Sebagai contoh di NCIA, dimasukkan jumlah yang ditarik oleh MIDA sebagai contoh, jadi di situ ada sedikit pertindihan. Apakah cara untuk kita selaraskan kerana sekarang ini terdapat pelbagai *investment approval* dan *Investment Promotion Agency* untuk memastikan bahawa KPI dia jelas. Agensi ini dia telah menarik sebesar pelaburan ini dan agensi in telah menarik jumlah tersebut. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Saya ingat Yang Berhormat Rembau pun mungkin maklum bahawa sekiranya kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah daripada parti yang sama. Ini yang saya sebut dahululah, ia tidak ada

masalah dari segi pentadbiran. Akan tetapi, sekiranya daripada parti yang berlainan, agak sukar untuk kerajaan negeri tersebut mendapat kerjasama daripada organisasi ataupun pertubuhan wilayah koridor ekonomi ini. Apa yang berlaku di Pulau Pinang, ini saya bagi sebagai contoh. Apabila NCIA menjalankan tugas, mereka selalu akan akur kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan dari segi pelaburan dan sebagainya, mereka hanya akan mementingkan pihak Kerajaan Persekutuan dan mengabaikan daripada kerajaan negeri.

Akan tetapi, apabila kerajaan negeri berjaya untuk dapat pelaburan termasuk dalam sektor perkhidmatan iaitu seperti Industri 4.0 ataupun perubatan pelancongan, ia akan juga diambil kira dalam perkiraan pelaburan. So, di sini kita lihat apa yang berlaku ialah wilayah koridor sedemikian dia akan melonggokkan semua sekali, baik daripada Kerajaan Pusat mahupun daripada kerajaan negeri.

Saya rasa saya memang setuju kita harus kurangkan pertindihan supaya kita boleh lihat dari mana prestasi sesuatu organisasi itu datang. Akan tetapi, saya tidak boleh cakap panjang lebar tentang strategi kerana asalnya saya anggap pihak Kementerian Kewangan hanya menjadi penyelia. Akan tetapi, nampaknya saya dimaklumkan bahawa saya telah pun juga dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Ahli Lembaga Pengarah, tetapi, baru dilantik.

So, saya belum dimaklumkan tentang strategi lagi. So, kalau Yang Berhormat boleh berikan sedikit masa, apabila saya hadiri mesyuarat tersebut mungkin saya akan lebih tahu apakah strategi dari segi pendekatan yang akan diguna pakai oleh pihak pentadbiran dan pengurusan tersebut. Akan tetapi, walau bagaimanapun saya rasa memandangkan bahawa kerajaan negeri ingin meneruskan pembangunan ekonomi koridor ini, kita harus memberikan penekanan ke atas manfaat *synergy*, iaitu *synergistic benefits*.

Sekiranya tidak, apa gunakan pembangunan ekonomi berlandaskan koridor ini, So, yang penting ialah macam mana kita boleh mencetuskan manfaat *synergy* ini. So, itulah pandangan peribadi saya dan saya rasa itulah yang telah menjadi pemangkin pembangunan ekonomi iaitu mencari dan juga *leverage* dengan izin, ke atas *synergistic benefits* ini. Sekian, terima kasih.

#### ■1100

5. **Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil terhadap Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang tidak memenuhi syarat-syarat surat cara ikatan amanah terutamanya dalam penubuhan anak-anak syarikat.

#### **Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Johor Bahru. Soalan beliau adalah berkaitan dengan langkah-langkah diambil terhadap Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang tidak memenuhi syarat-syarat surat cara ikatan amanah terutamanya dalam penubuhan anak-anak syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila menjawab soalan ini saya perasaan berbaur kerana AIM ini tujuannya adalah membantu isi rumah termiskin tetapi nampaknya dalam isi

rumah termiskin ini pun ada nampak pelanggaran undang-undang. Ini oleh kerajaan lama lah. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, Amanah Ikhtiar Malaysia telah diperbadankan di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952, Akta 258 pada 20 Oktober 1998 melalui Surat Ikatan Amanah asal bertarikh 17 September 1997.

Objektif utama penubuhan Amanah Ikhtiar Malaysia sebagaimana Surat Ikatan Amanah bertarikh 17 September membantu isi rumah termiskin untuk mengeluarkan mereka daripada kemiskinan terutamanya melalui pinjaman Ikhtiar yang digunakan untuk membiayai kegiatan yang menghasilkan pendapatan.

Berdasarkan kepada Surat Ikatan Amanah bertarikh 26 April 2012, *clause 3(c)* dibaca bersama Surat Ikatan Amanah asal menyatakan bahawa AIM ataupun Amanah Ikhtiar Malaysia *shall not trade or engage in any form of business*. Justeru penubuhan anak syarikat oleh AIM adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, memang wujud anak syarikat walaupun tidak dibenarkan ditubuhkan.

Dalam hal ini, Yang Berhormat Menteri melalui seksyen 17(1)(d), Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 boleh membatalkan sijil perbadanan AIM sekiranya yayasan didapati telah melaksanakan aktiviti atau program yang bercanggah dengan objektif sebagaimana yang dinyatakan melalui Surat Ikatan Amanah asal dan Surat Ikatan Amanah seterusnya. 17(1)(c) memperuntukkan dengan izin, *the Minister may by order, revoke the certified of incorporations if the body or association of person by whom the trustee constituting the body corporate are appointed is found to have pursued objectives other than those for which is originally established*.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang menyediakan dokumen-dokumen yang perlu untuk mulakan prosedur pembatalan sijil perbadanan AIM mengikut seksyen 17(2) Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Johor Bahru untuk menanyakan soalan tambahan pertama.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri terima kasih di atas jawapan. Saya telah membangkitkan isu ini dalam Kamar Khas pada 16 Ogos yang lepas yang mana Menteri telah memberikan kerjasama yang sepenuhnya. Malah dapat dilihat usaha kerajaan untuk meningkatkan soal tadbir urus dalam Amanah Ikhtiar Malaysia.

Cuma merujuk kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini akan menimbulkan pertanyaan sekiranya kerajaan bertindak mahu membatalkan perbadanan AIM ini, apakah yang akan terjadi kepada mereka-mereka yang menerima pinjaman kerana mereka ini terdiri daripada orang susah terutamanya kaum wanita yang mana dari segi masalah tadbir urus seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi apabila mereka ini dibenarkan mendaftar syarikat di bawah Sdn Bhd, kerajaan mungkin menghadapi kesukaran untuk memastikan ketelusan. Jadi saya rasa perlu cari jalan supaya agensi-agensi mikro kredit ataupun agensi yang

lain, YaPEIM dan sebagainya perlu ada penekanan supaya tidak diberikan kelonggaran agar ada aktiviti yang tidak dapat dikesan ataupun diteliti oleh pihak kerajaan.

Kedua, berkaitan juga dengan soal tadbir urus. Mengikut Surat Ikatan Amanah untuk AIM ini, lembaga pengarah yang dibenarkan untuk membuat lantikan adalah seramai 14 orang. Kalau mengikut pekeliling ataupun surat yang didapati rekod di dalam bahagian hal ehwal undang-undang kementerian bertarikh 26 April 2012, Menteri ada menjelaskan seramai 14 orang tetapi apabila saya membangkitkan dalam Kamar Khas, apabila Menteri teliti hanya ada enam orang lembaga pengarah.

Kenapa apabila zaman kerajaan terdahulu kerajaan tidak meletakkan ahli lembaga pemegang amanah ataupun lembaga pengarah untuk memantau AIM ini dan sekarang apabila timbul isu, saya risau kalau AIM ini telah ataupun menghadapi kesukaran dari segi perbadanan sebab apabila ada perbadanan, mereka ini diberikan pengecualian cukai. Jadi sekarang ini ia menimbulkan satu krisis yang agak besar untuk AIM ini sebab ramai wanita-wanita yang terlibat dengan program-program sahabat AIM ini. Jadi saya mohon pandangan Menteri dalam isu ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat Johor Bahru. Tuan Yang di-Pertua, soalannya agak panjang saya takut walaupun saya membuat catatan tetapi takut ada yang tidak covernya. Jadi saya mohon maaf jika tidak dapat menjawab kesemuanya dalam lisan ini tetapi Yang Berhormat ini akan sentiasa boleh berhubung dengan saya dalam setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama tadi tentang dia kata kalau sekiranya kita *revoke* ataupun kita membatalkan, apakah yang terjadi kepada orang-orang yang sekarang yang menerima bantuan dan sebagainya. Jadi saya Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini kerajaan berpendapat kita ini mesti menegakkan *rule of law*. *Rule of law* ini apabila sesuatu pertubuhan melanggar undang-undang, kita mesti menunjukkan *consistency* kita bahawa ini tidak betul dan kita mesti mengambil tindakan.

Dari segi undang-undang memang kuasa yang diberikan adalah kuasa untuk *revoke* bukan kuasa untuk menggantung dan sebagainya. Memang saya akui undang-undang ini mungkin agak mungkin keras dan juga agak tidak begitu memberikan *lay away* dengan izin untuk mereka mungkin diambil tindakan menggantung dan sebagainya. Akan tetapi bagaimanapun, saya difahamkan kalau mengikut amalan sebelum ini biasanya mereka akan menggantung dahulu. Cuma yang kita khawatir kuasa menggantung tidak ada secara spesifik dalam undang-undang. Jadi kita takut apabila tidak ada kuasa secara spesifik, kalau kita menggantung untuk makluman Yang Berhormat Johor Bahru takut boleh dicabar di mahkamah jadi itu juga memberikan satu kesan yang lain juga.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, kalau sekiranya kita *revoke* sekalipun, kita akan memastikan bantuan-bantuan kepada orang-orang termiskin ini tidak akan diketepikan. Itu komitmen kerajaan terhadap membantu orang-orang miskin ini sama ada kita *revoke* tidak

revoke, itu satu perkara yang kita boleh asingkan. Jadi saya harap Yang Berhormat tidak perlu risau lah.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Cuma Menteri bagi mereka yang terlibat melanggar undang-undang...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Minta maaf tidak boleh...

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Perbahasan, perbahasan.

**Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru]:** Boleh tidak kita ambil tindakan kepada mereka yang menyebabkan pelanggaran surat amanah ini.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Perbahasan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Biar saya jawab dahulu. Sebenarnya untuk makluman Ahli-ahli Parlimen yang baru ini, waktu menjawab tidak ada dialog.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, ia tidak boleh dijadikan sebagai peluang untuk berdialog.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Yes, kalau dahulu zaman Tan Sri Pandikar dahulu, saya selalu kadang-kadang memang selalu ditegur. Jadi saya harap selepas ini...

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Dahulu selalu *you* buat apa. Selalu *you* buat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tidak, saya tahu. Memang kita akui kita silap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Kita ini belajar, kita tidak macam Barisan Nasional tersilap tidak mahu mengaku. Kita silap kita mengaku. Kita semua mengaku. Kita *gentlemen*.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *Start* sudah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Okey Yang Berhormat Rembau ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Kita hendak bagi contoh. Saya akuilah. Saya pun bukanlah *perfect*, saya pun ada silap. Akan tetapi perbezaan Barisan Nasional dengan PH terlalu jauh. Kita silap, kita mengaku. BN silap sampai sekarang tidak mengaku. Jadi untuk itu jangan takutlah.

Keduanya tentang pengarah syarikat sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat Johor Bahru, sebenarnya Amanah Ikhtiar ini banyak sangat yang bercanggahlah, contohnya dalam laporan audit, even laporan kewangan pun tahun 2015, 2016, 2017 tidak pernah dikemukakan. Jadi banyak lagi contoh-contoh.

■1110

Saya berbaur tadi, ini yayasan untuk bantu orang termiskin. Itu pun jadi masalah. Jadi saya tidak tahu Barisan Nasional ini apa punya perasan, tidak tahulah tuan-tuan. Terima kasih.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat Menteri tadi. Pada pandangan saya Yang Berhormat Menteri, bahawa institusi AIM ini adalah antara institusi mikro kredit yang saya sifatkan

boleh dianggap berjaya sebenarnya. Ini sebab kalau dilihat pada peratusan yang diberi dengan peratusan yang dikatakan NPL, NPL boleh dianggap terlalu rendah. Malahan *serviceability*, maknanya jumlah yang diberi dan dibayar balik amat tinggi. Dikatakan hampir *almost 100 percent* katanya. So, mungkin boleh disahkan oleh kakitangan kerajaan nanti.

Cuma saya punya persoalan ialah tahun lalu, kita ada dengar diperuntukkan RM200 juta. Ini secara tidak langsung dapat membantu mereka yang berada di peringkat bawahan, bukan sahaja B.40 tetapi di kalangan golongan yang termiskin terutamanya di kalangan wanita. Jadi soalan saya daripada RM200 juta yang telah diperuntukkan pada tahun lalu, berapakah yang telah *disburse*? Berapakah yang telah diservis balik dengan jayanya? Satu.

Keduanya ialah peruntukan untuk tahun 2019 dalam belanjawan saya tidak dengar pun langsung disebut tentang belanjawan ataupun peruntukan untuk AIM. Jadi, saya hendak dapat secara spesifik, apakah ada wujud peruntukan untuk AIM tahun 2019? Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Okey, terima kasih kepada sahabat saya daripada Yang Berhormat Kepala Batas. Satu soalan yang baik. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf sebab tidak ada data apa yang ditanya itu. Oleh sebab soalan yang ditanya itu agak spesifik tentang angka-angka. Jadi saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Boleh jawab secara bertulis.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** *Undertake* akur janji untuk beri jawapan bertulis kepada beliau. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya baru dapat ini. Ini sebenarnya mungkin juga Yang Berhormat boleh bertanya dengan Kementerian Kewangan. Ini kerana Kementerian Kewangan sebenarnya memberikan untuk AIM ini, memang mereka mendapat pinjaman yang agak berterusan daripada Kementerian Kewangan. Cumanya berdasarkan kepada laporan audit, mereka ada masalah untuk membayar balik. Kalau ikut laporan audit. Sampai laporan audit mengatakan *even*, dikatakan berkemungkinan mereka rasa AIM ini menghadapi masalah untuk hendak servis balik hutang-hutang itu.

Jadi, saya harap lepas ini mungkin Kementerian Kewangan akan mengambil tindakan yang lebih proaktif untuk memastikan segala wang yang dibelanjakan itu betul-betul dibelanjakan *accordingly*.

Tadi tahun 2019 itu, minta maaf Yang Berhormat, saya tidak ada angka. Kalau sekiranya tidak ada dikemukakan dalam bajet itu, saya rasa lebih baik bertanya kepada Kementerian Kewangan. Akan tetapi kita sentiasa peka dan akan terus menolong orang-orang miskin sama ada melalui AIM atau tidak, itu tidak penting. Kita haraplah selepas ini – sebab itulah orang-orang miskin mungkin agaknya marah dengan Barisan Nasional, sebab dalam keadaan rakyat miskin tiba-tiba perbelanjaan teruk. Boleh beli beg tangan dan macam-macam. Jadi, sekian terima kasih.

6. Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah pihak kementerian meletakkan sebarang sasaran jumlah pemegang master dan PhD yang ingin dicapai dalam tempoh beberapa tahun; dan
- (b) apakah usaha kementerian ke arah menambahkan jumlah pemegang master dan PhD dalam negara.

**Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]:** Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Yang Berhormat Jerai munsyi jawi kita. *[Ketawa]* Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 ataupun *blueprint* pendidikan tinggi menyasarkan sasaran 60,000 orang pemegang PhD menjelang tahun 2023. Ini kita akan teruskan.

Bagi menjawab soalan kedua pula, KPM sentiasa mengambil langkah proaktif dan inovatif dalam memastikan sasaran tersebut di atas dapat dicapai antaranya melalui penawaran pelbagai skim geran penyelidikan bertujuan untuk menghasilkan bakat atau menyumbang kepada pembangunan modal insan. Skim geran penyelidikan yang ditawarkan ini merangkumi penyelidikan dalam pelbagai bidang sekali gus berupaya menghasilkan penemuan baharu yang akhirnya dapat dimanfaatkan secara terus kepada komuniti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini KPM menawarkan juga program penajaan biasiswa dan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) di mana fokus utama penajaan ini adalah kepada tenaga pengajar akademik di institut pengajian tinggi awam (IPTA). Antaranya skim latihan akademik bumiputera, skim latihan akademik yang diberikan kepada pensyarah-pensyarah untuk mereka sambung terutamanya di bidang PhD.

Melalui usaha yang dijalankan berdasarkan statistik pendidikan tinggi yang dikeluarkan oleh KPM pada tahun 2017, negara telah berjaya menghasilkan seramai 22,342 orang pemegang PhD warganegara Malaysia dari IPT tempatan. Sama ada IPT awam ataupun IPT swasta. Jumlah ini tidak termasuk jumlah keseluruhan pelajar PhD, warganegara Malaysia yang melanjutkan pengajian PhD di luar negara. Oleh itu, jika diambil kira keseluruhan *enrollment* pelajar di peringkat PhD, sasaran *blueprint* kita dengan izin, dalam mewujudkan 60,000 pemegang PhD menjelang tahun 2023 akan dapat dicapai sekiranya semua pelajar menamatkan pengajian dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini KPM menawarkan program penajaan dan juga Hadiah Latihan Persekutuan kepada tenaga pengajar di institut pengajian tinggi awam demi memastikan tenaga-tenaga baharu ini mempunyai kelayakan yang sepatutnya untuk mereka mengajar.

Fokus utama KPM pada waktu ini adalah memastikan akauntabiliti dalam menghasilkan pendidikan yang memberikan impak maksimum kepada pendidikan sistem negara. KPM juga bercadang untuk mempertingkatkan penghasilan sarjana dan PhD melalui penyaluran geran penyelidikan seperti *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS), *Long Term Research Grant Scheme* (LRGS) dan *Trans-disciplinary Research Grant Scheme* (TRGS). Di mana skim-skim dan

geran-geran ini diberikan kepada para pensyarah di universiti untuk mereka menghasilkan graduan-graduan ataupun sarjana di peringkat sarjana dan peringkat PhD di kalangan *research assistant* dengan izin, pembantu penyelidikan mereka.

Terbaru melalui Belanjawan 2019, KPM menerima sejumlah peruntukan bagi tujuan penyelidikan sebanyak RM425 juta berbanding RM345 juta pada tahun 2018. Maksudnya untuk tahun 2019, kita memberikan lebih RM80 juta untuk geran-geran penyelidikan di IPT-IPT sama ada awam ataupun swasta. Ini kerana kita melihat bahawa *research assistant* ataupun pembantu penyelidik yang menyambung pelajaran di peringkat PhD ataupun sarjana dengan menggunakan geran-geran penyelidikan, peratusan lulus mereka lebih tinggi kerana mereka mempunyai komitmen.

Selain itu, universiti juga sentiasa mempelbagaikan inisiatif untuk menghasilkan lebih ramai sarjana dan PhD melalui inisiatif *endowment* ataupun wakaf yang mempunyai pelajar-pelajar terpilih demi memastikan mereka dapat melanjutkan pelajaran di universiti-universiti yang melancarkan *endowment* ataupun wakaf melalui kerusi-kerusi penyelidikan. Terkini sebagai contoh di UIA, kita mempunyai Kerusi Jamalullail yang ditaja oleh Majlis Agama Islam Perlis, yang menawarkan 50 kerusi untuk melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana ataupun di peringkat PhD.

Bersesuaian dengan kemampuan kewangan negara pada masa kini, KPM sentiasa memastikan program penajaan yang dilaksanakan sejajar dengan aspirasi kerajaan serta bersandarkan kepada dasar dan keperluan terkini guna tenaga dan keperluan bakat. Langkah ini membolehkan program penajaan lebih berfokus, inklusif, menitikberatkan kualiti berbanding kuantiti sekali gus menepati keperluan pemegang tahun semasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu tuntaslah. Cuma, apakah misi dan matlamat KPM untuk lahirkan ramai graduan *master* dan PhD yang belajar bertahun-tahun menghasilkan kajian berbanding dengan guru-guru yang mengambil MPQEL yang tempohnya tidak sampai enam bulan. Boleh lantik pengetua dan diberikan pangkat lagi. Untuk itu saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah keistimewaan yang diberikan kepada pemegang PhD dan *master* dalam KPM itu sendiri? Sekian.

■1120

**Dr. Maszlee bin Malik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi, sebelum saya menjawab soalan yang tertentu izinkan saya mengalu-alukan kedatangan kawan-kawan kita di dalam bahasa Arab dengan izin. Sudah hilang?

**Seorang Ahli:** Belum, belum. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Maszlee bin Malik:** Tadi baru nampak dah, jadi saya tarik semula.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Daripada Sudan ya?

**Dr. Maszlee bin Malik:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Daripada Sudan?

**Dr. Maszlee bin Malik:** Daripada Sudan, saya baru hendak ucapkan dalam bahasa Arab. Tidak apalah, dia sudah tidak ada. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Boleh kalau ikut catatan kita, kita boleh *Hansard*.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Tidak apa, saya faham, saya faham Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Akan tetapi, tidak ada orang.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Cakap fasal.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** *[Berucap dalam bahasa Arab]*

**Dr. Maszlee bin Malik:** Okey, okey.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Menteri, wakil di atas– sini. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Maszlee bin Malik:** Itu wakil Sudan? Okey. *[Berucap dalam bahasa Arab]*

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** *[Berucap dalam bahasa Arab]*

**Dr. Maszlee bin Malik:** Okey, menjawab soalan daripada Yang Berhormat Jerai Munsyi Jawi kita.

**Seorang Ahli:** *[Berucap dalam bahasa Arab]*

**Dr. Maszlee bin Malik:** Ya?

**Seorang Ahli:** *[Berucap dalam bahasa Arab]*

**Dr. Maszlee bin Malik:** Boleh cakap Arab juga? *[Ketawa]* *[Berucap dalam bahasa Arab]* Okey, dia Yang Berhormat Kepala Batas pun mahir bahasa Arab. Dia belum speaking lagi. Kalau dia speaking orang Sudan pun sanggup hendak bawa dia ke sana. *[Ketawa]* Okey, menjawab soalan Yang Berhormat Jerai, Munsyi Jawi kita. Dia ada dua perkara, pertamanya kita lihat kepada guru-guru kita, kita memang ada skim untuk mereka melanjutkan pelajaran.

Ada di antara mereka diberikan cuti dan ini berterusan dan diteruskan sehingga kini. Kita ingin ramai di antara guru-guru kita mempunyai sarjana dan juga PhD. Begitu juga kita melihat berdasarkan kemampuan kewangan semasa untuk memberikan insentif-insentif semasa bagi mereka yang telah berjaya menyelesaikan pelajaran mereka di peringkat sarjana dan juga PhD. Itu yang pertama dan yang keduanya, kita juga sedang merangka seperti mana yang saya telah sebutkan sebelum ini di Dewan.

*Program Scholarly Teachers* iaitu guru sarjana yang mana kita sedang melakukan sesi libat urus ataupun *engagement* dengan beberapa universiti-universiti yang sanggup menawarkan penukaran waktu-waktu latihan, jam-jam latihan yang dilalui oleh para guru untuk dijadikan kredit yang akhirnya diakumulasi ataupun dikumpulkan dan ditukarkan untuk menjadi kelulusan sarjana ataupun *master*.

Maksudnya, apabila guru-guru telah melalui latihan-latihan, mereka akan mengumpul jam-jam latihan ini dan akhirnya dengan melalui penulisan ataupun syarat-syarat yang diberikan oleh universiti terbabit, mereka layak untuk menerima *master* ataupun sarjana. Kita menyasarkan

supaya menjelang tahun 2030, kebanyakan guru di Malaysia merupakan pemegang ijazah sarjana sekurang-kurangnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Okey, saya menerima baik sasaran ke arah menambah pemegang *master* dan PhD kepada 60,000 orang. Itu pasti dan perlu, namun kita tidak semestinya melihat daripada aspek kuantiti tetapi juga daripada melihat daripada aspek kuantiti. Saya ingin bertanya, apakah Kementerian Pendidikan akan merombak *syllabus* isi kandungan program kursus dan juga topik penyelidikan dan kajian di universiti supaya ia lebih terkini.

Supaya negara kita dapat memenuhi kehendak dan juga inspirasi pasaran graduan supaya menjurus kepada mengangkat peluang *employability* dengan izin, para graduan ini. Ini kerana, sekarang ini banyak daripada kawan-kawan saya yang telah melanjutkan pelajaran dalam *master* dan PhD. Apabila mereka menerima skrol mereka, mereka berkata, dengan izin, "*I know that what I have learnt in university, is already obsolete*". Lebih-lebih lagi dalam bidang IT. Saya juga ingin bertanya, adakah Kementerian Pendidikan akan mencadangkan kepada SPA supaya mengiktiraf kelulusan pemegang *master* dan juga PhD daripada kolej swasta yang belum diiktiraf ketika ini. Sekian, terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Puncak Borneo untuk pengetahuan, Yang Berhormat Puncak Borneo yang bertanya tadi. Di peringkat universiti awam, mereka sentiasa memperbaiki dan juga menambah baikkan terhadap segala kursus-kursus yang mereka jalankan. Berdasarkan semangat autonomi, ini autonomi kepada universiti. Kebanyakan usaha-usaha penambahbaikan bagi *syllabus*, subjek, kurikulum ia merupakan hak universiti yang ditentukan oleh Senat.

Saya yakin, saya sendiri pun datang daripada universiti. Pihak universiti dari semasa ke semasa sama ada dari peringkat fakulti ataupun daripada peringkat Senat, mereka sentiasa melihat dan *revisit* dengan izin iaitu mengkaji semula subjek yang mereka tawarkan dan juga isi kandungan subjek tersebut dari semasa ke semasa.

Walau bagaimanapun, kita ingin menekankan bahawa dalam tahun-tahun ke depan kita akan perkenalkan subjek falsafah untuk dipelajari di peringkat universiti awam yang mana falsafah merupakan dasar kepada cara berfikir yang betul yang kita merasakan bahawa siswa dan siswi kita perlu diperlengkap dengan *tools* ataupun dengan alat ini. Bagi saranan kepada SPA, ini adalah berkaitan dengan MQA yang juga di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan cadangan daripada Yang Berhormat Puncak Borneo kita akan bawakan kepada MQA. Terima kasih.

7. **Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan tindakan terhadap pemberhentian pekerja dalam masa sama masih lagi beroperasi di dalam syarikat lain.

**Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih kepada

Yang Berhormat Kapar yang tidak jemu-jemu terus memperjuangkan hak dan perlindungan kepada golongan pekerja. Syabas, dahsyat.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa situasi berkaitan dengan pemberhentian pekerja. Antaranya terdapat lebihan pekerja iaitu berikutan penyusunan semula organisasi yang akan menyebabkan pembuangan pekerja iaitu penamatkan oleh majikan mana-mana pekerja yang didapati lebih daripada yang diperlukan oleh syarikat tersebut ataupun organisasi tersebut.

Pertukaran telah berlaku dalam pemilikan perniagaan bagi tujuan yang mana pekerja telah diambil bekerja atau sebagai sebahagian perniagaan. Tidak mengira sama ada pertukaran tersebut berlaku kerana penjualan atau lain-lain sebab atau dengan sebab perundangan. Terdapat juga situasi di mana penutupan sepenuhnya perniagaan yang berpunca daripada pemindahan perniagaan keluar negara.

Kedua, pekerja-pekerja yang telah diberhentikan layak untuk mendapat faedah penamatkan kerja yang dikira berdasarkan tempoh perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan di bawah Peraturan-peraturan Kerja, Faedah-faedah Penamat dan Pemberhentian Kerja Sementara 1980. Kegagalan majikan membayar faedah penamat kerja sebagaimana yg ditetapkan oleh Akta Kerja 1955, pekerja boleh membuat tuntutan di bawah seksyen 69 Akta kerja 1955. Kegagalan majikan mematuhi perintah yang dikeluarkan, penguatkuasaan ketidakpatuhan perintah melalui tindakan saman, penghutang penghakiman atau tindakan-tindakan penguatkuasaan lain seperti – writ penyertaan dan penjualan dan tindakan pendakwaan ke atas majikan di Mahkamah Sivil boleh dijalankan oleh, ke atas majikan. Tindakan ini boleh diambil terhadap majikan yang masih beroperasi terhadap pemilik syarikat seperti pengarah, pengurus syarikat secara bersama atau berasingan dengan syarikat.

Manakala bagi majikan yang telah diisytiharkan bankrap atau digulung, menurut peruntukan di bawah seksyen 224 Akta Syarikat 1965, apa-apa tindakan atau pelaksanaan yang dibuat terhadap mana-mana syarikat yang telah dimulakan prosiding penggulungan adalah tidak sah. Oleh yang demikian, sekiranya terdapat tuntutan dari segi gaji tertungggak yang hendak dibuat oleh mana-mana pekerja ke atas majikan yang di dalam kategori tersebut, tuntutan melalui kes buruh tidak boleh dijalankan.

Dalam keadaan sebegini, pekerja-pekerja dijelaskan mengenai prosedur yang diambil oleh pekerja melalui Jabatan Insolvensi atau merujuk terus kepada pemegang harta atau *liquidator* yang dilantik oleh mahkamah iaitu dengan memfailkan borang bukti keberhutangan dan juga borang proksi oleh pekerja-pekerja terlibat. Manakala bagi kes yang melibatkan syarikat perkongsian atau milikan tunggal, Akta Kebankrapan 1967 dan Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 adalah terpakai.

#### ■1130

Walaupun begitu, JTK (Jabatan Tenaga Kerja) di bawah Kementerian Sumber Manusia akan menyerahkan perintah dan menasihat likuidator untuk mengutamakan bayaran gaji seperti mana perintah Ketua Pengarah dan memberikan keutamaan sebagaimana peruntukan subseksyen (1)(c) seksyen 527 Akta Syarikat 1956. Namun begitu, Malaysia mempunyai undang-

undang untuk melindungi pekerja, memastikan pembuangan pekerja tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Terdapat majikan mengambil kesempatan mengambil pekerja asing sedangkan pekerja tempatan pula diberhentikan. Di bawah Akta Kerja 1955 [Akta 265], seksyen 60M memperuntukkan tiada majikan boleh menamatkan perkhidmatan pekerja tempatan dengan tujuan mengambil seseorang pekerja asing.

Di bawah akta yang sama menurut seksyen 60N, sekiranya majikan hendak mengurangkan tenaga kerjanya oleh sebab lebihan pekerja yang memerlukan pengurangan pekerja, maka majikan tidak boleh menamatkan perkhidmatan seorang pekerja tempatan melainkan pekerja asing dalam kategori pekerjaan yang sama ditamatkan terlebih dahulu. Manakala di bawah seksyen 20 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 turut memberikan perlindungan kepada pekerja-pekerja terhadap sebarang bentuk pembuangan kerja tanpa sebab atau tanpa alasan yang munasabah.

Pekerja-pekerja yang ingin membuat *reinstatement* boleh memfailkan kes di Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia. Kerajaan juga telah menguatkusakan Akta Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Akta SIP adalah suatu akta yang baru, yang memberikan perlindungan insurans kepada pekerja yang diberhentikan supaya dilindungi dan mendapat manfaat, faedah sekiranya diberhentikan. Pekerja dan majikan yang mencarum di bawah skim akta ini akan dibayar faedah sebagaimana yang ditetapkan di bawah akta. Melalui kewujudan akta ini, pekerja akan mendapat bayaran akibat daripada penamatan pekerjaan yang sewajarnya. Terima kasih.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengutarakan soalan tambahan saya, ingin saya mengalu-alukan kehadiran pengetua dan guru besar sekolah-sekolah Putrajaya ke Dewan Rakyat. [*Tepuk*]

Timbalan Menteri, saya meneliti jawapan Timbalan Menteri dan saya memahami keadaan yang berlaku dalam suasana pada hari ini. Di mana kerunsingan yang berlaku ialah perlanggaran undang-undang yang telah dilakukan oleh syarikat-syarikat yang terbabit seperti mana yang berlaku Megasteel. Megasteel telah ditutup secara total tetapi Amsteel masih beroperasi dalam operasi yang sama, dalam deskripsi yang sama dan diambil pekerja yang dibuang tadi dimasukkan kepada syarikat kilang yang baru, yang dipanggil Amsteel. Bukan baru, yang berseiring.

Menjadi persoalan hari ini, ia di bawah satu payung, satu gabungan iaitu di bawah Lion Group. Maka persoalan untuk difaikkan di bawah seksyen 20 Akta Perusahaan 1967 telah dilaksanakan tetapi syarikat telah membawa kes itu ke Mahkamah Tinggi untuk membekukan apa sahaja permohonan yang telah pun dibahaskan ataupun dituntut.

Persoalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah apakah langkah kementerian untuk memastikan syarikat-syarikat sebegini, yang melakukan cara kezaliman ini tanpa membayar pampasan untuk diambil tindakan terhadap syarikat atas pembelaan pekerja tanpa berkompromi dengan siapa tuan punya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kapar yang begitu bersemangat untuk kepentingan golongan pekerja di Megasteel khususnya dan sekarang ini Amsteel.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dari Kapar, pertama sekali, Amsteel ini dan juga Megasteel yang di bawah syarikat induk iaitu Lion Group dan tidak menjadi halangan untuk kalau mereka nak tubuhkan satu syarikat baru. Kita tidak ada undang-undang yang boleh menghalang mereka. Mereka telah pun digulung syarikat yang sebelum ini, kemudian menubuhkan sebuah syarikat yang baru. Tidak ada halangan kerana ia bukan daripada Megasteel itu sendiri tetapi dia daripada Lion Group itu sendiri. Jadi, tidak ada pula halangan juga untuk pekerja-pekerja itu diambil bekerja kalau atas persetujuan pekerja-pekerja itu untuk dipindahkan dan bekerja dengan syarikat yang baru.

Adapun berkaitan dengan tuntutan gaji tertunggak dan juga lain-lain akibat daripada pemberhentian di bawah Megasteel ini, memang ada peruntukan-peruntukan yang telah pun dan kalau mengikut di bawah Akta Kerja di bawah seksyen 69 ini, kami telah pun menerima di Pejabat Tenaga Kerja Pelabuhan Klang sebanyak 56 kes buruh telah difailkan berkaitan dengan Megasteel ini di antara 14 Februari 2017 hingga 24 Februari 2017 yang melibatkan 300 orang pekerja, bekas-bekas pekerja dengan jumlah tuntutan mereka sebanyak RM6,660,324.57. Ini telah pun dibuat tetapi syarikat Megasteel ini telah mendapat perintah halangan melalui Akta Syarikat.

Ini di bawah Akta Syarikat, bukan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Mereka telah mendapat perintah halangan dan perintah halangan ini menyebabkan prosiding-prosiding ini tidak boleh dijalankan dan perintah halangan ini sehingga 21 Disember. Perintah halangan ini daripada Mahkamah Tinggi, mereka telah perolehi daripada mahkamah tinggi dan tidak mustahil apabila tamatnya perintah halangan ini, mereka akan memohon lagi perintah halangan dan itu terserah kepada mahkamah.

Saya tidak boleh mencampuri urusan mahkamah untuk membuat keputusan sama ada hendak melanjutkan lagi ataupun memberikan perintah halangan tersebut. Jadi ini antara kekangan dan halangan yang menyebabkan prosiding-prosiding ini tidak boleh berlaku. Namun saya telah pun difahamkan oleh pegawai di kementerian saya bahawa melalui apa yang telah saya sebutkan di dalam jawapan awal tadi, perbincangan telah pun dibuat.

Perbincangan telah pun dibuat antara Jabatan Tenaga Kerja dan sebagainya dengan pihak likuidator ini untuk melihat di mana keperluan-keperluan dan juga wakil pekerja juga terdapat untuk diambil langkah-langkah memberikan pembayaran kepada tuntutan yang telah pun dibuat. Secara prinsipnya saya difahamkan bahawa telah pun bersetuju untuk membayar gaji, tuntutan daripada gaji yang daripada enam juta lebih tadi yang saya sebutkan tadi, separuhnya *portion* itu adalah daripada gaji tertunggak. Akan tetapi masih lagi dalam pengiraan kerana sudah tentu mereka terpaksa melihat kecairan-kecairan aset-aset yang terpaksa dijual untuk membolehkan mereka membayar kepada pekerja ini.

Jadi kita harap kes ini akan dapat diselesaikan dengan secepat yang mungkin untuk memberikan kebaikan kepada golongan pekerja. Terima kasih.

**8. Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]** minta Menteri Kewangan menyatakan statistik pemberian wang pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri sehingga Jun 2018.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1981, Dana Kumpulan Wang Rizab Negeri (KWRN) yang membiayai caruman kepada Kumpulan Wang Pendahuluan kepada kerajaan-kerajaan negeri di bawah Perkara 109(6) Perlembagaan Persekutuan, Kumpulan Wang Pendahuluan ini merupakan satu kumpulan wang dalam bentuk tabung pusingan yang bertujuan membantu negeri-negeri mengatasi masalah aliran tunai.

Pemberian ini bertujuan untuk membantu keperluan akaun mengurus dalam tahun semasa di mana sebahagian besar adalah pembayaran gaji kakitangan kerajaan diikuti dengan perkhidmatan dan bekalan. Berdasarkan rekod, negeri-negeri yang menerima Kumpulan Wang Pendahuluan bagi tempoh 2013 hingga 2018 adalah sebanyak RM1,587,248,227. Bagi tahun 2018 sehingga sekarang, negeri-negeri yang menerima Kumpulan Wang Pendahuluan adalah negeri Kelantan sebanyak RM22.5 juta dan negeri Perlis sebanyak RM20.5 juta. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Saya ingin bertanya tentang wang pendahuluan yang telah diberikan di dalam Projek Lebuhraya Pantai Timur 2.

■1140

Di dalam laman sesawang Setiausaha Kerajaan Negeri, ada tercatat kata-kata Exco Infrastruktur ketika itu bahawa projek Lebuhraya Pantai Timur 2 ini adalah unik sebab tidak ada lagi lebuhraya di Malaysia milik Persekutuan dibiayai oleh kerajaan negeri yang mana dana milik negeri sebanyak RM1.85 bilion, dana milik Terengganu digunakan untuk membiayai projek ini.

Menteri Besar yang lalu telah beberapa kali memohon supaya pendahuluan yang diberikan oleh Persekutuan ini dikembalikan kepada negeri. Saya mendapat maklumat yang komunikasi terakhir antara Kementerian Kewangan dengan negeri adalah pada bulan Mac tahun 2018 yang mana memaklumkan Persekutuan bersedia untuk membayar dalam bentuk mempercepatkan projek-projek yang strategik kepada negeri.

Baki yang ada adalah sebanyak RM1.4 bilion yang mana daripada jumlah itu iaitu RM1.85 bilion, sebanyak RM118 juta telah digunakan yang dikatakan pembayaran kembali di dalam bentuk pembayaran projek naik taraf jalan Awana Kijal yang mana jalan ini sebenarnya adalah milik Persekutuan.

Isu yang dibawa sebelum pilihan raya yang lalu adalah berkaitan bagaimana projek Persekutuan dibiayai dengan menggunakan wang negeri. Apa yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan ini—cadangan bayaran balik—nampaknya masih lagi membayar wang negeri untuk membiayai projek Persekutuan juga.

Saya ingin tanya di bawah pentadbiran kerajaan yang baharu ini, adakah akan berlaku perubahan yang mana tidak lagi berlaku seperti di Terengganu di mana wang negeri digunakan untuk membiayai projek Persekutuan seperti LPT 2 ini dan pembayaran itu mesti dalam bentuk membiayai yang senarai negeri? Itu soalan saya. Terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat sudah salah tajuk kerana yang disebut ialah wang pendahuluan. Inilah soalan Yang Berhormat.

Akan tetapi, sekiranya Yang Berhormat hendak bawa masuk tajuk lain khususnya tentang surat yang terakhir diutus kepada Kerajaan Persekutuan adalah bulan Mac tahun ini, saya rasa Yang Berhormat pun sedia maklum bahawa kerajaan baharu hanya mengambil tumpuk pemerintahan selepas bulan Mei iaitu 9 Mei. So, tentang perkara yang dibangkitkan, saya tentu tidak ambil maklum apa yang disebutkan.

Tambahan lagi, ini tidak ada kaitan dengan pendahuluan. Ini kerana seperti yang dinyatakan dalam soalan asal Yang Berhormat, ringkas sahaja, iaitu mengenai Kumpulan Wang Pendahuluan dan ini adalah wang berkaitan dengan aliran tunai atau kos operasi.

So, di sini mungkin Yang Berhormat hendak tanya satu yang mungkin tidak seiras dengan tajuk yang ditanyakan dalam soalan tambahan. Walau bagaimanapun, mungkin boleh bagi jawapan bertulis kerana saya memang tidak ambil maklum tentang apa Yang Berhormat hendak tanya.

Akan tetapi, untuk wang pendahuluan dalam soalan asal Yang Berhormat, ia adalah berkaitan dengan negeri-negeri yang tidak mampu bayar gaji. So, di sini Terengganu tidak ada masalah itu dan saya yakin untuk masa depan, saya rasa tidak akan hadapi masalah. Jika ada masalah, tentu pihak Kerajaan Persekutuan akan tetap bantu seperti mana Kerajaan Persekutuan telah membantu negeri Kelantan dan juga negeri Perlis untuk bayar gaji kakitangan kerajaan.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Boleh kah untuk soalan tadi saya minta supaya diberi jawapan secara bertulis?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Menteri hendak respons? Dia minta jawapan bertulis.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tidak payah respons. Minta dia tulis surat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta tulis surat kepada Kementerian Kewangan.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Baik, terima kasih.

9. **Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]** minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan apakah tindakan segera yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap projek 'waterfront' di Sungai Papar yang telah diluluskan peruntukannya sebanyak RM20 juta di bawah RMKe-11 (JPS-Sabah) tetapi hanya berjaya disiapkan setakat 50 peratus pelaksanaannya.

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:**

Terima kasih Yang Berhormat Papar. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, projek *waterfront* di Sungai Papar telah siap dilaksanakan dengan kos RM10 juta. Peruntukan RM10 juta lagi tidak dilaksanakan disebabkan oleh masalah di tapak. JPS negeri Sabah memutuskan baki kerja yang belum ditenderkan ketika itu ditangguhkan dan dipohon semula untuk dilaksanakan sekiranya masalah di tapak dapat diselesaikan.

Pada masa kini, kerajaan negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah telah membuat permohonan semula untuk meneruskan pelaksanaan projek berkenaan. Permohonan berkenaan masih dalam pertimbangan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli untuk mendapat kelulusan daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Terima kasih. Dengan peruntukan yang ada, saya ingin bertanya, seperti apa yang telah dijawab tadi, bahawa Jabatan Perparitan Sabah akan memohon untuk melaksanakan baki 50 peratus itu.

Jadi untuk memudahkan aktiviti-aktiviti air di Pekan Papar, saya juga bercadang supaya satu lagi *waterfront* harus dibina berhadapan dengan *waterfront* yang sedia ada demi untuk mencantikkan persekitaran demi untuk orang-orang Papar, nelayan dan pelancong yang datang ke Daerah Papar. Terima kasih.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat Papar. Saya kira boleh dibuat surat kepada kementerian. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Terima kasih.

**10. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan tindakan proaktif yang diambil oleh kementerian dalam mengurangkan penggunaan kertas di IPT dan sekolah yang sekarang berada pada tahap yang tinggi hingga mengancam alam sekitar.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Masjid Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah proaktif dengan memanfaatkan teknologi semasa melalui *road map* Transformasi Buku Tekst 2013-2025 untuk mendigitalkan buku teks bercetak secara berperingkat.

Sebagai permulaan, KPM telah mendigitalkan 495 buku teks bercetak dalam versi *Portable Document Format* (PDF) dan buku-buku ini telah dimuat naik dalam portal pembelajaran maya *Virtual Learning Environment* (VLE) 1BestariNet sebagai bahan sokongan untuk kegunaan murid dan guru.

Pendigitalan buku teks dapat membudayakan [*Tidak jelas*] learning dengan penggunaan alat peranti seperti tablet dan telefon bimbit. Inovasi pendigitalan buku teks ini juga membolehkan

murid mendapatkan pengetahuan *beyond the classroom*, dengan izin dan juga dapat menyelesaikan masalah beg berat dalam kalangan murid-murid.

Selain itu, penggunaan buku teks digital dapat mengurangkan penggunaan kertas bagi mencetak buku teks bercetak dan seterusnya dapat mengurangkan indeks penggunaan kertas negara.

Di peringkat pendidikan tinggi pula, KPM dengan kerjasama universiti awam sentiasa menyokong aspek kelestarian hijau bagi meminimumkan impak negatif terhadap alam sekitar di samping menggalakkan penggunaan sumber yang optimum.

#### ■1150

Pelbagai program berbentuk pemeliharaan alam sekitar atau *Go Green* telah dilaksanakan di UA dengan bertujuan untuk mengurangkan ancaman terhadap alam sekitar. Antaranya adalah seperti pendekatan dengan mengurangkan penggunaan kertas (*paperless*) dalam pelbagai urusan dan mesyuarat, larangan menggunakan bekas *polystyrene* di kafeteria kampus-kampus, minuman tanpa menggunakan straw, kempen kitar semula, aktiviti pembersihan dan gotong-royong menangani jangkitan virus aedes, penghasilan baja kompos dari sisa makanan, projek tanaman pokok dan sebagainya.

Selain itu, UA turut mengambil inisiatif dengan menubuhkan Unit Lestari Kampus (SCU) iaitu sebuah unit yang bertanggungjawab dalam perancangan pembangunan dan pelaksanaan aktiviti *Go Green* di kampus UA. Penubuhan SCU sebagai pusat sehenti *one-stop center* adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar dalam menangani isu-isu alam sekitar melalui program berkonsepkan inovasi, kreatif dan mampan. Pendekatan ini dilihat mampu untuk memastikan keseimbangan ekosistem kampus yang lestari melalui inisiatif penghijauan kampus yang lebih agresif dan berkesan.

Sekian, jawapan saya. Ribuan terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan bahawa terdapat kempen ataupun kelestarian *go green* yang diguna pakai di universiti-universiti. Adakah perkara yang sama juga – kenapa tidak melaksanakan perkara yang sama juga kepada sekolah rendah? Ini kerana ia amat penting sekali untuk memberikan kesedaran sejak daripada awal seusia mereka kecil lagi untuk diajar tentang menjaga alam sekitar supaya ia boleh dibawa sampai mereka dewasa. Tidaklah meletakkan atau menggunakan kempen itu apabila berada di peringkat tertinggi sahaja.

Soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan kempen sedemikian daripada di bangku sekolah rendah? Kedua, adakah kerajaan bercadang – ya, kita faham tentang masalah beg berat ini dan saya letak di *Facebook*, ramai ibu bapa pun komen tentang perkara itu. Saya berharap tentang usaha untuk pendigitalan ini dapat dilakukan dengan baik. Adakah sebarang usaha daripada pihak kerajaan untuk memberikan sebarang rebat kepada mereka yang kurang berkemampuan, pelajar-pelajar untuk membeli tablet ataupun membeli komputer riba untuk kegunaan mereka. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah atas soalan tambahan tersebut. Saya rasa soalan tambahan tersebut ada dua soalan sebenarnya.

Satu adalah sama ada KPM berhasrat untuk merancang kempen *Go Green* di sekolah rendah. Sebenarnya kita memang sudah buat. Kita memang dengan kerjasama MESTECC, kita memang berhasrat – bukan berhasrat sebenarnya sudah bermula dengan kempen 3R iaitu *reuse*, *recycle* dan *reduce* di sekolah rendah. Akan tetapi ini bukan dalam bentuk paksaan. Ini kita dalam bentuk galakan. Kita memang menggalakkan semua sekolah di Malaysia sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah untuk mengamalkan amalan 3R ini.

Ini kerana kita rasa ini bukan adalah ilmu atau pengetahuan yang kita boleh ajar melalui buku teks. Akan tetapi ini adalah tentang bagaimana guru-guru kita di sekolah menyediakan tong sampah untuk *recycle* supaya murid-murid di sekolah kita boleh mengamalkan praktis 3R ini. Jadi ini memang kita sedang buat.

Kita juga harap bahawa seperti PIBG ataupun LPS semua pihak dengan NGO bolehlah membantu sekolah-sekolah kita supaya kempen 3R ini boleh menjadi satu kempen yang cukup berjaya dalam sekolah. Itu pertama.

Kedua, tentang pendigitalan buku teks. Untuk makluman Yang Berhormat Masjid Tanah, memang kita berhasrat untuk tahun depan, buku teks digital asal untuk Tingkatan 1, Tingkatan 2, Tingkatan 3, memang akan sedia ada untuk Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 3. Untuk buku teks digital interaktif, kita akan *start* sediakan untuk Tingkatan 3 pada tahun 2020. Untuk tahun 2021, kita akan sediakan buku teks digital interaktif untuk Tingkatan 1, Tingkatan 3 dan Tingkatan 4. Menjelang tahun 2022, buku teks digital interaktif akan disediakan untuk Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Jadi maksudnya, menjelang tahun 2022, hasrat KPM adalah kita akan sediakan buku teks yang dalam format interaktif ini untuk semua pelajar di sekolah menengah.

Tentang *device* ataupun tablet itu, setakat ini untuk tahun depan, kementerian tiada rancangan untuk membekalkan *device* untuk pelajar-pelajar kita. Akan tetapi kita mengizinkan ibu bapa yang berhasrat untuk membenarkan anak mereka untuk guna buku teks digital ini untuk bawa tablet sendiri untuk pergi ke sekolah dan guna tablet tersebut. Kita panggil *bring your own device* kerana untuk tahun depan, ini masih dalam peringkat yang sangat awal.

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

Jadi kita hendak izinkan murid-murid, pelajar-pelajar kita di sekolah menengah untuk guna *device* mereka dan pakailah buku digital. Dari sana kita akan terus *monitor* terhadap reaksi pelajar-pelajar, reaksi ibu bapa terhadap inisiatif untuk menggunakan buku digital ini. Selepas itu kita berhasrat untuk memperluaskan penggunaan buku teks digital di seluruh Malaysia di peringkat sekolah menengah.

Itu jawapan saya. Terima kasih.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian yang telah pun memulakan program untuk memberikan kesedaran alam sekitar kepada para pelajar di sekolah-sekolah kita baik di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah, sampailah juga di peringkat pendidikan tinggi.

Saya ingin bertanya di sini, berapa banyak kah bilangan sekolah-sekolah rendah dan menengah yang telah pun mengamalkan 3R tadi dan juga menjadi sekolah tanpa sampah? Saya ingin bertanya, sejauh manakah kerjasama di antara Kementerian Pendidikan dengan KPCT dan juga PBT di seluruh negara dalam usaha kita untuk menjadikan sekolah-sekolah ini semuanya tanpa sampah dan kesedaran yang tinggi di kalangan para pelajar tentang 3R. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Beaufort atas soalan tambahan tersebut. Saya pohon maaf di sini kerana saya di sini tidak ada statistik tentang berapa banyak sekolah rendah ataupun sekolah menengah yang telah mempunyai kempen 3R ini.

Akan tetapi saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat Beaufort di mana bahawa untuk kita menjayakan kempen 3R ini ataupun Go Green ini, kita memang perlu kerjasama daripada semua pihak. Sebagai contoh, SWM, Southern Waste Management, mereka memang bekerjasama dengan KPM di mana mereka akan turun ke sekolah dan menjelaskan kempen tentang alam sekitar ini, tentang kempen 3R ini kepada murid-murid kita kepada guru-guru kita. Jadi kita memang menggalakkan semua agensi untuk terus bekerjasama dengan KPM, dengan pihak sekolah seperti PIBG kah atau LPS kah ataupun NGO yang berhasrat untuk menjayakan kempen ini. Kita memang memerlukan sokongan daripada semua pihak untuk sama-sama kita menjayakan kempen ini.

Akan tetapi bagi kita, yang paling penting adalah kejayaan kempen 3R ini adalah kita perlu praktik dalam kehidupan kita. Jadi untuk kita menjayakan kempen ini, kita tidak boleh duduk di dalam bilik darjah dan mengajar konsep ini kepada murid-murid sahaja. Kita perlu sediakan satu suasana, satu *environment* yang mereka boleh praktis apa yang kita hendak mereka jalankan seperti untuk *reduce, reuse* dan *recycle*. Jadi di samping itu, sekiranya mana-mana Ahli Parlimen yang berhasrat untuk bekerjasama dengan sekolah di kawasan, silalah maklumkan kita. Saya percaya bahawa dengan kerjasama semua pihak, kita mampu melahirkan satu generasi yang memang *green generation* untuk Malaysia. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

Tentang bilangan sekolah, saya akan bekalkan jawapan bertulis. Terima kasih.

■1200

**12. Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** minta Menteri Kewangan menyatakan keberkesanan pelan penstrukturkan semula Malaysia Airlines Bhd. setelah dana berjumlah RM6 bilion telah dilaburkan oleh kerajaan.

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelan pemulihan MAS yang dilancarkan pada 29 Ogos 2014 adalah pelan penstrukturkan semula yang menyeluruh dan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun untuk membina semula ikon negara

menjelang tahun 2020. Sehubungan itu, hasil pelaksanaan pelan pemulihan MAS hanya akan dapat dinilai sepenuhnya selepas garis masa yang ditetapkan iaitu pada tahun 2020.

Pelan tersebut digubal dalam tiga fasa utama dengan sasaran pencapaian yang jelas seperti berikut:

- (i) fasa 1 menyenaraikan sepenuhnya MAS dengan Khazanah dengan mengambil alih pemilikan penuh dan MAS seterusnya melaksanakan beberapa inisiatif penambahbaikan utama;
- (ii) fasa 2 perwujudan entiti sah baru MAB atau Malaysia Airlines Bhd. yang mana operasi aset dan liabiliti MAS yang berkaitan akan dipindahkan kepada entiti baru ini iaitu MAB Malaysia Airlines Berhad; dan
- (iii) fasa 3 fasa terakhir yang mana MAB disasarkan untuk kembali mencatatkan keuntungan menjelang penghujung tahun 2017. Menjelang tahun 2020, Khazanah mempunyai pilihan untuk melupuskan atau menjual MAB untuk pulangan yang positif dan diharapkan dapat kembali MAB menjadi ikon kebanggaan Malaysia;

Sehingga kini pelan pemulihan MAS telah berada dalam tahun keempat pelaksanaannya dan telah melakar beberapa hasil positif. Walau bagaimanapun harus diakui bahawa masih terdapat sasaran yang belum dicapai dan direalisasikan sepenuhnya. Pencapaian utama yang telah dilakar setakat ini ialah termasuk penyahsenaraian MAS, penggubalan Akta MAS, pengoperasian Malaysia Aviation Group Berhad, pelancaran pusat pembangunan korporat, penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia, rasionalisasi laluan bagi laluan tidak menguntungkan dan pengembangan penyambungan rangkaian serantau MAB serta transformasi digital dengan pelancaran sistem perkhidmatan penumpang, laman web dan aplikasi mudah alih yang dipertingkatkan.

Dari segi kewangan, pelan tersebut masih belum mencapai sasarannya untuk mendapat pulangan modal menjelang tahun 2018. Cabaran ini adalah disebabkan oleh pelbagai faktor termasuk kenaikan harga bahan api yang meningkat lebih dari 37 peratus tahun ke tahun. Lebihan kapasiti di seluruh industri yang mengakibatkan tekanan permintaan terhasil serta kekangan operasi dari segi kekurangan juruterbang. Namun begitu, dalam keadaan faktor luaran yang mencabar MAB tetap komited untuk meneruskan pelan ini melalui inisiatif yang telah dirancang dan sentiasa melaksanakan strategi proaktif dan defensif untuk meningkatkan prestasi pada tahun 2019.

MAB akan terus memacu hasil dengan melaksanakan strategi penentuan harga yang efektif dan menyediakan produk yang lebih baik kepada penumpang. *Malaysian hospitality* akan terus menjadi fokus dan panduan bagi syarikat bagi menjadikan MAB sebuah syarikat penerbangan yang lebih baik berbanding saingannya pada masa hadapan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Kemaman dengan ringkas sebab masa pun sudah habis.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu hasil penstrukturran semula Malaysia Airlines ini antaranya untuk mengurangkan kos perbelanjaan pengurusannya. Saya ingin tahu berapa kos yang dapat dikurangkan sehingga tahun 2018 yang ada sekarang ini dalam tempoh 2, 3 tahun penstrukturran semula yang telah dilaksanakan. Apakah kerajaan bercadang untuk membentuk satu kumpulan pakar bagi mengkaji semula operasi semasa Malaysia Airlines jika pelan penstrukturran semula yang bernilai RM6 bilion ini gagal mencapai matlamatnya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi itu jumlah kos yang telah diminta tadi saya tidak ada angka saya akan minta jawapan bertulis diberikan. Tentang apakah kesannya dan impaknya saya akan minta itu Khazanah untuk berikan itu maklumat yang diperlukan. Perlu ditegaskan bahawa sungguhpun MAS adalah sebuah syarikat di mana Kementerian Kewangan adalah memiliki saham emas atau *golden share* tetapi di bawah pengawalseliaan Khazanah yang di bawah Perdana Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana kita telah melampaui masa dengan itu tamatlah sesi soal jawab lisan ya.

*[Sesi untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG MAKTAB KERJASAMA (PEMBERBADAN) (PINDAAN) 2018**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi teks bahasa kebangsaan Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan)(Pindaan) 2011 dan untuk meminda Akta Maktab Kerjasama (Pemerbadanan) 1968 dan Co-operative College (Incorporation) Act 1968; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**12.07 tgh.**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson]:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah kemukakan usul bagi membahaskan kewajaran tindakan kerajaan tidak meratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Pembasmian Diskriminasi Kaum (ICERD). Tuan Yang di-Pertua telah menulis kepada saya pagi tadi untuk menolak usul ini tetapi saya mohon pertimbangan dan kebijaksanaan speaker untuk menjelaskan kewajaran kita di Parlimen walaupun kerajaan melalui Kabinet telah membuat keputusan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, cadangan kita pada peringkat awal dan disokong oleh Yang Berhormat Iskandar Puteri, Yang Berhormat Bagan Datuk, Yang Berhormat Kubang Kerian dan Yang Berhormat Hulu Langat. Ini juga dari sejarah Parlimen agak *unprecedented* kerana ia melibatkan penyertaan wakil-wakil Ahli-ahli Yang Berhormat dari pelbagai parti kerajaan dan pembangkang. Jadi, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, sekadar membaca untuk memberi penjelasan betapa saya rasakan kewajarannya kerana kita menekankan di sini pertama Parlimen menegaskan negara Malaysia ditegakkan di atas tonggak keadilan dan kesaksamaan yang menjamin hak bersuara dan kepercayaan kepada semua rakyat.

Atas semangat inilah maka segala bentuk ketidakadilan dan diskriminasi kaum, agama, wilayah dan gender ditolak selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan. Bahawa memperakui semangat Perlembagaan Negara yang dimuafakati rakyat dengan peruntukan fasal-fasal terkait bahasa kebangsaan. Islam sebagai Agama Persekutuan, hak keistimewaan Melayu dan bumiputera serta kedaulatan Raja-raja Melayu. Perlembagaan juga menjamin hak dan kebebasan semua kaum dan agama selaras dengan prinsip negara hukum. Bahawa diperakui bahawa negara menolak diskriminasi namun adalah dikhawatir bahawa pengabsahan *ratification* ICERD mungkin menimbulkan pentafsiran yang bercanggah dengan Perlembagaan Negara.

Maka dengan itu saya mengusulkan supaya Parlimen menyokong keputusan Jemaah Menteri seperti mana yang diumumkan oleh Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad untuk tidak akan mengabsahkan atau meratifikasi konvensyen ICERD. [Tepuk]

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, ini pada hemat saya penjelasan ini pertama, penegasan bahawa Malaysia tidak harus *apologetic*. Ketegasan kita bahawa Perlembagaan cukup kukuh untuk menjamin negara ini tertegak atas prinsip negara hukum yang menolak diskriminasi. Kebijaksanaan kita membincangkan ICERD ini adalah kerana memahami bahawa sejarahnya mengapa negara-negara Afrika berkembang pada masa itu, mengabsahkan ICERD kerana pengalaman mereka di bawah pemerintahan kejam *apartheid* di Afrika Selatan yang melaksanakan diskriminasi kaum menindas rakyat.

Mengapa di negara-negara Arab menyokong ICERD? Ini kerana sikap Israel yang menindas orang Arab, menafikan hak mereka, diskriminasi terhadap mereka. Jadi kita juga harus pandang positif tindakan negara-negara yang mengabsahkan atau *ratify* ICERD kerana pertimbangan mereka adalah kezaliman yang menimpah mereka. Di Malaysia, kita harus juga tegaskan semangat ICERD itu kita tidak tolak tetapi selagi belum ada penjelasan muktamad tentang pentafsiran yang mungkin menjelaskan prinsip yang telah dimuafakati dalam Perlembagaan, maka itulah maka kita hormati kebijaksanaan Kabinet dan Perdana Menteri untuk menolak pengabsahan ICERD.

Tuan Yang di-Pertua, saya faham juga tentang percaturan yang menyebabkan Tuan Yang di-Pertua terpaksa menolak. Jadi, saya hormati keputusan itu. Akan tetapi saya hendak tegaskan bahawa masih ada ruang untuk Tuan Yang di-Pertua mengizinkan rakan-rakan saya untuk mengemukakan pandangan sebab hal ini adalah hal yang menimbulkan keresahan di

kalangan rakyat. Kita tidak boleh ketepikan semata-mata kerana Kabinet telah buat keputusan. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Parlimen [*Dewan tepuk*] juga harus diberi ruang dan di sini tidak ada percanggahan. Kita datang bawa usul menyokong ketetapan Kabinet supaya tidak ada kekhilafan dan kekeliruan ataupun memungkinkan pandangan yang agak berbeza. Jadi kita di sini sekurang-kurangnya berikan pandangan yang lebih positif.

Di Afrika Selatan sekarang setelah aparteid ada positif *discrimination*. Ratusan tahun orang kulit hitam dianiyai dan sekarang ada beberapa peruntukan *positive discrimination* untuk membantu anak-anak Afrika yang tersisih dan miskin di angkat semula dan ini tidak dianggap bercanggah dengan ICERD. Sekarang yang menjadi permasalahan ialah kekejaman yang berlaku di Israel yang menyebabkan undang-undang seperti ini diperakui oleh kebanyakan negara. Hanya sebab itu saya ulangi penegasan saya Tuan Yang di-Pertua agar tidak ada kekeliruan di kalangan rakyat. Tidak ada suara dari kerajaan, dari mana-mana parti komponen Pakatan Harapan yang mempertikai muafakat dalam semangat Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, ini saya tegaskan kerana masih ada suara. Saya juga ditanya apakah saya bersama Pakatan Harapan bila ada suara dari Pakatan Harapan yang mempertikai kedudukan bahasa atau Islam sebagai agama Persekutuan ataupun hak keistimewaan Melayu dan Bumiputera dan kedaulatan Raja-raja Melayu. Saya tegaskan bukan saja atas nama Port Dickson, tetapi juga atas nama Pakatan Harapan, perkara ini telah dimuafakati, ditandatangani dan tidak mungkin dirombak oleh sesiapa. [*Dewan tepuk*]

Maka oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya tegaskan di sini ada seolah-olah *juxtaposition* dengan izin, *juxtaposition of ideas*. Ada yang mengatakan penolakan ICERD ini seolah-olah kita menghalalkan diskriminasi. Oleh sebab itulah para pertama dalam usul ini menegaskan kita sebagai negara menjadikan keadilan sebagai tonggak menolak segala bentuk diskriminasi dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon dipertimbangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Port Dickson. Nanti saya jelaskan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh Pasir Salak?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Port Dickson telah menegaskan bahawa saya telah menolak usul ini.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sebelum itu. Tuan Yang di-Pertua, boleh sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nantilah sebentar. Saya telah menolak usul Peraturan 18 seperti yang kita semua sedia maklum ada tiga keperluan yang perlu dipenuhi dan setelah mengimbangkan keadaan sekeliling dan *respond* dari pihak-pihak tertentu saya tidak menganggapkan perkara ini sebagai satu perkara yang perlu disegerakan dalam konteks semasa. Walaupun saya telah membenarkan Yang Berhormat Port Dickson memberi penjelasan supaya orang memahami apakah kandungan usul itu tapi keputusan saya tetap kekal iaitu saya menolak usul Yang Berhormat Port Dickson di bawah Aturan 18.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua. Namun, saya menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Langkawi untuk kita bahaskan. Eh! Yang Berhormat Langkawi pula. Yang Berhormat Port Dickson. Sudah lama tidak jumpa, lupa sudah. *[Ketawa]*

Saya menyokong, menyokong tidak ada hal kenapa kita tidak boleh bincang, bincang. Saya hendak ringkaskan saja bincang tapi perhimpunan 8 hari bulan jangan dibatalkan, kita on. Terima kasih. *[Dewan tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Walau apa pun keputusan Tuan Yang di-Pertua kekal. Usul ditolak.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Semalam Tuan Yang di-Pertua telah memberi jaminan untuk membuat *ruling* berhubung kedudukan Yang Berhormat Cameron Highlands.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi kita mahu mendengar keputusan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak berkata saya akan membuat *ruling* hari ini.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua cakap dengan serta-merta sebab perkara ini kita ada sidang Dewan dalam tiga hari lagi. Jadi kena buat keputusan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat Kinabatangan. Saya telah berjumpa dengan Yang Berhormat Cameron Highlands, saya telah bercakap dengan peguam Yang Berhormat Cameron Highlands. Saya telah memohon supaya mereka mendapatkan keputusan penuh oleh Hakim Mahkamah Tinggi supaya semua orang dapat memahami apakah sebenarnya keputusan Hakim Mahkamah Tinggi. Saya juga diberitahu oleh Yang Berhormat Cameron Highlands, rayuan belum lagi difailkan. Saya akan segerakan petua yang akan saya keluarkan apabila saya menerima keputusan Hakim Mahkamah Tinggi.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Bila Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hendak tanya Tuan Yang di-Pertua sudah terima notis daripada mahkamah kah berhubung dengan SPR, daripada SPR.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya menunggu.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Apa dokumen yang dihadap Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan meminta Yang Berhormat Cameron Highlands keluar daripada Dewan ini? Apa dokumen yang ada di depan Tuan Yang di-Pertua? Ada tidak Tuan Yang di-Pertua dibantu oleh Perlembagaan ataupun faktor-faktor daripada luar?

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Apabila Tuan Yang di-Pertua mengeluarkan Yang Berhormat Cameron Highlands daripada Dewan semalam dan hari ini masih lagi belum membuat keputusan, maknanya Tuan Yang di-Pertua telah pun membuat *ruling* iaitu mengeluarkan Yang Berhormat Cameron Highlands daripada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua telah pun menghukum Yang Berhormat Cameron Highlands walaupun dari segi kuasa untuk menghukum itu tidak ada pada Yang Berhormat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Meneliti daripada keputusan Tuan Yang di-Pertua semalam jelas menunggu keputusan Mahkamah Tinggi dan rayuan itu hendak dibuat dalam masa 14 hari. *[Dewan riuh]*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tidak boleh dihukum sebelum ada.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Tunggu dulu.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Tidak, tidak. Tidak boleh dihukum sehingga ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebentar. Saya akan mendengar Yang Berhormat Kapar dulu. Ya, silakan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Memang salah dari segi undang-undang.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Yang Berhormat Kapar tidak boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, sila duduk.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca dari segi Akta Kesalahan Pilihan Raya.

**Seorang Ahli:** Tidak apa, tidak apa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan dulu. Tuan Yang di-Pertua beri saya laluan dulu. Terima kasih Yang Berhormat Bera.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya sila Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Betul dalam 48(4) Perlembagaan mengesahkan 14 hari, saya setuju dan sekarang ini untuk dibuat rayuan. Tuan Yang di-Pertua, jelas mengatakan semalam bawakan peguam, bawakan Yang Berhormat Cameron Highlands jumpa dengan Tuan Yang di-Pertua dan bawa hukuman keputusan daripada Mahkamah Tinggi, selepas itu Tuan Yang di-Pertua buat keputusan.

Itu jelas, sudah tidak ada *argument* dalam segi aspek membuat keputusan. Saya percaya tindakan Tuan Yang di-Pertua itu tepat dan padat.

**Seorang Ahli:** Tanggungjawab SPR, SPR

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah saya telah mendengar kedua-dua belah pihak. Ada lagi, siapa yang hendak ingin bercakap silakan. Ya.

■1220

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau rujuk kepada seksyen 36(2) Akta Kesalahan Pilihan Raya dan seksyen 36(C) Akta Pilihan Raya (Kesalahan Pilihan Raya) 1954, walaupun mahkamah telah pun membuat keputusan, oleh kerana Yang Berhormat Cameron Highlands mempunyai masa 14 hari untuk rayuan, selagi dia belum tamat tempoh 14 hari tersebut keputusan itu belum menjadi muktamad.

Bermakna kalau keputusan belum menjadi muktamad, Yang Berhormat Cameron Highlands masih lagi adalah Ahli Parlimen Cameron Highlands dan berhak berada di dalam Dewan ini. *[Dewan riuh]* Jadi tindakan Yang Berhormat mengeluarkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya akan dengar Yang Berhormat Kota Bharu, silakan.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** ...Tindakan Yang Berhormat mengeluarkan Yang Berhormat Cameron Highlands, bermakna Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan bahawa Yang Berhormat Cameron Highlands bukan lagi Ahli Parlimen sebab itu dia tidak ada hak untuk berada dalam Dewan dan yang menentukan hak atau tidak Yang Berhormat Cameron Highlands berada dalam Dewan atau tidak ataupun yang membolehkan dia dibatalkan hak dia adalah SPR. Mahkamah selepas menjatuhkan hukuman selepas 14 hari baru mengeluarkan notis kepada SPR dan SPR yang memberikan notis kepada Yang Berhormat Speaker untuk membuat keputusan, bukan dalam masa 14 hari sewaktu rayuan masih boleh dilakukan oleh Yang Berhormat Cameron Highlands. Jadi, Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan dengar Yang Berhormat Kota Bharu saya faham, saya faham.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih, Yang Berhormat yang arif tentang undang-undang. Saya juga ingin merujuk kepada seksyen 36(2) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang jelas mengatakan bahawa Mahkamah Pilihan Raya iaitu Mahkamah *High Court* yang mendengar kes ini perlu membuat satu perakuan kepada SPR dalam tempoh 14 hari selepas tempoh rayuan.

Sekarang ini kes ini diputuskan 30 hari bulan November, tempoh rayuan adalah sehingga 13 hari bulan Disember tahun 2018. Selepas 13 hari bulan Disember ini kalau tidak ada rayuan barulah Mahkamah Pilihan Raya memberi satu yang disebut dalam akta itu perakuan kepada SPR, kemudiannya barulah SPR memaklumkan kepada Yang Berhormat selaku Speaker Dewan Rakyat. Itu pemahaman jelas, *expressly stated* di dalam akta ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Pendang, silakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Mana Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong, mana Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita minta kelmarin keputusan dibuat oleh..

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** *[Mencelah]* Labis, Labis..

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** ...Kelmarin keputusan dibuat oleh Yang Berhormat Speaker kerana *mislead* daripada Yang Berhormat Jelutong dan ini kita rasa satu perkara yang memalukan Yang Berhormat Cameron Highlands. Jadi, kita minta Yang Berhormat Speaker buat satu pengarahan supaya Yang Berhormat Cameron Highlands dipanggil balik dan memohon maaf kerana kalau tidak atas - kerana Yang Berhormat Cameron Highlands pun kerana rakyat di Cameron Highlands ini telah melantik beliau sebelum ini telah mengundi dan dimalukan keseluruhan Cameron Highlands. Atas nama ini saya minta pihak yang disebut tadi supaya mohon maaflah, apa salahnya kalau kita tersilap tarik baliklah apa semua. Sekian.

[Dewan riuh]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Pasir Gudang..

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Gudang dahulu. Silakan.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Saya masih ingat semalam Tuan Speaker bertanya kepada Yang Berhormat Cameron Highlands ada atau tidak *stay order*... [Dewan riuh]

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarlah Yang Berhormat Pasir Gudang bercakap dahulu, silakan, silakan Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** ..Jelas Yang Berhormat Cameron Highlands ...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak payahlah, kita tahu itu semua sudah semalam. [Dewan riuh]

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** ..Isu *point of law* di sini iaitu memang benar ada peruntukan untuk rayuan 14 hari, tetapi rayuan itu bukan secara automatik bersifat *stay*, penangguhan. Jadi, perkara ini sudah menjadi *judicial notice*, walaupun tidak ada surat daripada SPR sampai ke Parlimen tetapi *judicial notice* tersebut tahu...

[Dewan riuh]

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Rujuk kes Rafizi dengan Tian Chua...

[Dewan riuh][Pembesar suara dimatikan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Berikan tiap Yang Berhormat peluang untuk bercakap, silakan. Silakan. Sila duduk...

[Dewan riuh]

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** ...Adalah tanggungjawab Yang Berhormat Cameron Highlands, beban kepada beliau...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tanggungjawab SPR, tanggungjawab SPR, alah ini bukan Union, Yang Berhormat Kapar.. [Dewan riuh]

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Duduklah, Yang Berhormat Pasir Gudang. [Dewan riuh]

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini tanggungjawab... [Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua, semua bertenang. [Dewan riuh] Silakan.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Yang Berhormat Speaker..

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Ringkas sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkas sahaja.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Ringkas sahaja selepas itu kita bagi peluang di sebelah sana iaitu maknanya sebelum masuk ke Dewan ini supaya tidak berlaku *embarrassment* dan sebagainya, sewajarnya Yang Berhormat Cameron Highlands bertemu dengan Tuan Speaker bersama *lawyer* dia, bawa dokumen yang ada...

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak usahlah hendak mengajar pula. Tidak usah hendak mengajarlah. [Dewan riuh]

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sudah berlaku...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, ya. Yang Berhormat Ayer Hitam hendak cakap dahulu, silakan, Yang Berhormat Ayer Hitam. Silakan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih, Yang Berhormat..

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ada di antara kita yang bercakap menampakkan ketidakbijaksanaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Ya, silakan. [Dewan riuh] Bertenanglah. Yang Berhormat Speaker..

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya saya akan dengar Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya masih ingat tahun 2004 apabila saya masuk ke Dewan ini satu perkara yang agak janggal sekali berlaku di mana orang yang salah masuk ke Dewan ini disebabkan perhitungan undi yang silap. Saya masih ingat kes Yang Berhormat Pasir Putih, nama dia Che Kalsom tidak silap saya. Kita tahu Che Kalsom itu dia kalah tetapi disebabkan SPR salah catat yang menang itu seorang ustaz Pengarah Jabatan Agama, Che Bin dia menang tetapi dia terpaksa menunggu proses di mahkamah selesai sampai semua saluran sudah habis baru dia umumkan... [Dewan riuh] Tidak apa-tidak apa..

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengar Yang Berhormat Ayer Hitam dahulu...

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Dato' Speaker, Beluran, Dato' Speaker..

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Dato' Speaker *Point of Order*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebentar..

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Biar saya habis, biar saya habis. Oleh sebab itu selepas pengisytiharan dibuat oleh mahkamah, tidak ada mana-mana langkah untuk dibuat rayuan barulah ditukar. Bermaksud orang itu diisyiharkan bukan lagi yang menang dan yang menang itu dimasukkan ke Dewan. Itu satu *precedent*.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Dato' Speaker, *Point of Order.*

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Saya minta Yang Berhormat Speaker boleh melihat *precedent* ini. Kedua, sepanjang pengalaman saya di sini ...

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** *Point of Order* pun boleh duduk. Apalah you balik belajarlah dululah.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Banyak... Biar, biar...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebentar, saya dengar ya silakan.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** *Point of Order.* Mana boleh duduk. Balik belajar dulu.

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan-soalan, sebentar saya akan dengar *Point of Order* selepas ini. Silakan, Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, mana-mana Ahli Yang Berhormat yang di jatuh hukum, sama juga sampai *process to complete* barulah seseorang diisyiharkan bukan atau tidak layak lagi menjadi wakil rakyat. Dalam kes *election petition*, saya orang pertama yang telah masuk ke Mahkamah Pilihan Raya dan saya bertanya kepada peguam saya, dalam senario apakah seseorang itu hilang kelayakan.

Saya masuk bantahan awam dan dia kata, "*Kalau bantahan awam tidak boleh saya kena terus kepada bicara kes tersebut dan kalau sudah kalah, kamu masih lagi Ahli Parlimen sehingga 14 hari dibuat rayuan sampai ke Mahkamah Persekutuan, selepas itu barulah proses itu disempurnakan*". Yang Berhormat, ini saya berkongsi untuk membantulah. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Yang Berhormat Speaker, Beluran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada *Point of Order*, kena dengar *Point of Order* dahulu.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Kampar, Kampar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan *Point of Order* 43 dan 99, keputusan Tuan Speaker adalah muktamad dan tidak boleh dikaji kecuali satu usul difaiklan. *[Disampuk] [Dewan riuh]* ..Kalau mereka tidak setuju dengan keputusan untuk keluarkan Yang Berhormat Cameron Highlands, failkan usul, failkan usul ... *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini bukan main politiklah, ini *precedent* kes. Main politik ... *[Dewan riuh]*

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Usul lah, usul pun tidak tahu. Bagilah usul.

*[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, 43.

*[Dewan riuh].*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Speaker hendak dengar ..

**Dato'Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** -- lagi besar daripada Speaker. *[Dewan riuh].*

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Yang Berhormat Speaker, Beluran, Beluran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dengarkan *Point of Order*. Ya, silakan.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Duduk, duduk, duduk, duduk. Keputusan Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan sebarang perkara tafsir dalam mana-mana juga Peraturan Mesyuarat ini atau berkenaan dengan kelazimannya adalah muktamad kecuali jika ada usul, kecuali jika ada usul bersendiri menentang keputusan Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Yang Berhormat Speaker, Yang Berhormat..

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** ..Ini adalah jelas, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya duduk, duduk dahulu.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu semua orang tahu lah, Yang Berhormat Kampar.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Hah tahu ikutlah, tahu ikut kalau...

*[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, Yang Berhormat Beluran dahulu. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Beluran.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya cuma ingin menyokong hujahan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bera dari segi *Point of Order*. Di Parlimen kita ini bukan kali pertama seseorang Ahli Parlimen yang ada masalah dengan undang-undang, Ahli Parlimen Batu pernah dihukum dan Yang Berhormat Pandan tetapi di *legal process* tidak habis, tidak lengkap. Mereka ada peluang untuk ...

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Itu kes jenayah, itu sabitan jenayah bukan *election petition*...

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Sabarlah. *Sit down, sit down.* Maknanya Dato' Speaker..

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hei, jangan tunjuk ketidakbijaksanaan lah...

■1230

*[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat kalau begini tidak habis bercakap. Sorang-sorang cakap. Silakan Yang Berhormat Beluran. Silakan.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Sebab itu saya katakan bahawa *legal proses* belum lengkap. Yang Berhormat Cameron Highlands masih berpeluang dari segi itu. *You can not penalize him now.* Kita ada dua hari bersidang. Dia patut dibolehkan masuk dalam Dewan sehingga ada satu arahan dari mahkamah kepada SPR dan kepada Tuan Yang di-Pertua. *That will be safe for you to make decision,* Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Batu ada kes dulu, Yang Berhormat Pandan ada kes, Yang Berhormat Permatang Pauh pun begitu. *Legal/proses* yang belum lengkap dibenarkan masuk dalam Dewan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Tuan Yang di-Pertua, Labis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya silakan. Yang Berhormat Kepala Batas.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya benda yang dibangkitkan ini agak *clear*. *If we invoke article 48 Federal Constitution atau pun Election Offences Act seksyen 36, semua itu expressly clear.* Memang tidak perlu dibahaskan. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Gudang, dia mengatakan bila adanya rayuan 14 hari bererti tidak ada *automatic stay*.

Saya pun hendak kata tidak ada juga automatik perlucutan hak sebagai Ahli Parlimen. Bererti kalau menyuruh keluar seakan-akan situ sudah ada *ruling and that can be construed as a float one*, dengan izin. So, saya rasa ini adalah hak Yang Berhormat Cameron Highlands *to be*, bukan lah satu benda yang patut kita anggap sebagai besar. Biarlah proses selesai. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Yang Berhormat Rembau, silakan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin *Constitution is the supreme law of the land*. Rujuk kepada peruntukan 48(4) sangat jelas. Tuan Yang di-Pertua sebagai bekas hakim, kehilangan kelayakan itu hendaklah mula berkuat kuasa apabila habis tempoh 14 hari dari tarikh dia dijatuhkan hukuman dan sebagainya. Jadi tidak boleh disebut bahawa *he is a stranger to the House, sir* dengan izin sebab *he still a Member of the House. It has been less than 14 days and the supreme law of the land of Federal Constitution, crumbs the Standing Orders of Parliament and crumbs everything else. He is a Member of the House Tuan Yang di-Pertua and you must reinstate him today and apologize to Yang Berhormat Cameron Highlands for your ruling yesterday.*

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Tuan Yang di-Pertua. Labis.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Tuan Yang di-Pertua, Labis. Mengenai perkara 48 yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Rembau tadi. Saya setuju dengan Yang Berhormat Rembau, peruntukan 48 itu merujukkan kepada sabitan jenayah. Ada dua cara untuk kehilangan kelayakan.

Satu, sabitan jenayah, yang kedua *election petition*. Jadi Yang Berhormat Cameron Highlands adalah *election petition*. Sekiranya Tuan Yang di-Pertua keputusan mahkamah adalah satu perisyiharan atau *declaration* bahawa keputusan kemenangan adalah tidak sah dan terbatas, itu *final*. Itu lah *position* melainkan ada satu *stay*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akhir, akhir sekali.

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]:** *Election Offences Act* ada.

**Datuk Sseri M. Saravanan [Tapah]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bagan Datuk belum cakap lagi. Silakan.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Dua cara untuk kehilangan kelayakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagi Yang Berhormat Bagan Datuk.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Dua cara. Itu dua cara.

**Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk kepada perkara 36A(2) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang jelas menyatakan bahawa seksyen itu menyebut keputusan hakim pilihan raya adalah muktamad hanya jika tiada sebarang rayuan difailkan dalam masa 14 hari. Dalam masa 14 hari. Dengan pemfailan notis rayuan ke mahkamah persekutuan berdasarkan kepada seksyen 36C, ia adalah beroperasi sama seperti pergantungan atau *stay* yang mana ia tidak akan muktamad sehingga keputusan diberikan oleh mahkamah persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, justeru seseorang Ahli Parlimen, dalam kes ini ialah Yang Berhormat Cameron Highlands yang telah diisyiharkan disalah lapor pilih adalah berhak untuk berada di dalam persidangan Parlimen sehingga mana tempoh rayuan 14 hari telah tamat. Jika notis rayuan telah difailkan, seseorang Ahli Parlimen yang diisyiharkan disalah lapor pilih oleh hakim pilihan raya masih layak untuk berada pada persidangan Parlimen sehingga Mahkamah Persekutuan membuat keputusan. Perintah hakim pilihan raya bagi pilihan raya kecil juga akan digantung sehingga keputusan Mahkamah Persekutuan diterima.

Tambahan pula jika dirujuk pada seksyen 36(2)(a) hakim pilihan raya hendaklah dalam masa 14 hari untuk membuat perakuan mengenai keputusan itu kepada Suruhanjaya Pilihan Raya yang mana dipercayai hakim pilihan raya masih belum berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, ini jelas dan saya minta Yang Berhormat Cameron Highlands duduk balik di kerusinya kerana tempoh yang telah dinyatakan di dalam penjelasan akta itu telah saya sebutkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akhir sekali Yang Berhormat Tapah.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ipoh Timur.

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum daripada hujah-hujah atau pun tanpa hujah-hujah ini Tuan Yang di-Pertua memang sedar apa yang Tuan Yang di-Pertua memutuskan semalam adalah memang salah.

Pertama, tanpa sebarang dokumen di hadapan Tuan Yang di-Pertua telah meminta Yang Berhormat Cameron Highlands keluar dari Dewan. Kedua menyifatkan beliau sebagai *stranger to the House*. Saya harap Tuan Yang di-Pertua menarik balik keputusan semalam dan membenarkan Yang Berhormat Cameron Highlands berada bersama-sama kita di dalam Dewan ini. Saya faham. Saya faham kuasa Tuan Yang di-Pertua adalah mutlak untuk membuat keputusan dalam Dewan ini tetapi Tuan Yang di-Pertua harus memahami sebarang kesilapan hari ini akan menjadi titik hitam dalam perkhidmatan Tuan Yang di-Pertua sebagai Speaker of Dewan Rakyat. Terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab itu.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membantu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab itu saya telah mengatakan saya akan keluarkan *ruling* selepas mengkaji keseluruhan peraturan-peraturan yang terpakai. Mungkin di sebelah sini Ahli-ahli Yang Berhormat beranggapan peruntukannya jelas tetapi sebenarnya tidak semestinya jelas. Ini yang saya hendak tekankan. Saya tidak mengatakan bahawa Yang Berhormat Cameron Highlands tidak akan dibenarkan kembali, saya hanya menyatakan jumpa peguam, berjumpa saya selepas itu supaya kita mendapat keputusan mahkamah, apa sebenarnya keputusan mahkamah. Apa sebenarnya perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah?

Isu undang-undang pilihan raya ini rumit. Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin tidak pernah terlibat dalam *election petition* secara *direct*, secara terus-terang, secara terus. Saya kena mengkaji...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarkan saya habis dulu. Biarkan saya habis apa hendak saya bentangkan.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Duduk dulu.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarkan saya habis dahulu.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Ini adalah berkenaan dengan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya beri kesempatan kepada Yang Berhormat untuk bercakap.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Biarkan Tuan Yang di-Pertua cakap dulu lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berikan kesempatan untuk saya bercakap.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *There's nothing to do the marriage of the case.* Ini adalah berkenaan dengan kelayakan beliau sebagai Ahli Parlimen dan ini sangat jelas.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Biar Tuan Yang di-Pertua habiskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak jelas! Tidak Jelas!

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *Very clear.*

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Duduk dulu Yang Berhormat Rembau.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tunggu *ruling* saya pada hari Isnin. Boleh?

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *It takes too long.* Dua hari dia di penalize Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya perlukan keputusan mahkamah. Itu pokoknya. Saya diberitahu keputusan mahkamah akan diberikan kepada saya hari ini. *[Disampuk]* No!

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya rayuan dah difailkan perkara ini sudah jadi sub judice.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *How can you tell until Monday?*

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Sekiranya difailkan. Belum fail kan? Jadi keputusan muktamad. Muktamad!

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Kenapa kita perlu tunggu sampai hari Isnin?

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar saya terangkan sedikit. Dalam sistem undang-undang pilihan raya kita ada dua peringkat ya. Peringkat pertama hakim pilihan raya akan mengumumkan, akan menentukan dalam mahkamah terbuka A, B, C, D termasuklah bahawa pilihan raya yang terlibat adalah batal.

Peringkat kedua ialah hakim mengeluarkan satu perisy蒂haran. Jadi terdapat sedikit, *you know* keadaan *limbo* di situ di antara keputusan di mahkamah terbuka dengan pengeluaran perisy蒂haran. Jadi biarlah saya mengkaji sedalam-dalamnya melihat keputusan hakim.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Panggil balik lah Yang Berhormat Cameron Highlands. Panggil balik lepas itu kaji.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *That is true. That is true.* Dalam keadaan tersebut tidak boleh buat keputusan *that he is the stranger to the House*.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Belum ada keputusan jangan halau dia keluar.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Ada keputusan. Sudah ada keputusan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *You are already prejudge this case and you claim he as a stranger of the House.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua. 36(2) Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Yes. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, *the correct position is you cannot tell him as a stranger of the House.*

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Saya minta sikit.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Rembau. Sini Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Rembau.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Kubang Kerian. Kubang Kerian.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *This is correct.*

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Rembau. Izinkan saya untuk membantu Dewan ini Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua *i think* dengan izin, isu yang berada di hadapan kita adalah sama ada terdapat satu *stay* untuk keputusan... *[Dewan riuh] Kejap! Kejap! Kejap! Wait! Wait! Wait!*

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarlah Yang Berhormat Ipoh Timur berucap dulu.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Tunggu lah. Tunggu! Sama ada terdapat satu *stay* untuk keputusan yang telah pun dibuat oleh mahkamah. *If there is no stay...*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** You tidak ada hujah duduk lah.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** *If there is no stay...*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *You got no hujah.*

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** ...Keputusan adalah muktamad sehingga diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan.

**Seorang Ahli:** Untuk 14 days.

*[Dewan riuh]*

*[Pembesar suara dimatikan]*

■1240

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik, baik. Saya akan keluarkan *ruling* hari Isnin dan keputusan Speaker adalah muktamad dalam hal ini. Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat, saya minta rujuk...

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, *you will be remembered...*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** *[Bangun]*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** ...Saya minta merujuk 36(2)(a).

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *...triumph of the Federal Constitution.*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tuan Yang di-Pertua sudah hukum...

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *This is your contributions...*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membantu Yang Berhormat...

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *You should have not been ruling until...*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Saya ingin membantu Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *Yet you made a ruling...*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membantu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** *Shame on you.*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membantu...

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Sebelum *ruling*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, ya. Sila duduk.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membantu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Yang Berhormat berkata hendak membantu saya. Siapa? Yang Berhormat Kubang Kerian? Silakan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Kota Bharu. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan izin ingin membaca secara perlahan seksyen 36(2)(a) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang berbunyi, “*Hakim Pilihan Raya itu...*”— iaitu di mahkamah tinggi— “...*Hendaklah dalam masa 14 hari selepas membuat keputusannya...*”— maknanya selepas 13 November. “*Membuat keputusan di bawah seksyen (1), membuat perakuan mengenai keputusannya...*”

Jadi, Tuan Yang di-Pertua mengatakan hendak menunggu keputusan pada hari Isnin. Hari Isnin, 10 hari bulan. Berdasarkan seksyen 36(2)(a), mahkamah tidak boleh mengeluarkan perakuan sehingga selepas 14 hari. *This very clearly stated.*

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Baca betul-betul. Baca betul-betul.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Baca betul-betul semuanya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Selepas 14 hari ialah 13 Disember.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Saya pun ada di sini.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** 13 Disember sudah tidak ada persidangan.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Baca, baca, baca.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Persidangan sampai 11 hari bulan sahaja.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat Kota Bharu pun *lawyer* lah.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Sila baca, sila baca.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Kapar boleh baca.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kubang Kerian. Yang Berhormat Kubang Kerian, silakan.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Izinkan saya baca, Tuan Yang di-Pertua.

*[Pembesar suara dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, tenteram, tenteram. Saya hendak dengar Yang Berhormat Kubang Kerian. Silakan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Duduk, sila diam. Kita ada dua isu. Pertama, kita bersetuju bahawa ada tempoh rayuan 14 hari. Dalam tempoh tersebut, saya fikir dia ada hak. Saya mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua supaya tidak tunggu hari Isnin tetapi pada hujung persidangan pada hari ini untuk membuat keputusan, fatwa supaya tempoh bagi beliau pada hari Isnin itu beliau terus boleh bersama-sama dalam perbahasan. Saya fikir pada hujung persidangan pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua boleh membuat fatwa tersebut. Terima kasih.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kota Melaka, silakan

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan peguam. Saya lihat daripada sudut sebagai orang biasa yang tidak tahu sangat dan faham tentang undang-undang. Kalau kita lihat, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Keputusan yang telah dibuat oleh hakim adalah bahawa keputusan pilihan raya kerusi Parlimen Cameron Highlands adalah terbatal dan tidak sah. Sementara menunggu Yang Berhormat Cameron Highlands untuk membuat rayuan, dia tetap salah kerana memberi suapan. Dia rasuah.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, baik.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini hujah orang...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, sebentar. Itulah sebabnya mengapa saya memerlukan salinan penuh penghakiman mahkamah. Setakat ini kita tidak tahu...

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *There is no need.*

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Apa yang menjadi alasan mahkamah mengisyiharkan pilihan raya itu batal. Itu penting.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, sebetulnya bukan soal kenapa dia batal. Soalnya ada masa tempoh 14 hari untuk buat rayuan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Dengar, Speaker tengah berucap. Sila duduk. Hormat Speaker.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Diamlah. *You* bukan Speaker. Jangan memandai-mandai. *You shut up! Sit down!*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa salahnya untuk menunggu sebentar untuk saya membuat *ruling* yang komprehensif?

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tetapi Tuan Yang di-Pertua...

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak salah tunggu notis yang betul kepada Speaker tetapi benarkan Yang Berhormat Cameron Highlands masuk.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Ya, Yang Berhormat dah keluarkan dia dulu.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Ini bukan soal apa kesalahan. *It's not the nature of the offence. It's the process of hilang kelayakan.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, ya.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Your ruling sudah jadi akademik because your ruling sudah pun dibuat selepas you jatuhkan hukuman.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Tak ada stay bermaksud keputusan adalah muktamad. Itu sahaja.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** You dah keluarkan Yang Berhormat Cameron Highlands...

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Kasino.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** ...Yang Berhormat Cameron Highlands dah dianggap stranger, baru buat keputusan.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Kasino.

**Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]:** Sini bukan kasino lah.

**Tuan Pang Hok Liong [Labis]:** Pergi Phnom Penh. Phnom Penh.

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey semua duduk. Semua duduk, semua duduk.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Tuan Yang di-Pertua, Bukit Bendera di sini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Bendera lagi? Silakan.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Sekejap sahaja. Saya tadi ingin menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu. Tadi dia membaca Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dalam bahasa Malaysia. Akan tetapi versi bahasa Inggeris seksyen 36(2), "The Elections Judge shall within 14 days..." Not after 14 days. Dalam masa 14 hari, *within 14 days*. So, ia mungkin keluar hari ini, mungkin esok, mungkin Isnin tetapi bukan selepas. *Shall within 14 days*. *The authoritative version is* dalam bahasa Inggeris.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Within ertiinya after. After.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** No. Within 14 days. Within 14 days.

*[Pembesar suara dimatikan]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Setelah mendengar perbahasan, saya harap jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kedudukan undang-undangnya bukan jelas semata-mata. *[Disampuk]* Bukan *straight forward*, betul. Jadi saya perlu sedikit masa untuk mengeluarkan *ruling*. Saya telah bercakap dengan peguam Yang Berhormat Cameron Highlands dan beliau akan berhubung dengan saya. Baik.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan tersebut...

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Kena faham bahasalah.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** ... You should maintain the status quo. Dalam keadaan...

*[Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Keputusan saya kekal sehingga saya membuat *ruling* hari Isnin. Itu sahaja.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Jangan bazir masa Dewan lah.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Dalam keadaan tersebut, *you should maintain his membership of the House.*

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Yang Berhormat Rembau, hormat Tuan Yang di-Pertua lah, Yang Berhormat Rembau. Hormat Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita teruskan dengan Usul. Silakan.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**12.47 tgh.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Harap berita baik ini dapat *cool down* Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa, Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pendidikan bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2019 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 10 Disember 2018.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2019****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Anggaran Pembangunan 2019 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”. **[Hari Kesembilan]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Maksud B.60 [Jadual] -**

**Maksud P.60 [Anggaran Pembangunan 2019] -**

**Tuan Penggerusi:** Kepala Bekalan B.60 dan Kepala Pembangunan P.60 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tanjong Malim.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Kuala Terengganu.

**■1250**

**Tuan Penggerusi:** Nanti saya senaraikan.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tanjong Malim.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Kuala Terengganu.

**Seorang ahli:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Pasir Gudang.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tanjong Malim.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Kuala Terengganu

**Tuan Penggerusi:** Kuala Terengganu.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Tampin, Tampin.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Pasir Gudang.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Merbok.

**Tuan Penggerusi:** Yang Berhormat Tampin bangun dahulu tadi. Tampin.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Merbok.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tanjong Malim.

**Tuan Penggerusi:** Yang Berhormat Kapar.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Merbok.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tanjung Malim, Tanjung Malim.

**Seorang ahli:** Padang Serai.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Sudah-sudah dimasukkan dalam senarai.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** *Thank You*

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Ledang.

**Seorang Ahli:** Padang Serai.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Merbok

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bagan Serai dan Yang Berhormat Padang Serai, dua-dua sekali?

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Kapar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Pengerusi:** Bagan Serai dan Padang Serai.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tuan Pengerusi Tanjung Malim sudah?

**Seorang Ahli:** Padang Serai.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Tuan Pengerusi, Merbok.

**Tuan Pengerusi:** Merbok.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tuan Pengerusi Tanjung Malim sudah?  
Tanjong Malim.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Pasir Gudang.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Pasir Gudang.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai.

**Seorang Ahli:** Lembah Pantai.

**Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** Tangga Batu

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Lembah Pantai, Lembah Pantai.

**Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** Tangga Batu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tangga Batu. Yang Berhormat Papar.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Pasir Gudang Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Pasir Gudang ya.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ada lagi? Tidak ada. Okey. Terima kasih. Lima minit seorang?

Dipersilakan Yang Berhormat Kuala Terengganu.

**12.51 tgh.**

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Tuan Pengerusi, untuk Butiran 010100 — Pengurusan Kementerian Pertahanan. Mengambil kira

kepentingan Malaysia sebagai sebuah negara Islam adalah penting bahawa tentera kita ini dibekalkan dengan kekuatan dalaman yang kuat bagi menjadikan sebuah tentera yang mempunyai ciri-ciri yang boleh diharapkan untuk mempertahankan negara. Oleh sebab itu, peranan Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) cukup penting dalam tentera kita terutama memberi kefahaman agama dan memupuk kekuatan rohani di kalangan tentera kita. Saya harap semoga diberi penumpuan kepada perkara seperti ini.

Di bawah butiran ini juga saya ingin bertanya mengenai rasional pengurangan bajet aset pengurusan daripada RM5.7 juta kepada RM100,000 sahaja, dilihat pengurangan yang amat ketara. Saya berpandangan dalam keadaan sepatutnya perbelanjaan aset ini perlu dipertingkatkan terutamanya untuk membeli peralatan-peralatan, pengkomputeran sistem maklumat yang canggih agar dapat melancarkan urusan pengurusan kementerian.

Di bawah perkara 010200 — Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran, saya ingin membangkitkan tentang masa depan pegawai ATM yang akan bersara. Saya ingin bertanya apakah ada suatu perancangan daripada kementerian untuk para bakal pesara ini supaya menyediakan suatu pekerjaan khusus agar mereka dapat menampung kehidupan mereka terutamanya askar yang berpangkat biasa ini.

Bagi Butiran 020100 — Bantuan Bersama. Tuan Pengerusi, seperti mana yang kita tahu, jika ada apa-apa kecemasan di negara kita sudah semestinya yang paling awal kita kerahkan ialah anggota tentera kita. Saya maklum kesiagaan dan keupayaan anggota kita di dalam tahap yang tertinggi terutamanya untuk mempertahankan negara kita. Walaupun demikian kita dapat lihat bahawa negara lain semakin hari semakin maju terutamanya dalam strategi taktikal dan teknologi peperangan. Jadi, saya ingin memohon penjelasan, adakah anggota tentera kita siap sedia untuk berhadap dengan musuh yang mempunyai teknologi yang kadang-kadang tidak dapat kita jangka. Adakah kita mendapat bantuan atau *technology sharing* dengan mana-mana negara?

Bagi perkara 020200 — Pertahanan Darat. Menurut laman *web* Global Firepower, Malaysia berada pada kedudukan *ranking* ke-44 daripada 136 buah negara dari sudut ketenteraan. Yang mana sama ada ia bagus atau tidak bagus, saya tidak pasti. Akan tetapi tidak seharusnya mlarikan fokus kita daripada segi persediaan angkatan tentera kita untuk mempertahankan tanah air. Namun, saya melihat ada pemotongan bajet yang sangat besar berlaku di bawah kepala ini 020200 — Pertahanan Darat iaitu yang berkait dengan Kesiapsiagaan dan Operasi, daripada RM5.467 bilion, diturunkan kepada RM5.292 bilion pengurangan sebanyak RM174 juta. Jadi, apa yang dikurangkan daripada peruntukan ini?

Bagi Butiran 020300 — Pertahanan Maritim, juga dari segi kelengkapan, *radar detector*, pelancar *rocket* dan sebagainya. Kita dapat pada masa sekarang, lanun-lanun dan kumpulan pengganas sekarang pun mempunyai kelengkapan yang canggih. *Anti-radar*, *radar detector*, pelancar *rocket*, sudah tidak pakai AK-47 sahaja untuk lanun sekarang. Teknologi canggih yang mereka gunakan. Oleh itu dengan pengurangan bajet yang berlaku adakah mengganggu

persediaan TLDM untuk melengkapkan peralatan-peralatan yang sewajarnya bagi berhadapan dengan ancaman-ancaman baharu ini.

Bagi Material Pertahanan — 030300, terdapat pengurangan yang sangat besar iaitu daripada RM228 juta anggaran Belanjawan 2018, kepada tidak sampai RM1 juta, cuma RM759,000. Saya menghormati tentang langkah-langkah penjimatan, akan tetapi pengurangan dalam jumlah yang besar itu amatlah perlukan penjelasan, mengapa begitu sekali.

Seterusnya berkait dengan 030800 — LIMA. Tahun depan akan berlangsung lima di Langkawi, saya berharap setiap kali berlaku LIMA, di sutilah kerajaan membuat pembelian secara besar-besaran. Saya harap supaya kerajaan *transparent* dari segi pembelian ini. Tidak berlaku *ad-hoc* pembelian yang tidak rancang. Maklumlah seperti di satu *supermarket*, pelbagai perkara dipamerkan. Ini kerana, sekiranya pembelian dilakukan secara tidak terancang sudah tentulah berlaku masalah seperti ketidaktelusan dan sebagainya.

Bagi kelengkapan tentera laut, berkait dengan pembinaan empat buah kapal LMS yang— kapal pertama telah mula dibina pada Julai tahun ini. Saya ingin tahu berapa jumlahnya. Baki dua buah difahamkan akan dibina di Malaysia dan ini adalah sebahagian daripada program 15-to-5 *Fleet Transformation Program* yang mana akan melibatkan 11 buah kapal lagi akan diperlukan bagi program ini. Saya ingin tahu adakah kerajaan akan meneruskan program ini di masa akan datang.

Selanjutnya di bawah TUDM, helikopter Nuri saya difahamkan masih lagi ada *in-service*. Jadi, helikopter ini, saya difahamkan dalam proses penggantian. Sudah agak lama akan tetapi masih ada dalam perkhidmatan. Saya khawatir tentang keselamatan tentera-tentera kita, saya harap kerajaan dapat beri penjelasan bilakah proses penukaran helikopter lama ini akan dapat diselesaikan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Ada dua minit lagi, Yang Berhormat Tampin, silakan.

### 12.58 tgh.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, *alhamdulillah* saya diberi peluang untuk membicarakan sedikit tentang Kementerian Pertahanan ini. Saya merujuk kepada tiga perkara sahaja. Butiran pertama adalah 010200 — Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran. Kalau kita lihat saya ucapkan tahniahlah kepada kementerian kerana mendapat lebihan peruntukan sejumlah RM20 juta dan peruntukan ini saya fikir boleh sedikit sebanyak meningkatkan kehidupan masyarakat ataupun anggota tentera veteran.

Persoalan saya ialah apakah kementerian sudah bersedia memberi pencen kepada anggota-anggota tentera yang tidak mendapat pencen yang ada sekarang ini? Kedua ialah tentang perumahan di kalangan anggota tentera yang veteran terutamanya anggota-anggota tentera pangkat rendah. Di mana selepas sahaja mereka menghabisi sama ada 10 tahun ataupun 20 tahun berkhidmat, kita dapati bahawa terdapat di kalangan mereka ini bukan selesa dalam kehidupan tetapi ramai di kalangan mereka duduk di kampung-kampung bekerja sebagaimana

juga orang lain di kampung-kampung. Ini menyebabkan kehidupan mereka— sedangkan perkhidmatan yang mereka telah taburkan kepada negara itu begitu besar.

Jadi, oleh sebab itulah saya fikir— saya memohon supaya kementerian memikirkan, supaya dapat merangka satu strategi bagaimana untuk kita membantu golongan veteran ini untuk hidup lebih selesa lagi.

Perkara kedua yang saya hendak sentuh ialah 020300 — Pertahanan Maritim. Perkara ini amat penting kerana keluasan laut yang mengelilingi negara kita. Persoalannya ialah banyak sumber-sumber negara, khususnya sumber laut kita hilang hasil daripada pencerobohan daripada nelayan-nelayan daripada negara-negara yang berhampiran. Justeru itu saya ingin bertanya kepada kementerian apakah peralatan-peralatan, kelengkapan-kelengkapan yang dimiliki oleh tentera mampu untuk mengawal perairan negara kita dan mampu untuk mengurangkan pencerobohan-pencerobohan yang berlaku di persekitaran perairan kita itu sendiri?

Perkara yang ketiga saya hendak sentuh ialah 030400 — Menangani Keusangan Sistem. Peruntukan yang diberikan berkurangan begitu mendadak, sedangkan untuk memperbaiki ataupun untuk menyelesaikan masalah keusangan yang menyebabkan ketidakupayaan kelengkapan tentera ini amat penting bagi kita untuk menyelenggarakannya. Jadi, oleh sebab itulah saya yakin dan percaya bahawa kementerian boleh memikirkan kembali bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah bagaimana kita hendak memperbaiki peralatan-peralatan yang sedia ada ataupun kita hendak memodenkan peralatan-peralatan yang sedia ada untuk kita meningkatkan ketahanan ataupun meningkatkan peralatan pertahanan di negara kita ini sendiri. Terima kasih Tuan Pengerusi

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Tampin sekarang telah sampai pukul 1.03 minit.

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]**

**Tuan Pengerusi:** Dipersilakan Yang Berhormat Kapar.

**2.32 ptg.**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Menerus kepada Butiran 010100 – Pengurusan Kementerian Pertahanan. Saya ingin memohon penjelasan daripada kementerian tentang anggota-anggota tentera, kedudukan mereka dalam memastikan kenaikan pangkat tidak menjadi halangan. Saya hendak beritahu kepada kementerian, ada lima subjek yang saya lihat penting untuk dibuat pengkajian dan pertimbangan.

Satu ialah senioriti. Kedua ialah *education*, pelajaran. Ketiga *complexity*. Keempat *currency*. Kelima *terms and conditions*. Maka yang demikian dengan izin, saya memohon kementerian mengkaji semula tentang kedudukan pangkat atas pengorbanan mereka kepada angkatan tentera yang sebeginu komited dan sanggup bergadai nyawa.

Terus kepada Butiran 010200 – Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV). Saya hendak minta kementerian untuk mengkaji semula tentang pejuang-pejuang lampau angkatan tentera yang menggadaikan jiwa raga mereka, yang ada kedapatan mereka cedera sehingga sampai hari ini tetapi persaraan atau penceran mereka itu gaji lama. Saya mohon supaya mereka ini diberi penggajian penceran gaji baharu supaya mereka menikmati arus pembangunan negara bukan silam yang telah mereka lalui. Saya mohon penceran untuk pesara-pesara tentera ini dikaji semula.

Saya terus kepada Butiran 020000 – Kesiagaan Dan Operasi, keselamatan negara. Saya hendak beri maklum bahawa kebelakangan ini kita lihat Singapura pun sudah berani mengugut kita. Oleh kerana itu, saya hendak beritahu dengan kementerian, perkasan segala bala tentera dan senjata yang canggih. Pastikan bahawa penghormatan dan tiada kebiadaban berlaku dalam negara-negara jiran supaya negara ini daulatnya sentiasa kekal dalam posisinya. Maka saya juga ingin bertanya kepada kementerian, saya diberi maklum sebelum ini *statement* yang dikeluarkan oleh mantan Menteri Pertahanan yang mengatakan ATM ini hala tujunya mana? Tidak ada hala tuju. Saya hendak beritahu dengan kementerian, mana hala tuju ATM? Pastikan negara ini jangan digugat dengan persepsi yang negatif.

Seterusnya saya ingin menerus kepada Maksud Pembangunan 60, Butiran 08400 – Perumahan Angkatan Tentera Malaysia. Saya hendak mohon kepada kementerian bekerjasama dengan negeri-negeri untuk membina rumah pada bekas-bekas angkatan tentera. Kenapa Tuan Pengerusi? Ini disebabkan oleh saya diberitahu tetapi saya tidak buka lagi akta itu, Akta Tentera 1972 yang menggaris pandukan bilamana tentera itu bersara mereka layak untuk mendapat sebidang tanah untuk mendirikan rumah atas pengorbanan yang mereka lakukan terhadap mempertahankan negara. Maka yang demikian, saya ingin menuntut kepada kerajaan supaya – walaupun mereka tidak dapat menikmati sebelum ini, tetapi Kerajaan Pakatan Harapan saya menuntut supaya tuntutan Akta Tentera 1972 itu di-*apply* ataupun dilaksanakan. Saya tahu di luar sana ratusan ribu mereka yang telah bersara tetapi akhir karier mereka sebagai angkatan tentera hidup mereka terumbang-ambing dan tidak ada penyusunan masa depan.

Maka, saya memohon di samping mempertahankan negara, tentera-tentera ini juga diberi ruang untuk mereka menikmati keselesaan kehidupan seperti mana rakyat lain. Ini kerana jiwa raga mereka mempertahankan negara ini perlu diberi keseimbangan dan juga balasan kepada pengorbanan dan komited mereka.

Hari ini saya cukup pantas Tuan Pengerusi, saya lepaskan satu minit untuk orang lain. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. [Ketawa] Saya jemput Yang Berhormat Arau, silakan.

**2.36 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya, saya ingin menyatakan sedikit kekesalan pada Tuan Pengerusi. Saya sayang Tuan Pengerusi ini. Apabila Tuan Pengerusi tadi menolak Yang Berhormat Cameron Highlands, saya rasa tidak wajar.

Saya hendak beri satu contoh Yang Berhormat apa yang berlaku di Perlis.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Pencelahan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Seorang wakil rakyat telah...

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Tuan Pengerusi belum buat keputusan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Tuan Pengerusi kata...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Tuan Pengerusi kata...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Benda ini telah pun dibuat *ruling*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, *ruling*...

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:**...bawa peguam jumpa.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ya lah.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Sudahlah, bagi Tuan Pengerusi ambil kes dahulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini tidak perlu jadi hero, tidak perlu jadi hero.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Tidak payah jatuhkan – benda sudah selesai sudah pun.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Duduk, duduk Yang Berhormat Kapar. Tidak perlu jadi hero. Kelmarin saya bangun kenapa tidak beri?

**Tuan Pengerusi:** Lima minit ya, lima minit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita sudah bermusuh sekarang. Okey Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Di Perlis wakil SPR telah isytihar salah kepada seorang menang padahal dia kalah. Hanya mursyidul am PAS tidak dapat jadi wakil rakyat selama empat bulan kerana SPR telah isytihar salah. Selama empat bulan ini...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Arau, minta penjelasan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Wakil tersebut dapat gaji, okey?

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Nombor satu.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Arau.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tanjong Malim minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Nombor dua, fasal Yang Berhormat Port Dickson tadi.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tanjong Malim minta penjelasan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Port Dickson saya ingat tidak wajar ditolak usul tersebut sebab isu ini untuk kepentingan awam. Jadi...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Semua sekali...

**Tuan Pengerusi:** Ya, teruskan dengan perbahasan ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey, sekarang ini...

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Apa kena-mengena dengan Pertahanan?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sekarang ini kita hendak cakap tentang Kementerian Pertahanan. Saya sudah tahu, saya sudah lama duduk di sini tidak perlu cakap. Awak baru ya.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Ya lah, tunjuklah teladan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Diam.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Tunjuk teladan yang baik.

**Tuan Pengerusi:** Silakan, silakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Awak pergi baliklah, saya tidak beri. Butiran 020300 – Pertahanan Maritim. Kerajaan dahulu isytiharkan, “Kita tidak akan bertolak ansur tentang pertahanan”. Kemudian ‘mai’ kerajaan sekarang, “Kita tidak akan bertolak ansur tentang pertahanan.” Mari Bang Mat saya, Yang Berhormat Menteri Pertahanan, “Kita tidak akan bertolak ansur tentang pertahanan.”

**Tuan Pengerusi: [Ketawa]**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi peruntukan Kementerian Pertahanan diturunkan. Yang Berhormat saya hendak tanya fasal pertahanan maritim ini. Negara ini ialah negara maritim. Kita kena beri perhatian kepada pertahanan maritim, Laut China Selatan itu maritim. Terumbu Layang-layang itu maritim.

Yang Berhormat Menteri Pelancongan dia kata Terumbu Layang-layang di Arau. Dia silap banyaklah sebab pegawai tulis di situ Terumbu Layang-layang dari Arau. Dia ingat di Arau. Pegawai jawab dia tersilap baca. Terumbu Layang-layang di Laut China Selatan. Beting Patinggi Ali di Laut China Selatan. Ini maritim. Saya rasa pertahanan maritim kena ditingkatkan. Kita tahu kita ada dua kapal selam. Kita dimaklumkan sudah setahun lebih, sudah masuk hampir dua tahun masuk ke jangka masa yang begitu lama kapal itu belum siap diselenggarakan. Jadi kalau diketahui oleh pihak musuh, saya ingat tidak wajar.

Walaupun ada seorang Yang Berhormat menyebut kita diancam oleh negara lain, saya hendak beritahu saya setuju. Sekarang ia sedang keluar. Saya setuju bahawa kita tidak wajar diugut oleh mana-mana pihak tetapi orang berani mengugut kita apabila dia tengok peruntukan Kementerian Pertahanan yang telah menurun.

**■1440**

Kita minta supaya pembelian kapal, penyelenggaraan kapal perang yang baru mesti dibuat serta-merta. Kita tahu bahawa untuk siap sebuah kapal mengambil masa dua tahun ke tiga tahun. Kita boleh tempah sekarang, kita boleh tempah untuk hendak pastikan supaya pertahanan kita itu digeruni. Oleh sebab Allah berfirman dalam Al-Quran, Allah akan tarik gerun musuh kalau sekiranya kita berpecah-belah. Ini berpecah-belah, kita berpecah-belah dah. Pertahanan tidak cukup.

Jadi kita bimbang musuh akan hilang gerun kepada kita sebab kekuatan sesebuah negara itu ialah kekuatan ekonomi tetapi dalam masa yang sama, dia digeruni. Barulah orang hormat kepada negara yang berkenaan. Jadi saya minta supaya peruntukan pertahanan ditambah balik, diberi balik, dipastikan supaya pertahanan maritim ini diberi perhatian yang serius.

Keduanya, pasal ESSZONE yang ditadbir oleh ESSCOM. Kita sudah janji hendak bagi pangkalan tentera di sana, batalion tentera di sana. Kita hendak tahu apakah *progress* sekarang. Kita disebut bahawa akan ditempatkan satu batalion di sana dan sebagainya. Kita hendak tahu apa *progress* sekarang, apa *progress* yang telah berlaku di Kampung Sahabat.

Ketiganya, saya setuju bahawa soal kenaikan pangkat angkatan tentera ini harus dikaji semula dan dipastikan supaya mereka juga terlibat dalam sumbangan yang besar kepada negara. Kita kena ingat, kita duduk senang lenang di sini tetapi barisan hadapan mereka bersabung nyawa untuk mempertahankan negara.

Negara selamat menyebabkan Ahli Yang Berhormat boleh cari makan sehingga ada Ahli Parlimen kita mempunyai harta sampai RM87 juta dan sebagainya kerana negara selamat. Ini kerana pertahanan kita hebat. Yang Berhormat Jelutong boleh jadi Ahli Parlimen pun kerana negara ini aman.

Jadi keamanan kita dijamin oleh pasukan keselamatan kita. Jadi saya minta supaya peruntukan Kementerian Pertahanan diberi balik dan dipastikan supaya pembelian aset sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut bahawa dia akan menggantikan aset dan membuat pembelian aset itu menjadi kenyataan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ledang. Selepas itu Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Ledang, silakan.

**2.42 ptg.**

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi kepada butiran-butiran. Pertama berkenaan dengan Butiran 030400 berkenaan dengan Menangani Keusangan Sistem. Perkara ini tadi ada disebutkan sedikit oleh Yang Berhormat Tampin di mana kita tahu bahawa anggaran untuk jumlah keusangan sistem ini peruntukannya berkurangan daripada RM66.7 juta kepada RM15 juta.

Jadi, apakah peruntukan mengurus kewangan keusangan sistem ini? Oleh sebab apakah peruntukan itu berkurangan? Adakah kerana sudah *obsolete*, susah tidak sesuai lagi atau digantikan dengan sistem yang canggih dan berkesan.

Seterusnya yang berhubung juga dengan kelengkapan, Butiran 00200, Butiran 00400, Butiran 00600, Butiran 00800 dan Butiran 01000. Ini semua berkenaan dengan kelengkapan. Ini kerana bagi saya, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan sebelum ini pada bulan Ogos yang lepas mengatakan bahawa aset pertahanan Malaysia adalah peringkat terendah di Asia Tenggara.

Kemudiannya Ahli Parlimen Sembrong iaitu bekas Menteri Pertahanan ada menyebutkan bahawa rancangan untuk menambah aset itu sudah telah dipotong belanjawan sebanyak RM2 bilion. Adakah dakwaan ini tepat? Kita bimbang ia ada kaitan dengan apa yang saya sebutkan butiran kelengkapan tadi yang berhubung dengan pembelian kelengkapan dan aset. Apakah kaedah kementerian menentukan jenis keperluan aset pertahanan? Adakah pembelian aset tersebut melalui syarikat-syarikat tertentu?

Kedua, apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan kekuatan aset pertahanan. Bagaimana kerajaan memastikan bahawa aset itu berfungsi dengan baik? Seterusnya adalah, apakah perkembangan penyediaan Kertas Putih Pertahanan yang berkenaan dengan prinsip dan strategi pertahanan negara serta pelan pembangunan keupayaan yang terkini Angkatan Tentera Malaysia.

Akhir sekali berkenaan dengan Butiran 08400 iaitu Perumahan Angkatan Tentera Malaysia. Dalam konteks ini juga saya ingin menyebutkan dalam Dewan ini bawah anggaran peruntukan ini telah bertambah daripada RM97 juta kepada RM282 juta untuk tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 190.2 peratus. Ini menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap kebijakan anggota dan saya ucapan syabas dan tahniah.

Soalannya ialah, adakah perumahan angkatan tentera ini berkaitan dengan beberapa lagi pelan-pelan induk perumahan iaitu ada lima program utama iaitu Rumah Keluarga Angkatan Tentera, Program Satu Anggota Satu Rumah, Program Baik Pulih Kediaman Veteran 1Malaysia, Inisiatif Rumah Kediaman. Ini juga adalah merupakan yang terkandung dalam pelan perumahan. Adakah ianya berkaitan dengan pelan perumahan di bawah ATM?

Saya ada sebutkan dalam peringkat dasar tidak silap saya berkaitan dengan rumah veteran yang terbengkalai di Kelantan yang saya juga mohon untuk pihak kementerian memberikan penjelasan berkenaan dengan perkara itu. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rembau. Silakan.

#### **2.45 ptg.**

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terus Butiran 020200 Pertahanan Darat. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tugas utama tentera darat adalah berlatih untuk perang, *readiness* dan kita hendak pastikan bahawa tugas ini dijalankan dengan baik.

Tadi banyak sebut tentang aset-aset pembelian dan sebagainya. Saya cuma hendak bangkitkan soal perkara asas, perkara *basic* yang masih lagi kurang. Contoh, kenderaan untuk

latihan, trak dan *land rover* tidak pernah memenuhi perjawatan dalam sebuah pasukan. Bukan satu dua pasukan, kebanyakannya daripada pasukan, perjawatan tidak cukup apa yang sepatutnya ada, trak, *land rover*, perkara *basic* tidak cukup.

Rangsum Tempur Bekalan Kering (RTBK) khusus untuk latihan CIW. Yang Berhormat Timbalan Menteri, CIW ini Counter Insurgency Warfare tidak pernah cukup. Ini *basic ration* untuk askar, biskut keras, gula, garam, buah kopi dan lain-lain. Itu pun tidak cukup untuk *basic* latihan. Kawasan latihan untuk CW, Conventional Warfare sangat terhad kerana ladang-ladang ini semua swasta.

Jadi tempat untuk latihan bagi *Conventional Warfare* berbeza dengan CIW dibuat di hutan, tidak ada ataupun sangat terhad. Kebajikan terjejas, berek penginapan dan rumah keluarga tidak pernah cukup. Saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab dalam bentuk *looking forward* apa perancangan sekarang. Jangan hendak disalahkan ini memang kekurangan daripada dahulu.

Saya hendak rujuk kepada pasukan simpanan Rejimen Askar Wataniah (RAW) masih kurang dapat sambutan sebab promosi yang tidak agresif dan pembesar negeri yang tidak mainkan peranan yang baik walaupun dilantik duduk dalam Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah (JAKPAW), diberi pangkat kehormat dan sebagainya tetapi tidak dapat menjalankan tugas mereka. Banyak daripada rejimen lima siri ini tidak menepati KPI dari segi pengambilan, rekrut dan sebagainya.

Satu lagi berkenaan dengan pasukan simpanan dipandang sepi oleh pasukan tetap, *regulars* dan dihantar pegawai-pegawai yang hendak pencen, dihantar sebagai timbalan komander, dihantar sebagai pegawai latihan mereka yang hendak pencen. Jadi tidak ada apa-apa kesinambungan.

Dahulu saya menjadi komander kepada Rejimen 508. Saya sendiri minta supaya timbalan komander yang dihantar itu adalah orang muda, yang ada perancangan jangka masa panjang supaya rejimen askar wataniah dapat dibangunkan dengan baik.

Apabila dipandang sepi, maka bila ada kekosongan tidak dipandang serius, tidak ada keutamaan. Sebagai contoh rejimen lama saya 508 di Kem Rasah, Negeri Sembilan sudah berbulan-bulan tidak ada penaung bagi JAKPAW, tidak ada pengerusi bagi Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah. Tidak ada ini Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah berbulan-bulan ini. Penaung Menteri Besar tak nak, Pengerusi JAKPAW adalah *state secretary* (SS), pun tak nak. Komander pun tak nak sebab komander saya pun sudah letak jawatan dan tidak ada pengganti. Jadi sudah berbulan-bulan satu rejimen, *reservist* is tidak ada pendukung, penaung, pengerusi mahupun panglimanya ataupun komandernya.

Ketiga, berkenaan dengan Group Gerak Khas. Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan Yang Berhormat Menteri baru sahaja pergi ke Kem Iskandar di Mersing dua hari yang lepas untuk melihat persiapan GGK.

**■1450**

*Group Gerak Khas ini Timbalan Menteri adalah the tip of the spear.* Jadi saya hendak tahu, apakah hasil lawatan ke Kem Iskandar? Apakah aset-aset yang diperlukan? Dua tahun yang lepas, ditegur oleh Sultan Johor bahawa aset GGK perlu di naik taraf bukan hanya di Kem Iskandar tetapi juga di Pusat Latihan Peperangan Khusus (PULPAK) Sungai Udang. Saya pernah jadi penuntut di *Special Warfare Training Center*. Saya hendak tahu apakah perancangan untuk *update* kemudahan yang ada di PULPAK? OPS Yaman Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak dapat kepastian dalam Dewan pada hari ini apakah cerita yang sebenar. Disebut bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata mantan Menteri Pertahanan tidak dapat persetujuan daripada Jemaah Menteri. Mantan Menteri Pertahanan jawab bahawa dapat kelulusan daripada Majlis Keselamatan Negara. Ini soal *sending our troops, deploying our troops* mesti ada asas dia.

Butiran 02000 - apakah perancangan kita untuk *cyber command?* *Cyber Security Malaysia* di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Akan tetapi, saya rasa kita perlu ada *cyber command* di bawah Angkatan Tentera Malaysia. Di Amerika Syarikat, US *cyber command* adalah salah satu daripada 10 *unified command* di bawah *Department of Defense*. Di Singapura, SAF *Singapore Armed Forces are the C4 Command*. Jadi apa *cyber defense capability* ATM pada waktu ini?

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 020400 – Pertahanan Udara. Saya hendak tanya berkenaan dengan perbelanjaan untuk penyelenggaraan, cukup ataupun tidak? Kita tahu sebagai contoh, Sukhoi antara lain tidak dapat *mid live update* yang lengkap disebabkan tidak ada OPEC untuk penyelenggaraan. Apakah perancangan untuk memastikan bahawa cukup untuk kita memastikan bahawa segala *fleet* kita *airworthy* dan dapat di *update* dengan kadar yang segera. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bagan Serai. Tidak ada? Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih. Padang Serai or Bagan Serai?

**Tuan Pengerusi:** Tadi saya sebut tidak bangun.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ada, baru.

**Tuan Pengerusi:** Kemudian, kemudian.

**Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Boleh Yang Berhormat Padang Serai dulu, tidak apa.

**Tuan Pengerusi:** Padang Serai.

**2.52 ptg.**

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi

peluang kepada Padang Serai dan ingin saya minta masa lebih sikit sebab saya adalah bekas tentera, memohonlah memberi banyak cadangan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Kalau ikutkan...

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Pertama sekali saya inginlah menceritakan berkenaan pertahanan negara. Kebanyakan orang dia tidak faham apa itu pertahanan negara. Pertahanan negara adalah satu-satu menjamin kepada dunia yang kita ini adalah aman, damai dan sebagainya. Kita tidak bagi peruntukan-peruntukan yang tidak cukup, kita adalah payung negara. So, oleh itu mestilah fahamkan kalau payung negara, kalau kuat hujan boleh tahan. Kalau payung itu bocor, macam mana hendak ini. So, kita harap Pakatan Harapan kerajaan baharu memberi peruntukan banyak sedikit untuk memodenkan kita punya pertahanan.

Selain dari itu juga, bagi Butiran 010200 – Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran iaitu JHEV. Bagi orang-orang yang telah pencer lama sebelum kerajaan baharu, mereka masih tidak berpuas hati dengan pembayaran pencer yang begitu rendah sekali. Jauh berbeza dengan pencer yang lama dengan baharu. Saya harap kerajaan baharu ambil perhatian dan perlulah dihargai macam mana pengorbanan-pengorbanan mereka. Merekalah yang mempertahankan negara ini daripada penganas Komunis. Duduk di dalam hutan berbulan-bulan. Bawa senjata, bawa bahan, bawa makanan dua minggu dan bawa bahan letupan 50 paun dengan belakang, jalan patah pinggang, mereka mempertahankan negara.

Akan tetapi, hari ini kita tidak bagi pencer yang cukup-cukup untuk mereka supaya mereka dihargai dalam negara kita. Inilah saya sedihkan ramai dekat luar sana, banyak sedih mengatakan “*mengapa pencer kita tidak naik, pencer kita tidak naik*”. Akan tetapi, bila hanya naik RM10 kedai kopi pergi satu kali habis. So, saya berharap kerajaan mestilah menyamakan pencer yang baharu dengan lama serata.

Selain daripada itu juga, kebajikan kesihatan. Bukan kita hendak jaga kesihatan, kesihatan senang pergi hospital bagi duit. Akan tetapi, ini pencerlah, duit lah yang menghidupkan anak-anak dia, cucu-cucu dia dan hendak pergi Umrah pun duit ini juga lah yang bawak. Tidak ada duit dari mana-mana. Saya berharap kerajaan ambilah perhatian, sebab apabila kita pencer daripada tentera kita tidak tinggal sembahyang, kita selalu ada kat masjid, kita hendak pergi Umrah tapi gaji, pencer sedikit saja. Tidak cukup. Saya berharap kerajaan haruslah bagi perhatian yang serius.

Selain daripada itu juga, bagi anak-anak bekas tentera haruslah beri peluang untuk universiti-universiti di kerajaan dan juga mereka diberi peluang bekerja dalam kerajaan. Inilah yang hargai apa yang perlu diberi pada bekas tentera. Ramai yang ibu bapa dia meninggal dan sebagai tetapi inilah penghargaan yang kita perlu diberi pada anak-anak. Ini sebab dia patriotisme sentiasa ada dalam hati kita. Bapa saya seorang tentera, saya dapat peluang kerja dalam kerajaan. Itu sahaja yang kita mahu, *okey*.

Selain dari itu juga, bekas tentera semasa perbarisan hari merdeka saya tengok bekas tentera ini letak belakang sekali dalam perbarisan. Sepatutnya di dunia mana-mana, diletakkan bekas tentera depan orang pertama akan kawad. Itulah dia, menunjukkan dia adalah manusia yang

pertahankan negara ini. Akan tetapi pergi letak dekat belakang sekali. Di manakah maruah seorang tentera itu yang bekas tentera itu mahu letak? Saya berharap di hari merdeka akan datang tahun depan, tentukanlah ini bekas-bekas tentera ini diletakkan di depan orang pertama yang ..., itu yang pertama sekali.

Selain daripada itu juga, saya ingin membawa ke makanan-makanan untuk tentera yang ada dalam kem. Sekarang *i* tidak tahu ada bagi, dulu masa saya apabila kontrak menghantarkan, ini hari ikan *bawai*, tetapi datang ikan Uji Rashid. Inilah yang berlaku. Makanan-makanan tidak apa, kalau hendak kata ikan Tenggiri bagi ikan lain. Ikan yang murah-murah sekali. So, orang itu pun *sign* bagi makan kita, yang kita *pi* makan dekat *cook house* -saya ingat Yang Berhormat Rembau tahu. Tengok makanan banyak sedih sekali. Itu sebab ramai yang dalam tentera cepat-cepat kahwin, perkara inilah. *Okey*, selain daripada itu saya berharap makanan-makanan untuk tentera sentiasa 'beruas' dan bagilah makanan yang sihat supaya mereka boleh bekerja kuat dan sihat untuk bertahan.

Di samping itu juga, bagi uniform-uniform itu bagilah standard sedikit yang ada kualiti, jangan bagi uniform-uniform yang tidak ada kualiti dan sebagainya. So, masa sudah cukup. Saya tidak lupakan dan juga untuk Tuan Pengerusi, saya tidak lupakan pantun. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** *[Pantun]*

*Kilauan emas tidak terkira,*

*Emas ditempah si manis melati,*

*Usah di lupa jasanya perwira,*

*Untuk negara mereka berbakti.*

Terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kudat sebelum, Yang Berhormat Kudat silakan.

## 2.58 ptg

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada beberapa Butiran yang saya ingin tanya dengan Kementerian Pertahanan iaitu Butiran 030500 dengan 030700 – iaitu berkaitan dengan ESSZONE Pangkalan Hadapan Labuan Lahad Datu. Saya seperti mana yang kita tahu bahawa negara kita khususnya Laut China Selatan dan Laut Sulu. Laut Sulu adalah Laut Sulawesi adalah merupakan kawasan keselamatan iaitu *contested area* iaitu kita berhadapan dengan masalah keselamatan di Laut Sulu, di Laut Sulawesi dan terdapat keperluan untuk mempertingkatkan keupayaan ketenteraan khususnya di kawasan Pantai timur berikutan pencerobohan yang telah berlaku sebelum ini.

Oleh itu, apa yang saya ingin minta penjelasan daripada kementerian, setakat ini apakah bentuk kehadiran ketenteraan ataupun agensi-agensi yang lain di kawasan ESSZONE sama ada *base* yang telah kita sediakan dahulu masih lagi digunakan. Ini kerana, ini adalah merupakan satu usaha untuk mewujudkan *deterrent* terhadap penceroboh-penceroboh dan juga pihak-pihak

yang cuba menimbulkan kekacauan di kawasan pantai Timur Sabah. Begitu juga di kawasan Pantai Laut China Selatan kerana kawasan ini adalah kawasan yang dipertikaikan. Kehadiran tentera udara di Labuan Pangkalan Tentera di Labuan itu dan juga Pangkalan Tentera Laut di Sepanggar adalah amat diperlukan untuk dipertingkatkan kekuatannya.

■1500

Ini kerana di sinilah kawasan di mana peralatan-peralatan ini diperlukan. Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa kebanyakan pesawat-pesawat ini ditempatkan di Kuantan, sedangkan saya rasa keperluan untuk meletakkan lebih banyak pesawat pejuang di Labuan kerana kawasan inilah yang memerlukan— Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa *Flight Information Regions (FRIs)* ocean. Ocean kini adalah dikawal oleh Singapura. Mungkin tidak banyak yang tahu bahawa ia dikawal oleh Singapura. Oleh sebab itu kita tidak boleh terbang kepada beberapa ketinggian 20,000 kaki tanpa kebenaran daripada Singapura.

Oleh sebab itu, untuk memastikan bahawa kehadiran aset-aset kita di Laut China Selatan itu lebih berkesan khususnya di kawasan berhampiran Beting Patinggi Ali dan juga kawasan Terumbu Layang-layang, maka kita harus memastikan bahawa lebih banyak pesawat dihantar di Labuan. Jadi saya minta penjelasan sama ada adakah tindakan ini diambil, sama ada masih lagi hanya melakukan *detachment* dari Kuantan seperti mana yang berlaku sebelum ini?

Kedua ialah berkaitan dengan pertahanan maritim. Kita telah pun mengambil inisiatif untuk membeli dan membina *littoral combat ship* (LCS) yang dibina oleh Boustead Naval Shipyard (BNS) Perancis, saya minta penjelasan sama ada projek ini telah pun selesai yang nilainya lebih kurang RM9 bilion, sama ada projek LCS ini sudah pun dapat *decommission*-kan dan kapal-kapal ini telah pun dapat digunakan.

Kedua ialah *refit submarine* Tunku Abdul Rahman. Bilakah *refit* ini selesai? Seperti mana kita sedia maklum bahawa satu lagi *submarine* Tun Razak juga memerlukan *refit* kerana ia telah pun mencapai penggunaan yang telah pun melebihi 10 tahun. Maka saya hendak tahu juga daripada kementerian ini, bilakah *refit* bagi *submarine* Tun Abdul Razak?

Ketiga ialah berkaitan dengan Pertahanan Darat di Butiran 020200 iaitu saya juga minta penjelasan daripada kementerian ini berkaitan dengan pembinaan kereta kebal, *joint venture* di antara Deftech dengan syarikat Turki iaitu ia melibatkan 257 unit. Saya minta penjelasan sama ada semua kereta kebal gempita ini telah pun dapat dibina? Di manakah kereta kebal ini ditempatkan? Berapakah yang telah ditempatkan di Sabah khususnya di kawasan ESSZONE?

Terakhir sekali ialah Butiran 020400 iaitu Pertahanan Udara. Seperti mana kita sedia maklum bahawa Sukhoi MiG, F-15 hawk telah pun melebihi penggunaannya lebih daripada 20 tahun. Bilakah kerajaan membeli pesawat yang lebih baru? Kita telah mempertimbangkan suatu ketika dahulu untuk membeli Typhoon dan saya minta penjelasan daripada kementerian sama ada bila kita akan membeli pesawat ini untuk memperkuuhkan pertahanan udara kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kudat. Yang Berhormat Bagan Serai, silakan.

### 3.03 ptg.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.60 Butiran 010200 – Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV). Jadi bab ini saya ingin bercakap sekali lagi tentang perumahan berkelompok. Antaranya saya lihat ramai veteran di kawasan saya juga, ada yang tidak ada rumah. Jadi masa yang saya dengar tadi daripada Yang Berhormat Padang Serai pun sebut, sedih tengok. Sebab mereka ini telah berjuang dahulu. Mereka yang dahulunya lebih berjuang dan hari ini menghadapi masalah dalam kehidupan hari ini. Ada di antara veteran ini saya tengok menumpang di rumah mak mentua, sampai macam itu tahapnya. Jadi ramai juga yang sudah tua, warga emas, sakit, darah tinggi, kencing manis, sakit jantung, ada yang jadi strok. Saya sudah jumpa ada yang cacat anggotanya mungkin sebab pekerjaan masa dahulu. Jadi kita harap sangatlah isu-isu berkenaan dengan veteran ini diberikan perhatian terutamanya tentang penceden ini yang dikatakan penceden yang tidak selaras antara mereka yang telah berpenceden sebelum tahun 2004 dan selepas tahun 2004.

Juga permintaan veteran, kita dengar, kita jumpa veteran di kawasan kita semua ini ramai veteran. Kita jumpa ada mereka yang tidak berpenceden. Harapan mereka sangatlah kalau dapat kerajaan beri *one-off*. Sebutannya hari itu RM2,000. Tolong yang sebelum umur 65 tahun dan selepas 65 tahun itu beri sahaja elaun RM500, permintaan mereka sebulan untuk meneruskan kehidupan ini. Saya cadangkan juga kalau ada *optional retirement* untuk askar ini dihapuskan sahajalah. Susah nanti kerja 10 tahun, 15 tahun, 18 tahun, sudah itu kata tidak cukup bakti, tidak cukup beri khidmat kepada kerajaan, tidak dapat penceden. Kasihan.

Saya lihat juga – saya hendak tanya berapa orang Pingat Gagah Berani (PGB) yang tinggal lagi? Berapa orang PGB yang ada lagi sekarang ini? Kebanyakan mereka pun sudah tua-tua. Apalah kiranya kalau naikkan sedikit elaun mereka daripada RM1,500 itu naikkan lah sedikit sementara umur masih ada ini? Dapat rasa sedikit daripada apa yang mereka telah lakukan selama ini.

Butiran 020300 – Pertahanan Maritim. Ini saya hendak tanya berkenaan dengan sebab maritim ia jaga pantailah, ia jaga laut kita. Memang ada pertindihan kalau tengok dengan APMM ini. Sebab saya hendak cakap ini tentang pencerobohan nelayan terutamanya di Pantai Timur seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Sarawak. Ia kawasan-kawasan pantai. Ada jugalah pencerobohan di kawasan saya di Parlimen Bagan Serai tetapi itu nelayan lain. Apa yang saya maksudkan ini ialah nelayan luar. Contohnya nelayan dari Vietnam mari tangkap ikan di sini. Vietnam tidak ada ikan kah? Mari sini tangkap ikan, menyamar sebagai rakyat Malaysia ataupun beri dokumen-dokumen yang palsu dan kita kenakan Akta Perikanan 1985. Ini APMM. Bila tangkap dikenakan akta ini. Apakah tidak boleh dikenakan pada akta-akta lain yang lebih berat lagi, umpamanya?

Jadi, saya hendak tanya tentang pertahanan maritim ini. Ia jaga laut. Kenakan bukan atas Akta Perikanan, Akta Pencerobohan. Ceroboh negara kita hari ini. Ini yang saya rasa lebih berat lagi supaya mendapat pengajaran bagi yang lain.

Jadi Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih banyak. Saya harap sangatlah isu-isu veteran ini kita berilah mereka seronok sedikit, berilah semangat sedikit kepada mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pontian.

### 3.07 ptg.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. pertama pengurusan kem pertahanan sebanyak RM525 juta. Konsep pertahanan yang dipanggil sebagai HANRUH iaitu pertahanan menyeluruh. Pertama pertahanan bersepada melibatkan agensi kerajaan, swasta, NGO dan rakyat jelata. Kedua, patriotisme pertahankan negara dalam apa jua keadaan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah konsep ini difahami? Ia adalah konsep yang baik difahami oleh rakyat atau tidak? Setakat mana keberkesanannya? Adakah ia akan diteruskan? Itu yang pertama.

Kedua, perkhidmatan bekalan sebanyak RM4.5 bilion, turun kepada RM2.5 bilion, hilang RM2 bilion. Apakah senarai khidmat dan bekalan yang dikurangkan itu? Adakah ia akan menjelaskan pertahanan negara?

Saya ingin merujuk kepada keselamatan *cybersecurity*, keselamatan siber ataupun *cybersecurity* yang merupakan ancaman dunia yang terkini. Saya ingin tahu, adakah contoh-contoh serangan siber di Malaysia terutama terhadap sistem radar angkatan tentera kita? Keupayaan tentera kita ini sepatutnya berteraskan kepada teknologi yang sentiasa berubah. Bagaimana tahap teknologi pertahanan negara kita menghadapi perubahan-perubahan terkini teknologi?

Perkara ketiga Kesiagaan dan Operasi sebanyak RM11.148 bilion, turun pada RM9.15 bilion. Di Lumut, Yang Berhormat Timbalan Menteri pada 31 Oktober tahun ini menyebut bahawa Dasar Pertahanan Negara (DPN) 2010 akan dikemas kini. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyebut bahawa satu Kertas Putih Pertahanan akan disediakan. Selalunya Kertas Putih ini dibentangkan di Dewan Rakyat. Adakah ia akan dibentangkan di Dewan Rakyat? Akan tetapi sebelum dibentangkan itu, adakah perbincangan dibuat dengan pelbagai pihak? Adakah kami pihak pembangkang dilibatkan? Kami juga ingin menyatakan pandangan-pandangan. Pertahanan adalah isu sensitif. Jika banyak perkara dalam Kertas Putih itu disebarluaskan, ia juga tidak sepatutnya berlaku kerana pertahanan melibatkan rahsia-rahsia negara.

Perkara keempat, Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) sebanyak RM98 juta. Berapa ramai veteran ATM setakat ini? Adakah usaha untuk melibatkan mereka dalam bidang keusahawanan itu berkesan?

### ■1510

Saya kira bengkel ilmu niaga khas kepada mereka itu perlu diteruskan dan elok. Oleh kerana sudah ada Kementerian Pembangunan Usahawan ini—diadakan dengan Kementerian

Pembangunan Usahawan dan juga INSKEN dan Institut Keusahawanan Negara. Kalau tidak cukup tempat INSKEN, kita boleh guna kem-kem PLKN.

Ia merujuk seterusnya kepada perkara kelima yang ingin saya nyatakan di sini iaitu apakah perancangan terhadap kem PLKN yang kosong ini sebelum ini di bawah seliaan dan sewaan MINDEF? Berapa jumlah kem yang terlibat? Berapa staf syarikat swasta yang diberhentikan? Berapa mereka itu bekas-bekas tentera? Apakah usaha-usaha kebajikan untuk membantu mereka yang diberhentikan itu? Saya mencadangkan agar mana yang boleh diserapkan itu di mana-mana di bawah MINDEF, ia boleh dilakukan sebagai kakitangan kontrak misalnya.

Perkara keenam ialah Butiran 030500 – Pengoperasian di ESSZONE, RM97.4 juta turun kepada RM74.8 juta. Pangkalan hadapan di Labuan dan Lahad Datu RM10 juta, pada tahun depan tidak ada langsung. Adakah ini menunjukkan bahawa situasi di Sabah sudah terkawal? Adakah ini hakikat yang sebenar? Adakah ia akan menjelaskan operasi ESSCOM? Kita juga perlu bantuan bersepada antara RELA, APM dan APMM bagi pastikan keselamatan supaya terjamin, supaya tidak lagi berlaku cubaan-cubaan daripada pihak sebelah sana sebagaimana yang telah berlaku di Lahad Datu sebelum ini. Saya risau kerana peruntukan itu turun daripada RM97.4 juta turun kepada RM74.8 juta dan RM10 juta ditiadakan.

Perkara akhir yang ingin saya nyatakan di sini— sebelum itu, Butiran 030400 – Menangani Keusangan Sistem daripada RM66.7 juta kepada RM15 juta. Sebelum ini Menteri di Dewan Rakyat menyebut pesawat pejuang Sukhoi TUDM empat buah sahaja yang boleh terbang dan pertahanan negara lemah berbanding dengan negara ASEAN yang lain. RM66.7 juta turun kepada RM15 juta. Adakah menunjukkan keusangan itu sudah diperbaiki?

Perkara kelapan, Majlis Keselamatan Negara di bawah JPM dan Kementerian Pertahanan, bagaimana pemikiran strategik antara dua-dua ini? Saya ingin maklumat peranan MINDEF dan MKN, bagaimana penyelarasannya?

Perkara kesembilan, Butiran 020400 – Pertahanan Udara. Setelah 77 tahun, maka TUDM Sungai Besi dipindahkan. Antaranya ke Gong Badak dan juga Sendayan. Pada 15 Mac 2019 ia ditutup. Pangkalan Udara TUDM Sendayan ini terbesar di negara dan persekitarannya kondusif. Nyatakan kelebihan-kelebihan yang umum ingin ketahui tentang Pangkalan Udara TUDM Sendayan.

Adakah Bandar Malaysia akan dibangunkan? Jika Bandar Malaysia akan dibangunkan, adakah Lembaga Tabung Angkatan Tentera akan dilibatkan? Saya ingin menyokong agar LTAT dilibatkan dalam pembangunan Bandar Malaysia sebab tempat itu sebelum ini ialah TUDM Sungai Besi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tanjong Malim. Silakan.

### 3.13 ptg.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya masuk terus ke Butiran 020100 – Bantuan Bersama di bawah tajuk besar Kesiagaan dan Operasi. Saya hendak minta penjelasan daripada Kementerian Pertahanan, apakah SOP untuk menghantar trup ATM ke misi luar negara terutamanya misi yang melibatkan aktiviti ketenteraan?

Semalam mantan Menteri Pertahanan telah respons tentang Ops Yaman 2 bahawa operasi ini telah dapat persetujuan daripada NSC. Saya hendak tanya, apa kena mengena dengan NSC? Adakah NSC merupakan autoriti untuk menghantar trup ATM ke luar negara *bypass* Kabinet, *bypass* Parlimen?

Saya hendak tanya *National Security Council* (NSC)— ini berkenaan dengan *national security*, keselamatan negara. Saya hendak tanya adakah keselamatan negara kita terugat di Riyadh? Kalau tidak, kenapa NSC yang menentukan sama ada kita boleh hantar trup ATM ke luar negara?

Soalan saya kedua adalah tentang trup ATM yang dihantar ke Arab Saudi dan berpangkalan di Riyadh. Adakah Malaysia menandatangani *status of forces agreement* (SOFA) atau *visiting forces agreement* dengan Arab Saudi? Sebagai negara yang berdaulat, kita harus ada salah satu *agreement* ini apabila trup ATM kita berpangkalan sama ada *permanent* atau *temporary* di luar negara. Kalau tidak, ATM kita hanya sebagai *mercenary army*. Akan tetapi, saya hendak tanya, adakah kita menandatangani dua perjanjian ini dengan Arab Saudi? Kalau tidak ada, apakah perlindungan yang telah diberikan kepada anggota-anggota ATM kita di Riyadh?

Dua hari yang lepas, Tuan Pengerusi, apabila Timbalan Menteri Pertahanan menjawab soalan lisan saya tentang peranan ATM kita di Riyadh, walaupun Timbalan Menteri mengaku bahawa 89 anggota ATM terlibat dalam membantu urusan logistik penerbangan pakatan Arab yang membawa peralatan alat ganti, peluru dan bahan letupan milik pakatan Arab dalam wilayah Arab, namun Timbalan Menteri dan juga Yang Berhormat Rembau selepas itu nafikan bahawa ATM memainkan peranan *combatant* di Riyadh.

Tuan Pengerusi, saya hendak maklum kepada Dewan yang mulia ini, Timbalan Menteri dan juga Yang Berhormat Rembau telah memberikan satu tafsiran yang salah tentang *combatant*. Mengikut *Additional Protocol 1 Geneva Conventions 1949*, Artikel 43, saya petik, dengan izin, “*Members of the armed forces of a Party to a conflict other than medical personnel and chaplains are combatants, that is to say, they have the right to participate directly in hostilities.*”

Tuan Pengerusi, tidak perlu ada satu *additional protocol of Geneva Convention* bagi tahu kita apa itu *combatant*. Apabila dua negara ‘A’ dan negara ‘B’ berperang, kita terlibat dalam urusan membawa peluru, membawa bahan letupan untuk negara ‘A’, semestinya negara ‘B’ akan nampak kita sebagai *combatants*. Ini adalah *common sense*, Tuan Pengerusi.

Itu sebabnya saya hendak minta Kementerian Pertahanan...

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Yang Berhormat Tanjong Malim.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Ledang minta laluan.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Boleh mencelah Yang Berhormat Tanjong Malim?

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Boleh.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Saya tahu masa tidak banyak, sikit sahaja. Adakah Yang Berhormat Tanjong Malim setuju dan mungkin Timbalan Menteri juga setuju bahawa kita ada Dasar Luar Negara iaitu tidak campur tangan dalam urusan dua negara? Akan tetapi, pada masa yang sama juga, kita tahu bahawa keadaan Yaman juga sangat teruk di mana berlakunya kebuluran dan kematian yang sangat besar. Jadi apakah sebenarnya tumpuan dan fokus Malaysia dalam hal ini? Terima kasih.

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Terima kasih, Yang Berhormat Ledang. Saya hendak masukkan dalam ucapan saya sebab saya tahu kita sudah membelanjakan RM14.67 juta dalam operasi ini dan patutnya kita memberikan tumpuan pada keadaan kemanusiaan di Yaman.

Tuan Pengerusi, saya hendak kata tadi bila dua tentera berperang dan kita tolong salah satu tentera untuk hantar peluru, hantar barang letupan dan bila negara ‘B’ itu nampak kita sebagai *combatants*, bila dia hendak putuskan bekalan bahan letupan, bahan peluru yang akan digunakan untuk serang mereka, mereka akan serang anggota kita. Itulah bahayanya kita hantar trup tanpa ada persetujuan Kabinet, tanpa ada persetujuan Parlimen.

Tuan Pengerusi, oleh sebab itu, dua hari lepas kita sudah tubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya mendesak supaya Jawatankuasa Pilihan Khas ini akan menjalankan siasatan yang teliti dalam Ops Yaman 2 ini di mana trup kita dihantar tanpa persetujuan Parlimen, tanpa Persetujuan Kabinet. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuaran.

### 3.18 ptg.

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas bagi Maksud Butiran 030000 – Program Khusus dan Butiran 030500 – Pengoperasian di ESSZONE.

Tuan Pengerusi, saya telah dimaklumkan oleh pihak ESSCOM bahawa semalam tiga nelayan pukat tongkang diculik dan mangsa yang selamat dalam perjalanan balik ke Sandakan itu buat laporan polis.

Sejak pencerobohan di Lahad Datu tahun 2013, kesan pelabur serta pelaburan di Lahad Datu banyak kesannya. Sebagai contoh, sebuah pelaburan daripada Jepun melalui sebuah Syarikat GS Biomass Sdn Bhd telah menarik balik pelaburan atas sebab ancaman keselamatan di Lahad Datu. Pengurus syarikat terpaksa tinggal di Kota Kinabalu dan berulang-alik ke Lahad Datu setiap hari kerana pengurus ini telah takut dengan ancaman keselamatan dan pihak negara Jepun mengatakan bahawa ia tidak bertanggungjawab terhadap keselamatan dia dan akhirnya mereka telah menariknya balik ke negara Jepun dan pelaburan itu begitu sahaja.

**■1520**

Kedua, satu pelaburan daripada Pakistan iaitu Gamalux Berhad masih beroperasi di Lahad Datu tetapi syarikat ini memerlukan satu bahan bernama *spent bleach earth* daripada negara Korea dan mereka sekarang bermasalah mendapatkan bahan mentah ini kerana negara Korea tidak membenarkan Korean Flagship untuk memasuki perairan negeri Sabah atas sebab-sebab keselamatan.

Saya juga ingin menyatakan dan sebenarnya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak keselamatan kerana di antara 30 Oktober dan 12 November yang lalu telah berjaya menahan tujuh pengganas di negeri Sabah.

Saya hendak tanya ini semua Tuan Pengurus kerana Menteri Pertahanan ada menyatakan bahawa tidak ada lagi masalah pertahanan di negeri Sabah, pelancong-pelancong datang dan sebagainya. Ini membuktikan apa yang saya nyatakan tadi bahawa ancaman keselamatan di Sabah ini adalah *real*, adalah betul dan sangat-sangat memerlukan untuk pihak Kerajaan Persekutuan untuk menangani perkara ini dengan serius yang pertamanya pihak Persekutuan, saya bersetuju dengan beberapa pandangan tadi termasuk sahabat daripada Yang Berhormat Kudat dan yang lain-lain yang katakan tadi tentang isu keselamatan negeri Sabah. Tapi khusus dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan telah memastikan agar bajet untuk operasi keselamatan di negeri Sabah ini sentiasa mencukupi.

Sebagai contoh daripada 300 buah bot peronda yang telah dibekalkan, 80 daripada bot ini langsung tidak boleh digunakan. Satu, tidak pernah di *maintain*, masalah *spare part* dan juga masalah minyak dan sebagainya. Kedua, anggota perlu ditambah seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Arau juga awal tadi bahawa sepatutnya ada dua batalion polis yang diletakkan di ESSZONE tetapi sehingga pada hari ini dua batalion polis ini belum lagi dilaksanakan dan ini sangat-sangat diperlukan.

Ketiganya, selain daripada anggota yang perlu ditambah aset-aset seperti *A civilian* dan *C civilian* sangat-sangat perlu ditambah seperti penggunaan dron, helikopter dan sebagainya. Saya difahamkan bahawa perkara ini masih lagi belum dilaksanakan sedangkan inilah yang sangat-sangat diperlukan di negeri Sabah dan satu lagi yang penting ialah dari segi pelaksanaan *Island Based Forward Operations* perlu diadakan sekurang-kurangnya lima pulau. Setakat ini belum ada dan apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan yang lalu ialah telah membina apa yang dipanggil sebagai pelantar Tun Sharifah Rodziah di ....., Semporna.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini pelantar ini telah dibina dengan kos RM150 juta pelantar ini langsung tidak berfungsi. Kalau duit ini digunakan untuk membina *Island Based Forward Operations* dapat ia lebih bermanfaat dan saya difahamkan bahawa ia telah dilaksanakan walaupun pegawai-pegawai di ESSCOM sebenarnya tidak bersetuju sebab pegawai-pegawai di ESSCOM lebih tahu apa yang harus dibuat *on the ground*. Jadi pihak kerajaan harus melihat ini, mengambil tindakan terhadap pelantar yang tidak berfungsi ini dan sebaliknya hendaklah mengambil tindakan untuk mengadakan *Island Based Forward Operations* ini.

Akhir sekali saya ingin mencadangkan supaya untuk menangani masalah keselamatan negeri Sabah ini, contohnya dalam pengganas yang telah ditangkap, lapan orang yang telah ditangkap itu semuanya adalah rakyat asing daripada negara Filipina dan yang sangat menakutkan adalah mereka ini berada di negeri Sabah untuk merekrut. Merekrut mereka yang menjadi pengganas menjadi anggota Abu Sayyaf dan sebab itu mereka berada di negeri Sabah menyamar sebagai PTI. Sebab itu saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini supaya kerajaan melaksanakan pendaftaran penduduk Sabah secara digital seperti apa yang telah dilaksanakan di Estonia, di Qatar dan sebagainya. Saya fikir ini adalah sangat penting untuk laksanakan supaya kerajaan dapat mengatur keselamatan Sabah dengan lebih baik. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Merbok, silakan.

### 3.24 ptg.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh terus kepada butiran 010200 – Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran, yang mana saya lihat di sini ada berlaku peningkatan sebanyak RM20 juta jadi apakah butiran tersebut? Adakah ia terkait juga dengan lima tuntutan yang dibawa oleh NGO Pahlawan yang mempunyai 14 ribu anggota Pertubuhan Prihatin Bekas Anggota Keselamatan Malaysia iaitu PAHLAWAN yang mewakili 500,000 bekas pesara tentera yang mana saya bacakan sedikit dia punya tuntutan.

Antaranya yang pertama menuntut kenaikan pencen pesara veteran, tentera selaras kenaikan gaji semasa. Kedua, menuntut kerajaan memberi imbuhan RM6,000 setahun kepada veteran yang tidak berpencen. Ketiga hak mewariskan pencen veteran, pesara kepada waris terdekat selepas kematian manakala kelayakan pencen terbitan harus untuk sepanjang hayat dan keempat menuntut penyeragaman pencen hilang upaya dan *ex gratia* untuk semua veteran hilang upaya ketika perang tanpa mengira tahun akhir perkhidmatan dan akhir sekali menuntut kerajaan menyediakan sebidang tanah ataupun rumah mampu milik atau kos rendah.

Jadi adakah dengan peningkatan ini sekiranya ada tuntutan yang manakah yang telah diberi perhatian dalam butiran tersebut.

Seterusnya saya pergi terus kepada butiran 08400 -Perumahan Angkatan Tentera Malaysia yang mana kenaikan seperti yang diberitahu oleh Yang Berhormat Ledang tadi menghampiri 190.2 peratus kenaikan yang tinggi. Soalan saya adakah peruntukan ini terkait dengan pelan induk yang telah dilakukan oleh kerajaan terdahulu kerana sebelum ini kita ada rumah keluarga angkatan tentera, satu anggota satu rumah dan program baik pulih kediaman tentera 1 Malaysia. Sekiranya tidak, apakah bentuk program di bawah butiran ini dan sebanyak manakah rumah yang akan terlibat dengan butiran tersebut. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Saya menjemput Yang Berhormat Pasir Gudang sekarang.

**3.27 ptg.**

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh kepada butiran 020000 – Kesiagaan dan Operasi, dalam tajuk ini ada butiran Pertahanan Maritim – 020300. Saya melihat anggaran tahun 2018 dengan 2019 ada penurunan pada anggaran untuk tahun 2019. Kemudian saya melihat peruntukan bagi tahun 2019 itu bagi perkhidmatan dan bekalan juga merosot turun daripada RM966 juta lebih kepada RM349 juta. Satu lagi butirannya ialah berkenaan Pertahanan Udara iaitu butiran 020400. Untuk tahun 2019 juga merosot sebanyak RM820 juta dan begitu juga dengan perkhidmatan dan bekalan bagi pertahanan udara sebanyak RM852 juta.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh dalam perbahasan mengenai Kementerian Pertahanan ini dua aspek iaitu pertahanan maritim iaitu laut dan juga pertahanan udara. Ini kerana ada kaitannya saya melihat Kementerian Pertahanan, Yang Berhormat Menteri ambil berat tentang keselamatan negara, kedaulatan negara kita ini kerana pada peringkat ini memang ada perbalahan secara nota-nota bantahan. Misalnya dalam surat khabar hari ini iaitu pertikaian antara Malaysia dan Singapura dari segi maritim kawasan laut dan juga berkenaan ruang udara.

Kedua-dua isu ini berlaku di Johor - pertikaian ini. Berkenaan dengan maritim laut itu dakwaan Kerajaan Singapura menyatakan bahawa Malaysia telah menceroboh wilayah laut di Selat Johor sana dan ini telah dinafikan oleh Kerajaan Malaysia dan Perdana Menteri menyatakan Malaysia bersedia untuk ukur sempadannya dan tidak ada *encroachment* dengan izin pencerobohan.

**■1530**

Isu yang lagi satu ialah tentang pertikaian mengenai kedaulatan udara di Selatan Johor yang telah diserahkan oleh kerajaan kita pada tahun 1974 iaitu apa yang dipanggil *delegated airspace*. Ini meliputi kawasan udara di Pasir Gudang dan ada kaitannya dengan kegiatan penerbangan komersil lapangan terbang di Seletar di Singapura. Jadi, saya melihat bahawa kerajaan, Kementerian Pertahanan perlu berunding, berunding jugalah diplomasi ini jiran. Kita hidup berbaik-baik dan sebagainya tetapi kekuatan TUDM, kekuatan TLDM udara dan juga laut ini sangat penting untuk mempertahankan kedaulatan wilayah negara kita ini.

Kalau kekuatan pertahanan kita ini kuat, negara-negara jiran segan pada kita. Dalam masa yang sama, saya percaya dua perkara ini boleh diselesaikan melalui perundingan dengan baik dalam semangat antara jiran dua negara ini. Akan tetapi walau macam mana pun kita melihat, saya minta kementerian supaya tuntut baliklah wilayah ruang udara kita di Selatan Johor itu sebab walaupun kontrol ini di pihak Singapura, di Bahagian Civil Aviation tetapi ini menjelaskan dari segi *military* juga penerbangan ketenteraan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jempol. Silakan.

**3.32 ptg.**

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, sebagai permulaan, izinkan saya untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga tentera yang masih setia bersama dalam menjaga keamanan, kemakmuran negara. Saya ingin menyentuh Butiran 01200 – Penyelidikan dan Pembangunan Pertahanan. Anggaran peruntukan bagi tahun 2019, RM30.5 juta. Berdasarkan kepada peningkatan jumlah peruntukan berbanding tahun-tahun sebelumnya, maka besarlah harapan saya untuk melihat pertahanan negara maju, berdikari dalam menghasilkan senjata.

Sebelum ini perkara tersebut telahpun diberi penekanan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap aset buatan luar negara. Malaysia juga dijangka mampu untuk memiliki pesawat tempur buatan tangan sendiri menjelang tahun 2030. Soalan saya, apakah jenis penyelidikan dan pembangunan pertahanan yang diberikan penekanan serta menjadi keutamaan berdasarkan peruntukan tersebut. Saya juga ingin mencadangkan agar kementerian memberikan tumpuan khusus kepada penghasilan persenjataan kecil dan pemodenan kelengkapan tempur seperti peluru, perisai, senjata api, archery dan juga sebagainya.

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 020100 – Bantuan Bersama. Anggaran peruntukan 2019 - RM1.3 bilion. Sebelum ini Kementerian Pertahanan dan Kementerian Wilayah Persekutuan telah melancarkan projek membina 3,500 unit rumah mampu milik untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di bawah satu program iaitu satu anggota, satu rumah sasaran. Kesemua unit berkenaan akan dibina dalam Kem Perdana Sungai Besi sebagai tanda terima kasih kepada anggota atau khidmat cemerlang anggota tentera selama 60 tahun Malaysia merdeka.

Harga seunit rumah kediaman yang bakal ditawarkan adalah serendah RM150,000 ke RM250,000 dengan keluasan 1,000 hingga 1,200 kaki persegi. Soalan saya, apakah status projek perumahan tersebut? Apakah kementerian meneruskan inisiatif yang diperkenalkan sebelum ini bagi memastikan kebijakan para anggota terjaga. Apakah penambahbaikan yang difikirkan oleh kementerian terhadap aspek perumahan anggota tentera. Adakah kementerian bercadang untuk meluaskan program sebegini di kawasan lain.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh Butiran 010100 – Pengurusan Kementerian Pertahanan. Anggaran peruntukan bagi 2019 - RM525.7 juta. Di kesempatan ini juga saya hendak memberi teguran kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga Menteri berdasarkan kepada perkara yang berlaku kebelakangan ini iaitu membongkarkan setiap kekurangan negara atau dasar ataupun dasar negara. Jangan membuat kenyataan secara terbuka kononnya terdapat kekurangan dalam sistem pertahanan negara. Bak kata pepatah membuka kain sendiri. Tindakan tersebut adalah tidak wajar dan tidak boleh diterima oleh anggota tentera ataupun veteran. Pendedahan maklumat...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Menyingkap kain Yang Berhormat Jempol, bukan buka kain. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Buka kain bahaya.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Buka kain nampak...

**Tuan Pengerusi:** Tak apa, tak apa kesalahan teknikal.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Speaker saya hendak betulkan aje pepatah.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Pendedahan maklumat berhubung dengan utama...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Pengerusi, yang mengantuk semua buka mata Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya memang kalau begitu.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Perkara tersebut - eh! Tolong jangan ganggulah sudah tinggal empat saat - Perkara tersebut sekali gus mendedahkan aspek keselamatan dan rahsia negara. Jadi saya harap perkara-perkara yang berkaitan dengan keselamatan negara, Menteri dan juga Timbalan Menteri jangan buka kain sendiri. Jadi patut, patutlah kerana ianya mengancam negara kita sendiri, membuka kelemahan sudah pasti ianya akan jadi mendedahkan kelemahan kita. Negara-negara luar tahu kelemahan kita, maknanya pertahanan kita masih belum kukuh lagi. Kalau hendak bicara, bicaralah dalam kelambu supaya orang lain, orang sebelah tak dengar. Jadi, inilah kelemahan yang perlu diperbaiki. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Mentang, mentang Jumaat ya.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai.

### 3.37 ptg.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya tak berniat untuk bercakap panjang cuma dua perkara yang saya ingin bagikan. Satu, berkenaan dengan Butiran 010100 – Pengurusan Kementerian Pertahanan. Khusus berkaitan dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Tanjong Malim iaitu apa yang kita dengar di dalam berita, yang kita baca dalam berita tentang Ops Yaman 2, yang mana telah disebut sebelum ini mengatakan mantan Menteri Pertahanan telah berkata bahawa askar-askar kita telah dihantar tanpa pengetahuan Kabinet iaitu melalui Majlis Keselamatan Negara.

Saya mohon kepada pihak kementerian, khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberikan penjelasan. Ini kerana bila saya lihat di bawah Akta Majlis Keselamatan Negara, saya tidak lihat apa-apa peruntukan, malah tidak dinyatakan dengan jelas fungsi Majlis Keselamatan Negara, dalam erti menghantar mana-mana pasukan keselamatan kita ke luar negara. Malah, apakah ini mungkin lari daripada teras yang kita nampak pada laman web Majlis Keselamatan Negara sendiri di MKN.gov.my yang dinyatakan fungsi teras Majlis Keselamatan Negara adalah mempertahankan kedaulatan dan kepentingan strategik negara yang merangkumi aspek mempertahankan keutuhan dan kedaulatan wilayah maritim, angkasa, siber serta kepentingan strategik negara.

Adakah kawasan negara Yaman ini termasuk di dalam wilayah kita. Apakah yang dimaksudkan ataupun adakah yang dimaksudkan oleh mantan Menteri Pertahanan, setiap

individu pelajar kita konon yang dikatakan berada di negara tersebut, adakah itu di dalam takrifan wilayah strategik negara kita. Bagaimanakah individu boleh menjadi wilayah jika betul itu adalah maksudnya. Kalau kita lihat, kalau boleh, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan di sini dalam Dewan ini, adakah disebut dalam mana-mana mesyuarat ataupun minit mesyuarat Majlis Keselamatan Negara sebelum ini tentang perkara ini. Saya harap boleh diperjelaskan agar kita dapat dua *way, once and for all* dengan izin persepsi yang mungkin timbul akibat daripada isu Ops Yaman 2 ini.

Pada masa yang sama, saya juga ingin bertanya dalam kita membincangkan dalam konteks dengan izin, *reframing of our foreign affairs* punya polisi, Dasar Luar Negara kita.

■1540

Apakah hala tuju Angkatan Tentera Malaysia dalam konteks tersebut memandangkan Malaysia sekarang berada dalam satu keadaan geopolitik yang menarik, unik dan mungkin ada tekanan-tekanan di antara kuasa-kuasa besar dan juga bila kita bincangkan Laut China Selatan dan Dasar Nine-Dash Line oleh kuasa besar. Jadi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh berikan sedikit penjelasan tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Pembangunan 60, 08400 – Perumahan Angkatan Tentera Malaysia. Ini walaupun di Lembah Pantai tidak ada perumahan angkatan tentera tetapi saya tahu di kawasan-kawasan lain di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ada juga seperti di Kem Wardieburn. Adakah di antara perkara-perkara yang akan dibaiki di mana-mana kem tentera di Wilayah Persekutuan, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh berikan sedikit penjelasan kerana saya juga mendapat daripada masa ke semasa, aduan daripada rakan-rakan yang tinggal di kem-kem tentera berkenaan contohnya dengan masalah lif yang mereka hadapi.

Ini sama dengan semua kawasan perumahan kita dan kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mohon untuk perincikan apakah masalah-masalah paling kronik yang dihadapi oleh perumahan tentera kita supaya kita dapat lihat adakah penyelesaian setiap tahun kita berikan peruntukan, *are we fixing the same problem again and again* ataupun adakah cara lebih baik yang boleh kita lihat. Setakat itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tangga Batu. Silakan. Lepas Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Papar. Lepas Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Jelutong dan seterusnya Yang Berhormat Taiping.

**4.41 ptg.**

**Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.60 – Aktiviti 3. (E) Mengukuhkan Keupayaan Bagi Melindungi Kedaulatan dan Keselamatan Perairan Maritim Negara dan (G) Peningkatan Aset. Butiran 020300 mengenai Pertahanan Maritim. Pada tahun 2018, peruntukan adalah sebanyak RM1,943,612,500 tetapi telah dikurangkan kepada RM1,359,581 dan pengurangan ini saya rasa amat ketara. Contohnya

di Parlimen Tangga Batu telah berlaku tiga kali pencurian bot nelayan dalam tempoh dua tahun. Yang terbaru, lima bot nelayan di Pangkalan Nelayan Pulau Gadong dicuri oleh nelayan-nelayan Indonesia. Apabila perbincangan diadakan dengan UPEN dan didapati bahawa APMM mempunyai bot ronda sebanyak empat buah untuk memantau perairan di sebelah Selatan namun hanya satu buah sahaja yang boleh digunakan.

Jadi apabila meronda di Johor, perairan Melaka bolos. Maka lanun-lanun, perompak-perompak yang sedang menunggu dan agaknya sudah tahu jadual rondaan masuk mencuri sebab bila kucing tak ada, tikus pun bermaharajalela. Saya ingin memohon supaya peruntukan ataupun aset tentang maritim ini dipertingkatkan segera sebab pulihkanlah kepercayaan rakyat agar mereka boleh bergantung harapan kepada Kerajaan Pakatan Harapan ini. Jadi itu sahaja isu yang saya hendak bawa. Saya akhiri dengan:

*Padang Serai bekas tentera,*

*Bagan Serai seorang doktor,*

*Pertahanan kuat nadi negara,*

*Demi maruah dan kedaulatan negara.*

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Papar.

### 3.44 ptg.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Terima kasih Tuan Pengurus. Selamat petang kepada semua MP di sini. Seperti mana yang kita tahu, Kementerian Pertahanan mempunyai visi sebagai peneraju pertahanan negara yang berwibawa dan memastikan pengurusan pertahanan negara sentiasa cekap, siap siaga dan dinamik. Kita melihat peruntukan untuk Bekalan 60,20000 – Kesiagaan dan Operasi iaitu Butiran 020100 – Bantuan Bersama RM1.27 bilion. Butiran 020200 – Pertahanan Darat, Butiran 020300 – Pertahanan Maritim, Butiran 040400 – Pertahanan Udara.

Walaupun amaun yang diberikan oleh kerajaan agak menurun tetapi masih lagi kita dapat belanjawan yang besar demi untuk menjaga kesiagaan dan mempertahankan negara kita. Di sini saya ingin memfokuskan insiden-insiden yang telah berlaku di negeri Sabah di mana ianya boleh dikatakan sesuatu yang menyayat hati di mana krisis pencerobohan Lahad Datu pada tahun 2013 yang mengaitkan kepada insiden diplomatik yang berlaku di antara Malaysia dan Filipina sejurus selepas 235 orang Filipina yang sebahagiannya bersenjata mendarat di Kampung Tanduo, Daerah Lahad Datu pada 11 hari bulan Februari 2013 di mana pertumpahan darah dan kehilangan jiwa telah terjadi.

Apakah nasib kepada anggota-anggota PDRM yang telah terkorban? Adakah keluarga mereka ini dibela? Saya juga difahamkan ramai penceroboh telah ditangkap dan dibawa ke muka pengadilan dan saya ingin tahu adakah dan macam manakah status pengadilan mereka setakat ini. Pada bulan Jun 2015, sekumpulan enam orang bersenjata dipercayai Kumpulan Abu Sayyaf juga bertindak menculik seorang rakyat Malaysia dan melarikan sebuah bot nelayan di perairan

Sabah. Pada tahun ini, dua orang nelayan warga Indonesia yang bertugas di atas kapal nelayan tempatan di perairan Semporna juga telah diculik oleh kumpulan penculik untuk wang tebusan.

Kejadian berlaku sekitar jam 12 tengah malam. Penculik-penculik ini dipercayai membawa senjata M16 berdasarkan keterangan yang diberi oleh seorang nelayan yang terselamat kerana bersembunyi ketika kejadian itu. Pada 8 Disember 2016, tiga penjenayah ditembak mati oleh pasukan keselamatan dan dua lagi ditangkap juga dipercayai mahu membuat penculikan.

Demi untuk menghalang perkara-perkara yang tidak diingini berlaku dan menyusahkan Kerajaan Malaysia, begitu juga Kerajaan Negeri Sabah, maka dengan belanjawan yang telah diberi oleh kerajaan pada Butiran P.60 00100 – Pembinaan. Butiran 00200 – Kelengkapan yang berjumlah RM116,870,000 dan juga untuk Tentera Laut, Butiran 00300 – Pembinaan, RM9.2 juta. Butiran 00400 juga Kelengkapan, RM1.62 bilion dan Tentera Udara, Butiran 00700 – Pembinaan. Butiran 00800 – Kelengkapan juga berjumlah RM39.7 juta dan RM410 juta.

Saya menyeru kepada kerajaan dengan belanjawan yang telah diberi supaya memberi keutamaan kepada negeri Sabah daripada segi keselamatan dengan menambah pegawai ketenteraan di Sabah dan menambah aset-aset yang sedia ada seperti bot laju, helikopter dan lain-lain lagi. Kalau penculikan di Sabah ini tidak dapat dipantau, maka aktiviti-aktiviti pelanconganlah yang akan terbantut dan pelancong-pelancong akan takut datang ke tempat-tempat eksotik yang boleh didapati di negeri Sabah.

Maka negeri Sabah akan bertambah mundur kerana kurang pendapatan. Insiden penculikan yang berlaku sedikit sebanyak mencalar imej Sabah ketika negara mengalu-alukan kedatangan pelancong-pelancong asing sempena Tahun Melawat Malaysia yang akan datang. Jadi saya berharap kerajaan akan dapat menambah aset pertahanan yang sedia ada kepada yang terkini dan termoden supaya kita dapat melawan anasir-anasir yang ingin mengacau di perairan Sabah. Terima kasih.

#### ■1550

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Papar, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong. Silakan.

#### 3.50 petang.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya di sini ingin membahas di atas Butiran 020000 – Kesiagaan dan Operasi. Dalam konteks ini saya memandang bahawa peruntukan telah dikurangkan daripada jumlah RM11 bilion pada tahun 2018 ke RM9 bilion sahaja anggaran perbelanjaan pada tahun 2019. Saya ingin tanya, mengapakah pengurangan yang begitu mendadak ini dirancang?

Seperti yang kita telah dengar Yang Berhormat dari Tangga Batu, Yang Berhormat dari Tuaran dan sebentar tadi Yang Berhormat daripada Papar semua menjelaskan kejadian-kejadian di mana lautan perairan wilayah di Malaysia sering kali dicerobohi oleh anasir-anasir. Yang Berhormat Tangga Batu telah memberitahu tadi kejadian-kejadian bot-bot nelayan dicuri. Yang

Berhormat daripada Tuaran dan Papar telah pun memberitahu dan berkongsi dengan Dewan yang mulia ini kejadian-kejadian pencerobohan.

So, saya ingin tanya dalam keadaan tersebut, apakah ia merupakan langkah yang positif dalam mengurangkan perbelanjaan untuk kesiagaan dan operasi? Pada masa yang sama, saya menggunakan kesempatan ini untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya jangan mengulangi tindakan kerajaan yang terdahulu menghantar tentera kita ke luar negara untuk campur tangan dalam urusan perbalahan di luar negara. Tentera kita diperlukan di sini untuk menjaga keselamatan rakyat di Malaysia.

Perkara ini telah dilakukan oleh mantan Menteri dan tadi Yang Berhormat Rembau yang juga merupakan seorang Menteri Kanan dalam kerajaan yang dahulu sekarang mempersoalkan kerajaan kita seolah-olah beliau sendiri tidak tahu. Mengapakah beliau tidak membangkitkan persoalan ini pada masa tersebut? So, di sini saya sekali lagi ingin menyeru kepada kerajaan yang baru, supaya meningkatkan lagi belanja operasi kesiagaan dan operasi dan jangan sekali-kali menghantar tentera kita untuk melibatkan diri di dalam perbalahan di luar negara di mana keselamatan mereka akan juga terancam.

Pada masa yang sama, saya di sini ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Kita lihat satu berita yang begitu mengejutkan dikongsi oleh Menteri Pertahanan bahawa daripada 28 unit jet Rusia yang ada dalam tentera udara sekarang hanya empat sahaja yang boleh terbang. Hanya empat sahaja yang boleh terbang. Apakah kealpaan ini boleh ditangani? Saya faham bahawa kita mempunyai masalah kewangan, tetapi ini adalah perkara yang begitu memalukan. Kedaulatan, martabat dan kebebasan negara Malaysia adalah sesuatu yang kita tidak boleh berkompromi.

Kita lihat – saya minta maaf, saya tidak mahu bermain politik di sini. Menteri-menteri yang dahulu semua sekarang seolah-olah melontarkan soalan-soalan ini kepada kerajaan yang ada sekarang tetapi pada masa yang lalu dalam pemerintahan Barisan Nasional, perkara-perkara ini langsung tidak diberi perhatian. Bayangkan perkara yang begitu penting kepada negara Malaysia, kedaulatan Malaysia, pertahanan Malaysia dan keselamatan rakyat Malaysia. Sehingga hari ini insiden Lahad Datu menjadi insiden yang paling ngeri dalam sejarah Malaysia yang moden. Di mana ada anasir-anasir jahat yang berani jejak masuk ke Sabah. Perkara ini pun kita tidak tahu sehingga menyebabkan ramai daripada anggota keselamatan kita terkorban, mati katak kalau dikatakan. Saya mohon supaya perkara ini diberi perhatian.

Jangan sekali-kali kerajaan yang ada sekarang berkompromi atas itu keselamatan. Janganlah alpa seperti Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu. Beri perhatian, keutamaan kepada tentera kita memastikan bahawa kita sentiasa siap siaga untuk melawan siapa-siapa yang berani untuk jejak masuk ke daerah Malaysia.

Di sini saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk menyeru Menteri Pertahanan supaya beritahu Singapura, "*Jangan main-main dengan Malaysia, jangan sekali-kali ingat kita tidak boleh mempertahankan diri*". Kita gunakan kesimpulan, kalau kita lihat dalam berita-berita, tiap-tiap hari ada warganegara asing yang cuba berenang masuk ke dalam perairan Singapura.

Masuk sahaja lima meter ke dalam perairan mereka, mereka akan ditangkap dan ditahan. Akan tetapi di Malaysia sebaliknya berlaku. Anasir-anasir daripada luar negara berani masuk dalam perairan kita menculik rakyat Malaysia. So, ini adalah perkara yang kita harus pandang serius.

Saya mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang kegunaan dua kapal selam yang kita ada. Saya tahu ini adalah kapal selam tetapi bolehkah ia benar-benar selam untuk menjaga keselamatan rakyat Malaysia dan perairan di Malaysia. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, memandangkan masa tidak mengizinkan, itu adalah pandangan saya di atas butiran-butiran yang telah saya kemukakan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Jelutong. Akhir sekali Yang Berhormat Taiping. Silakan.

**Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Saya minta juga Tuan Pengerusi, sedikit sahaja selepas ini. Satu lagi.

### 3.56 ptg.

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tidak akan berpanjang lebar. Syabas dan tahniah kepada Kementerian Pertahanan kerana di bawah Maksud P.60, tahun 2019 akan diperuntukkan dengan kenaikan peruntukan sebanyak RM1,000 juta untuk pembinaan dan kelengkapan.

Terus saya menyentuh bahawa Butiran 08400 – Perumahan Angkatan Tentera Malaysia. Syabas saya ucapkan atas tambahan peruntukan kepada RM282 juta. Saya mengambil kesempatan ini membawa satu soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mohon penjelasan atas status terkini tanah Angkatan Tentera yang terletak di tepi Jalan Padang Tembak berdekatan dengan kaki Bukit Larut, Taiping yang dianggarkan seluas 27 ekar. Apakah rancangan kementerian atas tanah tersebut? Mohon kalau tidak sempat jawab lisan minta jawapan bertulis. Itu sahaja sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Pendek dan ringkas sekali. Terima kasih, Yang Berhormat Taiping. Yang Berhormat Rantau Panjang, pembahas yang terakhir.

### 3.57 ptg.

**Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, terima kasih, Tuan Pengerusi beri peluang kepada saya untuk membahas peringkat Jawatankuasa Kementerian Pertahanan B.60. Kalau kita melihat pengorbanan yang dilihat oleh anggota tentera kita terlalu tinggi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh Butiran 010100 – Pengurusan Kementerian Pertahanan dan Butiran 010200 – Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV).

Kita lihat rata-rata anggota tentera kita menamatkan perkhidmatan antara umur 30 tahun hingga 36 tahun ini yang tidak berpencen dan bagi yang seterusnya menamatkan perkhidmatan di antara 39 tahun hingga 40 tahun. Jarang sekali mencapai umur 60 tahun walaupun umur

persaraan diletakkan 60 tahun. Itu pun di tahap gred 52 ke atas. Jadi sudah tentulah kita dapat melihat bagaimana kadar pencer yang diterima berbanding dengan penjawat awam yang lain.

Jadi saya ingin menyentuh di sini ialah tentang kebaikan warga veteran terutama mereka yang askar tentera ini yang berpencen. Mereka ini dalam keadaan-keadaan hidup yang sangat tertekan apalagi tentera yang berhenti di umur awal yang tidak mendapat pencer, veteran tanpa pencer. Sudah tentu berdepan dengan tekanan hidup yang sangat tinggi apalagi dalam keadaan kos hidup sekarang yang semakin mahal di banding indeks harga pengguna berbanding tahun 2000 hingga tahun 2018, tahun 2000 sebanyak 80.5 peratus, sekarang sudah menjangkau tahun 2018 indeks harga pengguna sudah 120 peratus. Jadi sedangkan kadar pencer mereka tetap sama. Sama dengan zaman tahun 2000 lagi. Jadi sudah tentulah tekanan yang sangat terasa untuk mereka meneruskan kelangsungan hidup. Jadi saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian untuk membuat kajian menyeluruh terhadap skim perkhidmatan anggota tentera terutama berkaitan dengan kenaikan pencer.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Jawatankuasa]*

Begitu juga kepada yang menerima Pencer Hilang Upaya iaitu mereka yang mengalami kecederaan semasa bertugas. Saya mendapat makluman ada yang mendapat pencer serendah RM374 sahaja sebulan sedangkan mereka pencer dalam keadaan umur 30-an dan 40-an di saat menjadi keluarga yang sangat tertekan dengan anak yang semakin membesar. Jadi saya ingin tahu apakah perancangan untuk memastikan supaya pencer tentera ini yang diterima oleh mereka ini dapat melegakan kehidupan mereka, menyara kehidupan.

#### ■1600

Begitu juga mereka yang mengalami kecacatan total semasa perkhidmatan iaitu mendapat Elaun Layanan Sentiasa. Jadi, kita dapat maklum hanya mendapat pencer sekitar RM440 sahaja sebulan sedangkan mereka berkorban seluruh hidup mereka untuk menjaga keselamatan negara. Jadi saya ingin tahu apakah dasar yang telah dibuat?

Begitu juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan kebaikan veteran yang tidak berpencen ini ialah apabila mereka hendak mencari pekerjaan baharu, mereka susah mendapat peluang pekerjaan. Jadi, saya mencadangkan kepada pihak kementerian memberi kelonggaran kepada anggota-anggota tentera yang berpencen ini supaya mereka diberi keutamaan dengan pengalaman mereka bertahun-tahun dalam anggota tentera supaya mereka diberi keutamaan terutama dalam sektor-sektor yang sesuai dengan bidang mereka.

Ada majikan setengahnya meletakkan alasan kerana tentera ini tidak ada kelulusan asas SPM. Ya lah, sebab dia masuk tentera dengan kelulusan SRP, dengan kelulusan tingkatan tiga sebelum ini. Mungkin memang dia tidak ada kelulusan SPM. Jadi, inilah aduan yang kita dapat terima daripada veteran-veteran kita yang tidak berpencen di rumah. Mereka susah untuk mencari pekerjaan. Jadi, saya ingin tahu apakah penyelesaian pihak kementerian untuk membela terutama anggota-anggota tentera kita veteran yang berpencen dan ada juga veteran yang tidak

berpencen ini supaya mereka dapat keluar daripada kemelut kemiskinan sebagai satu tanggungjawab sosial kita kepada anggota mereka, mengenangkan jasa mereka yang begitu besar kepada negara.

Jadi, saya ingin tahu juga kepada anggota-anggota tentera ini, apakah program-program bantuan terutama yang dimainkan oleh Majlis Veteran Kebangsaan? Ini kerana majlis ini telah diwujudkan. Jadi, sepatutnya Majlis Veteran Kebangsaan itu adalah mempunyai tanggungjawab besar dalam menentukan kebijakan pasukan tentera kita. Jadi, setakat ini apakah peranan dan apakah program-program yang telah berjaya dilakukan dalam membela veteran-veteran kita ini supaya mereka dapat dipulihkan daripada kesengsaraan hidup hari ini? Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Baiklah begitu lah berakhirnya tempoh perbahasan peringkat jawatankuasa untuk Kementerian Pertahanan. Seramai 22 Ahli Parlimen telah mengambil bahagian. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Pertahanan untuk menjawab. Tempoh masa 30 minit. Sila.

#### **4.02 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan bahagikan jawapan saya dalam tiga bahagian. Bahagian satu, saya akan – dalam lima bidang – akan menggariskan hala tuju kementerian di bawah pimpinan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Kota Raja.

Bahagian kedua saya akan tumpukan untuk jawab soalan yang dibangkit oleh ramai Ahli Parlimen tentang Ops Yaman dan bahagian ketiga saya akan cuba sedaya upaya untuk jawab poin-poin yang belum di sentuh dalam bahagian pertama.

Lima bidang yang saya ingin gariskan ialah di bawah kepimpinan atau Kementerian Pertahanan sekarang. Lima bidang yang kita tumpukan. Pertama, menentukan hala tuju untuk masa depan. Kedua, ketulusan. Ketiga, kesejahteraan anggota dan veteran. Keempat, menyusun semula dasar diplomasi pertahanan dan kelima, menganggap pertahanan ataupun MINDEF dengan ATM sebagai satu bidang ekonomi.

Untuk hala tuju, tadi Yang Berhormat Jempol yang kata kita buka kain sendiri. Ada yang ditanya oleh Yang Berhormat Pontian tentang Kertas Putih Pertahanan. Adakah kita hendak umum atau tidak umum? Pendirian kami ialah dasar pertahanan perlu dimaklumkan kepada semua di negara. Kalau kita percaya tentang idea *Hanrod* atau pertahanan menyeluruh. Kita mesti maklumkan dasar pertahanan dalam Parlimen dan juga kita perlu rakyat memahami dasar pertahanan. Bukan sahaja dasar pertahanan tetapi juga dasar keselamatan yang bukan sahaja melibatkan Kementerian Pertahanan tetapi juga MKN, Kementerian Dalam Negeri dan juga Kementerian Luar Negeri.

Ada masa kita ini dalam Parlimen pun tidak semestinya faham apa di bawah bidang mana? Sebenarnya banyak soalan yang telah ditanya tadi tentang SCOM, SSON atau pun

tentang isu-isu maritim dan tentang isu pencerobohan perairan kita. Banyaknya di bawah kementerian lain seperti SCOM di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Ini semua di bawah kementerian lain dan Kementerian Dalam Negeri tetapi memang kalau kita ada satu konsep di mana kita ada konsep *security community* atau komuniti keselamatan di mana kementerian-kementerian ini di bawah dasar keselamatan negara boleh fikir tentang dasar-dasar keselamatan bersama. Kami berharap dalam proses ini pihak pembangkang dan juga pihak sini boleh dilibatkan dalam konsultasi dalam perbincangan dan perundingan untuk persediaan Kertas Putih Pertahanan.

Kertas Putih Pertahanan buat masa ini diharap boleh dibentangkan ke Parlimen pada bulan Jun. Buat setakat ini adalah – rancangan sekarang ini ialah untuk membentang Kertas Putih Pertahanan ke Parlimen pada bulan Jun tahun depan. So, pandangan kami ialah lebih baik kita maklumkan kepada semua dan membincangkan isu. Banyak isu sebenarnya boleh dimaklumkan kepada rakyat. Hala tuju ini penting kerana kalau Ahli Politik tidak faham isu pertahanan kita mungkin akhirnya ada keputusan-keputusan yang salah dan tidak betul.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Rembau dan saya rasa cadangan Yang Berhormat Rembau tadi baik, saya setuju dengan dia. Hala tuju kementerian untuk buat serta-merta ialah untuk *back to the basic*, jaga kesejahteraan anggota dan veteran terutamanya kalau untuk anggota ialah perumahan dan juga mobiliti. *Basic mobility* ini tidak mencukupi. Saya tidak hendak tuding jari lah tetapi ini – kerajaan ini hanya enam bulan. Apa yang telah berlaku seperti apa yang digariskan oleh Yang Berhormat Rembau, betul. Kita *basic mobility* tidak mencukupi. Trak tentera tiga tan tidak cukup, *basic operation vehicle* tidak cukup. Ini adalah *back to the basic*, kita harap boleh buat dalam tahun depan untuk membaiki kesejahteraan anggota dan veteran.

Saya hendak maklumkan juga tentang perumahan. Perumahan anggota.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: [Bangun]**

**Tuan Liew Chin Tong:** Perumahan anggota ini dulu ada banyak program untuk buat perumahan baharu. Akan tetapi kementerian ambil tindakan atau keputusan bahawa tahun depan fokus kementerian adalah untuk membaiki rumah yang tidak duduki, ada banyak rumah anggota yang dua bilik ini kita gabungkan jadi empat bilik. Walaupun ini pernah dibuat sebelum ini tetapi untuk tahun depan ini adalah akan jadi tumpuan untuk kementerian supaya kita boleh dapat lebih banyak perumahan dari perumahan yang tidak diduduki.

Sebenarnya dalam ATM ada hampir 13,000 unit perumahan yang tidak diduduki. Saya pun tidak daham kenapa dulu tidak ubah suai yang sedia ada tetapi bina baru tetapi ini adalah hala tuju kita. Kita akan fokuskan ini dan RM50 juta telah diperuntukkan untuk program ini.

■1610

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya membawa dua perkara tadi iaitu masa depan pesara dari segi pencen. Pencen ini dahulu dia pertahankan negara dengan mengorbankan jiwa raga, kedapatan ada yang cedera sampai ke akhir hayat. Ada di kalangan mereka yang menderita sebab proses anggota tentera ini bersara

mereka dalam sekitar umur 42 tahun, 43 tahun di peringkat bawahan. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya mengkaji semula pencen-pencen orang lama, veteran ini supaya mereka mendapat pencen yang setara dengan persaraan yang berlaku pada waktu ini.

Keduanya, saya juga dimaklumkan—dalam hujahan saya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada menyebut tentang tanah iaitu di bawah Akta Tentera 1972. Walaupun saya tidak baca, belum lagi tetapi saya dimaklumkan ada ataupun dalam *general order* yang telah diberi maklum pada tahun 1972 itu menyediakan tanah untuk dibuat rumah.

Akan tetapi sekarang, dia tidak *apply*. Jadi apa yang saya hendak sarankan kepada Kementerian Pertahanan supaya bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk menyediakan tanah dan membina rumah untuk mereka. Sekurang-kurangnya apabila bersara nanti, dia ada sebuah rumah untuk mereka dinilai daripada pengorbanan dan juga tanggungjawab yang telah mereka pikul sebagai angkatan tentera.

Maka yang dirumuskan daripada hujahan saya ini ialah sesuatu penghargaan itu tidak boleh kita kompromi untuk kita beri kepada anggota tentera yang bersara dan juga masa depan mereka itu ada nilai yang kita hargai untuk mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tambah sedikit, Padang Serai.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Yang Berhormat Padang Serai. Sila.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin tambah sedikit berkenaan dengan pencen. Bagi orang-orang yang tidak berpencen yang berhenti 12 tahun, 15 tahun dan 18 tahun haruslah ambil perhatian. Pada masa ini kita dapat ramai yang di luar ini mereka rasa susah dan hidup pun bertanya-tanya macam mana saya hendak hidup dan sebagainya.

Apakah bekas tentera ini, kerajaan mahu ambil perhatian tentang mereka walaupun mereka berhenti tanpa pencen tetapi pengorbanan mereka masih dihargai. Saya berharap sekurang-kurangnya setahun sekali bagilah satu elaun supaya hujung tahun ini boleh dia gunakan untuk pendidikan anak-anak mereka. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai dan Yang Berhormat Kapar. Tahun ini, peruntukan untuk Jabatan Hal Ehwal Veteran meningkat daripada RM78 juta ke RM98 juta. Memang saya hanya jadi Timbalan Menteri untuk kementerian ini tidak sampai empat bulan, lima bulan tetapi saya sudah banyak kali jawab soalan tentang dua isu berkenaan dengan veteran. Satu ialah jurang pencen di antara mereka yang bersara sebelum tahun 2004 dan selepas tahun 2004.

Kedua ialah... [*Gangguan bunyi*] *Terrorist attack.* [*Ketawa*] Kedua ialah isu tidak berpencen. Mereka yang tidak berpencen ini, dua-dua isu ini sudah berlaku sering kali dibawa oleh semua ahli. Saya percaya sebelum ini isu-isu ini pun sama telah dibangkitkan banyak kali. Jurang pencen ini, jurang di antara mereka yang bersara sebelum tahun 2004 dan selepas tahun

2004 ini bukan sahaja melibatkan tentera. Ia juga melibatkan Ahli Parlimen, juga melibatkan pegawai perkhidmatan awam.

So, kita tidak boleh buat hanya atau bincang hanya tentang isu tentera tetapi kementerian telah buat keputusan bahawa satu kertas kerja akan dibincangkan. Jabatan Hal Ehwal Veteran telah sediakan satu kertas kerja dan akan dibentangkan ke Jawatankuasa Dasar Kementerian. Selepas itu ke Kabinet untuk pertimbangan. Isu ini mesti diputuskan oleh Agensi Pusat kerana ia bukan sahaja melibatkan tentera tetapi melibatkan semua. Isu tentang...

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: [Bangun]**

**Tuan Liew Chin Tong:** Ya, ringkas.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Saya rasa pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri ini jangan campur aduk orang awam dengan tentera sebab orang awam tidak gadaikan nyawa. Yang gadaikan nyawa adalah tentera. So, tentera perlu diberi perhatian yang pertama. Jangan campur adukkan. Kalau campur aduk ada masalah besar. Kita hendak ambil tahu berkaitan dengan tentera sahaja, bekas tentera. Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Kami memang menghargai pengorbanan semua anggota tetapi apabila kena bayar, kena Agensi Pusat buat keputusan.

Okey, berkenaan dengan mereka yang tidak berpencen. Ini juga isu yang sering dibangkitkan. Adakah kementerian atau kerajaan bersedia untuk bagi pampasan kewangan ataupun kemudahan lain. Ini adalah *point* yang dibincangkan. Pandangan ATM ialah kalau mereka tidak berpencen, maka kemudahan boleh diberi tetapi tidak semestinya memberi dalam bentuk kewangan. Ini adalah pandangan ATM bahawa mereka yang tidak memilih tidak berpencen itu mereka memilih untuk tidak dapat pencen. Akan tetapi ini semua boleh dipertimbangkan. Pihak kementerian akan kaji dan harap boleh memberikan jawapan yang lebih terperinci tahun depan.

Isu tentang perumahan. Memang perumahan untuk veteran akan jadi salah satu agenda untuk kementerian juga.

Kementerian ini juga mementingkan ketelusan. Ketelusan ini adalah yang kita harap boleh capai dalam pemerintahan Pakatan Harapan kerana sebelum ini...

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Pohon mencelah Yang Berhormat Menteri. Kuala Terengganu. Berkait dengan kebajikan tentera juga, saya dimaklumkan pegawai-pegawai khususnya warga tentera diwajibkan mencarum di dalam Lembaga Tabung Angkatan Tentera. Jadi, banyak timbul persoalan. Kebiasaannya Tabung Lembaga Angkatan Tentera mengisyiharkan dividen kebiasaannya sekitar 10 peratus hingga 12 peratus. Akan tetapi dividen yang sebenarnya diterima oleh pencarum yakni warga tentera sekitar enam peratus hingga lapan peratus sahaja. Ada baki yang besar di situ yang mana bakinya diberikan dalam saham *unit trust* Affin Hwang.

Sebagai maklumat, *unit trust* Affin Hwang ini harga unit amanahnya sangat rendah di pasaran dan pernah ditegur oleh Jabatan Audit Negara. Pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh bagi penjelasan. Bertulis pun tidak apa, kemudian.

**Tuan Liew Chin Tong:** Okey, terima kasih. Saya ambil maklum dan akan jawab dalam bentuk bertulis.

Ketelusan juga adalah salah satu bidang yang penting untuk kementerian ini supaya untuk masa depan tidak ada lagi *Christmas shopping* oleh pemimpin-pemimpin politik dan ini tidak diterima oleh Angkatan Tentera Malaysia. Dalam hal ini, saya ingin ambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan Jawatankuasa Parlimen berkenaan tentang pertahanan dan dalam negeri yang telah ditubuhkan. Saya rasa jawatankuasa baru ini akan memberikan nafas baru dalam proses penggubalan polisi atau dasar kita. Kementerian akan senantiasa bekerjasama dengan jawatankuasa ini supaya kita ada perundingan dan ketelusan yang lebih daripada dahulu.

Walaupun pertahanan ini ada banyak yang melibatkan rahsia tetapi kerangka dan juga peruntukan untuk pertahanan ini sebenarnya boleh dibahas dan perlu dibahas oleh semua dan perlu difahami oleh semua. Peranan dan hasilnya ialah peranan pertahanan ialah mesti difahami oleh semua. Banyak kali ramai ahli politik tidak faham peranan pertahanan seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rembau, *the most important mission* ialah *train for war*. Akan tetapi kita ada keadaan di mana sekarang ini kementerian perlu menyelesaikan masalah dahulu termasuk tentera dipaksa atau diminta jaga penjara dalam kem-kem tentera di bawah NBOS atau *National Blue Ocean Strategy*. Ini sebenarnya bukan tugas tentera tetapi ATM diminta jaga tugas-tugas yang sebenarnya membayangkan betapa ahli-ahli politik dahulu ini tidak faham peranan tentera.

#### ■1620

Keempat, kementerian juga terlibat dalam penyusunan semula dasar diplomasi pertahanan dan— selepas ini saya akan bincang tentang isu Ops Yaman dalam konteks ini.

Akhirnya, kementerian memandang MINDEF dan juga ATM sebagai satu bidang ekonomi. Bidang ekonomi termasuk perindustrian pertahanan dan juga sebenarnya kementerian dan juga ATM boleh jadi satu bidang ekonomi untuk idea-idea baharu atau inovasi-inovasi baharu yang boleh dilaksanakan dalam kementerian dan juga dalam ATM supaya ATM dan kementerian jadi *testbed* untuk inovasi untuk idea-idea baharu.

Dalam konteks ini, kementerian harap selepas ini tidak ada atau kita boleh kurangkan kontraktor-kontraktor pertahanan yang berciri posmen. Kita ada terlalu banyak kontraktor-kontraktor pertahanan yang berciri posmen dan ini kita harap ia boleh dikurangkan pada masa depan. Posmen ini bermakna dia sebenarnya tidak ada inovasi sendiri, dia tidak buat sendiri, dia hanya sebagai ejen *commission* untuk pihak lain, pihak OEM.

Saya hendak alih ke isu Ops Yaman...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Liew Chin Tong:** Ya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya satu, boleh Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Yang Berhormat Jasin. Boleh.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini saya hendak bercakap tentang peruntukan tadi.

Saya lihat peruntukan pertahanan pada kali ini hanya empat peratus dari jumlah bajet kita sebanyak RM316 bilion. Kita hanya diberi sebanyak RM13.9 bilion berbanding dengan RM15.4 bilion pada tahun lepas. Saya lihat di sini, pertamanya, tentang pertahanan maritim yang jauh ketinggalan pada ketika ini sebanyak lebih kurang RM700 juta. Lepas itu pertahanan udara juga.

**Tuan Liew Chin Tong:** Boleh saya...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Dengan ancaman yang kita hadapi pada ketika ini, tidakkah perlu pihak kementerian mesti menambah peruntukan bahawa memastikan supaya perairan kita dan kawasan negara kita sentiasa terjamin? Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Saya akan sentuh bajet selepas saya jawab tentang Ops Yaman ya. Saya ingin mengambil kesempatan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Kota Raja dan bagi pihak Kementerian Pertahanan bahawa keputusan telah dibuat untuk menjalankan siasatan sama ada atur gerak trup dan aset ATM ke Arab Saudi dalam Ops Yaman 2 ini telah mematuhi prosedur dan dalam sistem yang betul.

Siasatan ini akan dijalankan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk Pertahanan dan Hal Ehwal Dalam Negeri. Ini adalah tugas pertama untuk jawatankuasa yang baru ditubuhkan. Kementerian akan beri kerjasama kepada Jawatankuasa ini dan kami harap Jawatankuasa ini boleh buat siasatan dan juga memberikan keyakinan kepada rakyat dan juga selepas ini membetulkan sistem supaya kita tidak lagi ulangi apa yang telah berlaku dengan Ops Yaman.

Kami bincang isu Ops Yaman kerana Ops Yaman ini memang tidak betul dan saya tidak hendak panjangkan isu ini tetapi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membaca dua surat yang menggariskan apa yang telah berlaku dan memberikan maklumat yang secukupnya buat masa sekarang sebelum Jawatankuasa Pilihan menyiasat isu tersebut.

Ini adalah satu surat daripada Bahagian Dasar dan Perancang Strategi Kementerian Pertahanan Malaysia pada 6 Mei 2015 kepada Markas Angkatan Tentera Malaysia. Saya baca.

*"Bahagian ini ingin menarik perhatian Yang Berbahagia Dato bahawa prosedur-prosedur kelulusan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:-*

- (i) supaya cadangan pelaksanaan atur gerak trup ATM bagi menyertai misi Ops Renewal Hope bersama-sama implikasi kewangan berkaitan dibahaskan terus di Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara); atau
- (ii) sekurang-kurangnya cadangan pelaksanaan atur gerak trup ATM dalam misi Ops Renewal Hope yang bersifat multilateral ini dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri melalui Memorandum Jemaah Menteri bersama-sama implikasi kewangan berkaitan.

*Bahagian ini juga ingin menyampaikan beberapa pandangan daripada Kementerian Luar Negeri (KLN) bagi cadangan penglibatan secara langsung trup*

*ATM dalam sebarang misi ketenteraan yang diketuai oleh Kerajaan Arab Saudi berkaitan krisis keselamatan di Yaman. Berikut adalah pandangan rasmi daripada Kementerian Luar Negeri (KLN).*

- (i) *KLN berpandangan tidak wajar ATM menyertai sebarang misi ketenteraan di Timur Tengah yang diketuai oleh Kerajaan Arab Saudi atau mana-mana misi ketenteraan/keselamatan berkaitan isu Yaman melainkan di bawah panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu atau Organization Islamic Council;*
- (ii) *mana-mana misi bantuan kemanusiaan dengan penglibatan trup ATM berkaitan krisis keselamatan di Yaman hanya setelah resolusi keselamatan dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan PBB melalui platform PBB atau OIC dan bukan diletak di bawah kawalan Kerajaan Arab Saudi;*
- (iii) *bahawa pada masa ini tiada keperluan pelaksanaan misi evakuasi bagi baki sejumlah 198 orang rakyat Malaysia yang masih tinggal di wilayah Yaman. Tambahan, mereka menyatakan secara jelas untuk tidak mahu keluar dari Yaman;*
- (iv) *bahawa Global Movement of Moderate yang diusahakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui promosi di pentas antarabangsa sama ada United Nation General Assembly atau ASEAN tidak akan lagi relevan sekiranya ATM memilih untuk menyertai pakatan keselamatan di luar forum yang dibenarkan di luar Majlis Keselamatan PBB;*
- (v) *dengan bahawa Malaysia tidak mempunyai sebarang MoU kerjasama pertahanan dengan Kerajaan Arab Saudi, justeru akan timbul permasalahan akan datang dari sudut implikasi kewangan dan komitmen lain-lain yang bakal timbul daripada penyertaan Malaysia dalam Ops Renewal Hope yang berpangkalan di Riyadh, Arab Saudi;*
- (vi) *bahawa dengan penyertaan ATM dalam Ops Renewal Hope yang diletakkan di bawah teraju Kerajaan Arab Saudi secara langsung akan mengubah prospek hubungan dasar-dasar luar Malaysia bagi menghadapi*

- isu-isu keselamatan dan pertahanan pada masa-masa hadapan dengan mana-mana negara di dunia;*
- (vii) *dengan peringatan bahawa Malaysia kini merupakan Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB dan wajar Malaysia mengekalkan pendirian berkecuali dalam mana-mana pergolakan dalaman wilayah mana-mana negara di dunia yang bersifat politik kecuali keperluan intervensi dibahaskan di platform Majlis Keselamatan PBB.”*

Ini adalah apa yang telah digariskan oleh Bahagian Dasar Kementerian Pertahanan dan juga dari input Kementerian Luar Negeri. Juga lagi satu surat— sama juga— oleh Bahagian Dasar Kementerian Pertahanan. Ini surat bertarikh 26 Mei 2015. Ia kata...

*“Bahawa media antarabangsa telah menyenaraikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menyebelahi pakatan ketenteraan yang diketuai oleh Kerajaan Arab Saudi dalam operasi mengembalikan kekuatan rejim Presiden Hadi di Yaman.*

2. *Bahawa imej Malaysia di United Nation General Assembly dan United Nation Security Council telah terjejas dengan tafsiran masyarakat antarabangsa akibat daripada penempatan anggota dan aset ATM di PU Prince of Sultan di Riyadh yang dilihat sebagai tindakan melindungi Kerajaan Arab Saudi dalam operasi ketenteraan di Yaman...”— dan pelbagainya.*

#### ■1630

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Liew Chin Tong:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Maksudnya— Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Maksudnya tindakan yang telah dilakukan oleh kerajaan yang dahulu menghantar tentera untuk turut serta dalam perbalahan ini telah mendedahkan Malaysia dan rakyat Malaysia yang bukan sahaja tinggal di Malaysia tetapi yang tinggal di merata dunia kepada satu ancaman keselamatan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan? Tindakan kerajaan dahulu yang tidak mendapat kebenaran daripada Jemaah Menteri menghantar tentera kita melibatkan diri dalam satu perbalahan di luar negara bukan sahaja mengugat nyawa tentera-tentera kita tetapi mengugat nyawa rakyat Malaysia yang tinggal di Malaysia dan juga tinggal di merata dunia. Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong:** Surat yang daripada Bahagian Dasar Kementerian Pertahanan itu agak jelaslah. Akhirnya, surat kedua ini perenggan 8, “*Bahagian ini juga ingin menegaskan bahawa Jawatankuasa Evakuasi Rakyat Malaysia dari Yaman yang dipengerusikan oleh Kementerian Luar Negeri dengan disertai oleh pelbagai agensi seperti Majlis Keselamatan*

*Negara dan Kementerian Pertahanan tidak pernah membuat sebarang permohonan bagi tujuan atur gerak anggota atau aset ATM ke Arab Saudi.”*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Yang Berhormat Timbalan Menteri sila menggulung. Masa tinggal satu minit sahaja.

**Tuan Liew Chin Tong:** Saya minta sikit, tentang bajet. Ini penting ya. Sehingga kini, misi evakuasi rakyat Malaysia dari Yaman hanya menggunakan aset komersial yang diuruskan oleh Bahagian Penyelidik Jabatan Perdana Menteri. Saya rasa ini cukup untuk membayangkan apa yang telah berlaku tetapi saya tidak mahu dedah semua sehingga Jawatankuasa Pilihan membuat siasatan. Akan tetapi, poin yang penting ialah saya kecewa mantan Menteri Pertahanan tidak hadir pada hari ini. Walaupun dia kata Majlis Keselamatan Negara (MKN) pernah buat keputusan tetapi selepas semakan, Majlis Keselamatan Negara tidak pernah menghasilkan *initiating directive*.

Apabila satu operasi perlu dilaksanakan, ia perlu *initiating directive* dari MKN ataupun dalam kes ini ada *initiating directive* atau direktif pemula dari Jemaah Panglima-panglima tetapi tidak ada sebarang *initiating directive* dari Jemaah Menteri ataupun MKN secara bertulis. Saya minta kalau mantan Menteri Pertahanan kalau boleh lebih baik dia datang ke Parlimen, kita bincang isu yang begitu serius ini. Saya minta Jawatankuasa Pilihan buat siasatan.

Memandangkan masa telah lebih...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Liew Chin Tong:** Saya hendak habiskan sikit tentang bajet.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Tuan Liew Chin Tong:** Minta maaf. Saya minta dua, tiga minit dari Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Tuan Liew Chin Tong:** Ada ramai yang sentuh tentang bajet. Sebenarnya pada 19 November 2018, Yang Berhormat Menteri Pertahanan Yang Berhormat Kota Raja telah memaklumkan Dewan ini bahawa ada peruntukan tambahan RM1.4 bilion yang daripada kewangan yang diperuntukkan di dalam Kementerian Kewangan yang akan diperuntukkan untuk kegunaan Kementerian Pertahanan. Itu bermakna akhirnya jumlah bajet mengurus untuk tahun 2019 yang sebenar selepas 19 November ialah RM11,729,000,000 untuk peruntukan mengurus. Untuk peruntukan pembangunan ialah RM3.647 bilion. Jumlah secara umum ialah RM15.37 bilion. Akhirnya bermakna perbezaan di antara tahun 2019 dengan tahun 2018 ialah perbezaan pengurangan RM120 juta, iaitu 0.78 peratus.

So, ada banyak isu tadi yang dibincangkan berkenaan dengan peruntukan. Peruntukan telah diubahsuai. Dengan tambahan ini, banyak isu yang dibangkitkan itu saya kira selesai. Isu-isu terperinci, saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM10,270,468,200 untuk Maksud B.60 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM10,270,468,200 untuk Maksud B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,647,748,700 untuk Maksud P.60 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM3,647,748,700 untuk Maksud P.60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]*

**Maksud B.62 [Jadual] -**

**Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan 2019] -**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Kini sampai giliran Kementerian Dalam Negeri. Di mana setiap orang diperuntukkan lima minit. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri akan menjawab pada jam 6.45 petang. Sila.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang saya jemput...

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad:** Kuala Terengganu, Kuala Terengganu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** ...Yang Berhormat Lanang dahulu. Selepas itu Yang Berhormat Pontian. Sila.

#### 4.37 ptg.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 47000 – Pengkomputeran dan Kad Pintar (JPN), dari kosong ke RM25 juta. Apakah justifikasi pengagihan peruntukan RM25 juta ini? Saya berharap dengan peruntukan yang lebih banyak di JPN dapat mempercepatkan proses pengendalian kelulusan permohonan kewarganegaraan terutama permohonan dari Sarawak.

Butiran 050900 – Kad dan Dokumen Pengenalan, dari kosong kepada RM75 juta. Saya juga memohon supaya kad dan dokumen pengenalan dapat dikeluarkan dalam tempoh masa yang ditetapkan. Setakat ini, tiada satu tempoh masa ditetapkan bagi keputusan setiap permohonan yang diluluskan atau diberi maklum balas. Saya pernah mencadangkan kepada Kementerian Dalam Negeri semasa Kerajaan Barisan Nasional tetapi tidak dipedulikan. Jadi saya mohon kepada Kerajaan Pakatan Harapan sekali lagi untuk menetapkan satu tempoh masa supaya pemohon tidak perlu tunggu sampai *only God knows when*, dengan izin.

Seterusnya, saya ingin menyentuh Butiran 051100 – MYEG. Peruntukan telah dikurangkan kepada RM35 juta. Apakah fungsi utama MYEG setakat ini dan sama ada kerajaan berhasrat untuk menamatkan perkhidmatan MYEG pada masa kelak? Saya rasa fungsi MYEG adalah sebagai orang tengah or *middleman*. Adakah kerajaan boleh menghentikan budaya menggunakan orang tengah demi penjimatan belanja kerajaan?

Seterusnya Butiran 051500 – *Head To Toe*. Dari kosong kepada RM150 juta. Apakah yang sebenarnya termaktub dalam butiran ini? Minta jumlah peruntukan yang akan diagihkan kepada Sarawak di bawah butiran ini.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 18005 – Pembaikan dan Ubahsuai (PDRM) Sarawak dengan peruntukan RM2 juta. Negeri Sarawak sebenarnya agak besar. Jadi saya minta penjelasan PDRM manakah yang akan diberikan peruntukan untuk pembaikan dan ubahsuai PDRM di Sarawak? Sama ada PDRM di kawasan Lanang dan Sibu juga diagihkan peruntukan ini.

Butiran 22000 – Kenderaan (PDRM), diperuntukkan RM84.95 juta. Banyak kenderaan PDRM terlalu uzur. Saya mohon supaya kenderaan yang lebih 10 tahun atau 15 tahun digantikan dengan kenderaan baru.

#### ■1640

Selain itu saya juga menerima maklumat bahawa kenderaan yang mengalami kerosakan dihantar ke bengkel atau woksyop tetapi PDRM masih berhutang duit. Jadi sekarang kalau kenderaan rosak, bengkel pun tidak mahu terima sehingga hutang dijelaskan. Jadi saya minta penjelasan.

Butiran seterusnya ialah 051600 – Sewaan Projek *Built, Least and Transfer* (BLT PDRM), Butiran 051700 – Pewujudan E8 PDRM, Butiran 051800 – Bayaran Insentif Imigresen, Butiran 051900 – Percetakan *Polycarbonate Passport*. Apakah justifikasi kementerian bagi kesemua butiran ini yang keseluruhannya berjumlah RM850 juta bagi tahun ini tidak menerima apa-apa peruntukan bagi tahun hadapan. Akan tetapi saya juga nampak ada satu butiran iaitu Butiran 26000 di bawah Maksud Pembangunan 62 juga Sewaan Projek *Built, Least and Transfer* (BLT PDRM) dengan peruntukan RM923 juta.

Jadi saya hendak tanya sama ada ia digantikan dengan butiran lain dengan peruntukan yang lebih kurang sama. Jadi saya minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pontian.

#### 4.41 ptg.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara pertama ialah mengenai sewaan BLT, RM757 juta untuk tahun 2018. E8 PDRM, RM38.2 juta pada tahun 2018 dan insentif imigresen RM20 juta pada tahun 2018. Apa yang menyebabkan pertanyaan saya ialah pada tahun 2019, kesemua ketiga-tiga ini tidak diperuntukkan. Kosong juta untuk sewaan. Kosong juta E8 PDRM, kosong juta juga untuk insentif imigresen.

Saya ingin bertanya kenapa tiada lagi peruntukan—yang penting apakah alternatif apabila peruntukan itu ditiadakan? Itu persoalan yang penting. Tentu ada kaedah-kaedah yang lain jika peruntukan ditiadakan.

Perkara kedua ialah dasar dan operasi RM134.9 juta turun kepada RM107 juta. Kenapa dikurangkan dasar dan operasi ini? Jika MINDEF kita ada HANRUH atau pertahanan

menyeluruh, adakah PDRM mempunyai konsep yang seumpama itu? Saya kira *community policing* kemungkinan itu yang agak serupa. Kepolisian masyarakat ini adalah konsep yang baik. Saya ingin bertanya setakat mana keberkesanannya dan berapakah bajet yang diberikan untuk *community policing* bagi pihak polis di peringkat daerah misalnya mengadakan ceramah-ceramah dan program-program dengan masyarakat supaya masyarakat boleh membantu mengawal keselamatan bukan hanya diberikan sepenuhnya kepada polis sahaja.

Perkara ketiga ialah emolumen, RM9.8 bilion. Berapakah rekrut baru untuk PDRM tahun 2018 dan 2019? Diberitakan cadangan untuk tahun 2018 ialah 6000 orang. Adakah ini akan diteruskan? Saya juga ingin bertanya tentang skim gaji PDRM ini? Saya kira perlulah ditingkatkan dari semasa ke semasa. Kerajaan Barisan Nasional dahulu bersetuju untuk menambah satu kenaikan gaji tahunan tambahan selain daripada KGT tahunan yang biasa tetapi ia tidak kesampaian tetapi persoalan saya adakah Kerajaan PH akan melaksanakan pada tahun depan untuk tambahan KGT ini paling tidak untuk pasukan keselamatan seperti polis khususnya polis, tentera, APMM. Tiga yang penting itu.

Ketika perayaan anggota PDRM tidak bercuti, sejumlah yang tertentu. Sebagai contoh untuk Aidilfitri 2017 seramai 40,000 pegawai dan anggota polis bertugas pada hari raya sedangkan orang lain semua bercuti, mereka bertugas. Apa yang saya ingin tanyakan ialah adakah anggota 40,000 orang setahun yang bertugas seperti Aidilfitri itu diberikan imbuhan khas pada ketika masa begitu? Jika tiada, eloklah diadakan.

Perkara keempat ialah dengan izin *head to toe*, RM150 juta. *Toe*. Kelengkapan polis. Ini pembekalan *combat tactical equipment*. Apa yang saya ingin tanyakan ialah adakah ia menggunakan yang terkini dengan teknologi terkini yang canggih untuk menghadapi ancaman yang semakin hebat.

Seterusnya yang apa yang saya ingin tanyakan ialah keselamatan dalam negeri, ketenteraman awam RM8.8 bilion. SOSMA, POCA, POTA terbukti menjamin keselamatan negara. Yang Berhormat Pagoh di Dewan Rakyat pada 13 November menyebut apabila saya tanyakan di Dewan ini. SOSMA, 2000 penangkapan, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012. POCA, 475 penangkapan. POCA ialah Akta Pencegahan Jenayah. POTA, sembilan penangkapan iaitu Akta Pencegahan Keganasan 2015. Diberitakan bahawa KDN akan membaiki akta-akta ini. Saya ingin bertanya bila akan dibawa ke Dewan Rakyat ini.

Terakhir ialah kepolisan, RM8.121 bilion. Ini merujuk kepada rusuhan kuil. Kenyataan menyalahkan polis wajar dihentikan. Kalau sesiapa yang menyatakannya tolong minta maaf. Saya juga memuji kenyataan Menteri KDN dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat mengenai rusuhan kuil ini.

Akan tetapi saya pelik kenapa tidak ada sebarang kenyataan mengenai ICERD dalam Dewan ini yang sepatutnya dibuat oleh Menteri Perpaduan atau Menteri Luar Negeri ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Alangkah baiknya jika kenyataan seumpama itu kita adakan untuk perkara-perkara yang penting seperti ICERD. Saya juga mengucapkan tahniah kepada PDRM yang telah meredakan tentang rusuhan kuil ini. Saya ingin bertanya bilakah ia

akan diselesaikan. Terima kasih juga kepada PDRM yang memberikan permit untuk 8 Disember, perhimpunan rakyat dan kita berjanji untuk himpunan itu aman damai. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Kuala Terengganu.

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kapar...

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Kuala Terengganu.

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Selepas itu...

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Kuala Terengganu.

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** ... Yang Berhormat Dungun.

#### 4.46 ptg.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Terima kasih Tuan Penggerusi. Saya terus kepada Butiran 020100 – Kepolisian. Saya ingin menyinggung isu kepolisan ini terus kepada sasaran iaitu kenaikan pangkat. Saya tidak akan jemu-jemu berbicara soal ini. Sebenarnya kita kena melihat daripada konteks sistem itu sendiri. Apa yang kita amalkan pada hari ini ialah amalan daripada zaman penjajah sampai ke hari ini. Kita menggunakan pendekatan *interview*. *Interview* ini tidak melengkapkan seseorang itu sama ada dia *qualified* atau tidak *qualified*.

Apa yang pertama harus kita pegang ialah dia mesti ada senioriti, pengalaman itu amat penting dalam menjaga keselamatan negara. Keduanya pendidikan. *Education*. Ya, saya setuju. Ketiga, *complexity*. Keputusan itu memberikan hala tuju satu-satu jabatan. Keempat, dia mesti ada *at current*. Dia kena buat keputusan yang betul-betul *perfect* dan ini juga melibatkan *terms and conditions* dan yang kelima mesti menjadi satu prasyarat untuk kenaikan pangkat. Maka tidak timbulah koperal sampai 37 tahun. Sarjan sampai ke 42 tahun. Ini tidak boleh berlaku dalam sistem yang mana kita hendak mengangkat kedudukan rakyat terutama sekali penjawat awam ataupun anggota berseragam.

Terus kepada isu kedua iaitu perumahan. Jangan dilupakan anggota-anggota polis yang memerlukan rumah ketika mereka bersara. Saya mohon supaya kementerian juga memikirkan bagaimana untuk memastikan polis-polis ini mendapat perumahan dengan secara yang rasional dan lebih sesuai dengan mereka terutama sekali melibatkan PR1MA ataupun perumahan negara.

Saya terus kepada 05300 – Emolumen Kakitangan Kontrak, RM15 juta. Saya hendak tanya kontrak ini tahun lepas pun RM15 juta juga. Hendak tahu apa yang RM15 juta ini? Saya tidak mahu mereka berterusan bekerja kontrak berbelas-belas tahun apabila sampai dekat 15 tahun, mereka dipecat. Saya tidak mahu mendengar penindasan dan kezaliman berlaku kepada pekerja-pekerja walaupun mereka dalam kepolisan.

Seterusnya saya hendak pergi kepada Butiran 62000 – Langkah-langkah Keselamatan Penjara. Saya setiap kali perbahasan tidak kira apa-apa perbahasan pun, penjara ini tugas mereka *masya-Allah*, tugas mereka dihimpunkan dengan penjenayah-penjenayah berperingkat-peringkat. Polis tangkap pesalah dan mereka dimasukkan ke dalam penjara. Anggota penjara didedahkan dengan keselamatan, didedahkan dengan kesihatan dan mereka bekerja dalam keadaan memfokuskan kepada dinding dan tiang. Ini tidak memberikan mereka keseimbangan pendapatan.

Saya hendak beritahu dengan Kementerian Dalam Negeri supaya timbang semula, kaji balik penggajian mereka, berilah mereka sekurang-kurangnya harapan yang setimpal dengan pengorbanan dan penghargaan mereka lakukan terhadap negara ini. Menjaga penjenayah bukannya mudah. Ini adalah satu pengorbanan yang terlalu besar yang telah mereka lakukan dan jangan kita ketepikan, pinggirkan anggota-anggota penjara. Saya mohon mereka juga diberikan pertimbangan yang serius terutama sekali anggota-anggota yang berpangkat tinggi sampai kepada sederhana, sampai kepada ke bawah supaya mereka bekerja ada harapan untuk mereka mendapatkan keselesaan penghidupan setelah mereka bersara dan dalam masa yang sama ketika mereka bertugas.

#### ■1650

Ini tidak boleh dikompromi. Saya ambil contoh, begitu mereka kategori ketiga diletakkan begitu lama penderitaan mereka. Bayaran inisiatif yang mereka terima, pegawai penjara RM150 sedangkan polis, imigresen, bomba RM200. Ini pun sudah nampak tidak adil. Jadi, saya mohon Kementerian Dalam Negeri serius untuk memastikan anggota penjara jangan dipinggirkan lagi, lebih lagi saya hendak bercakap benda ini. Tolonglah bukakan minda, IGP dan juga Ketua Pengarah Penjara, tolonglah buatkan sesuatu. Jangan sengsarakan anggota bawahan.

Mereka juga manusia. Tugas kita hendak memantau. IGP jangan duduk selesa sendiri. Anggota pun memerlukan pembelaan, jangan *duk fikir* diri sendiri saja. Ini yang berlaku pada hari ini. Saya minta IGP, saya minta Ketua Pengarah Penjara, bawa cadangan kepada kementerian, buat satu anjakan untuk mengangkat kedudukan anggota yang telah berkorban sebegitu lama dan mereka ini memerlukan pembelaan Tuan Pengerusi. Tidak boleh dikompromikan lagi. Sudah sengsara begitu lama. Saya mohon Kerajaan Pakatan Harapan, berilah mereka harapan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi, tepat sebelum 22 saat.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Suara Yang Berhormat Kapar cukup lantang tapi sebenarnya Timbalan Menteri Dalam Negeri duduk tepi saja. *[Dewan ketawa]* Sebenarnya jiran, bisik-bisik pun boleh dengar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Dungun. Lepas ini Yang Berhormat Rasah, sila.

#### 4.51 ptg.

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]:** *Bismillah. [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangkitkan Butiran P.11000 – Ibu Pejabat Polis (PDRM). Dalam usaha untuk

memastikan keamanan dan keselamatan serta kesejahteraan rakyat, Polis Diraja Malaysia adalah agensi paling penting di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Akan tetapi walaupun begitu kadang-kadang kedudukan ibu pejabat polis tidak berada dalam tempat-tempat dan lokasi-lokasi strategik. Saya ambil contoh, sebagai contohnya Ibu Pejabat Polis Daerah Dungun berada dan dibina di laluan belakang, bukan di laluan utama. Oleh itu saya cadangkan apabila akan berlakunya pembinaan ibu pejabat polis yang baru pada masa yang akan datang, hendaklah dipastikan bahawa ianya benar-benar berada dalam kawasan-kawasan strategik.

Kemudian dalam perkara P.12000 – Balai-balai dan Pondok-pondok Polis (PDRM). Begitu juga apabila melibatkan kepentingan dan kesejahteraan rakyat, ianya mestilah juga dilihat kepada kepentingan dan keutamaan. Akan tetapi kadang-kadang pembinaan balai-balai polis dan wujudnya pondok-pondok polis tidak dalam kawasan perumahan atau dalam kawasan kediaman rakyat. Seperti mana yang kita lihat sebagai contoh di Balai Polis Gebeng, Kuantan yang sepatutnya berada dalam kawasan perumahan atau kediaman rakyat tetapi ia berada di satu kawasan bukit. Jadi, saya ingin untuk melihat kepada kepentingan ini kerana ia adalah agensi yang paling utama ketika mana kita bincang tentang Kementerian Dalam Negeri.

Seterusnya berkait juga dengan Butiran 12000 iaitu balai-balai dan pondok polis PDRM ini, lebih 500 balai hadapi masalah kekurangan anggota iaitu melibatkan isu perjawatan. BERNAMA 21 November 2018 melaporkan lebih 500 balai dari keseluruhan 791 balai polis negara ini menghadapi masalah kekurangan anggota dan isu perjawatan. Menurut Pengarah Jabatan Pengurusan Bukit Aman, Datuk Seri Asri Yusoff berkata kebanyakannya balai itu kini diketuai oleh anggota yang hanya berpangkat sarjan yang menjalankan tanggungjawab selaku Ketua Polis Balai (OCS).

Menurutnya sekurang-kurang 35 anggota diperlukan bagi sesebuah balai polis beroperasi dengan lancar dengan anggota sekurang-kurangnya berpangkat Deputy Superintendent (DSP) untuk mengetuai balai berkenaan. Namun, sekarang 65 peratus dari keseluruhan 791 balai polis lebih dari 500 balai seluruh negara mempunyai kekurangan anggota. Bahkan terdapat balai polis di Sabah dan di Sarawak mempunyai lima anggota dan ke bawah. Maka, bagaimanakah dengan perkhidmatan yang hendak diberikan dan juga bebanan-bebanan tugas perlu kepada penyelesaian yang sangat segera.

Seterusnya di bawah 020100 – Kepolisan. Tuan Pengerusi, saya ingin untuk bangkitkan tentang isu disiplin di kalangan pegawai dan anggota polis di bawah Butiran 020100 ini yang melibatkan amalan-amalan rasuah, salah guna kuasa dan disiplin. Oleh itu saya ingin untuk mendapat penjelasan tentang status Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis dan juga jumlah pegawai dan juga anggota yang telah diambil dan dikenakan tindakan berdasarkan kepada apa yang dibangkitkan daripada perkara yang melibatkan Butiran 020100 ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Rasah. Selepas ini Yang Berhormat Kota Marudu.

**4.56 ptg.**

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana peluang yang diberikan untuk saya ambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa untuk KDN pada petang ini. Pertama, saya hendak ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan, khasnya KDN sebab peruntukan pembangunan telah naik daripada RM1.8 bilion kepada RM3 bilion. Saya percaya dengan kenaikan ini, KDN akan dapat berfungsi dengan lebih baik dengan banyak lagi pembangunan di bawah KDN.

Perkara pertama yang saya hendak sebut adalah di bawah Butiran 030110 iaitu di bawah Pendaftaran Negara. Saya nampak ada RM281 juta diperuntukkan di bawah JPN. Jadi isu utamanya saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sedia maklum antara isu yang paling hangat di bawah JPN, adalah berkenaan dengan isu kewarganegaraan. Kita sedia maklum, kita tidak boleh sewenang-wenangnya memberikan kewarganegaraan kepada sesiapa pemohon.

Akan tetapi kalau mereka yang layak khasnya warga emas yang telah berusia lebih 60 tahun ke atas sebagaimana selaras dengan pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Ogos yang lepas, saya percaya ada lagi pemohon yang telah melebihi umur 60 tahun tetapi masih belum lagi mendapat hak kewarganegaraan, walaupun mereka sebenarnya lahir di bumi Malaysia sebelum kita mencapai kemerdekaan, khasnya ketika ada yang lahir ketika zaman pendudukan Jepun.

Jadi saya hendak tanya, bilakah khasnya kes yang melibatkan warga emas dan juga anak-anak *stateless* yang disebabkan oleh ibu bapa tidak mendaftarkan perkahwinan mereka disebabkan itu. Walaupun mereka lahir di Malaysia dan bapa mereka warganegara Malaysia disebabkan cuma bapa dan mak mereka tidak mendaftarkan perkahwinan sebelum anak lahir. Jadi, mereka tidak mendapat kewarganegaraan. Jadi bilakah dua kategori ini.

Bagi saya paling mustahak perlu diberikan keutamaan adalah dua kategori ini, bila akan kita dapat tangani. Saya hendak tanya juga sebab hari itu sebelum Hari Deepavali ada diberikan kewarganegaraan kepada ramai pemohon berketurunan India. Saya hendak tanya untuk Tahun Baru Cina yang akan, bakal menjelang pada awal Februari, apakah ada perkara sebegini untuk pemohon yang akan menyambut Tahun Baru Cina? Perkara kedua adalah berkaitan dengan Butiran 051100 di bawah MyEG. Saya nampak kekurangan peruntukan, tadi Yang Berhormat Lanang ada sebutkan daripada RM84 juta kepada RM35 juta.

Saya juga hendak mengetengahkan persoalan saya kenapa masih diperuntukkan RM35 juta untuk syarikat ini. Kita nampak pelbagai kepincangan diutarakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pejabat saya sendiri menghadapi masalah untuk berurusan dengan MyEG. Kalau pejabat Ahli Parlimen *backbenchers* pun menghadapi masalah, saya rasa MyEG ini tidak ada justifikasi untuk kita terus memberikan peruntukan yang lebih kepada MyEG. Lebih baik kita mencari alternatif lain yang benar-benar boleh memudahkan dan juga boleh memberikan kemudahan kepada dalam semua urusan yang berkaitan.

**■1700**

Seterusnya Butiran 18010 berkenaan dengan Pembaikan dan Ubahsuai (PDRM) Negeri Sembilan. Saya ucapkan tahniah kepada KDN. Saya nampak kalau tahun 2017, tahun 2018 kosong tetapi Belanjawan 2019 RM3.1 juta diperuntukkan kepada PDRM di Negeri Sembilan. Cuma saya hendak tanya, macam mana pecahan RM3.1 juta tersebut? Apakah IPD Seremban, khasnya IPD Seremban dan balai-balai di bawahnya dapat berapa pecahan yang dia dapat?

Butiran seterusnya adalah berkaitan dengan Butiran 22000 – Kenderaan (PDRM) mendapat satu lonjakan peruntukan yang cukup tinggi iaitu daripada RM9 juta kepada RM85 juta. Saya rasa perlu, saya sokong peruntukan yang bertambah dengan banyak ini sebab kita tahu dan sedia maklum di seluruh negara, semua tempat, semua IPD hadapi masalah kekurangan kereta peronda, motosikal dan sebagainya yang menyebabkan selalu kita buat – kita tuduhlah polis lambat dan sebagainya tetapi sebenarnya kekurangan kemudahan tersebut. Jadi, saya hendak tanya daripada RM85 juta, berapa juta untuk IPK Negeri Sembilan, khasnya IPD Seremban?

Perkara seterusnya yang saya hendak sebutkan adalah berkenaan dengan Butiran 56000 iaitu di bawah Bangunan-bangunan Penjara. Saya nampak kali ini banyak RM126 juta diperuntukkan. Apakah ada tambah baik ataupun *upgrade* untuk Penjara Temiang di Bandar Seremban? Sebab sekarang ini ramai yang dihantar, OKT yang tidak dijamin, ramai yang dihantar ke Sungai Udang, Melaka dan perjalanan dari Sungai Udang, Melaka ke Mahkamah Seremban ambil masa yang jauh dan menyusahkan daripada segi logistik. Jadi saya hendak tanya, apakah daripada RM126 juta itu berapa juta untuk *upgrade* Penjara Temiang?

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan adalah di bawah Butiran 47000 iaitu Pengkomputeran dan Kad Pintar (JPN) di mana RM25 juta diperuntukkan. Jadi saya hendak tanya, apakah tujuan di bawah tajuk ini? Apakah kegunaannya sama ada ia ada berkaitan dengan *upgrade* MyKad untuk rakyat Malaysia dan sebagainya? Jadi sekian sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Memandangkan Yang Berhormat Kota Marudu tiada dalam Dewan, saya jemput satu lagi ‘Kota’ iaitu Yang Berhormat Kota Tinggi. Sila. Selepas ini Yang Berhormat Tebrau.

**5.02 ptg.**

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya cuma ada beberapa perkara sahaja saya hendak bangkitkan yang berkaitan dengan kawasan saya.

Di bawah Butiran 12000 – Balai-balai dan Pondok Polis (PDRM). Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, dalam kawasan saya ini ada empat buah balai polis Yang Berhormat Menteri. Semuanya berada di laluan utama Jalan Persekutuan di FT003 Johor Bahru – Mersing, FT092 Kota Tinggi – Sungai Rengit dan FT099 Kota Tinggi – Tanjung Sedili. Jadi, saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri, saya sudah pergi tengok semua balai ini Yang Berhormat Menteri,

memang berada dalam keadaan yang sangat memerlukan supaya dinaiktarafkan. Pertama, Balai Polis Mawai yang berusia 46 tahun, berada dalam keadaan yang mendesak. Saya ingat nanti Yang Berhormat Menteri datanglah. Saya bawa *round* ya pergi ke balai-balai saya ini. Jadi ini mendesak, saya mohon ada tujuh anggota untuk dinaiktarafkan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: [Bangun]**

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Keduanya Balai Polis Kuala Sedili yang berusia 35 tahun – Jangan kacau. Boleh jangan kacau atau tidak. Ada 12 unit kuarters anggota, dua tingkat...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, saya minta laluan.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Tidak payah, tidak payah. Saya sedang bercakap dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya hendak tanya, 40 tahun - 50 tahun ini, apa yang Barisan Nasional buat? Boleh beri penjelasan?

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Tidak habis, habis. Duduk, duduk.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Boleh beritahu atau tidak?

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Menteri, bagi Balai Polis Kuala Sedili yang berusia 35 tahun, naik taraf ada dua kuarters, 12 unit kuarters, dua tingkat, dua blok juga berada dalam keadaan yang perlu diperbaiki. Ketiga Tuan Pengerusi, Balai Polis Felda Air Tawar 2 yang berusia 25 tahun, kuarters ada tiga tingkat, satu blok tetapi tingkat atas itu tidak boleh duduk kerana biasalah masalah kelawar dan sebagainya. Ketiga, Balai Polis Teluk Sengat juga masalah kuarters.

Di bawah Butiran 22000 – Kenderaan (PDRM). Tuan Pengerusi, saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya balai-balai polis di Kota Tinggi ini Yang Berhormat Menteri, kalau boleh kita bekalkanlah *Land Rover Defender* ini untuk menguruskan mayat kemalangan, lemas, anggota untuk operasi, bantuan kalau bencana dan juga selain daripada membawa pesalah ke lokap polis. Jadi ini antara beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan.

**Seorang Ahli: [Keluar dewan]**

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Hei! Kenapa keluar? Baru mahu jawab. Takut kah? *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Semua orang berani. Tiada siapa yang takut dalam Dewan ini.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Pengkalan Chepa.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar jangan lupa Papar. Papar juga nanti.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Yang Berhormat Tebrau, tiada ya?

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Pengkalan Chepa.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai ada, Lembah Pantai ada.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa, selepas itu Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Bagan Serai. Sila.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Akan diberi selepas ini.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Okey, okey.

#### 5.05 ptg.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 010200 – Dasar dan Operasi. Susulan kejadian rusuhan di kuil baru-baru ini, pihak kementerian telah menarik balik moratorium terhadap beberapa akta subversif seperti Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017 (POCA), Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA), Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA). Soalan saya, apakah kerajaan masih bertegas mahu memansuhkan akta-akta berkenaan serta tiada pertimbangan untuk sekadar meminda peruntukan yang sedia ada?

Pihak kementerian juga menyebut bahawa seramai 2,000 orang ditahan di bawah SOSMA, 475 orang ditahan di bawah POCA serta sembilan orang ditahan di bawah POTA. Kita melihat dengan tindakan moratorium akta-akta yang lalu, berlalu pindaan pertuduhan dikenakan terhadap 57 orang kumpulan Geng 360 Devan kepada Akta Pertubuhan 1966. Akhirnya, 42 orang daripada geng tersebut hanya dikenakan penjara hanya satu tahun. Ironinya kerajaan tidak melihat dengan teliti implikasi serta melaksanakan tindakan moratorium tersebut.

Seterusnya saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah kerajaan turut meneliti untuk menujuhkan semula *Special Task Force on Organised Crime* (STAFOC), *Special Task Force for Anti-vice, Gambling and Gangsterism* (STAGG) dan *Special Tactics and Intelligence Narcotics Group* (STING) bagi terus menjaga keselamatan dalam negara?

Seterusnya Butiran 030100 – Pendaftaran Negara. Saya ingin membangkitkan isu bin Abdullah yang telah menjadi polemik ketika ini. Walaupun keputusan sepatutnya diumumkan oleh Mahkamah Persekutuan pada 22 November. Namun, ia diumumkan pada saat-saat akhir meskipun keputusan bertulis telah pun tersedia. Ini menimbulkan persoalan ramai mengapa ia ditangguhkan sekali lagi, bahkan penangguhan itu berlaku di saat-saat akhir.

Saya hanya mengharapkan tiada campur tangan eksekutif sebenarnya dalam keputusan tersebut. Walau bagaimanapun, ada ruang-ruang penambahbaikan yang perlu kita teliti. Penambahbaikan ini melibatkan cadangan terhadap pindaan seksyen 13 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian amat wajar supaya ia tidak terpakai ke atas anak tidak sah taraf yang dilahirkan oleh ibu yang beragama Islam. Ini berdasarkan penghakiman Mahkamah Rayuan tahun lalu yang meletakkan kedudukan anak tidak sah taraf beragama Islam di bawah seksyen yang sama sehingga ia mencetuskan polemik terhadap penasaban anak tidak sah taraf tersebut.

Kemudian Butiran 040100 – Pembanterasan Dadah. Isu dadah adalah isu yang sering kali dibangkitkan di Parlimen. Ia kelihatan semakin meruncing dan sukar untuk dibendung. Agensi Antidadah Kebangsaan memaklumkan tangkapan penagihan dadah pada tahun 2016 mencecah 30,844 orang kes dengan 80.7 peratus di kalangan Melayu. Selain itu kita juga melihat inovasi dadah jenis *new psychoactive substances* (NPS) yang dijual lebih murah dan mudah untuk didapati ketika ini.

Kita telah memperkenalkan Ordinan Dadah Berbahaya pada tahun 1952 sebelum melakukan beberapa pindaan terhadap pindaan terbaharu seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 yang memasukkan frasa budi bicara hakim-hakim dalam menjatuhkan hukuman terhadap pengedaran dadah. Kita juga mempunyai dasar khusus memerangi jenayah dadah. Namun, hasilnya masih membimbangkan berdasarkan statistik-statistik yang ada. Jadi soalan saya, apakah kementerian bercadang untuk mengemukakan satu Kertas Putih mengenai langkah strategik dan holistik dalam memerangi dadah di negara ini?

Kemudian Butiran 04000 – RELA. Saya ingin mendapatkan penjelasan, bagaimanakah anggota RELA ini untuk kita daftarkan. Saya sendiri berpengalaman sebagai wakil rakyat ketika itu mendaftar sebagai ahli RELA tetapi sampai sekarang pendaftaran saya tidak diluluskan oleh pegawai RELA berkenaan. Saya juga pernah mengadakan program bersama dengan RELA, program mencegah musuh tanaman ini, pada masa yang sama, saya dapati selepas daripada itu, pegawai RELA di jajahan tersebut telah ditukarkan terus ke Kuala Lumpur sebab kerana maklumatnya kerana melaksanakan program bersama dengan saya dan keluar dalam surat khabar.

#### ■1710

Jadi saya mahu penjelasan Menteri, juga berkaitan dengan senjata yang digunakan oleh RELA. Kalau boleh, pihak kementerian review balik tengok senjata yang digunakan kadangkala sudah usianya 50 tahun, 60 tahun. Sedangkan dalam stok limbah di bawah Bukit Aman ataupun kementerian, banyak senjata-senjata yang lebih baik untuk dibekalkan kepada kegunaan RELA bagi membantu masyarakat. Sekian, saya rasa itulah yang saya sebut. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sekarang, saya jemput Yang Berhormat Parit Sulong. Lepas ini Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu, lepas Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sibuti juga.

#### 5.10 ptg.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 12000 – Balai-balai dan Pondok Polis (PDRM). Saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah jenis penambahbaikan kepada balai-balai ini di bawah peruntukan ini kepada balai-balai

dan juga pondok polis di kawasan luar bandar? Sehubungan dengan itu juga, saya hendak bertanya kepada pihak kementerian sekiranya ada keputusan yang dibuat untuk menaik taraf balai-balai ini. Apakah kriteria yang dibuat oleh pihak kementerian dalam menentukan keputusan untuk menaik taraf balai-balai ini?

Di kawasan saya, ada tiga balai iaitu balai di Sri Medan, Parit Sulong dan juga di pekan Semerah. Daripada tiga ini, satu daripadanya berada dalam keadaan yang agak uzur. Kalau sebelum ini setiap tahun melalui peruntukan semasa, kami di dalam kerajaan kita memberi peruntukan membantu mereka menaik taraf sebahagian daripada bangunan-bangunan tersebut. Jadi, saya ingin bertanya di bawah peruntukan ini, adakah terdapat peruntukan yang diperuntukkan untuk menaik taraf balai polis di Pekan Parit Sulong terutamanya rumah-rumah pekerja dan juga infra di balai polis itu sendiri.

Seterusnya ke Butiran 04000 – RELA. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian mengenai apakah perancangan dari segi latihan ataupun kursus yang dibuat? Maknanya adakah terdapat penambahan latihan dan kursus yang dibuat oleh pihak kementerian bagi memberi lebih banyak lagi penerangan kepada pihak RELA mengenai tugas mereka dan tanggungjawab mereka sebagai sukarelawan RELA ini? Seterusnya, adakah ada spesifik cara yang dibuat oleh pihak kementerian ataupun di bawah RELA bagi menggalakkan lebih ramai lagi wanita menjadi ahli RELA iaitu menjadi anggota RELAWATI?

Seterusnya, Butiran 02000 – Agensi Antidadah Kebangsaan. Jumlah penagih dadah ini meningkat 18 peratus pada 2017 berbanding kepada tahun sebelumnya. Lepas itu daripada jumlah ini saya ingin bertanya pula berapa ramai kah daripada penagih yang telah dikenal pasti ini adalah daripada golongan wanita?

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian daripada penambahan ini adakah kementerian bila melihat ada terdapat penambahan dari jumlah penagih, adakah kementerian ada membuat kajian mengapa ada penambahan kepada jumlah penagih-penagih ini? Apa pula pelan KDN dalam menilai, merancang juga menambah baik segala program pemulihan penagihan ini di kalangan masyarakat Malaysia? Hal ini kerana kita tahu sewaktu bangsa itu atau satu negara akan jatuh disebabkan kiranya terdapat banyak penagihan ataupun penggunaan dadah yang berlebihan.

Seterusnya bagi Butiran 020100 – Kepolisan. Kita tidak menafikan peranan polis dalam menjaga kepentingan dan keselamatan awam dan kerana itu polis memang memerlukan kepercayaan, sokongan dan juga kerjasama daripada masyarakat bagi kita sama-sama menjaga ketenteraman negara ini. Soalan saya berkaitan dengan ini adalah sejauh manakah penambahbaikan yang dilakukan oleh kementerian dalam meningkatkan kemampuan dan kesiapsiagaan anggota keselamatan untuk berhadapan dengan ancaman?

Adakah kementerian ada cadangan untuk menempatkan lebih banyak lagi pondok kawalan polis ataupun balai polis bergerak di kawasan-kawasan *hotspot* di negara ini yang menjadi tumpuan yang kita kategorikan sebagai *hotspot*? Kalau boleh mungkin dalam jawapan

bertulis saya perlukan berapakah jumlah *hotspot* di Daerah Batu Pahat dan juga di kawasan Parlimen Parit Sulong terutamanya? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Bagan Serai.

### 5.15 ptg.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud B.62, Butiran 040100 – Pembanterasan Dadah, Butiran 040200 – Kepenjaraan dan Koreksional. Saya ingin bertanya ada berapakah penjara di Malaysia? Betulkah 60 peratus daripada yang masuk penjara ini berkaitan dengan dadah? Betulkah 80 peratus penghuni ini—ada kajian menunjukkan penghuni dan juga pegawai-pegawai penjara yang menghidap *latent tuberculosis* (TB) 80 percent, betulkah ini berlaku?

Bila penagih dadah ini ditangkap dan dimasukkan ke dalam jel dan jel menjadi sesak. Penjara jadi sesak hari ini. Dua benda yang akan berlaku ialah tingginya penyakit. Penyakit seperti HIV, TB, hepatitis meningkat. Kita pun hairan macam mana. Saya hendak tanya, adakah dadah terlepas masuk ke dalam penjara? Apa sebab jadi begini?

Satu perkara lagi adalah apa yang dikatakan *high rate of recidivism*. Maknanya bila dia keluar nanti, 60 peratus *within one month* sudah balik ke pangkal jalan dan 90 peratus *in one year* dengan izin sudah terlibat balik, sudah masuk balik untuk dapat. Ini kita risau. Apa yang akan keluar nanti, apa benda yang dia akan dapat nanti ialah apa yang kita sebut sebagai sindrom serenti. Maknanya *stigmatization*, dengan izin. Keluar ini stigma—orang kata banduan, orang kata tidak bagi kerja, orang tidak bagi kerjasama, orang rasa curiga, keluarga pun tidak tentu terima, masyarakat tidak tentu terima. Akhirnya, dia balik jadi macam itu balik. Jadi ini jadi *vicious cycle*. Kita jadi rugi dan rugi.

Saya hendak tanya, betulkah belanja dalam penjara ini tinggi sangat? Saya dapat maklumat RM43 satu hari untuk banduan. Kalau dekat luar, rawatan mungkin hanya 40 sen satu hari, kalau rawatan di luar. Mereka dapat bersama keluarga, dapat cari kerja, dapat ambil rawatan, doktor akan bagi. Jadi, adakah kerajaan hendak belajar daripada kejayaan-kejayaan daripada luar? Kita tahu negara-negara luar daripada Portugal, Switzerland, Australia dan beberapa negeri di US telah buat *approach decriminalization*, dengan izin? Maknanya bukan *legalization*. Bukan boleh ambil candu merata-rata tempat, bukan. Akan tetapi, mereka yang didapati positif dadah tidak dihantar ke penjara. Hendak tidak penjara kita tidak dipenuhi dengan orang-orang yang terlibat dengan dadah? Hendak tidak kita selamatkan duit negara kita hari ini?

Maksud P.62, Butiran 02000 – AADK. Pertama sekali, saya hendak ucap tahniah dan terima kasih kepada AADK keseluruhannya terutamanya AADK di bahagian di Kerian di Parlimen Bagan Serai. Rajinlah, saya kenal dengan mereka—rajin. Saya pernah mendapat taklimat, selalu pergi jumpa mereka dan kerjasama dibagi sangat baik. Akan tetapi, semenjak 1980, berbilion duit habis. Hari ini kita dengar tadi, pembahas bagi tahu penagihan dadah tinggi, *new drugs*, anak muda terlibat, ATS, *criminal* dan macam-macam lagi.

Jadi, pendekatan *zero intolerance* sebenarnya *fail* malah satu tragedi. Ini kerana bila dia keluar daripada penjara— saya sudah sebut tadi, sudah kena sudah macam-macam. Orang label. Saya pernah berkawan dengan seorang yang dikatakan pernah terlibat, dia pernah keluar. Dia rajin ke masjid, dia sembahyang. kita selalu jumpa dia, saya pun selalu bantu dia. Akan tetapi, orang bagi tahu saya, ‘*Doktor, hati-hati sikit. Dia itu bekas dadah, dia akan balik itu. Saya takut nanti doktor kena*’. Jadi macam itu pula. Jadi Tuan Pengerusi, bersediakah kita untuk ubah pendekatan daripada *zero intolerance*.

Ini kerana WHO bagi tahu definisi yang diberikan ialah *chronic relapsing mental illness*. *Mental illness* ini satu penyakit. Bagi kepada doktor, bagi kepada KKM. Boleh kah kita bagi *fund* yang lebih kepada KKM, kepada doktor untuk menjalankan rawatan rehabilitasi? Meningkatkan lagi *Medication-Assisted Treatment* (MAT), meningkatkan lagi *harm reduction, rehab*. Apa pendapat?

Hari ini saya ingin bertanya tentang pendekatan *biopsycosociospiritual* yang akan dijalankan? Seperti tadi saya juga katakan pendapatan tentang *decriminalization*? Hari ini penagih dadah kalau ditangkap positif *urinenya* dia guna dadah, jangan dipenjara. Bagi peluang untuk rawatan. Ini yang kita hendak.

#### ■1720

Butiran 04000 – RELA. Sedikit saja. Pengawal kampung sejak tahun 1948 sudah ada dan tahun 2012 mendapat penjenamaan semula. Hari ini majlis keraian, jaga *parking*, banjir, keselamatan, mereka diperlukan. Jadi bukan apa, saya ini bukan hendak minta digajikan. Contohnya di Bagan Serai, 16,000 lebih— 10,000 orang Melayu, 4,200 orang Cina dan 2,400 orang India. Saya hendak tanyalah elau— minta sedikit, Tuan Pengerusi, *one minute or two minute*. Elau mereka, tak kah lagi dinaikkan? Kata dinaikkan. Saya difahamkan elau tidak dapat.

Bagaimana dengan elau pos kawalan? Di Bagan serai ada tiga pos kawalan— Tebuk Panchur, Kuala Kurau, Kuala Gula. Patutnya diwujudkan pos kawalan sendiri, tidak payah menumpang lagi.

Tuan Pengerusi, bagaimana tentang insurans mereka? Adakah mereka ini diberi insurans untuk masalah yang dihadapi semasa mereka menjalankan tugas?

Satu lagi, Butiran 91000 – APMM. Dulu JPM. Banyak orang keliru sudah sekarang ini. Saya hendak cakap tentang pencerobohan nelayan asing terutama yang kita dapat tangkap nelayan Vietnam yang menyamar, dokumen palsu. Kesian nelayan-nelayan, pendapatan mereka berkurangan. Saya hendak tanya, adakah *enforcement* ditinggikan? Dan kenapa hanya diletakkan di bawah Akta Perikanan 1985? Tidak berkenaan dengan pencerobohan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Segamat, lepas itu Yang Berhormat Masjid Tanah dan Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Parit.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Bagi Sibuti kejap.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada. Semua ada dalam senarai. Tunggu giliran. Sila.

### 5.21 ptg

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 050900 – Kad dan Dokumen Pengenalan. Saya ingin bertanya kepada Menteri, saya mendapati bahawa peruntukannya naik sehingga RM75 juta dan saya hendak tahu, adakah mereka akan menggunakan kad atau pun sistem baharu? Jika ada, syarikat mana dan juga mengapa mereka dipilih dan juga sebagainya?

Berkenaan dengan dokumen kad pengenalan, saya juga ingin membawa isu mengenai hutang Kerajaan Pakatan Harapan kepada mereka yang telah memilih dengan janji-janji kita, khususnya Perdana Menteri pun telah berjanji bahawa mereka yang berumur lebih daripada 60 tahun itu akan diberikan kad pengenalan penuh ataupun kad pengenalan biru MyKad tetapi masih tidak dilaksanakan.

Keduanya, kita juga pernah dengar bahawa fasa keduanya adalah mereka yang daripada PR, kalau yang dulunya dalam bahasa pasar, daripada merah ke biru, MyKad yang itu pun masih lagi tidak dilaksanakan. Bilakah ianya akan dilaksanakan?

Seterusnya juga niat kerajaan untuk mereka yang tidak memiliki kad pengenalan khususnya kanak-kanak, di mana salah seorang ibu bapanya adalah warga Malaysia.

Akhirnya kepada mereka yang telah berkahwin dengan warga asing. Khususnya kalau di Segamat ini, saya mendapati ramai masyarakat Tionghoa yang ada berkahwin dengan warga Vietnam ataupun China dan juga sebagainya. Walaupun telah bertahun-tahun menunggu tetapi ada di antara mereka masih tidak mendapat kad pengenalan merah dan sebagainya.

Saya hendak tahu niat kementerian sebenar sebab Kerajaan Pakatan Harapan boleh berbuat demikian. Seperti Kerajaan BN hendak tunggu sehingga 61 tahun yang akan datang ataupun kita boleh selesaikannya dalam masa 61 bulan? Saya minta Menteri tolong memberikan satu penjelasan yang jelas.

Keduanya, Butiran 051500 – *Head to Toe* RM150 juta. Saya hendak tahu, apakah projek tersebut, apakah program dan juga di mana? Juga kalau boleh, berikan satu keterangan bertulis yang lengkap.

Mengenai Butiran 18002 – Pembaikan Ubahsuai (PDRM) Johor. Saya pernah beberapa kali bangkitkan mengenai uzurnya IPD Segamat 1930 satu-satunya yang dibina atas batu dan juga kayu dan papan. Maka saya mendapati IPD Segamat ini jauh lebih uzur daripada Sabah. Kalau Sepanggar itu lagi hebat dan begitu juga di Sarawak. Saya mohon kementerian agar mengkaji kembali kerana tanah telah pun diberikan oleh kerajaan negeri tetapi masih tidak dibuat walaupun daripada RMKe-10.

Pada masa yang sama, mengenai Butiran 020100 – Kepolisian, saya ingin membawa isu mengenai balai polis yang diperlukan di Felda Palong Timur di Segamat kerana kita mendapati

adanya hanya pondok dan hanya ada satu pegawai polis yang menjaga 15,000 orang. Saya rasa ia mustahil, *humanly impossible*.

Saya minta kementerian memberikan dengan serta-merta pembinaan balai polis dan juga sebagainya. Saya difahamkan bahawa FELDA sudah menyediakan tempat dan juga sebagainya. Ini merupakan satu yang harus kerana pegawai seorang ini kadang dipinjamkan daripada Balai Polis Batu 6 ke Balai Polis FELDA.

Juga saya ingin membawa isu Butiran 04000 – RELA. Sebab dulunya di FELDA-FELDA ini, RELA ditugaskan. Akan tetapi, saya difahamkan kerana kekangan kewangan, mereka telah pun ditarik balik. Saya mendapati dengan tiadanya RELA di FELDA lagi dan juga hanya dengan seorang pegawai polis berpangkat sarjan menjaga 15,000 orang, ia adalah amat mustahil dan tidak logik langsung. Seolah-olah kita jauh lebih teruk daripada negara di dunia ketiga. Saya minta jasa baik kementerian untuk melihat perkara ini secara serius dan cuba mencari penyelesaian secepat yang mungkin.

Seterusnya saya juga ingin membawa kepada Butiran 26000 – Sewaan Projek *Built Lease and Transfer* (BLT) PDRM. Saya hendak tahu kalau tahun ini tidak boleh disediakan IPD baru, kalau boleh menjelang tahun 2020, seperti Tun Mahathir dulu pernah janjikan negara yang telah membangun, kalau boleh setidak-tidaknya Segamat ini diberikan. Ini kerana tanah telah pun disediakan untuk pembinaan IPD tetapi tiada peruntukan.

Mengenai Butiran 37000 – Pengkomputeran (Imigresen), RM123 juta diberikan . Saya ingin juga membawa isu di Segamat. Saya difahamkan *down time* nya agak tinggi, di mana setiap minggu adanya masalah sistem komputer dan juga sebagainya. Saya difahamkan oleh ketuanya bahawa ia disebabkan oleh serangan-serangan tikus. Setiap minggu kita mendapati kerana digigit wayar, kabel dan sebagainya, maka *down time* nya begitu tinggi dan orang ramai terpaksa datang tunggu. Saya minta kementerian juga mencari satu penyelesaian.

Mengenai Butiran 80000 – Program Bandar Selamat, RM17 juta diberikan. Saya hendak tahu, di mana? Apakah sistem-sistem SOP dan juga bandar mana di negeri Johor? Kalau boleh saya hendak tahu, adakah Bandar Segamat ini juga dimasukkan dalam Program Bandar Selamat ini? Jika ada, saya mohon lebih banyak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Akhir sekali adalah Butiran 56000 – Bangunan-bangunan Penjara. Saya difahamkan, di sini RM126 juta diberikan dan saya bersetuju juga dengan rakan seperjuangan saya tadi yang menunjukkan kita memerlukan satu pendekatan yang berbeza kepada mereka yang dipenjarakan kerana dadah. Kalau kita mendapati di kawasan seperti Segamat ini, kita mempunyai banyak tanah dan juga sebagainya. Kalau kita boleh menggunakan satu konsep penjara yang berbeza, agak terbuka, hanya untuk mereka yang 30 tahun ke bawah tetapi mereka yang terlibat dalam dadah ini, maka kita boleh menempatkan mereka contohnya pembinaan satu penjara yang lebih hibrid di Segamat.

Seterusnya apabila mereka keluar, kita berikan mereka, usahakan tanah-tanah ataupun bekerja di FELDA dan juga sebagainya supaya tidak bergantung kepada warga asing. Setidak-tidaknya mereka akan mendapat mata pencarian dan jika mereka bagus selepas setahun, dua

tahun ataupun tahun ketiga, maka tanah itu bolehlah racikan untuk mereka agar mereka terus boleh memberikan sumbangan kepada ekonomi dan menjadi manusia yang berguna.

Begitulah permintaan saya daripada Segamat kepada rakan seperjuangan saya Yang Berhormat Sepanggar dan saya yakin bahawa kementerian akan berbaik hati dan saya akan amat gembira bila saya mendapati satu surat yang mengatakan dengan sukatanya perkara-perkara berikut diberikan. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Segamat.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu.

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya jemput Yang Berhormat Masjid Tanah, lepas itu Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Jeli, Yang Berhormat Petaling Jaya.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu.

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada, ada. Ada dalam senarai.

### 5.28 ptg.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Tuan Penggerusi. Masjid Tanah ingin menyentuh tentang Butiran 18009 – Pembaikan dan Ubahsuai (PDRM) Melaka yang berjumlah sebanyak RM900,000. Jadi saya mengharapkan agar ada juga balai polis dan juga pondok polis di dalam Parlimen Masjid Tanah yang mana lebih kurang ada empat balai polis dan dua pondok polis juga diberikan perhatian. Ini kerana anggota-anggota di sana sering mengeluh kerana bangunan yang didiami dan juga tempat kerja mereka begitu uzur dan ada tempat yang tidak dapat digunakan. Jadi, saya mengharapkan agar dapat diberikan perhatian tentang perkara ini.

Keduanya, saya juga ingin menyentuh tentang perkara di bawah Butiran 02000 – Agensi Antidadah Kebangsaan yang dilihat meningkat. Saya ingin menyentuh tentang— melalui program pencegahan rawatan dan juga pemulihan dan juga penguatkuasaan dan keselamatan, kita melihat bahawa AADK sebenarnya masih lagi jauh ketinggalan di belakang. Pewartaan lokap pusat tahan reman sebanyak 20 buah di seluruh negara pada tahun lepas masih lagi mendukacitakan dari segi kemudahan dan juga fasiliti. Ini terbukti apabila kes-kes reman di dalam lokap masih lagi tidak dapat kemudahan yang sepatutnya. Keperluan ini termasuk makan, minum, even sabun untuk baju lokap dan sebagainya pun tidak mencukupi. Aduan ini adalah daripada bekas tahanan reman sendiri.

Melalui operasi yang dilaksanakan di Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan, anggota dan juga kakitangan AADK masih lagi terdedah.

### ■1730

Perkara ini, sebelum ini telah pun saya bangkitkan tetapi sehingga hari ini masih lagi tiada jawapan yang saya terima iaitu penularan penyakit TB, tulang begitu juga dengan Hepatitis ‘A’, Hepatitis ‘B’ yang sentiasa dijangkiti oleh pihak penagih. Hari ini ada juga anggota-anggota yang terdedah kepada penyakit-penyakit ini. Jadi soalan saya, apakah tindakan dan perhatian daripada pihak kementerian untuk melihat perkara ini dengan satu yang begitu serius sekali.

Begitu juga kakitangan AADK yang bertugas di dalam daerah dan negeri tidak menerima elauan kritikal sama yang seperti mereka yang bertugas di Pusat Serenti. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana sepatutnya mereka perlu diberikan layanan yang sama rata. Ini kerana mereka lebih terdedah daripada risiko dan juga bahaya.

Begitu juga dengan bahan-bahan keselamatan yang diperolehi oleh mereka seperti gari, cota dan juga bahan-bahan keselamatan untuk mereka *defend* diri mereka. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi, penyakit mental juga diakibatkan oleh penagih dadah ini juga amat bahaya sekali disebabkan oleh dadah-dadah sintetik yang mana menyebabkan penagih dadah ini bertindak lebih agresif dengan lebih kejam lagi tanpa kita sedari dan tanpa kita duga tindakan mereka boleh di luar jangka. Jadi saya harap ianya dapat diberikan perhatian. Begitu juga dengan prosedur kerja penguatkuasaan perlulah diperkasakan.

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 040100 – Pembanterasan Dadah yang peruntukannya meningkat. Jadi persoalan saya, apakah perancangan KDN dalam mewujudkan program khas dalam menangani masalah dadah ini di kalangan belia. Kesedaran tentang bahayanya gejala dadah ini berpunca daripada peringkat tadika, sekolah rendah lagi pun sudah ada. Saya dimaklumkan ada seawal usia enam, tujuh tahun pun sudah terlibat dengan ini. Jadi ia amat bahaya sekali. Jadi kita harap tangkapan demi tangkapan dalam dilakukan untuk membanteras isu dadah ini tetapi yang paling penting ini bagaimana kita hendak menangani masalah ini.

Saya ingin menyentuh kepada Butiran 020200 – Kesukarelawan. Peruntukannya meningkat. Jadi soalan saya, apakah perancangan pihak KDN untuk menggalakkan program-program kesukarelawan ini terutama sekali di kalangan belia dan di kalangan anak-anak muda Malaysia ini supaya mereka ini dapat kita pastikan terhindar daripada gejala-gejala negatif yang boleh merosakkan bukan sahaja merosakkan minda tetapi juga merosakkan tubuh badan mereka. Begitu juga penglibatan di kalangan mahasiswa juga perlulah diperkasakan. Jadi saya mengharapkan lebih banyak lagi program-program bersama dengan masyarakat komuniti.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergerusikan Jawatankuasa]*

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Butiran 04000 – RELA. Jadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Segamat, sahabat saya Yang Berhormat Bagan Serai perlulah kita lihat anggota-anggota RELA ini kerana mereka ini berada di mana-mana. Jadi saya harap bukan hanya baju sahaja cantik, tetapi elauan mereka perlulah cantik. Itu sahaja. Masjid Tanah mohon perhatian. Terima kasih.

**Tuan Pengurus [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lembah Pantai. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Jeli, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Petaling Jaya. Sila dulu Yang Berhormat Lembah Pantai.

**5.33 ptg.**

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Okey ,terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 11000 – Ibu Pejabat Polis (PDRM). Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan juga sedikit bukan sahaja kepada kompleks di Bukit Aman tetapi juga di masjid bersebelahan dengan Bukit Aman. Saya telah sempat menziarahi beberapa kali dan saya rasa boleh ada yang diusahakan untuk ditambah baik sekiranya kompleks tersebut di bawah kelolaan ataupun jagaan Bukit Aman.

Saya ingin menyentuh 18000 – Pembaikan dan Ubahsuai (PDRM) Kuala Lumpur. Saya telah mendapat senarai Yang Berhormat Timbalan Menteri senarai keperluan bagi banyak daripada tempat-tempat di balai-balai polis di Kuala Lumpur termasuk juga di IPK. IPK Kuala Lumpur saya rasa bukan sahaja daripada segi masalah lif yang sering mereka hadapi tetapi saya ingin sentuh sini khususnya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Perumahan Polis Desa Aman 1 dan 2, yang mana bangunan-bangunan ini dulu pada satu ketika merupakan projek-projek terbengkalai yang telah dihidupkan semula, kemudian diserahkan kepada pihak IPK untuk selenggaraan. Sehingga ke hari ini saya rasa salah satu daripada masalah yang paling kronik di situ bukan sahaja dari segi isu lif tetapi juga isu *wiring* yang agak usang. Kalau boleh antara dana yang disediakan ini kita berikan perhatian kepada perkara ini.

Juga kepada Balai Polis Pantai yang mana saya lihat antara kuarters yang agak lama di kawasan Lembah Pantai. Kalau boleh kita berikan perhatian juga dari segi kompleks bagi pegawai-pegawai di situ.

Saya juga mahu mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada Konstabel Zamiri yang telah meninggal dunia pada 2.00 pagi yang lalu akibat satu insiden pelanggan yang telah berlaku di Jalan Semantan. Cukup dekat dengan kita akibat daripada kereta yang telah dipandu oleh seorang yang dipercayai seorang yang mabuk pada sekitar jam 2.00 ataupun 3.00 pagi.

Beliau telah terkorban dan yang bersama dengan beliau ialah Konstabel Osman, kini berada dalam keadaan yang tidak begitu baik tetapi stabil di Pusat Perubatan Universiti Malaya. Saya harap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita dapat pastikan bagi mereka yang menjalankan tugas. Kita berikan pengkhususan kerana Konstabel Zamiri walaupun beliau seorang bujang tetapi keluarga beliau kehilangan anggota keluarga dan mungkin boleh kita usahakan sesuatu bagi keluarga beliau.

Saya ingin menyentuh yang *second last* dengan izin Butiran 56000 – Bangunan-bangunan Penjara. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya telah sempat menziarahi Sekolah Henry Gurney yang mana warga di situ meminta agar diberi pertimbangan janganlah dipotong peruntukan untuk program-program bagi anak-anak yang di bawah jagaan mereka. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh berikan perhatian.

Saya lihat di situ, banyak bangunan-bangunan yang bersejarah tetapi yang lebih penting daripada bangunan adalah program-program yang boleh kita usahakan untuk memastikan jati

diri anak-anak anak masuk termasuk juga anak-anak dari ada seorang yang saya jumpa dari Lembah Pantai yang masuk ke Sekolah Henry Gurney. Maka saya harap boleh diberikan perhatian, janganlah potong peruntukan untuk program-program bagi Sekolah Henry Gurney.

Terakhir sekali, Butiran 80000 – Program Bandar Selamat. Kalau tak silap saya, Balai Polis Pantai termasuk di dalam program ini. Saya lihat antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan terutama dari segi hubungannya dengan komuniti memang amat baik, amat mantap, dan kalau boleh diperluaskan lagi kepada balai-balai polis yang lain. Kita ambil *best practice*, dengan izin daripada Balai Polis Pantai dan Balai Polis Taman Tun Dr. Ismail di bawah Parlimen Segambut, yang mana kalau kita lihat dari segi hubungan komuniti dia sangat erat, warga setempat juga tahu dan faham tugas dan peranan anggota polis di balai-balai polis tersebut. Saya lihat memang boleh diusahakan lebih banyak dan kita perluaskan lagi program bandar selamat.

Setakat itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jeli, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Petaling Jaya, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Hulu Terengganu dan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Tuan Ali anak Biju [Saratok]:** Saratok, Saratok juga.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Saratok, bagi jawapan bertulis sahaja Yang Berhormat Saratok.

### 5.38 ptg.

**Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi, bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat saya alu-alukan ketua-ketua cabang PKR negeri Johor Darul Takzim. [*Dewan tepuk*] Tetamu-tetamu kita boleh lihat bagaimana Ahli Yang Berhormat kuat bekerja ya. [*Ketawa*] Mata masih terbuka luas dan betapa sayangnya kami kepada polis mungkin ada di kalangan tetamu bekas-bekas polis. Kami minta macam-macam untuk polis, kita mahu lihat polis bertugas dalam keadaan selesa.

Butiran 020200, kita mendoakan himpunan pada hari Sabut ini tidak ada kacau bilau. Kita tak mahu apa yang berlaku di Paris berlaku di Kuala Lumpur. Kita pun ucap tahniah kepada seluruh warga PDRM kerana telah menjalankan tugas yang cukup cemerlang termasuklah menjaga keselamatan peristiwa Kuil Sri Mariamman di USJ.

Tuan Pengerusi, keduanya saya ingin merujuk kepada Butiran 02000 – Agensi Antidadah Kebangsaan. Ini berkaitan dengan gejala dadah yang menjadi satu malapetaka besar negara kita yang masih lagi gagal kita tangani. Antara isu yang terpenting ialah bilangan anak-anak sekolah dan mereka yang kurang daripada 18 tahun semakin bertambah penagih dadah ini.

**■1740**

Jadi saya ingin tahu, daripada RM23.9 juta yang diperuntukkan tahun depan ini, apakah peruntukan yang disediakan untuk sebagai langkah preventif untuk memastikan anak sekolah tidak terjebak dalam gejala dadah. Kita ucap tahniah kepada AADK dan juga Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik atas segala yang telah dilakukan tetapi kita harap langkah-langkah lebih tegas diambil untuk membanteras gejala ini.

Ketiga ialah Balai-balai dan Pondok Polis PDRM - 12000. Semua Ahli Yang Berhormat minta, Yang Berhormat Kota Tinggi dan lain-lain minta peruntukan. Saya pun hendak minta juga, ini satu perkara yang menjadi masalah *universal*, dengan izin seluruh negara dan kita harap selain daripada hendak bina balai polis dan pondok polis ada juga bajet untuk *maintenance*. Kawasan saya khusus yang *urgent*, yang mustahak ialah Balai Polis Batu Melintang, Ayer Lanas dan Bukit Bunga. Bukit Bunga ini sempadan perlu di naik taraf. Jadi saya bersama-sama Ahli Yang Berhormat yang lain berharap kerajaan akan memastikan keadaan pegawai kita bertugas ini lebih selesa, moral mereka meningkat supaya gejala jenayah dapat ditangani dengan baik.

Seterusnya keempat, pemberian dan ubahsuai PDRM Kelantan 18012. Pada April lalu dibuat pengumuman kira-kira RM35 juta diperuntukkan untuk membaiki hampir kesemua IPD di seluruh negeri termasuklah kontinjen Kelantan. Jadi ini kalau dulu April RM34.5 juta diluluskan dan bajet ini tahun hadapan ialah RM11.5 juta. Sudah pasti tidak cukup. Jadi kita berharap bahawa senarai keutamaan ditentukan sebaik mungkin supaya kerja-kerja yang penting dimulakan tetapi yang lebih penting tahun 2020 kita harap bajet yang besar diperuntukkan untuk memastikan bahawa balai polis kita dibaiki dan diselenggarakan.

Akhir sekali 35000 – Rumah Kediaman Imigresen. Kawasan saya ada ada ICQS, ada pegawai imigresen, kuarters tidak ada dan kita harap kuarters akan dibina dan selain itu kita harap Kementerian Dalam Negeri juga akan mengambil langkah-langkah untuk memastikan ICQS Bukit Bunga sekarang ini berfungsi di bawah kapasiti. Ada pertemuan dengan rakan-rakan di Thailand, dipimpin mungkin oleh KDN. Mesyuarat dengan pihak sana untuk selaras kerja-kerja fizikal di Thailand dan juga di Kelantan. Bertujuan untuk meningkatkan hubungan. Bertujuan untuk meningkatkan kegiatan ekonomi dan bertujuan juga untuk mengurangkan masalah keselamatan sempadan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Petaling Jaya.

**5.42 ptg.**

**Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini berkenaan dengan Butiran 020100. Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa akta-akta keselamatan contohnya Akta Hasutan bakal dihidupkan semula. Seperti Yang Berhormat Menteri sedia maklum ramai yang gusar dengan keputusan ini. Kebebasan bersuara wajar diangkat sebagai salah satu hak asasi manusia dan ia adalah elemen yang penting dalam kehidupan berdemokrasi.

Akta hasutan ini telah digunakan oleh kerajaan terdahulu untuk menyekat kebebasan bersuara. Disebabkan bidang kuasa akta ini yang terlampau luas, aktivis ahli akademi dan juga media massa terasa terkongkong dalam menjalankan tugas mereka. Sekiranya kita komited dengan *Institutional Reform* dengan izin Akta Hasutan perlu dimansuhkan kerana walaupun kerajaan Pakatan Harapan hanya akan menggunakan其 dalam kes-kes tertentu sahaja kita perlu melaksanakan perubahan budaya yang menjangkau satu kerajaan.

Akan tetapi masalahnya itu telah pun bermula yang mana polis telah memulakan penyiasatan di bawah akta hasutan dengan Wan Muhammad Azri Wan Deris @ Papa Gomo. Selain itu terdapat tiga individu lagi yang disiasat berkenaan dengan rusuhan kuil baru-baru ini dan juga yang *recent* sekali ya aktivis SUARAM, Sevan Doraisamy turut dipanggil untuk memberi kenyataan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri dalam proses peralihan kepada dasar baharu yang sedang dirangka. Apakah SOP polis berkenaan dengan penyiasatan di bawah Akta Hasutan. Adakah wujudnya peruntukan bagi mewujudkan *Human Rights Sensitivity Training* bagi pasukan-pasukan polis supaya setiap anggota peka akan hak asasi tahanan.

Butiran... Sorry. Sorry. Butiran 03000. Ini berkenaan dengan Ops Mega 3.0. Mengikut laporan terkini sebanyak 10,495 pendatang asing tanpa izin (PATI) telah ditahan di bawah Ops Mega 3.0 dan soalan saya ialah adakah Ops Mega akan diteruskan pada tahun hadapan dan apakah jumlah yang telah diperuntukkan?

Kedua ialah apakah jumlah yang diperuntukkan untuk menyelenggara pusat-pusat penahanan. Adakah kerajaan mampu untuk memastikan kesihatan individu tersebut sewaktu mereka berada dalam pusat tahanan Imigresen. Hal ini adalah satu membimbangkan kerana terdapat masalah kesihatan seperti *tuberculosis* yang semakin merebak dalam kalangan pekerja asing terutamanya PATI yang tidak melalui proses saringan kesihatan.

Butiran 45000. Ini berkenaan dengan pengundi hantu atau yang telah meninggal dunia. Suruhanjaya Pilihan Raya (EC) hanya lima hari lalu membuat pengumuman bahawa keutamaan mereka pada masa ini adalah untuk membanteras pengundi hantu yang telah meninggal dunia. Apakah terdapat usaha bersama antara pihak JPN dengan SPR untuk membanteras pengundi-pengundi tersebut? Sekian, terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Ledang, selepas Yang Berhormat Saratok, diikuti oleh Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Jempol dan Yang Berhormat Beruas.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar.

**Tuan Penggerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Ledang.

#### 5.47 ptg.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih pada Tuan Penggerusi. Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 020100 – Kepolisian dan ingin meminta penjelasan khususnya berhubung dengan status SOP yang baharu yang akan digunakan untuk sementara

waktu bagi menunggu sementara pemansuhan atau pun pemindaan SOSMA, POCA dan POTA yang mana kenyataan ini telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kementerian Dalam Negeri pada 24 Oktober yang lepas.

Saya sebutkan ini kerana dalam kepolisan ini ada beberapa perkara yang telah disebutkan dalam Pelan Strategik KDN 2015/2020 yang menyentuh tentang peningkatan keupayaan menangani ancaman khidmat keselamatan, ketenteraman awam dan juga kesejahteraan awam. Dalam konteks itu saya percaya dan yakin bahawa ini juga menyentuh berkenaan dengan integriti. Berkenaan dengan perundangan dan penguatkuasaan, di mana dalam integriti ini juga disebutkan antara cabaran-cabaran utama dalam PDRM.

Oleh kerana itu saya ingin bertanya, dalam konteks integriti dan etika serta sikap, tingkah laku, budaya, nilai diri ini apakah rangka rancangan pelan pembangunan modal insan dalam PDRM dan juga ada disebutkan tentang pelan integriti KDN? Apakah status dan apakah hasil atau pun dapatan daripada pelan integriti tersebut yang dalam perancangan atau pun pelaksanaan pihak polis?

Seterusnya saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan perundangan dan penguatkuasaan yang mana kalau kita lihat dan kita teliti dalam pelan strategik ini juga menyebutkan ada 55 undang-undang atau pun akta-akta, *ordinances*. Apakah rancangan KDN untuk mengkaji semula perundangan yang telah lama atau pun yang telah lapuk? Ada yang berpuluh tahun lamanya contohnya seperti Akta Keadilan Jenayah 1953.

#### ■1750

Tuan Pengurus, saya ingin seterusnya kepada berkenaan dengan Butiran 030100 – Pendaftaran Negara yang ini ada disebutkan oleh Yang Berhormat yang lain tadi tetapi secara khususnya saya lihat belanjawan untuk pendaftaran negara ini telah berkurangan daripada RM417 juta kepada RM282 juta. Apakah ini tidak menjadi perhatian kepada pihak KDN khususnya berkenaan dengan permohonan kewarganegaraan.

Baru petang ini sahaja saya telah menerima aduan daripada kawasan saya di Ledang yang menyebutkan bahawa ada ketidakseragaman dari segi SOP yang digunakan berkenaan dengan proses kewarganegaraan dan itu menyebabkan ada keresahan yang amat tinggi di kalangan mereka yang menuntut untuk kewarganegaraan. Dalam konteks ini mereka membuat aduan khususnya adalah untuk anak-anak mereka yang hendak masuk sekolah tidak lama lagi. Hendak mendapat pinjaman buku sekolah pun belum tentu dapat dan sebagainya. Jadi ini menjadi sebagai satu perkara yang bermasalah.

Akhir sekali saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 18002 di bawah Program Khusus iaitu berkenaan dengan Pembaikan dan Ubahsuai (PDRM) Johor. Saya kira tadi rakan dari Ahli Yang Berhormat Johor juga ada menyebutkan tentang keadaan balai polis. Secara khususnya di kawasan saya, saya ingin menyentuh tentang balai polis di kawasan di Sagil yang mana kedudukannya agak– walaupun kawasannya luas tetapi dari segi infrastruktur sangat daif.

Begitu juga dengan mungkin balai-balai yang lain dalam kawasan di kawasan Ledang saya harap mendapat perhatian juga daripada pihak KDN. Itu sahaja terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Ledang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Setiu.

### 5.51 ptg.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya ingin menyentuh Butiran 020200 iaitu berkait dengan Kesukarelawan. Saya ingin menyentuh butiran ini berkaitan dengan kes tunggakan pembayaran elaun APM dan juga berkait dengan kenaikan elaun anggota sukarelawan yang diputuskan sebelum PRU oleh kerajaan yang lalu daripada RM6.80 kepada RM8.80. Akan tetapi setakat ini masih belum dilaksanakan keputusan tersebut.

Saya memandang serius perkara ini kerana khidmat yang diberikan oleh anggota sukarelawan sering kali terdedah dengan risiko yang tinggi. Saya bercadang agar kerajaan dapat meneruskan keputusan yang telah diputuskan oleh kerajaan yang lalu untuk menambahkan elaun sukarelawan kepada anggota-anggota tersebut yang sanggup mengorbankan nyawa mereka sekali gus kenaikan ini mahu melahirkan lebih ramai sukarelawan untuk menyertai pasukan ini.

Selain itu anggaran peruntukan Bajet 2019 telah mengetepikan kepentingan aset bagi sukarelawan. Bagi anggota sukarelawan ini mereka berkhidmat 24 jam yang menggunakan pelbagai peralatan terutama di musim banjir tetapi berlaku ketiadaan bajet untuk tahun 2019 untuk aset ini sedangkan pada tahun 2018 RM700 juta telah diperuntukkan untuk pembelian aset dan baik pulih aset ini.

Kedua, saya ingin menyentuh Butiran 12000, saya ingin bangkitkan berkenaan dengan peruntukan bajet bagi tujuan balai-balai dan pondok polis sebanyak RM26 juta melalui Program Saya Bersama Rakyat baru-baru ini. Saya ingin mengetengahkan suara rakyat Setiu yang memerlukan pondok polis di Kampung Alur Lik yang menelan kos yang dianggarkan RM110,000. Pondok polis berkenaan akan memberi manfaat yang besar kepada empat kampung sekitar.

Ini adalah kerana jenayah yang tidak dapat ditangani oleh kerajaan pondok polis atau balai polis yang terdekat iaitu Sungai Tong dan juga Sungai Telemong jaraknya dengan kampung tersebut lebih kurang 20 kilometer hingga 30 kilometer. Saya difahamkan bahawa lot tanah untuk pembinaan pondok polis tersebut telah diluluskan. Walau bagaimanapun, peruntukan masih lagi tidak disediakan oleh kerajaan. Saya berharap agar pihak kerajaan lebih cakna akan tahap keselamatan di kawasan penduduk luar bandar. Saya juga mengharapkan kerajaan memasukkan bajet pembinaan balai polis Alur Lik ini sebagai sebahagian daripada peruntukan RM26 juta untuk Bajet 2019 yang diperuntukkan untuk balai-balai polis.

Ketiga, Butiran 010200 – Dasar dan Operasi. Tuan Pengerusi, sehingga September 2017 seramai 53,811 orang pelarian daripada negara berkonflik seperti Myanmar dan Syria mereka

dibenarkan tinggal dengan ihsan kad UNCHR Pesuruhjaya Tinggi bagi pelarian PBB. Secara dasarnya tidak boleh bekerja di negara ini secara tidak sah. Ramai juga yang ditahan di imigresen, di depot kerana bekerja secara tidak sah.

Menurut penganalisis jenayah Datuk Akhbar Satar, mengakui kebanjiran golongan berkenaan di negara ini akan menyebabkan berlakunya pertembungan budaya selain kepada menyumbang peningkatan kegiatan jenayah. Saya ingin tahu sejauh manakah perkembangan proses meratifikasi Konvensyen Pelarian 1951 di bawah PBB dalam usaha menangani krisis pelarian khususnya Rohingya.

Ini kerana saya yakin dan percaya melalui ratifikasi undang-undang dan mekanisme akan diwujudkan untuk membantu pelarian Rohingya dalam bidang kesihatan, pendidikan, latihan vokasional dan pekerjaan sekali gus mampu mengelak pelbagai kes jenayah yang terpaksa dilakukan oleh pelarian-pelarian ini bagi menampung kehidupan sehari-hari mereka.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah tamat sudah.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.  
[Membaca sepotong doa] Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebelum saya panggil Yang Berhormat Sibuti, saya ingin menjemput Yang Berhormat Batu Kawan.

#### 5.27 ptg.

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mulakan dengan Butiran 020100 – Kepolisian, RM8.1 bilion telah diperuntukkan. Maka saya ingin tahu adakah ini termasuk juga satu rancangan oleh kementerian untuk *bodycam* dipasang di atas baju pakaian seragam anggota polis.

Pada tahun 2014 saya telah melawat Charing Cross Police Station dan di sana mendapati bahawa ramai anggota polis di United Kingdom memakai *bodycam* dan ianya biasanya digunakan di mahkamah untuk menyelesaikan kes-kes yang ada percanggahan di antara kenyataan saksi. Jadi saya mohon sekiranya *bodycam* ini telah banyak kali saya dan Ahli-ahli Parlimen bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini termasuk dalam peruntukan RM8.1 bilion.

Seterusnya Butiran 030100 – Pendaftaran Negara. Saya lihat di sini, RM281 juta telah diperuntukkan bagi jawatan lebih 4,589. Saya tahu dengan kerajaan baru ini banyak permohonan bagi kewarganegaraan telah masuk ke JPN. Maka saya ingin tahu dengan bilangan staf yang sama dan perjawatan yang sama, bagaimanakah dan apakah inisiatif Kementerian untuk memproses semua permohonan baru yang berlambak daripada Sabah sampailah Johor sehingga ke Perlis dan memberi kelulusan ini. Apakah KPI yang ditetapkan bagi pemprosesan permohonan ini memandangkan ramai juga yang telah menunggu berdekad-dekad untuk mendapatkan kad pengenalan biru mereka.

Seterusnya di bawah Butiran 030200 – Hal Ehwal Imigresen sejumlah RM815 juta telah diperuntukkan. Namun, saya sendiri dan ramai Ahli Parlimen ada satu aduan yang *common* iaitu

apabila kami memanggil Jabatan Imigresen banyak kali telefon berdering tetapi tidak ada orang angkat. Saya rasa dalam hampir RM1 bilion yang diperuntukkan pastinya kita akan perlukan satu sistem telekomunikasi yang lebih baik, *at least for Members of Parliament when we call or the public that they can get through*. Oleh sebab ramai yang mencuba tidak dapat, akan datang ke pejabat kami juga untuk kata saya sudah banyak kali *call* tetapi tidak angkat.

Saya juga ingin tahu apakah perbelanjaan RM815 juta ini, sebab aduan yang kami terima banyak kali *system down, passport scanner down* di lapangan terbang dan juga kuasa yang diberikan oleh Pengarah Imigresen untuk melarang sesiapa untuk masuk ke negara kita melainkan mereka ini satu dengan izin, *threat to our national security* kami setuju dan sokong. Akan tetapi saya rasa kuasa *arbitrary* yang diberikan kepada pengarah ini patut dipertimbangkan oleh kementerian.

#### ■1800

Seterusnya Butiran 05100 bersama dengan Ahli Parlimen yang lain, apa itu *head to toe* dengan peruntukan RM150 juta. Butiran 051600 – Sewaan Projek *Built, Lease and Transfer* (BLT) PDRM. Saya ingin tahu daripada RM757 juta ke RM0, apakah justifikasi ini. Seterusnya Butiran 02000 – Agensi Antidadah Kebangsaan, hampir RM24 juta diperuntukkan. Jadi, saya ingin tahu, apakah usaha dan inisiatif oleh kementerian untuk memastikan agensi ini efektif untuk memastikan bahawa gejala dadah ini dikurangkan dalam masa akan datang di kalangan anak-anak muda, di kalangan pelajar-pelajar sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

Seterusnya Butiran 18008 – Pembinaan dan Ubah Suai PDRM Pulau Pinang. Saya ingin nyatakan daripada RM12.6 juta, berapakah balai polis yang akan diubahsuai. Perincian sekiranya balai-balai polis di DUN Bukit Tengah, Perai dan Bukit Tambun di bawah Parlimen Batu Kawan termasuk dalam pembinaan dan pengubahsuaian ini.

Seterusnya saya masuk, maaf Tuan Pengerusi. Butiran 56000 – Bangunan Penjara, RM126 juta diperuntukkan. Jadi, saya ingin tahu apakah pengubahsuaian penjara di Pulau Pinang dan juga berapakah kos pengubahsuaian tersebut? Poin terakhir di bawah Butiran 62000 – Langkah Keselamatan. Penurunan daripada, maaf. Kenaikan RM2.1 juta sehingga RM11.7 juta. Saya ingin tahu, apakah status *smart lock-up system* ini dalam penjara-penjara di Malaysia memandangkan pada tahun 2017, 57 buah lokap telah diperuntukkan sebanyak RM3.3 juta untuk pemasangan *smart lock-up system* ini yang dapat mencegah kematian dalam tahanan.

Namun, sekiranya RM11.7 juta diperuntukkan, maka saya rasa lebih 150 buah lokap sahaja akan dipasang dengan *smart lock-up system* ini. Jadi, saya mohon perincian dan juga lebih perhatian diberikan supaya lokap-lokap di Malaysia ini dipasang dengan CCTV untuk mencegah kematian dalam tahanan. *Last point* Tuan Pengerusi, iaitu Butiran 050100 – Bertugas Ke Luar Negara. RM2.1 juta diperuntukkan. Saya ingin mengesyorkan kepada kementerian agar Yang Berhormat Menteri ataupun Timbalan Menteri KDN ini menganjurkan lawatan sambil belajar ke negara-negara yang ada *best practices* ataupun *reform police force* mereka daripada segi kemudahan, daripada segi perkhidmatan.

Contohnya untuk melawat UK, untuk melawat balai-balai polis mereka, untuk melihat makanan apa yang diberikan kepada banduan, kemudahan untuk memastikan banduan tersebut bukan kata selesa tetapi *on humanitarian grounds* disimpan di dalam lokap. Jadi saya mohon *at least the Minister or the Deputy Minister must go and visit countries of best practices to ensure that our police force is strengthen. We have a police force that has their integrity is accountable and is clean.* Dengan ini, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan, sekarang saya jemput Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar jangan lupa.

### **6.03 ptg.**

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Sibuti ingin mengajukan Butiran 020100 berkenaan tentang Kepolisian. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian agar melihat semula *structure* pentadbiran pejabat-pejabat polis dan juga balai-balai polis di negeri Sarawak memandangkan pada masa kini, Sarawak telah mewujudkan beberapa bahagian yang baharu dan juga terdapat beberapa juga daerah-daerah baru di kawasan dan juga sekitar negeri Sarawak.

Maka saya mencadangkan agar di-review balik dengan izin, *structure* dan juga penempatan pejabat-pejabat dan balai polis di kawasan negeri Sarawak. Seperti contoh di kawasan Parlimen Sibuti, telah diwujudkan kawasan pentadbiran Daerah Subis dan juga saya mencadangkan agar Balai Polis Bekenu dan juga Balai Polis Batu Niah digabungkan untuk dijadikan sebagai balai polis daerah dan berpisah pentadbiran dengan Balai Polis Miri.

Saya juga ingin menyebut Butiran 22000 berkenaan tentang Kenderaan PDRM. Saya sangat mengalu-alukan peruntukan yang diberi kepada butiran ini dan juga saya berharap agar pihak kementerian dan juga saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri berasal dari Sabah dah tahu kondisi dan *condition* di kawasan geografi Sabah dan Sarawak agar kenderaan yang disediakan ataupun dibeli bersesuaian dengan keadaan anggota kita di kawasan pedalaman, di kawasan luar bandar dan juga di kawasan bandar.

Seterusnya adalah berkenaan tentang Butiran 18005 – Pembaikan dan Ubah Suai PDRM Sarawak. Saya melihat terdapat RM2 juta peruntukan dan saya memang faham bahawa peruntukan ini sangat-sangat tidak dapat untuk membantu keadaan balai-balai polis yang semakin daif terutamanya di kawasan-kawasan bandar. Contohnya Balai Polis Miri yang perlukan naik taraf ataupun dibina semula dan juga begitu dengan kawasan Parlimen Sibuti. Balai polis di Bekenu dan juga balai polis di Batu Niah memerlukan perhatian.

Sebagai membantu Kerajaan Persekutuan, saya sendiri menggunakan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Sarawak melalui peruntukan LTP untuk membantu menaik taraf sebahagian bangunan di kawasan Balai Polis Batu Niah dan juga saya ingin memohon izin sekiranya pihak kementerian membenarkan Ahli Parliment-ahli Parliment Sarawak untuk

menggunakan peruntukan bagi menaik taraf bangunan dan juga balai polis di kawasan pedalaman.

Seterusnya adalah berkenaan tentang subjek yang saya minati iaitu Butiran 02000 iaitu Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Saya berharap dengan peruntukan yang besar dibahagikan kepada pihak AADK, pihak kerajaan dapat menjalankan baik pulih pusat pemulihan di bawah AADK seperti 20 buah pusat rawatan dan pemulihan (CCRC) dan juga 39 buah pusat khidmat pulih dan prihatin (CCAC) di seluruh negara.

Saya juga berharap agar pihak kementerian dapat membekalkan kit-kit pemeriksaan urin dadah kepada setiap AADK di daerah-daerah seluruh negara terutamanya di negeri Sarawak dan juga dapat diagihkan lebih banyak di kawasan AADK Miri memandangkan di kawasan Parlimen Sibuti semakin banyak pelajar ataupun masyarakat di kampung-kampung tradisi dan juga rumah panjang melibatkan diri dengan dadah. Dengan adanya kekerapan pemeriksaan air kencing ini, mungkin kita dapat membasmi serba sedikit aktiviti ataupun gejala dadah di kawasan luar bandar.

Seterusnya adalah berkenaan tentang Butiran 91000 iaitu Agensi Pengawalkuasaan Maritim (APMM) yang saya lihat peruntukan lebih daripada RM400 juta. Di sini saya berharap agar pihak APMM dapat membeli aset-aset keselamatan yang dapat di letak di perairan Laut China Selatan terutamanya lautan di kawasan yang berdekatan dengan Beting Patinggi Ali memandangkan terdapat ramai nelayan dari kawasan Parlimen Sibuti agak takut melihat *China Coast Guard* yang sedang *landing* di kawasan Beting Patinggi Ali.

Juga saya ingin menegaskan agar pihak APMM dapat mengawal pintu masuk jalan laut ke Miri memandangkan pada masa kini terdapat banyak kemasukan warga Sulu dan juga saya berasa hairan mereka dapat sampai sehingga Miri dan juga banyak anak-anak Sulu ini berkeliaran di Bandaraya Miri. Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti, sekarang saya jemput Yang Berhormat Parit.

#### **6.09 ptg.**

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa butiran iaitu Butiran 030200 – Hal Ehwal Imigresen. Kalau kita lihat sekarang ini, masalah warga asing sebenarnya cukup banyak termasuklah yang berada di kampung-kampung. Walaupun asasnya mereka datang di peringkat awalannya seperti biasa sahaja tetapi hari ini mereka telah pun menguasai beberapa bidang dan juga termasuk memiliki aset dan sebagainya.

Saya ingin tanya kepada pihak kerajaan mengenai lambakan pekerja asing ini dan berapakah jumlah warga asing tanpa izin yang telah berjaya dikesan hasil daripada Ops Mega 2.0 yang dijalankan oleh Jabatan Imigresen dan apakah usaha berterusan yang telah pun dijalankan oleh kementerian dalam membanteras pendatang asing tanpa izin (PATI) ini dan

adakah kerajaan telah pun mengenal pasti jumlah sebenar warga asing ini mengikut negeri-negeri.

■1810

Kedua, Butiran 040100 mengenai dadah. Saya juga bersetuju sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga menceritakan mengenai dadah yang merupakan satu ancaman yang cukup besar di dalam negara kita. Menurut statistik Agensi Antidadah Kebangsaan, jumlah penagih dadah yang dikesan adalah sebanyak 25,922 kes pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, 18,440 adalah kes baru, manakala 7,482 adalah kes yang berulang.

Namun, apa yang menjadi kebimbangan dan juga perhatian penuh saya khususnya di negeri Perak sahaja mempunyai 1,557 kes penyalahgunaan dadah. Saya melihat kempen-kempen kesedaran mengenai penyalahgunaan dadah ini perlu untuk dipertingkatkan oleh pihak kementerian di segenap lapisan supaya ia tidak menjadi satu ancaman yang cukup besar khususnya di dalam negara kita.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah terdapat sebarang usaha lain kementerian dalam memastikan penurunan kes penyalahgunaan dadah ini dan adakah terdapat sebarang pemantauan berkala penyalahgunaan dadah di sekolah-sekolah. Ini memandangkan terdapat juga kes penyalahgunaan dadah dalam kalangan pelajar. Adakah kementerian menyedari tentang kewujudan dadah jenis baru serta apakah tindakan yang telah pun dibuat?

Seterusnya Tuan Penggerusi, saya hendak menyentuh Butiran 04000 – RELA. Kita tidak nafikan sumbangan dan peranan anggota RELA, apatah lagi anggota RELA daerah yang kebanyakannya ditugaskan di pos-pos kawalan daerah termasuklah di dalam kawasan saya iaitu di kawasan Parlimen Parit. Saya mendapat maklumat, ada anggota RELA yang lambat dibayar tuntutan elaun mereka dalam konteks bulanan dan saya ingin bertanya, adakah kementerian akan menetapkan tarikh khusus pembayaran elaun ini. Saya juga ingin tahu, bagaimana proses pembayaran elaun itu akan dibuat.

Saya hendak bertanya juga, setakat mana status penugasan kawalan keselamatan di Pusat Khidmat Komuniti RELA di seluruh negara. Adakah masih ada penugasan rondaan RELA di 98 PKKR seluruh negara? Kalau masih ada, berapa ramai atau jumlah anggota yang dibayar elaun bertugas? Kita tidak mahu kelak, apabila anggota RELA bertugas namun timbul pula isu elaun tidak berbayar.

Seterusnya adalah Butiran 47000 – Pengkomputeran dan Kad Pintar (JPN). Saya percaya kad pengenalan Malaysia adalah antara yang paling canggih dan mempunyai ciri keselamatan yang tinggi. Kad pengenalan kita sentiasa menjadi permintaan tinggi bagi sindiket tertentu untuk memperolehinya. Dalam kad pengenalan, kita ada juga mempunyai perkongsian pintar, aplikasi Touch 'n Go dan boleh digunakan bagi kegunaan harian seperti menggunakan tol, menaiki pengangkutan awam dan terkini ada sesetengah kedai atau restoran yang menawarkan penggunaan Touch 'n Go dalam urusan pembelian.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah kad pengenalan kita ini benar-benar selamat termasuk tiada pencerobohan maklumat peribadi masing-masing. Adakah

terdapat sebarang perancangan kementerian untuk mempertingkatkan lagi ciri-ciri keselamatan kad pengenalan pada masa yang akan datang? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Padang Serai.

#### 6.14 ptg.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali dan juga Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Terlebih dahulu saya ucapan terima kasih dan juga tahniah kepada pihak polis yang tempoh hari di kuil, mereka telah diuruskan dengan baik dan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Mana Yang Berhormat Timbalan 'Perdana' Menteri? Mana?

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Oh! Timbalan Menteri.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:** Bukan Timbalan Perdana Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri. So, telah selesaikan dengan aman damai dan IGP pun turun untuk selesaikan. Saya ucapan tahniah dan terima kasih. Benda-benda macam ini orang yang beruniform tulah menghargai uniform. Saya orang uniform, itulah menghargai uniform. Kalau lain kali, apa-apa pun kalau hendak tembak pun tembak bawah lututlah. Jangan tembak dekat dada. *[Ketawa]*

Seterusnya Butiran 030100 – Pendaftaran Negara. Mohon pihak kementerian ambil perhatian berkaitan dengan pada tempoh hari Perdana Menteri kita telah pun memberitahu pada orang-orang yang umur 60 tahun ke atas bolehlah memberi warganegara seterusnya tetapi masih lagi di JPN mereka waswas, tidak ada arahan-arahan yang lengkap diberikan. Tolonglah kementerian ambil perhatian dan selesaikanlah masalah ini sebab kadang-kadang kita pergi pun dia kata *you* orang boleh cakaplah tetapi kita tidak dapat arahan. Dia orang kata *slow* sahaja tetapi sakit hati kita. Terima kasih.

Di samping itu juga, Butiran 030200 – Hal Ehwal Imigresen. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, di tempat saya terletak di sebelah kedai sebab kawasan saya ada luas, mengandungi dua Parlimen dan 300,000 orang tetapi letak tempat itu sempit dan sebagainya. Orang-orang datang untuk imigresen. Pada pagi mereka datang, semua sudah bagi nombor. Orang datang tengah hari diberitahu tidak ada nombor, habis. Tidak boleh diregister dan sebagainya. Di sini saya ingin ingatkan, benda tempat itu adalah tempat kita dapat wang. Mereka datang untuk beri wang kepada kita. Apa sebab kita tidak boleh besarkan tempat tersebut dan beri layanan kepada mereka supaya duit itu boleh disalurkan kepada kerajaan kita.

Di samping itu juga, bagi di kawasan-kawasan balai polis-balai polis di kawasan saya masih amat menyedihkan. Saya berharap peruntukan ada lebih. Tolonglah perbaiki dan juga kadang-kadang kita pergi ke balai polis itu sedih. Kita rasa macam bukan balai polis. Kadang-

kadang kita pergi, *emergency* dan juga pandangan kita itu tidak berapa enak sekali. Kita mahu apabila pergi balai polis, macam satu balai polis, orang jahat datang pun dia takut tengok balai polis itu. Kita mahu macam itu.

Di samping itu juga, bagi polis bantuan. Banyak polis bantuan di kawasan kita tetapi masih mereka tidak ada keistimewaan. Adakah mereka dapat keistimewaan-keistimewaan seperti orang-orang polis dan apa salahnya mereka diserapkan bersama anggota polis. Oleh sebab uniform sama, semua sama. Apabila tanya, saya polis bantuan. So, macam mana kita hendak dapati perbezaan. So, kalau boleh bagilah selaraskan mereka supaya mereka pun kerja lebih masa dan juga mereka pun berkorban lebih sedikit untuk negara.

Okey, dengan ini saya ucapkan terima kasih juga dan ingin akhiri dengan pantun. Kalau tidak, Yang Berhormat Kota Tinggi marah saya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila pantun.

**Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]:**

*Menghidang padi penuh berisi,*

*Si dara menghidang sambil berhibur,*

*Semangat perwira kita warisi,*

*Musuh mendatang kita menggempur.*

[*Tepuk*]

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Steady Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Hulu Terengganu, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar. Kemudian Yang Berhormat Saratok, kemudian Yang Berhormat Arau, kemudian Yang Berhormat Jempol, kemudian Yang Berhormat Beruas, kemudian Yang Berhormat Papar dan yang terakhir Yang Berhormat Maran.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Satu lagi Rantau Panjang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Hulu Terengganu.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Masukkan nama saya Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Hulu Terengganu dahulu.

#### 6.19 ptg.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas di bawah Kementerian Dalam Negeri. Saya terus kepada P.62, Butiran 04000 iaitu berkaitan dengan RELA. Saya ada terima dan terbaca dalam satu Facebook kepunyaan Roykota Rozani yang bertanya tentang pakaian RELA yang dikatakan

bersusun-susun di sebuah kedai di Taman Maluri. Persoalannya adakah kedai ini mendapat kelulusan daripada KDN untuk membuat atau menjahit baju-baju RELA.

Kemudian, persoalan yang kedua berkaitan dengan RELA juga ialah berkaitan dengan permohonan untuk menjadi ahli kehormat. Apakah kementerian tidak menapis ataupun langkah-langkah kriteria-kriteria yang digunakan oleh kementerian untuk memberi pangkat ahli kehormat kepada mereka yang ingin menjadi Ahli Kehormat RELA?

Kemudian saya berpindah kepada P.62, Butiran 18011 iaitu Pembakaian...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan, penjelasan.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Sila.

■1820

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Semasa dahulu, Parlimen dahulu. Semua Ahli Parlimen rela diberi pangkat Kolonel Kehormat. Kemudian APM bagi Kolonel Kehormat. Timbalan Speaker dapat Jeneral. Saya pun lupa satu *star*, dua *star*. Apakah polisi yang berkenaan— Yang Berhormat hendak tanya apakah polisi berkenaan diteruskan ataupun mereka yang memakai pangkat itu kena dipakai pangkat semula?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Hulu Terengganu.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Perlu sedikit masa tambahan. Saya setuju dengan apa dan dimasukkan sebahagian daripada perbahasan saya. Saya berpindah kepada P.62 18011 iaitu Pembakaian, Ubah Suai PDRM. Berkaitan dengan keadaan balai polis di Ajil. Sebuah pekan di kawasan saya perlu perhatian juga kepada pembakaian dan sebagainya. Kedua ialah balai polis di Kuala Telemong. Perlu perhatian daripada kementerian.

Ketiga, P.62 11000 – Ibu Pejabat Polis (PDRM). Pertanyaan saya, adakah dan apakah status balai polis ataupun Ibu Pejabat Polis Daerah Hulu Terengganu yang saya difahamkan tanah telah ada, pecah tanah telah dibuat tetapi statusnya sehingga kini macam mana?

Terakhir, Tuan Pengerusi iaitu pembakaian dan ubah suai imigresen. Di kawasan saya ada pusat tahanan imigresen PATI, jadi perlu juga perhatian dan juga pembakaian serta hal-hal yang berkaitan dengan kebijakan pekerja-pekerja yang berada di pusat imigresen tersebut. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**6.21 ptg.**

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 12000 – Balai-balai dan Pondok Polis (PDRM). Pembinaan penambahan pondok polis di kawasan pentadbiran Balai Polis Manong di Kampung Senggang. Pada November 2017 Tuan Pengerusi, surat permohonan daripada Parlimen kepada KDN telah disampaikan. Setakat ini status belum diketahui, mohon pertimbangan Yang Berhormat Menteri. Untuk pengetahuan, sebelum ini ada permohonan untuk menambahkan lagi anggota di Balai

Polis Kuala Kangsar, permohonan ini telah diisikan dengan seramai enam orang anggota polis. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya Butiran 040100 – Pembanterasan Dadah. Penagihan *designer drug* atau lebih dikenali sebagai *New Psychoactive Substances* (NPS) di kalangan golongan profesional bukan lagi mereka yang tercicir pelajaran mahupun golongan berpendapatan rendah tetapi juga di kalangan golongan yang bijak pandai. Menurut statistik agensi AADK pada tahun 2016 sebanyak 12,134 penagih ditahan merupakan golongan berpendidikan tinggi.

Yang Berhormat Menteri, kajian mendapati sebab-sebab penagihan adalah kerana tekanan kerja dan masalah peribadi yang gagal ditangani dan kemurungan yang teruk. Kesilapan golongan ini ialah mereka mempunyai daya intelektual yang tinggi tetapi gagal membuat pertimbangan yang baik dari segi emosi. Ia lazimnya bermula dengan tekanan perasaan sama ada di tempat kerja ataupun dalam perhubungan peribadi.

Bagi saya ia amat berbahaya kerana sindrom senyap dan persepsi *is business as usual* Yang Berhormat Menteri dengan izin amat mencemaskan. Ia adalah dadah jenis *psychoactive* NPS ini dan tidak dapat dikesan dan ia mempunyai rangsangan yang melebihi *ecstasy*. Barang-barang ini boleh dijumpai di rumah dan digunakan dicampurkan dan digunakan untuk mengkhayalkan diri tanpa dapat dikesan.

Yang Berhormat Menteri, saya memohon supaya dapat mencari kaedah-kaedah yang berkesan bagi menangani penagihan di kalangan golongan ini. Kaedah baru yang mengambil kira pendidikan, jalinan penagih ini antara contohnya pendekatan modul berdasarkan kerohanian bagi memulihkan penagih dadah dalam jangka panjang. Kaedah memaksa tidak efektif lagi untuk penagihan yang melibatkan golongan bijak pandai ini Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri, saya juga berpendapat supaya kakitangan dan latihan perlu diberi secara agresif dan peruntukan harus ditambahkan kerana saya lihat pertambahan hanya sebanyak sejuta lebih sahaja untuk tahun 2019 sedangkan jumlah penagihan jelas meningkat.

Yang Berhormat Menteri, satu bentuk serangan atau pelan strategi komunikasi menyeluruh dengan penggunaan media luar, media cetak, media penyiaran yang menggunakan kaedah mesra dan inklusif dan *engaging* dengan izin perlu dipaparkan untuk memberi mesej galakan kepada penagih-penagih golongan ini yang mahu diri mereka dirawat. Kita harus mempunyai *political will* untuk mewujudkan juga komuniti siber yang boleh menangani permasalahan ini yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai terlatih dan komited.

Butiran seterusnya yang akhir ialah Butiran 030200 – Hal Ehwal Imigresen dan Butiran 050400 – Membanteras Perdagangan Orang (MAPO). Yang Berhormat Menteri, mohon sahkan kebenaran berita ini. Di Malaysia, nisbah 52 pekerja seks setiap 10,000 orang. Malaysia tersenarai di tangga kelapan antara 10 negara di dunia yang mempunyai bilangan pekerja seks teramai untuk setiap 10,000 penduduk. Adakah ini betul Yang Berhormat Menteri? Saya secara peribadi berpendapat dan meyakini bahawa kita harus menerima hakikat bahawa masalah pelacuran adalah masalah yang semakin membesar di negara ini.

Kita bercakap seperti pelacuran tidak wujud kerana sensitiviti agama. Jadi apabila bercakap tentang pelacuran, ia bukan hanya tentang isu-isu moral sahaja ia adalah satu perniagaan haram yang menjijikkan dan terkutuk. Kita sekarang perlu melihat gambaran dunia pelacuran Malaysia di dalam skop yang lebih besar Yang Berhormat Menteri.

Terdapat dua senario, pelacuran paksaan dan satu lagi pelacuran sukarela dan bebas. Kedua-duanya mempunyai modus operandi yang berbeza. Pelacuran paksaan banyak di rumah kedai atau hotel murah, sindiket yang menguruskannya dan aplikasi *WeChat* digunakan. Pelacuran paksaan juga melibatkan orang asing di seludup dan masa ini mereka mengembara dengan dokumen yang sah dan berada di sini atas pas lawatan sosial dan mereka juga menggunakan satu sindiket di mana *marriage of convenient* diamalkan.

Senario kedua pula adalah bebas dan beberapa pihak terlibat dalam sindiket pelacuran yang di seludup masuk. Sedikit lagi Tuan Pengerusi. Pengendali hotel-hotel bertaraf lima bintang, pengendali makanan dan pemandu teksi. Yang Berhormat Menteri, adalah penting bagi polis untuk menangani pelacuran ini sehingga ke puncanya kerana ia melibatkan banyak jenayah lain yang berkaitan dengannya termasuk pemerdagangan manusia.

Yang Berhormat Menteri, hotel-hotel besar dan mewah harus dipantau aktivitinya dan tawaran-tawaran kepada pelanggan-pelanggan dan juga ruang-ruang siber yang digunakan untuk memasarkan tawaran-tawaran ini mesti dikaji. Satu *team* khas siber perlu diwujudkan khas untuk hal-hal berkaitan pelacuran siber. Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk melakukannya. Di peringkat komuniti juga harus ada talian aduan untuk melaporkan perkara-perkara ini.

Antara usaha-usahanya mesti mengekang anak-anak muda daripada terjebak dengan pelacuran adalah membanteras bahan-bahan pornografi yang jelas melambak di ruang siber. Di Malaysia, kaji selidik telah menunjukkan bahawa 80 peratus kanak-kanak remaja daripada umur 13 tahun ke 17 tahun telah terjebak dengan bahan pornografi.

Akhir sekali, satu *affirmative action* perlu dibuat KDN dalam kadar segera. Penguatkuasaan undang-undang oleh ibu bapa yang mungkin kita boleh usahakan yang dinamakan skuad banteras pornografi di kalangan remaja dibuat bersama dengan ibu bapa secara konklusif dan komprehensif. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Saratok. Yang Berhormat Arau selepas ini.

## 6.28 ptg.

**Tuan Ali anak Biju [Saratok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 91000 – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Saya mengalu-alukan anjakan peruntukan untuk agensi ini daripada RM248 juta kepada RM469 juta, anjakan sebanyak RM221 juta. Justeru itu, saya ingin tahu sama ada KDN ada program khas untuk memantau pencerobohan perairan di Sarawak yang panjang seperti yang diutarakan juga oleh rakan saya Yang Berhormat Sibuti tadi.

Perairan di Sarawak ini selalu dicerobohi oleh nelayan-nelayan asing. Malahan baru-baru ini kita dengar dan sekarang ini pun berlaku iaitu angkatan laut armada dari China mendekati atau mencerobohi perairan Sarawak di Malaysia di Beting Patinggi Ali.

Kedua, Butiran 020300 – Kawalan Sempadan. Sarawak dan Sabah memiliki sempadan dengan Kalimantan sepanjang lebih 2,000 kilometer. Terlalu panjang untuk dikawal dengan berkesan oleh anggota briged sempadan yang ada sekarang. Adakah KDN bercadang untuk menambahkan briged sempadan tersebut untuk memantau sempadan dengan lebih berkesan. Apakah status cadangan pembinaan ibu pejabat briged sempadan berkenaan di Bintulu? Di bahagian Kalimantan, Kerajaan Indonesia telah membina jalan raya sepanjang sempadan Sarawak – Kalimantan. Soalan saya ialah adakah Kerajaan Malaysia bercadang membina jalan raya di sepanjang sempadan Sarawak–Kalimantan untuk memudahkan pemantauan bagi pihak briged Malaysia.

■1830

Ketiga, Butiran 18005 – Pembaikan dan Ubahsuai (PDRM) Sarawak. Peruntukan sebanyak RM2 juta amatlah tidak memadai memandangkan banyak pembaikan dan ubahsuai terpaksa dibuat di Sarawak. Bagi IPD Saratok, saya menyeru agar peruntukan dibuat untuk pengubahsuaian bangunan IPD Saratok yang dibina pada tahun 1953, zaman penjajah dahulu sudah 65 tahun. Adalah lebih berpatutan sekiranya KDN membina semula bangunan IPD Saratok sesuai dengan peredaran zaman Malaysia baharu di bawah Kerajaan Pakatan Harapan.

Terakhir, ialah Butiran 040100 - Pembanterasan Dadah. Peruntukan untuk pembanterasan dadah berjumlah RM328 juta adalah satu peruntukan yang agak besar. Akan tetapi, masalah penyalahgunaan dadah nampaknya makin menular termasuk di kawasan luar bandar di Saratok. Di Saratok, iaitu bahagian Betong cuma ada dua orang anggota polis narkotik dan ini amatlah tidak mencukupi memandangkan bahagian Betong adalah besar. Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar jumlah anggota polis narkotik di bahagian Betong ditambahkan dengan secepat mungkin untuk membanteras pengedaran dadah jenis syabu yang semakin berleluasa di kawasan rumah panjang dan kampung-kampung di Saratok. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Saratok. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Arau. Selepas ini Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kemudian Yang Berhormat Papar, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Maran, Yang Berhormat Rantau Panjang dan yang terakhir Yang Berhormat Batu. Terima kasih.

**6.31 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali, seperti kawan-kawan daripada Sarawak iaitu berhubung dengan operasi APMM. Kita menyebut berkali-kali berhubung dengan Beting Patinggi Ali. Saya tidak akan berhenti menyebut sehingga kita berpuas hati tidak ada pencerobohan daripada *Coast Guard China* ataupun nelayan asing di perairan asing...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Mohon penjelasan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Di kawasan Beting Patinggi Ali. Ya, silakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Benarkah kenyataan yang menyebut bahawa di sekitar 200 batu nautika daripada Beting Patinggi Ali yang seluas tiga suku padang bola itu dipenuhi dengan khazanah minyak dan gas. Itu sebab maka *coast guard* Yang Berhormat Arau sebut daripada China misalnya ada di situ kerana inginkan harta yang cukup berharga di kawasan Beting Patinggi Ali itu. Apa pandangan Yang Berhormat Arau?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Niatnya saya tidak tahu. Ya, saya tidak tahu tetapi kawasan itu penuh dengan hasil bumi kerana berdekatan dengan kapal yang berlabuh itu terdapat satu telaga minyak yang berwarna oren. Saya sebut berkali-kali di Dewan ini yang dibina tidak beroperasi sampai sekarang. Kita tanya secara rasmi dan tidak rasmi siapa punya dan kenapa tidak beroperasi. Di antara sebabnya kerana kapal *coast guard* itu berada dalam jarak yang terlampau dekat lebih kurang mungkin tiga batu nautika. Sebenarnya yang 200 batu nautika ini ialah daripada *shoreline* dengan izin, Pantai Sarawak sampai ke 200 batu nautika. Akan tetapi Beting Patinggi Ali jaraknya ialah 83 batu nautika daripada gigi Pantai Sarawak.

Sekarang kita hendak jawapan yang tegas bahawa kerajaan akan mengeluarkan *coast guard* ini daripada kawasan tersebut. Pernah sekali dalam beberapa tahun yang lepas, saya sebut di Parlimen ini bahawa terdapat 100 nelayan asing telah menangkap ikan dalam masa seminggu. Jadi jumlahnya berbilion ringgit yang telah dikeluarkan, yang mereka telah tangkap kerana apa yang berlaku ialah ikan tuna ini dikejar daripada Lautan Pasifik, akhirnya, tuna ini terperangkap di Laut China Selatan di kawasan Malaysia.

Sebanyak 100 biji kapal besar masuk untuk menangkap ikan selama seminggu. Kita dengan APMM yang kecil jumlahnya lebih kurang tiga biji kapal, saya *mobilize* kan semua sekali aset APMM untuk pergi mengejar. Akan tetapi apa yang kita dapat? Sebuah daripada bot kita telah pun dilanggar oleh nelayan kita, berlaku kerosakan dan terpaksa balik ke Pantai Sarawak. Ini benda ini serius.

Kalau sekiranya ibu Susi Pudjiastuti di Indonesia mengambil tindakan tegas membakar dan mengebom semua sekali nelayan asing yang masuk ke sana, menjadikan laut Indonesia bersih, suci, tidak siapa berani sama ada *coast guard* ataupun nelayan asing berani sentuh ke kawasan Indonesia. Di sini, saya mengambil tindakan tegas hari itu dengan membakar semua

kapal yang telah kita rampas lebih kurang enam biji kita bakar tetapi terhenti kerana banyak sangat orang kompelin dan sebagainya.

Kita tahu banyak lagi bot yang harus ditenggelamkan. Kita kena buat sesuatu supaya tindakan kepada nelayan asing yang kita tangkap tidak boleh mengambil masa sampai bertahun ataupun berbulan. Mungkin kita kata dalam tempoh sebulan bot yang telah ditangkap hendaklah diambil tindakan, kita tenggelamkan. Oleh sebab sekarang ini kalau kita pergi pada bila-bila masa, bot gading dua biji bot memukat di kawasan Sarawak, Sabah, Terengganu dan Pahang secara berleluasa. Ini kerana APMM asetnya tidak mencukupi dan walaupun dibantu oleh navy tidak mencukupi untuk membuat operasi membanteras nelayan asing. Saya minta sekarang...

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Yang Berhormat Arau, minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Keutamaannya ialah di Beting Patinggi Ali bagi perhatian, ambil tindakan. Saya bersihkan Beting Patinggi Ali daripada kawasan...

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Yang Berhormat Arau, minta laluan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Yang berkenaan. Daripada mana ini?

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Hulu Terengganu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Hulu Terengganu, okey. Yang Berhormat Hulu Terengganu sekejap lagi saya bagi. Sekejap lagi.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Sekejap lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kemudian yang keduanya Imigresen. Saya hendak tanya tadi, sekarang ini orang yang masuk banyak, orang yang keluar kurang. Mereka yang masuk ini kita tahu kepakaran mereka. Kalau jual aiskrim, Pakistan. Kalau jual karpet, kita tahu siapa dia. Kalau dia *construction*, kita tahu siapa dia. Kita tahu mereka ini makin bertambah dari semasa ke semasa tetapi tindakan kepada mereka diambil...

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Minta laluan Tuan Pengerusi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Tetapi masih tidak mencukupi. Kawasan ESSZONE saya sebutkan tadi – Yang Berhormat boleh sebab dia bagi lapan minit.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Berkaitan dengan menenggelamkan kapal ataupun bot nelayan yang dirampas, mana lebih baik? Ditenggelamkan atau *refurbish* dan diguna balik? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kedua-dua bagus. Akan tetapi Yang Berhormat, untuk memberi kegerunan kepada musuh ini biar musuh gerun sikit. Dahulu sudah gerun, dia tengok apa yang saya buat – Yang Berhormat Timbalan Menteri, belajar daripada apa saya buat. Dia tengok saya mula bakar kapal, dia gerun sampai orang besar di negara mereka bertaraf Timbalan Perdana Menteri datang berjumpa meminta supaya jangan buat macam itu sebab ini ialah nelayan-nelayan miskin. Saya kata miskin macam mana? Bot kamu lebih besar daripada bot APMM sebagai contoh. Jadi ada kegerunan.

Sekarang gerun sudah hilang dan mereka berleluasa di kawasan kita. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sibuti tadi. Mereka memberi amaran. Ini *coast guard* ini bagi amaran

kepada nelayan kita, jangan tangkap ikan di kawasan ini. Kita tahu bahawa kawasan ini ialah penuh dengan khazanah dan juga hasil bumi yang belum diambil.

Kemudian kawalan sempadan. Saya minta Kabinet telah lulus, Kabinet dahulu telah luluskan tembok sempadan daripada Perlis sampai ke Kelantan itu dibina. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak ambil tahu ini ialah sejarah. Tembok dalam dunia ada dua benda unik. Satu, Tembok Besar Negara China, yang keduanya ialah Tembok Besar di Negeri Perlis. Kawasan lain pagar-pagar tetapi di Perlis pakai tembok. Kita minta tembok ini yang kerajaan telah luluskan pada dasarnya dibina semula.

Ketiganya, polis. Saya minta sekali lagi supaya polis kelengkapan pejabat mereka, komputer dan sebagainya supaya dilihat Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh sebab kita lihat agak daif. Kadang-kadang hendak perbaiki komputer, *air conditioner* itu mengambil masa semuanya sampai setahun.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Arau, hendak minta sikit sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Walaupun sebenarnya masa sudah habis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, ya.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Akan tetapi saya tidak bercadang untuk membahas, cuma hendak minta masuk dalam celahan dan perbahasan Yang Berhormat Arau. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat jelaskan sama ada elaun kepada sukarelawan polis yang tertunda sekian lama itu sudah dibayar balik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Masuk dalam ucapan saya Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Di bawah Butiran 020200 – Kesukarelawan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, Yang Berhormat Kangar kawan saya. Okey, PKR pula itu ya. Okey. Saya minta masuk dalam ucapan saya. Bukan sahaja polis tetapi APMM dan juga RELA. Kita minta kalau boleh kesukarelawan ini jangan kita bagi seminggu, dua hari dan sebagainya. Ini penganiayaan kepada mereka yang bekerja.

Sesetengahnya minat polis, cukup untuk bekerja polis hebat, mereka hanya polis simpanan. Jadi kita minta kalau boleh walaupun simpanan, walaupun APMM sementara, walaupun RELA sementara, kita bagi kerja penuh. Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam keadaan dunia terdesak begini, biarlah kita beri pengharapan. Kerajaan Pakatan Harapan ini biar ada pengharapan. Ini kalau tidak ada harapan, ia jadi bukan kerajaan.

#### ■1840

Akhir sekali, ini pasal pembaikan balai-balai polis. PDRM Perlis dibagi RM900,000. Saya ingat ini ialah satu angka yang sangat rendah. Jadi minta diperbaiki dan pada masa sama, ditambah.

Kita juga minta supaya operasi di ESSZONE, kawasan ESSCOM, diperingkatkan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Jempol.

#### 6.40 ptg.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Disampuk]* Tidak boleh. Masa tidak cukup.

Saya ingin menyentuh Butiran 040100 – Pembanterasan Dadah. Anggaran peruntukan tahun 2019 sebanyak RM328.9 juta. Menurut Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia telah menahan seramai 151,974 individu yang disyaki memiliki dadah sepanjang 1 Januari hingga 28 November 2018. Berdasarkan jumlah tersebut, seramai 143,386 orang adalah warga tempatan, manakala seramai 8,588 orang warga asing membabitkan kesalahan pengedaran dadah iaitu seramai 23,972 orang, memiliki dadah seramai 57,716 orang dan positif dadah seramai 70,286 orang.

Sebelum ini mahasiswa menjadi sasaran utama kepada gejala dadah. Kini kegiatan mereka telah beralih sasar kepada murid sekolah. Februari 2018, statistik yang dikeluarkan oleh AADK telah melaporkan sekitar 2,100 orang murid sekolah rendah dan menengah di 178 kawasan seluruh negara terlibat dengan gejala penagihan dadah.

Perkara ini sudah tentunya membimbangkan semua pihak. Kementerian harus mengambil tanggungjawab serta menangani masalah ini dengan segera dan teliti. Saya yakin bahawa masalah ini akan berpanjangan.

Soalan saya, apakah perancangan drastik kementerian untuk menghentikan tindakan terkutuk ini dalam masa yang terdekat? Saya berharap kementerian mempunyai perancangan strategi baharu berhubung permasalahan ini.

Saya juga ingin mencadangkan agar kementerian melakukan ujian saringan air kencing di sekolah-sekolah dengan lebih kerap supaya mereka terlibat dapat dikesan lebih awal dan diberi rawatan susulan.

Berhubung kewujudan dadah *zombie* ataupun *flakka* yang dikatakan amat berbahaya dan boleh menyebabkan seseorang itu menjadi berani, amat agresif dan melakukan seperti kurang siuman dan ganas. Setakat yang saya difahamkan, tiada sebarang laporan mengenai perkara tersebut. Walau bagaimanapun, kementerian perlu mempergiatkan usaha bagi memastikan dadah tersebut tidak menembusi pasaran dalam negara kita.

Pada tahun 2018, PDRM telah mengesan sindiket dadah yang mampu mencipta dadah baharu NPS yang berbentuk pelekat. Dadah dalam bentuk pelekat tersebut sama seperti pelekat koyak yang digunakan untuk meredakan sakit sendi, sakit kepala dan sebagainya.

Soalan saya, apakah tindakan susulan kementerian berkaitan perkara ini? Apakah terdapat sebarang laporan terbaru berkaitan dadah *flakka* dan NPS serta berapakah jumlah tangkapan yang telah dibuat?

Seterusnya, saya ingin menyentuh Butiran 020100 – Kepolisian. Anggaran peruntukan tahun 2019 adalah RM8.1 bilion. Memandangkan hasil pendapatan negara terus bergantung

pada industri judi, dengan menaikkan kadar cukai fi dan levi terhadap sektor tersebut bermula pada Januari 2019, kementerian perlu memainkan peranan yang penting bagi membasi kegiatan premis judi haram yang sememangnya sudah haram. Saya yakin peningkatan kadar cukai akan menyebabkan bertambahnya premis judi haram.

Saya juga ingin membangkitkan juga beberapa balai polis yang selama ini telah pun diluluskan. Contohnya di Jempol, Balai Polis Palong 4, 5, 6 telah diluluskan dua tahun lepas tetapi hingga kita tidak dibuat. Ini kerana balai polis ini sangat daif dengan menggunakan rumah peneroka FELDA. Kawasan tersebut merangkumi Palong 7 sampai Palong 16. Kawasan bersebelahan dengan Segamat. Jadi saya harap dengan adanya balai polis ataupun menaik taraf balai polis usang ini, ia dapat mencegah perkara-perkara yang boleh menyebabkan perkara-perkara penyalahgunaan dadah di kawasan FELDA, contohnya, yang mana anak-anak muda banyak terlibat dalam penggunaan dadah.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** 20 saat lagi.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jadi, Tuan Pengerusi, saya mohon supaya mendapat penjelasan, pencerahan dalam isu-isu yang saya bangkitkan sebenar tadi. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Beruas.

#### 6.45 ptg.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran Pengurusan Dasar Dalam Negeri, Kementerian Dalam Negeri.

Di bawah peruntukan Perlembagaan, selain daripada mereka yang menjadi warganegara melalui kuat kuasa undang-undang, dengan izin, dalam bahasa Inggeris, *by operation of law*, terdapat juga lain-lain cara yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk seseorang itu menjadi warganegara dengan syarat-syarat yang dinyatakan dalam peruntukan-peruntukan tersebut. Sungguhpun ramai pemohon telah memenuhi syarat-syarat tersebut, namun Menteri Dalam Negeri dalam budi bicaranya enggan memberikan kelulusan kepada pemohon-pemohon tersebut.

Saya ada dua cadangan dan harap pihak kementerian dapat menerima cadangan saya. Pertama, saya cadangkan kewarganegaraan diberikan kepada isteri dan anak-anak warganegara Malaysia termasuk anak-anak angkat mereka. Kedua, saya cadangkan garis panduan atau *guideline* berkenaan dengan budi bicara Menteri dapat disediakan untuk membolehkan pegawai-pegawaiannya memproses permohonan-permohonan dengan lebih cepat.

Butiran kedua yang saya ingin rujuk ialah Butiran 12000 – Balai-balai dan Pondok Polis (PDRM). Saya ingin tahu sama ada Balai Polis Air Tawar yang dalam sesi parlimen yang lepas saya telah dijanjikan akan dibina semula di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, adakah balai polis ini akan dibina semula oleh kerajaan yang baharu?

Kedua, saya berterima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri kerana telah menyiapkan Pondok Polis Changkat Keruing yang ia sudah pun beroperasi selepas saya membawa isu ini dalam parlimen ini. Namun, pondok polis tersebut masih kekurangan beberapa peralatan. Saya berharap kerajaan dapat memberikan kelengkapan yang masih diperlukan.

Terakhir sekali, perkara ketiga, ialah Butiran 030100 – Pendaftaran Negara. Saya memohon kepada kerajaan dan meminta kerajaan supaya berhenti melucutkan hak kewarganegaraan kanak-kanak yang berwarganegara Malaysia hanya semata-mata dikatakan mereka dianakangkatkan tidak mengikut undang-undang semasa mereka masih bayi lagi.

Ramai daripada mereka sememangnya dilahirkan oleh ibu atau bapa rakyat Malaysia dan berhak menjadi warganegara Malaysia mengikut undang-undang. Akan tetapi atas pelbagai sebab termasuk kos guaman yang tinggi untuk prosedur anak angkat melalui perintah mahkamah, ramai telah mendaftarkan anak angkat mereka ini sebagai anak angkat sendiri.

Saya juga meminta kanak-kanak yang dalam keadaan sedemikian yang telah dilucutkan kerakyatan mereka dipulihkan kerakyatan mereka, kerana tanpa kerakyatan ini, anak-anak ini akan mengalami pelbagai masalah dan ramai mereka sudah menjadi, dengan izin, *stateless*.

Itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Sekarang saya jemput pembahas yang ke-29 iaitu Yang Berhormat Papar.

#### 6.49 ptg.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kementerian Dalam Negeri adalah peneraju keselamatan dan keamanan dalam negeri, memastikan keselamatan dan keamanan dalam negara terjamin dan kesejahteraan rakyat terpelihara.

#### ■1850

Saya ingin menyentuh Kepala B.62, Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam. Butiran 020100 – Kepolisian yang berjumlah RM8.12 bilion, amanun ini sangat besar. Saya ingin perincian adakah Sabah mendapat manfaat daripada peruntukan ini.

Butiran 020200 – Kesukarelawan berjumlah RM124 juta, Butiran 020300 – Kawalan Sempadan dan Butiran 020400 – ESSCOM berjumlah RM25 juta. Saya juga ingin menyentuh Butiran 020500 – Penguatkuasaan Maritim berjumlah RM587.6 juta, Butiran 050700 – Rangsum berjumlah RM358 juta, dan Butiran 051500 – *Head To Toe* berjumlah RM150 juta. Saya ingin pencerahan dan perincian ke atas yang tiga tadi dan adakah Sabah dapat manfaat daripada bajet ini. Dengan peruntukan yang ada, saya tidak mahu lagi apa yang telah terjadi di Lahad Datu seperti pencerobohan di Tanduo, insiden-insiden penculikan oleh kumpulan-kumpulan Abu Sayyaf untuk mendapatkan wang tebusan, penyeludupan barang-barang terlarang dan terkawal yang merugikan negara dalam bentuk kewangan, penyeludupan manusia, kemasukan pendatang tanpa izin dengan berleluasa dan berulang kali tanpa halangan dan larangan.

Walaupun kerajaan terdahulu mempunyai belanjawan yang agak banyak dan berjanji untuk menghantar satu batalion tentera ke Sabah, terutamanya ke Pantai Barat. Akan tetapi janji

tinggal janji hingga tidak kesampaian kerana mereka sudah jatuh tersungkur. Jadi saya sebagai orang Sabah, merayu kepada Kerajaan Pakatan Harapan sekarang, bilakah satu batalion tentera dapat ditempatkan di Pantai Timur Sabah demi untuk menjaga keselamatan dan keamanan dalam negeri Sabah. Kata orang Sabah, kalau bukan sekarang bila lagi. Jangan biarkan kami menunggu terlalu lama, nanti hilang kesabaran kami. Pada keseluruhan kerajaan dalam menambah belanjawan untuk pembangunan dengan begitu banyak.

Kepala P.62, Butiran 20000 – Alat-alat Perhubungan Radio (PDRM) berjumlah RM88 juta, Butiran 21000 – Senjata Api dan Peluru (PDRM) berjumlah RM104 juta, Butiran 22000 – Kenderaan (PDRM) berjumlah RM88 juta, Butiran 23000 – Kapal-kapal Terbang (PDRM) berjumlah RM86juta, Butiran 24000 – Alat Bantuan Teknik (PDRM) berjumlah RM66 juta, Butiran 25000 – Sistem Teknologi Maklumat (PDRM) berjumlah RM136 juta.

Juga yang terakhir sekali ialah Butiran 91000 – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang dinaikkan daripada RM248 juta kepada RM469 juta. Dengan perbelanjaan pembangunan yang banyak dengan kenaikan sebanyak RM1.78 bilion, kami sekali lagi orang-orang Sabah sangat berharap agar Kerajaan Pusat dapat memberi perhatian yang sewajarnya kepada negeri Sabah kerana Sabah adalah satu daripada penyumbang dana kepada Kerajaan Pusat. Jagalah kami dan kami juga akan jaga kamu.

Kami juga merayu supaya Kerajaan Pusat memantau kemasukan pendatang tanpa izin yang ramai berkeliaran di bandar-bandar dan di pekan-pekan di Sabah. Kebanyakan mereka ini menjual rokok-rokok seludup. Fikir-fikirkanlah, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Papar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Maran.

#### **6.54 ptg**

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara Tuan Pengerusi tentang Kementerian Dalam Negeri ini. Pertama ialah 12,000 balai-balai dan pondok polis yang mana RM26 juta disediakan dalam Bajet 2019 ini. Saya hendak sentuh tentang kedudukan IPD Maran yang telah dibina beberapa tahun yang lepas dan masih belum dirasmikan. Terdapat berbagai-bagai kerosakan yang berlaku di IPD ini termasuk pejabat dan juga rumah kakitangan ataupun anggota termasuk dewan dan sebagainya.

Saya telah kemukakan permohonan peruntukan kepada kerajaan yang dahulu kepada KDN dan juga ICU berjumlah RM1.2 juta. Pada dasarnya Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri, telah pun diluluskan tetapi tidak sempat dilaksanakan. Jadi saya mohon kerajaan dan Kementerian Dalam Negeri dapat memperuntukkan semula peruntukan RM1.2 juta ini bagi kita memastikan IPD Maran ini dapat dibaik pulih, dipulihkan dan dapat memberikan kemudahan yang selesa kepada anggota-anggota dan juga keluarga polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Maran ini.

Begitu juga kedudukan beberapa balai polis yang masih lagi sebahagian bangunannya ini adalah terdiri daripada bangunan papan, bangunan kayu terutamanya di kawasan-kawasan

FELDA. Saya tidak menyenaraikan secara keseluruhan, saya minta supaya Kementerian Dalam Negeri dapat melihat kemudahan yang perlu kepada anggota-anggota polis di kawasan-kawasan luar bandar seperti di Maran ini. Saya berharap supaya balai-balai polis yang ada ini dapat dinaikkan taraf kepada bangunan yang lebih selesa, kepada bangunan konkrit dan sebagainya.

Berikutnya ialah binaan balai baru Polis Chenor Seberang, di seberang sungai Pahang ini. Kita telah memohon peruntukan bagi membina baru Balai Polis Chenor Seberang. Buat masa ini belum ada, walaupun ada anggotanya telah pun ditempatkan dan menyewa di rumah masyarakat di kawasan berkenaan. Jadi saya mohon supaya Kementerian Dalam Negeri dapat menyeferakan pembinaan bangunan balai polis ini.

Tuan Pengerusi, yang kedua ialah Butiran 02000 – Agensi Antidadah Kebangsaan. Buat masa ini saya kira dadah adalah merupakan musuh utama negara. Suatu ketika dahulu, saya bersama dalam KDN, Komunis adalah musuh utama negara dan pengaruh dadah ini amat berbahaya kepada rakyat seperti mana yang banyak diperkatakan oleh Ahli-ahli Parlimen dan kita semua. Saya ingin tahu berapa ramai kah antara penagih-penagih dadah ini yang betul-betul dianggap serius. Saya juga difahamkan, tidak boleh dinafikan kadang-kadang agensi penguasa juga terlibat. Saya ingin tahu berapa ramai anggota polis yang terlibat dengan masalah dadah ini.

Selama ini kita nampak kurang berjaya dari segi operasi antidadah ini dan saya ingin tahu apakah cadangan yang boleh dibuat oleh kerajaan. Apakah kerajaan bercadang untuk menempatkan penagih dan juga penyeludup-penyeludup dadah ini, pengedar-pengedar dadah di suatu tempat seperti pulau dan sebagainya seperti mana yang pernah kita lakukan kepada pendatang Vietnam suatu ketika dulu?

Berikutnya Tuan Pengerusi ialah kepolisian. Tugas polis di pejabat ini saya tengok agak berat. Kadang-kadang ada sebahagian anggota polis ini menjalankan kerja bersendiri. Menaip sendiri, membuat surat sendiri. Saya ingin tahu, apakah usaha kerajaan untuk menambah kekuatan anggota di pejabat polis ini. Berapa ramai anggota awam ataupun *civilian* yang sebagai tenaga pembantu kepada polis ini di seluruh negara dan saya juga hendak tahu berapa ramai di kawasan Maran ini?

Tuan Pengerusi, yang terakhir ialah anggota RELA. RELA adalah merupakan anggota sukarela yang cukup berjasa kepada masyarakat bukan saja untuk program-program rasmi, tetapi juga kepada masyarakat setempat.

#### ■1900

Saya ingin tahu apakah cadangan untuk menaikkan lagi elauan RELA kerana kadang-kadang kita terpaksa menyumbang kepada anggota-anggota lain yang berkhidmat kepada masyarakat, bukan sahaja untuk kerajaan bahkan kadang-kadang kenduri di kampung-kampung juga dapat sokongan daripada RELA? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Maran. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rantau Panjang dan akhir kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Batu. Terima kasih.

**7.00 mlm.**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Saya terus menyentuh Butiran 030200 di bawah Kementerian Dalam Negeri berkaitan dengan hal ehwal Imigresen. Saya ingin memohon kepada pihak kementerian untuk menyegerakan menaiktarafkan Kompleks Imigresen Rantau Panjang yang mana sangat sesak terutama di musim-musim cuti dan musim perayaan. Kompleks Imigresen Rantau Panjang merupakan pintu masuk utama terutama di sebelah Pantai Timur dan sudah tentulah kerajaan perlu memberi perhatian untuk memudahkan pelancong-pelancong yang datang masuk dan keluar.

Jadi perkara ini sudah begitu lama diutarakan dan saya harap perkara ini menjadi keutamaan. Sebelum ini juga bagaimana pernah berlaku bumbung ataupun siling runtuh di kompleks imigresen ini. Jadi saya harap disegerakan untuk menunjukkan keprihatinan kita terutama dari sudut keselamatan dan keselesaan terutama bagi rakyat dua buah negara yang sentiasa berulang-alik. Kadang-kadang di musim perayaan, satu kilometer terpaksa beratur panjang.

Seterusnya iaitu berkaitan dengan elauan khas. Saya mencadangkan supaya disegerakan pemberian elauan khas ataupun insentif kepada kakitangan imigresen. Sebab mereka terutama yang bertugas di sempadan, mereka berkawal sampai tengah malam, pukul 2 pagi, 3 pagi, mereka bersengkang mata tetapi tidak ada apa-apa elauan khas. Jadi saya mengharapkan supaya dipertimbangkan supaya adanya elauan khas kepada semua penguat kuasa imigresen sebab pengorbanan dan sumbangan mereka cukup besar terutama mengutip cukai untuk pendapatan negara kita.

Begitu juga saya minta supaya penguatkuasaan kawalan kenderaan asing yang sentiasa masuk terlalu bebas terutama penggunaan van-van penumpang yang mengambil penumpang dalam negara Malaysia. Dari Thailand masuk ke Malaysia begitu bebas. Malah menjadi saingan terutama kepada pendapatan pengusaha kenderaan kereta sewa ataupun teksi tempatan. Jadi sejauh mana pemantauan ini dibuat oleh pihak kementerian dan apakah cadangan untuk mengurangkan begitu banyak kenderaan asing masuk ke dalam negara kita dengan tanpa kawalan.

Begitu juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan penggunaan kuarters. Kalau di Rantau Panjang ada kuarters imigresen yang terbiar, yang tidak digunakan. Apabila saya buat semakan kenapa tidak diduduki kerana kawasan pembinaan kuarters itu berada dalam kawasan banjir. Jadi saya ingin tahu, apakah perancangan pihak kementerian supaya semua pembinaan kuarters-kuarters kerajaan termasuk kuarters polis juga yang tidak boleh diduduki kerana terdedah dengan banjir. Jadi sebab itulah saya ingin tahu sejauh mana pemantauan dibuat sebab kita bimbang mengikut maklumat daripada penduduk tempatan, kuarters-kuarters sebegini

menjadi sarang yang melibatkan masalah sosial terutama yang melibatkan remaja-remaja yang bermasalah.

Begitu juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan Butiran 80000 – Program Bandar Selamat. Saya ingin tahu sejauh mana keberkesanan program ini yang telah dibuat? Saya ingin tahu pemasangan CCTV di kawasan saya Rantau Panjang adalah kawasan yang sangat berisiko. Jadi saya ingin memohon supaya dalam peruntukan yang disediakan untuk Program Bandar Selamat disediakan CCTV terutamanya kawasan-kawasan yang berisiko untuk penyeludupan dan jenayah.

Begitu juga saya ingin menyentuh berkaitan dengan masalah Pembanterasan Dadah dalam Butiran 040100. Saya ingin tahu, apakah perancangan yang telah dibuat oleh kementerian untuk memastikan supaya keberkesanan supaya dapat mencegah daripada sudut penyeludupan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempergerusikan Jawatankuasa]*

Sebab isu utama terutamanya kami di Kelantan, di sempadan adalah pintu masuk ataupun lorong-lorong tikus yang begitu luas, yang melalui sempadan yang begitu panjang. Jadi sebab itulah menyebabkan kawalan mungkin kurang berkesan. Jadi sebab itulah saya mencadangkan supaya tindakan yang drastik dibuat untuk memastikan supaya dapat membendung terutama penyeludupan senjata api, penyeludupan minyak bersubsidi, dadah dan banyak lagi isu-isu sempadan yang lain. Jadi sejauh mana penambahbaikan yang akan dibuat oleh pihak kementerian dalam berdepan dengan isu ini.

Begitu juga saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 12000 – Balai-balai dan Pondok Polis (PDRM). Setiap tahun, pondok polis di Rantau Panjang ditenggelami banjir. Saya selalu sebut macam mana dia hendak menyelamatkan orang, dia sendiri tidak selamat. Pegawai polis, dia sendiri pun tenggelam. Saya pergi hendak jumpa, komputer pun tenggelam, meja pun tenggelam. Macam mana? Selepas itu logistiknya terlalu lemah. Ada bawa pula polis di musim banjir bawa kereta Kancil contohnya. Ini berlaku.

Jadi, mungkin pihak pemantauan perlu dibuat. Jadi sebab itulah dalam keadaan ini, saya mohon supaya disegerakan pembinaan balai polis baharu Rantau Panjang dalam keadaan suasana yang berada di sempadan dan kawasan yang memang setiap tahun berisiko dengan banjir. Ini adalah sangat memalukan dan kita malu kepada negara jiran kita di Thailand tengok suasana keselamatan negara kita.

Begitu juga saya ingin tahu berkaitan dengan Butiran 020300 – Kawalan Sempadan. Jadi sejauh mana kejayaan pasukan AKSEM kita dalam mengawal sempadan.

**Tuan Penggerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, masa sudah tamat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Saya ingin satu lagi. Isu sempadan banyak sangat, iaitu Butiran 04000 – RELA. Jadi saya ingin tahu adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan lagi elauan RELA? Berapakah pasukan RELA yang tidak aktif? Sebab

kita tahu ada pasukan yang aktif, ada yang sudah tidak aktif. Jadi apa insentif yang akan disediakan oleh kerajaan untuk memastikan semua pasukan RELA kita berfungsi dengan baik untuk sama-sama membantu keselamatan negara. Itu sahaja Tuan Pengurus. Terima kasih.

**Tuan Pengurus [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Batu untuk melabuhkan tirai.

#### 7.06 mlm.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengurus untuk memberikan peluang kepada saya. Saya terus ke Butiran 040100 – Pembanterasan Dadah dan Butiran 020000 – Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam yang berhubung kait.

Tahniah dan terima kasih kerana telah meningkatkan peruntukan bagi membanteras dadah. Bagi warga kota dan juga Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dengan peruntukan ini saya ingin mencadangkan untuk mengadakan pondok polis ataupun pondok AADK ataupun dua-duanya sekali di setiap PPR dan perumahan kos rendah. Mungkin ini satu cadangan yang tidak pernah dicadangkan.

Hal ini semasa perjumpaan dengan pegawai-pegawai AADK di cawangan Parlimen Batu, didapati beberapa *red zone* ataupun *high risk zone drug* di kawasan saya bukan hanya di kawasan saya terdapat di seluruh kawasan Kuala Lumpur seperti Lembah Pantai, Kepong dan kebanyakan *red zone* ini adalah PPR dan juga perumahan kos rendah. Hal ini kerana perumahan seperti PPR dan kos rendah didapati penduduk yang padat dan di pedalaman. Bukan jumlah penduduk ini 200 orang atau 100 orang, sampai 1,000 pun ada, 1,000 keluarga pun ada. So *there are high chances of influence of drugs there*, dengan izin.

Pihak berkuasa juga tidak sempat untuk masuk dalam setiap PPR ataupun perumahan *low cost* untuk *do a surveillance*, dengan izin supaya membanteras gejala dadah. Ini juga menyebabkan seseorang itu untuk menjual ataupun terlibat dalam gejala dadah. Dengan cadangan ini kita juga akan mengadakan rondaan oleh pihak polis ataupun pegawai-pegawai AADK supaya tempat itu terkawal dan bebas daripada gejala dadah. Juga semasa lawatan saya di sekolah-sekolah di kawasan saya, terdapat juga peningkatan kes dadah ada di kalangan sekolah di kawasan saya. Saya ingin mencadangkan supaya ada operasi di sekolah-sekolah yang ada penglibatan dalam dadah supaya sekolah ini bebas daripada gejala dadah.

Saya juga ingin sentuh AADK dan ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengadakan satu jawatankuasa supaya AADK ini akan *reform*. Setelah *reform* supaya AADK menepati tujuannya untuk membanteras gejala dadah.

Saya terus kepada Butiran 80000 – Program Bandar Selamat oleh Yang Berhormat Menteri. Mengapa peruntukan untuk Program Bandar Selamat diturunkan dengan begitu banyak daripada RM55 juta kepada RM17 juta?

#### ■1910

Bagaimakah jumlah sebanyak ini cukup untuk menampung hampir 140 PBT di seluruh Malaysia? Adakah program pencegahan jenayah akan dikurangkan?

Proses pembandaran telah menimbulkan pelbagai implikasi kepada masyarakat di bandar. Sejak kebelakangan ini isu keselamatan merupakan antara isu utama yang sering diperkatakan. Ketidakseimbangan ekonomi serta desakan hidup dengan kos sara hidup bandar yang tinggi telah menyebabkan peningkatan kadar jenayah di kawasan bandar terutamanya yang berkaitan dengan jenayah ragut, peras ugut dan pecah rumah.

Oleh itu, program bandar selamat telah dikenal pasti sebagai suatu pendekatan yang amat berkesan dan diharapkan bajet yang cukup dapat disediakan dengan pendekatan yang lebih menyeluruh selain penglibatan khususnya dan tersusun pihak komuniti setempat dengan sokongan institusi awam dan pihak sektor swasta yang berkepentingan.

Akhir sekali, Butiran 051500 – *Head to Toe*. Mohon penjelasan apa itu *head to toe*? Adakah itu pakaian atau selain daripada itu? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Batu. Baiklah, masa perbahasan untuk peringkat Jawatankuasa Kementerian Dalam Negeri sudah tamat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Masa dalam 30 minit. Jika sempat jawab boleh bagi jawapan bertulis.

#### 7.11 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** *Bismillahir Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut serta dalam perbahasan Rang undang-undang Perbekalan 2019 bagi Kementerian Dalam Negeri.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada banyak soalan yang diajukan Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Bagan Serai, — kalau hendak sebut nanti banyak masa terbuang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ada 32 Ahli Parlimen tadi sudah bahas, memang cukup ramai.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Apa pun pandangan, kalau dilihat dari segi perbahasan sebentar tadi kita boleh lihat banyak pandangan, cadangan, permohonan yang dikemukakan dan dihujahkan di dalam perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kementerian Dalam Negeri amat berterima kasih dengan semua cadangan ataupun permohonan, pandangan-pandangan yang telah dikemukakan sebentar tadi. Sebagaimana kita tahu realitinya setiap permohonan itu memerlukan perbelanjaan. Bila mana melibatkan perbelanjaan ia memerlukan sumber kewangan. Realitinya Tuan Pengerusi, sebagaimana kita tahukekangan kewangan negara kita mengekang kita daripada menunaikan setiap permohonan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walaupun sebagaimana yang saya selalu sebut, inginkan hati memeluk gunung tapi apakan daya tangan tidak sampai.

Sebelum saya menjawab jawapan-jawapan bagi memastikan keselamatan dan keamanan dalam negara terjamin dan kesejahteraan rakyat terpelihara, Kementerian Dalam Negeri memerlukan peruntukan sebanyak RM15,652,678,500 bagi tahun 2019. Di mana sebanyak RM12,565,363,700 merupakan peruntukan mengurus manakala RM3,080,314,800 adalah bagi tujuan pembangunan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Dalam Negeri akan memfokuskan peruntukan tahun 2019 ini kepada empat program utama iaitu program pertama; pengurusan kementerian yang melibatkan pengurusan dasar dan operasi Kementerian Dalam Negeri. Program kedua; keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam yang bertujuan untuk kepolisian, kesukarelawan, kawalan sempadan, *Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)* dan penguatkuasaan maritim. Program tiga; pengurusan pendaftaran dan imigresen bagi tujuan kawalan pendaftaran negara, pendaftaran pertubuhan dan hal ehwal imigresen. Program keempat; pencegahan, rawatan dan pemulihan dalam membanteras dadah, hal ehwal kepenjaraan dan *correctional*.

Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan berusaha untuk menjawab dengan seberapa banyak mungkin dalam masa 30 minit yang diperuntukkan kepada saya. Sekiranya tidak berkesempatan saya akan menjawab kepada Ahli-ahli Yang Berhormat secara bertulis. Kalau tadi Yang Berhormat Padang Serai berpantun, izinkan saya berpantun jugalah.

*Dari Sepanggar ke Bangunan Parlimen.*

*Mendengar soalan mencari kebaikan,*

*Tuan Pengerusi orangnya budiman,*

*Izinkan saya menjawab soalan.*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Jawab dengan padat dan ringkas.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Saya harap dapat talian hayat lagi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Yang Berhormat Lanang bertanya Butiran 050900. Kenapa daripada RM0 kepada RM75 juta dan apakah tujuan peruntukan ini disediakan. Adakah dapat mempercepatkan proses pengeluaran pengenalan diri dan kewarganegaraan terutamanya di negeri Sarawak.

Sebagaimana kita tahu ia bertujuan untuk — sebenarnya bajet ini ianya bertujuan untuk perolehan kad mentah dan bahan habis guna kad pengenalan. Itulah sebabnya peruntukan sebanyak itu diperuntukkan kepada kementerian ini. Peruntukan ini sebelumnya diperuntukkan di bawah peruntukan sedia ada tetapi pada tahun 2019 diletakkan berasingan di bawah program khusus bagi tujuan kawalan.

Yang Berhormat Lanang juga bertanya tentang PBLT iaitu RM923 juta. Untuk makluman Yang Berhormat KDN telah memasuki kontrak bersama PBLT Sdn Bhd iaitu anak syarikat Kementerian Kewangan bertujuan untuk pembinaan 74 pangkalan marin, pusat latihan polis, kquarters pegawai dan kquarters untuk kakitangan PDRM.

Dana pembangunan yang diluluskan adalah sebanyak RM7.5 bilion. Bagi tujuan tersebut KDN diluluskan peruntukan konsesi sebanyak RM923 juta bagi bayaran untuk tahun 2019 dan bayaran ini akan berakhir pada tahun 2028.

Peruntukan pembaikan kuarters di Sarawak sebanyak RM2 juta yang dilihat tidak mencukupi. Jawapan kepada ini, peruntukan yang diluluskan melibatkan pembaikan kuarters di IPD Batu Maro, balai polis Batu Lintang, PGA Batu Kawa dan PGA Sibu. Senarai ini sedang disemak semula untuk melihat keutamaan berdasarkan situasi semasa.

Yang Berhormat Lanang juga bertanya apakah perancangan KDN terhadap syarikat MyEG memandangkan kontraknya yang melibatkan perbelanjaan yang tinggi. Sistem MyEG menjalankan perkhidmatan melanjutkan pas lawatan kerja sementara (PLKS) bagi sektor pembantu rumah dan sektor-sektor lain merangkumi sektor perkilangan, pembinaan, perkhidmatan, pertanian dan perladangan secara atas talian.

Perkhidmatan atas talian ini bagi menggantikan semua urusan yang sebelum ini ditawarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia secara perkhidmatan di kaunter. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat MyEG Services Bhd. – ini diberikan melalui satu kontrak induk di bawah projek e-Khidmat kepada sebuah konsortium yang terdiri daripada MyEG Services Bhd., Konsortium Multimedia Swasta Sdn. Bhd., Perkhidmatan Sistem Elektronik Bersepadu Sendirian Berhad dan PDX.com Sendirian Berhad. Tempoh perjanjian kontrak induk yang turut melibatkan perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan secara atas talian yang lain selain pembaharuan PLKS ini adalah selama 15 tahun dan telah tamat pada 22 Mei 2015.

Sehubungan itu, mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Mei 2014 dan surat daripada Kementerian Kewangan bertarikh 12 November 2014 bersetuju agar tawaran pelanjutan perjanjian projek e-Khidmat di antara pihak MyEG Services Bhd. dan kerajaan bagi perkhidmatan pembaharuan PLKS dimeterai selama lima tahun bermula 23 Mei 2015 sehingga 22 Mei 2020.

Kerajaan mengambil maklum dan mengakui pelantikan syarikat secara runding terus ini telah menimbulkan beberapa isu dalam kalangan pengguna iaitu rakyat selaku majikan ekoran daripada prestasi perkhidmatan yang lemah. Antara aduan yang diterima berkaitan dengan pelaksanaan MyEG ialah MyEG tidak bertanggungjawab atau lambat mengambil tindakan terhadap aduan daripada majikan berhubung kelewatan urusan pembaharuan dan masalah-masalah lain, kehilangan PLKS dalam premis MyEG, terdapat kes-kes permohonan atas talian yang diragui, tidak memenuhi syarat-syarat asas pembaharuan dan tidak layak untuk memohon pembaharuan PLKS tetapi data masih dihantar kepada sistem MyIMMs untuk kelulusan.

MyEG tidak bertanggungjawab terhadap banyak aduan yang melibatkan kelewatan urusan pembaharuan dan masalah-masalah lain dan hanya mengarahkan pelanggan merujuk ke pejabat JIM. PLKS tidak dicetak tetapi tidak dihantar kepada majikan dan banyak insiden, di mana berlakunya kelewatan dalam penghantaran stiker PLKS kepada majikan sehingga menjelaskan operasi majikan dan pekerja asing dan pembayaran Levi yang dibayar oleh majikan melalui sistem MyEG tidak dikemukakan kepada kerajaan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem MyEG adalah salah satu sistem sokongan atau *page on system* dengan izin yang berintegrasi dengan sistem MyIMMs yang melibatkan perolehan kerajaan.

Pada masa ini KDN dan JIM sedang bekerjasama dengan Unit Pemodenan Tadbiran & Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dalam proses mengkaji semula kesemua sistem sokongan tersebut termasuk sistem MyEG.

■1920

Yang Berhormat Pontian bertanyakan Program *Community Policing* dan berapa peruntukan diberikan dan keberkesanan program yang telah dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Bajet 2019 tiada peruntukan khusus yang diperuntukkan. Semua program menggunakan peruntukan semasa dalam aktiviti yang dijalankan. Kesan daripada program telah dapat menjalin hubungan rapat antara polis dan masyarakat. Yang Berhormat Pontian juga bertanya tentang elaun khusus PDRM semasa musim perayaan.

Pada masa ini tiada elaun khas yang diberikan kepada pegawai PDRM yang bertugas semasa musim perayaan. Walau bagaimanapun PDRM dan KDN akan menyediakan makanan dan minuman kepada pegawai bertugas sepanjang operasi dilaksanakan. Yang Berhormat Pontian juga bertanya tentang bajet *Head to Toe*. Sebenarnya peruntukan ini disediakan adalah meliputi pakaian seragam, pakaian taktikal dan juga aksesori termasuk kasut taktikal bagi semua agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri. Itulah yang dimaksudkan dengan *Head to Toe* untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Kapar bertanyakan tentang kenaikan pangkat dalam pasukan polis. Dalam menentukan kesesuaian kenaikan pangkat dalam PDRM faktor kekananan, pengalaman, integriti, kelulusan dan prestasi kerja diambil kira bagi menentukan calon-calon layak dinaikkan pangkat.

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, pencerahan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya meneliti jawapan kelajuan Timbalan Menteri untuk mencapai masa yang terhad. Namun, saya ingin ‘menjelik’ dalam insiden untuk kenaikan pangkat ini. Cuba Tuan Pengerusi bayangkan, kalau seorang anggota itu bekerja 37 tahun, lapan kali pergi *interview* masih lagi tidak boleh naik sarjan, jadi macam yang dikatakan integriti. Kalau dia tidak ada integriti sudah barang tentu dia tidak layak menjadi polis dan saya ingin meminta pihak kementerian mengkaji semula tentang kedudukan ini supaya mereka tidak terhimpit sampai pencerun pun jadi koperal.

Jadi, ini adalah susila yang perlu kita halusi dan kita fahami bahawa kehendak itu adalah kehendak yang ditangisi oleh mereka-mereka yang mengalami keadaan sebegitu. Mohon Timbalan Menteri mempertimbangkan untuk kenaikan pangkat yang mengikut *seniority* bekerja yang sepatutnya diambil perkiraan utama. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih dengan soalan tambahan Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Soalan yang dahsyat.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Pencerahan. Minta maaf baru belajar Tuan Pengerusi. Kita maklum tentang cadangan ini, *insya-Allah* kita menyambut baik apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Kapar, saya akan bawa selaku Timbalan Menteri perkara ini ke peringkat kementerian untuk kita bincangkan dan perincikan dan *insya-Allah* mungkin kita akan lihat jika ada perkembangan positif mungkin Yang Berhormat Kapar akan senang hati, *insya-Allah*.

Yang Berhormat Kapar juga bertanyakan tentang adakah kementerian bercadang untuk mengkaji semula gaji pegawai penjara. Untuk makluman Yang Berhormat Kapar, Kementerian Dalam Negeri sentiasa membuat penambahbaikan terhadap skim perkhidmatan agensi-agensi di bawahnya termasuklah Jabatan Penjara Malaysia.

Kajian semula terhadap kedudukan gaji anggota Jabatan Penjara Malaysia telah dilakukan sejak tahun 2013 sehingga kini dan penambahbaikan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan adalah seperti berikut. Pertama, kenaikan pangkat secara *time-based* berdasarkan kecemerlangan 1TBBK1 dari gred KA17 hingga gred KA22 di mana sehingga kini ia telah dinikmati oleh seramai 7,917 daripada jumlah keseluruhan 12, 708 pegawai penjara gred KA19 hingga KA22.

Kenaikan pangkat secara fleksi di mana ia telah memberikan peluang yang lebih besar kepada pegawai penjara gred KA41 untuk dinaikkan pangkat kepada gred KA44. Perwujudan 11 Pejabat Penjara Negeri dan 17 jawatan baru bagi Pengarah dan Timbalan Pengarah Penjara Negeri serta menaik taraf dua jawatan Timbalan Pengarah Negeri melalui Jawatankuasa Khas bagi mengkaji jawatan-jawatan tertinggi, tingkatan tertinggi JKKT. Keempat penambahan lapisan gred jawatan Pegawai Penjara gred K28 dan Penolong Pengguna Penjara gred KA40...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** *[Bangun]*

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** ...dengan penambahan lima lapisan gred jawatan Pegawai Penjara gred KA28 dan lapan lapisan gred jawatan Penolong Pengguna Penjara gred KA40 juga telah diluluskan pada tahun 2018.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Masjid Tanah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Saya hendak mencelah sekejap sikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya, terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas perjawatan tetapi saya minta juga menarik perhatian untuk perjawatan kakitangan dan juga kebajikan petugas-petugas AADK yang mana mereka masih lagi menerima elauan dan juga gaji yang sangat rendah dan tidak setara dengan tugas yang dilakukan.

Malah mereka juga kena *standby* 24 jam sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 10, di bawah peruntukan AADK tahun 2004 dan pembayaran tuntutan kerja lebih masa (OT) pun selalu dipotong. So, yang ini kasihan pada mereka jadi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberikan perhatian tentang perkara ini terima kasih.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Ya, kita mengambil maklum tentang cadangan ini, *insya-Allah* kita akan bawa ke peringkat kementerian untuk dibincangkan. Menyentuh tentang eluan insentif khas pegawai penjara sebentar tadi, polis, bomba dan imigresen dapat RM200 tetapi pegawai penjara dapat RM150. Saya ambil maklum tentang perkara ini dan saya bersetuju sebenarnya saya setuju agar ia dapat diselaraskan *insya-Allah* kita akan bincang ke peringkat kementerian agar ia dapat direalisasikan. Yang Berhormat Kapar juga..

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih di atas sokongan itu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya ingat dia hendak mencelah, dia bangun untuk ucap terima kasih.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Yang Berhormat Kapar juga bertanya peruntukan RM15 juta untuk kakitangan kontrak. Penyediaan peruntukan bagi kakitangan kontrak bagi membiayai emolumen pegawai bertaraf kontrak. Ini termasuk Pekerja Sambilan Harian dan juga pegawai kontrak yang masih mengisi perjawatan tetap yang masih belum diisi. Pelantikan ke jawatan tetap perlu mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia.

Yang Berhormat Dungun bertanya tentang pemilihan lokasi bagi pembinaan IPD balai yang dilihat tidak sesuai. Tuan Pengerusi pembinaan IPD dan balai di lokasi-lokasi sedia ada adalah berdasarkan kepada keperluan semasa pada ketika itu. Namun, pemilihan lokasi pembinaan IPD balai adalah berdasarkan justifikasi seperti berikut. Pertama, kajian sosial ekonomi, kedua kepadatan penduduk, ketiga kawasan pentadbiran baru, keempat indeks jenayah dan kelima kes ketersediaan kompleks PDRM sedia ada. KDN mengambil maklum permohonan Yang Berhormat yang akan kita bawa dan pertimbangkan untuk ia dilaksanakan.

Yang Berhormat Rasah ada? Ada. Mengenai hala tuju MyEG sama jawapan sebagaimana yang telah saya sebutkan dengan Yang Berhormat Lanang sebentar tadi. RM3 juta untuk pemberian di Negeri Sembilan. Yang Berhormat Rasah telah tanya sebentar tadi. Pemberian ini melibatkan pemberian kuarters di Senawang, Seremban, Tampin, Rembau dan Jelebu. Senarai ini sedang disemak mengikut keutamaan dan situasi semasa. Yang Berhormat Rasah juga bertanya tentang apakah tujuan RM25 juta untuk pengkomputeran dan kad pintar JPN.

Tuan Pengerusi *Automated Fingerprint Identification System* (AFIS) di naik taraf. Ini kerana kapasiti sistem sedia ada tidak mampu menampung kapasiti semasa. AFIS merupakan jantung pengeluaran MyKad. Bajet ini juga diperlukan untuk menaik taraf dan pengukuhan infrastruktur peralatan penyampaian perkhidmatan seperti mesin pencetakan dan komputer iaitu menelan belanja RM5 juta sebentar tadi AFIS memakan RM18 juta. Ketiga, projek *Mobile Express Percetakan Teragih MyKad* dinaik taraf bagi memastikan percetakan MyKad dapat dibuat secara terus pada bas tersebut menelan belanja RM2 juta.

Yang Berhormat Rasah juga bertanya tentang pemberian warganegara kepada pemohon berumur 60 tahun ke atas dan anak kepada lelaki warganegara Malaysia yang tidak

berkahwin dengan wanita warganegara asing yang menjadi *stateless*. Tuan Pengerusi, KDN sedang melaksanakan tindakan segera terhadap semua permohonan kewarganegaraan secara berperingkat dan selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh kementerian akan diproses dengan lebih teliti dalam memastikan setiap permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, tempoh bagi mendapatkan keputusan sesuatu permohonan kewarganegaraan adalah berbeza-beza berdasarkan daripada kes dan tiada tempoh tertentu yang dapat ditetapkan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: [Bangun]**

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Penentuan kewarganegaraan seorang kanak-kanak yang lahir di Malaysia adalah tertakluk kepada taraf kewarganegaraan ibu bapa dan status perkahwinan ibu bapa sewaktu kelahiran itu berlaku. Selaras dengan peruntukan dalam Bahagian 3 Perlembagaan Persekutuan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Menteri, Yang Berhormat Beruas minta mencelah.

#### ■1930

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ya, boleh tak boleh? Penjelasan. Isunya atau masalahnya bukan bahawa pemohon tidak memenuhi syarat-syarat. Masalah sekarang ialah mereka memenuhi semua syarat yang telah dinyatakan dalam Perlembagaan tetapi untuk pemberian kewarganegaraan ini, pihak Yang Berhormat Menteri ada budi bicara sama ada memberikan kewarganegaraan tersebut atau tidak. Jadi yang kita hendak dapat penjelasan ialah adakah Yang Berhormat Menteri akan buat satu garis panduan ataupun memastikan mereka yang sudah layak itu diberikan kerakyatan.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih atas celahan sebentar tadi. Kita maklum tentang kuasa yang ada pada Yang Berhormat Menteri tetapi pun begitu saya yakin Yang Berhormat Menteri dalam melaksanakan bidang kuasa yang ada pada beliau, beliau tetap masih melihat kepada syarat-syarat yang ditentukan di dalam Perlembagaan Persekutuan kita, khususnya dalam pemberian kewarganegaraan sebagaimana telah disebut pemberian kewarganegaraan ini merupakan hak mutlak Kerajaan Persekutuan. Walaupun bidang kuasa itu terletak pada Yang Berhormat Menteri, dia tetap masih melihat kepada ciri-ciri ataupun peraturan-peraturan yang tertulis di dalam Perlembagaan itu dan pun begitu, saya yakin dan percaya pertimbangan Yang Berhormat Menteri pastinya akan melihat kepada permohonan-permohonan yang dirasakan wajar ataupun layak untuk diberikan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Dengan izin Yang Berhormat Menteri. Kalau mereka tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perlembagaan, Yang Berhormat Menteri tidak ada budi bicara tetapi mesti menolak. Isu sekarang ialah mereka layak mengikut syarat-syarat. Sekarang soalnya kalau tak memenuhi syarat memang Yang Berhormat Menteri mesti menolak. Jadi kalau boleh, haraplah Yang Berhormat Menteri dan kementerian dapat

mempertimbangkan isu ini kerana ramai orang sekarang menderita kerana budi bicara Yang Berhormat Menteri itu tidak dilaksanakan dengan baik untuk membolehkan mereka yang sekarang hidup sengsara ini mendapat keadilan dan kerakyatan yang dijanjikan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apa pula? Bukan warganegara.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Benar apa yang disebutkan tadi. Memang benar, yang tidak layak memang tidak boleh dipertimbangkan. Apa yang saya sebutkan, masalahnya mereka yang meminta kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri ini pada ketika dokumen yang disertakan itu ada yang tidak lengkap dan ini yang menyebabkan Yang Berhormat Menteri tidak dapat menguatkuasakan budi bicara dia kerana bila melihat kepada syarat-syarat yang tertulis dalam peraturan itu tidak dipenuhi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, sila duduk balik ke kerusi sendiri jika nak berucap. Jangan duduk salah tempat. Sila

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya sudah dikenali, di mana-mana pun okey. *[Ketawa]*

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Yang Berhormat Rasah juga bertanya tentang menaik taraf Penjara Seremban. Buat masa ini, tiada perancangan untuk menaik taraf Penjara Seremban. Walau bagaimanapun, cadangan serta pandangan Yang Berhormat Rasah akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Rasah juga bertanyakan berapakah peruntukan yang diperuntukkan kepada Penjara Temiang, Seremban. Di bawah Belanjawan 2019, kerajaan telah meluluskan pembinaan kuarters baru bagi Penjara Seremban di Temiang dengan kos projek sebanyak RM12 juta. Projek ini melibatkan pembinaan 24 unit kuarters Kelas 'F' bagi menggantikan dua blok kuarters lama.

Yang Berhormat Kota Tinggi bersekali dengan Yang Berhormat Parit Sulong juga bertanya tentang naik taraf balai-balai. Buat masa ini, kementerian sedang memberi penumpuan dan keutamaan bagi pembinaan projek sedia ada serta kerja-kerja menaik taraf premis PDRM lain yang sangat-sangat kritikal dan uzur serta memerlukan kerja pembaikan yang segera. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan yang benar-benar mendesak bagi tujuan pembinaan ataupun naik taraf balai di mana-mana kawasan, pihak kementerian akan meneliti untuk dipertimbangkan bagi pelaksanaan pada tahun berikutnya.

Yang Berhormat Kota Tinggi. Yang Berhormat Kota Tinggi ada?

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Sini.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Okey, sorry. Yang Berhormat Kota Tinggi bertanyakan tentang *again* menaik taraf balai polis. KDN sentiasa membuat kajian daripada semasa ke semasa bagi menaik taraf balai-balai di seluruh negara dengan mengambil kira faktor-faktor sebagaimana yang telah disebutkan sebentar tadi. Walau bagaimanapun, jemputan Yang Berhormat untuk melawat di kawasan beliau melihat penjara, *insya-Allah* saya akan turun ke kawasan tersebut untuk melihat.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tahu Yang Berhormat Menteri akan umum bila turun. Terima kasih.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan kertas putih berkenaan dengan langkah strategik untuk membanteras dadah? Tuan Pengerusi, kerajaan sentiasa mengambil langkah berterusan dan strategik dalam menangani masalah dadah melalui lima teras tindakan dalam Dasar Dadah Negara iaitu pendidikan, pencegahan, rawatan dan pemulihan, penguatkuasaan, pengurangan kemudaratan dan kerjasama antarabangsa.

Strategi-strategi ini dibincangkan dan dilaksanakan melalui jentera pemberantasan dadah di bawah arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jawatankuasa Kabinet Membanteras Dadah (JKMD), Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-undang, Jawatankuasa Rawatan dan Pemulihan serta Jawatankuasa Bertindak Pendidikan, Publisiti dan Pencegahan merupakan badan tertinggi dalam mekanisme ini yang akan mencadangkan langkah-langkah strategik untuk menangani dadah. JKMD dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri serta mesyuarat terkini dijadualkan pada 28 Disember 2018 untuk membincangkan langkah menangani dadah di peringkat kebangsaan.

Yang Berhormat Pengkalan Chepa juga bertanya tentang adakah SOSMA akan dikenalkan. Tuan Pengerusi, SOSMA atau Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 merupakan suatu undang-undang berbentuk tatacara khas yang digubal di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah khas yang berhubungan dengan kesalahan keselamatan bagi maksud mengekalkan keselamatan dan ketenteraman awam dan didakwa di mahkamah terbuka dengan diwakili oleh peguam pilihannya.

Mana-mana undang-undang yang digubal di bawah Perkara 149 Perlembagaan Persekutuan telah memberi kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang bagi menentang perbuatan subversif, tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam dan sebagainya walaupun undang-undang itu berlawanan dengan mana-mana peruntukan di bawah Perkara 5 – Kebebasan diri, Perkara 9 – Larangan buang negeri dan kebebasan bergerak, Perkara 10 – Kebebasan bercakap, berhimpun dan menuju persatuan dan Perkara 13 – Hak terhadap harta, Perlembagaan Persekutuan.

Bagi tujuan pendakwaan pula, kesalahan-kesalahan yang boleh diambil tindakan menggunakan prosedur tangkapan SOSMA telah dinyatakan di bawah Jadual Pertama akta tersebut iaitu Bab VI – Kesalahan terhadap negara, Kanun Keseksaan [Akta 574], Bab VIA - Kesalahan yang berhubungan dengan keganasan, Kanun Keseksaan; Bab VIB – Jenayah Terancang, Kanun Keseksaan; Bahagian IIIA – Penyeludupan Migran, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]; dan Akta Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015.

Selaras dengan manifesto kerajaan untuk memansuhkan peruntukan-peruntukan zalim yang terdapat di dalam undang-undang tertentu termasuklah SOSMA, buat masa ini SOSMA

masih lagi sedang dikaji semula bagi tujuan penambahbaikan. Kajian semula ke atas akta ini amat penting bagi mengelakkan berlakunya salah guna kuasa, memberikan keadilan kepada subjek dan memastikan ketelusan di dalam penguatkuasaan. Ke arah itu, kementerian telah pun menubuhkan Jawatankuasa Khas Kajian Undang-undang Berkaitan Keselamatan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri. Jawatankuasa khas ini dianggotai oleh Pejabat Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Badan Peguam Malaysia, pengamal undang-undang, ahli akademik, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dan Jawatankuasa Pembaharuan Institusi.

Yang Berhormat Pengkalan Chepa juga bertanya tentang kes mahkamah mengenai nasab bagi anak tak sah taraf dan adakan kerajaan akan membuat pindaan pada akta tersebut. Keputusan di mahkamah persekutuan pada 22 November 2018 berkaitan perkara ini telah ditangguhkan memandangkan pihak keluarga dan Jabatan Pendaftaran Negara bersetuju untuk mencari penyelesaian terbaik selain daripada melalui prosedur mahkamah. Berkaitan dengan pindaan akta, JPN dan Jabatan Peguam Negara masih lagi dalam penelitian terhadap peruntukan di dalam Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] mengenai anak tak sah taraf.

Yang Berhormat Pengkalan Chepa juga bertanyakan tentang penggunaan senjata yang berusia lama. Penggunaan senjata api ini tertakluk kepada Akta Senjata Api 1960. Senjata api yang digunakan ini adalah untuk tugas membasmi musuh tanaman. Justeru, sebanyak 13,525 laras masih boleh digunakan untuk tujuan penugasan ini.

Soalan bagaimana anggota RELA didaftarkan. Pendaftaran anggota RELA adalah tertakluk di bawah Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 [Akta 752]. Ia terbuka kepada mana-mana warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas, yang bukan anggota kepada mana-mana pasukan beruniform yang ditubuhkan di bawah mana-mana akta. Kelulusan pendaftaran anggota RELA tertakluk kepada keputusan tapisan keselamatan kerana terdapat penugasan yang melibatkan keselamatan seperti kawalan premis dan rondaan keselamatan di kawasan komuniti setempat.

#### ■1940

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Sikit. Soalan yang saya tanyakan dan saya bangkitkan ialah adakah dibenarkan RELA ini untuk bekerjasama dengan kita Ahli-ahli Parlimen di sebelah pembangkang ini bagi melaksanakan suatu program. Ini kerana kadangkala RELA ini dia masih lagi terikut dengan style lama tak boleh bekerjasama dengan di sebelah pembangkang ini. Jadi mohon pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri sebab dekat luar sana itu menanti-nantikan jawapan.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Terima kasih atas celahan Yang Berhormat. Jika ianya melibatkan kepentingan rakyat dan mempunyai kebaikan kepada rakyat, saya tidak nampak di mana ada masalah jika Ahli Yang Berhormat walau daripada pembangkang mungkin boleh menggunakan khidmat RELA bagi tujuan untuk keperluan rakyat.

Yang Berhormat Pengkalan Chepa juga bertanya adakah cadangan untuk diwujudkan semula pasukan khas seperti STING, STAGG dan STAFOC? Pembubaran atas-asas dan rasional pembubaran pasukan taktikal khas. Pembubaran atau pemansuhan skuad taktikal khas ini adalah bukan bermaksud untuk memansuhkan fungsi dan peranan yang sedang dilaksanakan tetapi adalah tujuan untuk pengukuhan dan memerkasaan fungsi sedia ada bagi mewujudkan perintah dan kawalan yang berkesan serta lebih jelas hasil daripada kajian awal ke atas peranan dan fungsi sedia ada yang bertindih di bawah elemen Jabatan Siasatan Jenayah dan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik.

Selain itu, pemansuhan skuad taktikal khas PDRM ini adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip iaitu memansuhkan dan mengelak berlaku pertindihan, mewujudkan ruang lingkup tanggungjawab yang jelas bagi elemen-elemen yang wujud dalam organisasi PDRM, pengukuhan dan mempertegas fungsi sedia ada, mewujudkan perintah dan kawal selia yang lebih efektif, penyusunan semula perjawatan dapat menjimatkan kos kerajaan dan memberikan impak yang lebih berkesan.

Oleh yang demikian, kementerian tidak bercadang untuk mewujudkan semula pasukan khas ini tetapi akan memberikan tumpuan bagi memantapkan lagi bahagian yang telah sedia ada. Tuan Pengerusi, kalau ikutkan hati ada banyak lagi soalan yang perlu dijawab.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, saya nampak, jawapan memang tebal. Saya cadangkan berikan jawapan bertulis.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya hendak soalan lisan pasal Balai Polis Jempol di Palong.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya rasa jawapan bertulis lebih komprehensif itu saya rasa.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Tak, sebagaimana yang kita telah janjikan kita akan menjawab semua soalan-soalan ini. Sebenarnya ada jawapan yang telah disediakan oleh pegawai-pegawai kementerian.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Sikit. Sikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, ada satu. Tuan Pengerusi, ada satu soalan pasal Beting Patinggi Ali itu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Semua soalan adalah penting, tak ada yang tak penting jangan tanya di dalam Dewan ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tak, yang ini melibatkan kepentingan negara. Melibatkan hasil bumi yang mana kawasan kita telah di ceroboh dan menjadi tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri untuk mempertahankan. Jadi saya minta—ini orang Sarawak ramai. Saya pun tumpang jadi orang Sarawak sama untuk mempertahankan kawasan Beting Patinggi Ali.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Berkacaan dengan isu tersebut Yang Berhormat, saya yakin dan percaya Kementerian Dalam Negeri selaku kementerian yang mengawal selia keselamatan di dalam negara kita, kita akan memastikan tidak setiap inci tanah yang ada di

negara kita dapat dicerobohi dan kita akan mengambil tindakan yang tegas kepada setiap pencerobohan yang dilakukan di dalam ruang baik udara, ataupun darat dan juga laut.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, saya minta bersumpah dengan perkataan tersebut. Yang Berhormat bersumpah bahawa akan mempertahankan negara ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, sini Dewan Rakyat. Sini bukan tokong ataupun masjid. Jangan cabar siapa-siapa untuk bersumpah di Dewan yang mulia ini. Saya nasihatkan sekali lagi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tak. Ini Tuan Pengerusi.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Oleh yang demikian...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini dia sama-sama orang Islam saya bagi tahu bersumpah itu makna kata bertegas dengan jawapan itu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Memang tegas. Tak boleh bohong di dalam Dewan ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jangan, bila kita kata manifesto akan di laksana, laksanakan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau sila duduk.

**Dato' Mohd Azis bin Jamman:** Oleh yang demikian Tuan Pengerusi saya dengan ini mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan untuk Kementerian Dalam Negeri ini dan saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih khususnya kepada pegawai-pegawai Kementerian Dalam Negeri yang bekerja keras dalam menyediakan jawapan-jawapan yang diberi, yang disediakan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Hidup Yang Berhormat Sepanggar, hidup Yang Berhormat Sepanggar.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Tuan Pengerusi, saya... Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Baiklah terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang cuba menjawab dengan laju umpama lebih laju daripada *high speed railway*. *[Ketawa]* Ini jawapan memang cukup laju saya rasa. Pasukan Kementerian Dalam Negeri memang bertungkus-lumus, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM12,565,363,700 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM12,565,363,700 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,087,314,800 untuk Maksud P.62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM3,087,314,800 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]*

**Maksud B.63 [Jadual] -**

**Maksud P.63 [Anggaran Pembangunan 2019] –**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli Yang Berhormat kini, kementerian terakhir Kementerian Pendidikan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Booking Pontian.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Booking Segamat.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya tahu ramai yang hendak bahas. Di mana setiap orang akan diperuntukkan lima minit dan saya cadangkan Yang Berhormat Menteri akan menggulung pada masa 9.30 malam. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Segamat, selepas itu Yang Berhormat Marang, selepas itu...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian sudah booking.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Rasah. Rasah.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Puncak Borneo, Yang Berhormat Ayer Hitam. Sila duduk. Yang pertama Yang Berhormat Segamat sila.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi sudah pilih kasih sekarang ya.

**7.45 mln.**

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau jangan buat tohmahan, sudah masuk waktu Maghrib.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Butiran 050300 – Latihan Kepimpinan. Saya ingin mendapatkan lebih banyak maklumat mengenainya apakah KPI, pencapaian dan juga indeks pencapaian sehingga hari ini kerana hampir RM80 juta diberikan kepada latihan kepimpinan. Untuk Butiran 060400 – Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), nasional universiti tetapi nampaknya hanya nama sahaja nasional universiti sebab saya mendapati bila peruntukan diberikan adalah lebih kurang daripada USM. Saya sebagai bekas alumni UKM nasional universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia maka seharusnya diberikan lebih dan juga sebagainya.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Saya sokong Yang Berhormat Segamat.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Malah UKM ini ditubuhkan untuk memartabatkan bahasa Melayu, bahasa kebangsaan.

**Beberapa Ahli:** Setuju, setuju.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih kepada mereka semua Yang Berhormat bersetuju.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya sokong Yang Berhormat Segamat.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih. Butiran 00204 – Matrikulasi. Saya mendapati hanya RM1 juta sahaja diberikan untuk program matrikulasi. Akan tetapi, kita dapat bahawa hampir 1,000 orang yang mendapat keputusan *straight 'A'* tetapi kadang-kadang sehingga enam hingga 700 pelajar tidak diberikan tempat kerana sistem kuota. Saya telah beberapa kali memberikan cadangan dalam soalan lisan dan juga sebagainya. Kalau kementerian memperuntukkan RM6 juta maka dengan membeli tempat-tempat dengan harga yang kurang daripada 50 peratus di institut-institut swasta, universiti swasta maka kita boleh berikan kepada semua pelajar.

Maka manifesto kita anak Cina, anak Melayu, anak India, anak Kadazan dan juga sebagainya mahupun di seluruh pelosok Malaysia boleh diberi tempat berdasarkan keputusan. Akan tetapi, saya mendapati walaupun berkali-kali saya bercakap mungkin belum didengari tetapi kali ini saya mohon agar Kementerian Pendidikan memastikan bahawa peruntukan secukupnya dapat untuk program matrikulasi. Saya rasa RM1 juta ini memang tidak cukup paling kurang pun perlukan RM8 juta agar semua diberikan.

Seterusnya Butiran 01100 – Bantuan Modal iaitu RM3.3 juta. Adakah ini merupakan bantuan modal yang diberikan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina? Jika ianya merupakan bantuan modal RM3.3 juta, maka ianya amatlah berkurangan. Seterusnya kepada Butiran 082500 – Biasiswa Sukan dan Butiran 083800 – Biasiswa Pendidikan Tinggi. Untuk biasiswa sukan ini, ada RM1.6 juta saya mohon agar permainan catur ataupun sukan catur ini turut dimasukkan dalam biasiswa sukan kerana agar Malaysia boleh mendapat satu *grand master* malah Malaysia boleh juga kita berharap untuk menjadikan juara dunia dalam bidang catur ini.

Agak sukar dalam mana-mana bidang lain, tetapi di dalam bidang catur ini kita boleh dengan peruntukan yang RM200,000 untuk setahun. Seterusnya, dalam biasiswa pendidikan tinggi daripada kosong sekarang kini kita dapat RM170 juta. Maka, saya harap Kerajaan Pakatan Harapan akan memberikan biasiswa kepada *need basis* kepada semua orang mahupun anak Melayu, Cina, dan India. Maka, dengan adanya kerajaan yang adil dan juga sebagainya saya rasa rakyat akan lebih banyak menyokong kerajaan dan kita tidak pilih kasih tidak kira ibu bapa mereka daripada parti mana walaupun anaknya berjaya maka kita harus berikan.

#### ■1950

Seterusnya untuk Butiran 082400 - Biasiswa Kecil Persekutuan. Saya mendapati hampir RM20 juta dikurangkan. Saya ingin tahu mengapa? Adakah kosnya telah berkurangan ataupun kita telah mempunyai satu sistem yang lebih efisien agar walaupun dengan pengurangan ini tetapi rakyat tidak dianiyai.

Mengenai Butiran 081900 – Bantuan Makanan Prasekolah. Saya mendapati hampir RM10 juta dikurangkan. Saya hendak tahu mengapa dan juga statistik penuh dan justifikasi

mengapa berbuat demikian secara kualitatif dan kuantitatif. Adakah ini dilaksanakan kerana sebelum ini ada ketirisan oleh kerajaan yang lepas ataupun memang kita telah mendapati satu sistem yang lebih efisien.

Berkenaan dengan Butiran 083800 – Biasiswa Pendidikan Tinggi. Daripada RM170 juta seperti yang saya telah terangkan tadi kita kalau boleh ingin keterangan bertulis mengenai program, tahap, aliran mana mengenai bandar dengan luar bandar dan juga statistik mengikut kaum jika ada sistem kuota diberikan, jika ada, berapa dan juga sebagainya dan mengapa. Begitu juga dalam dan juga luar negara dan juga bergantung perbezaannya di antara berapa untuk IPTA dan juga IPTS. Saya perlukan statistik sedemikian.

Akhir sekali saya juga mencadangkan kita faham sekarang Kementerian Pendidikan Malaysia ini tergabung kepada Kementerian Pelajaran Malaysia yang dahulunya dan juga Kementerian Pendidikan Tinggi. Maka saya berharap menjadi satu kementerian yang amat penting dan akan terus memberikan sokongan juga kepada rakyat dan 30 saat yang terakhir kita ada Butiran 00100 – Simpanan Luar Jangka sebanyak RM2 bilion.

Saya hendak tahu bilakah masanya simpanan luar jangka ini akan menjadi simpanan bukan luar jangka lagi? Adakah pada bulan Oktober, November dan Disember? Seandainya terdapat RM1 bilion lagi tidak digunakan pada bulan November apakah kerajaan akan buat pada wang tersebut dan apakah sistem dan juga formula digunakan. Saya perlukan lebih banyak maklumat ataupun butiran apakah definisi luar jangka dan apakah komponen-komponen yang akan dimasukkan dalam luar jangka tersebut. Saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Maran, selepas ini Yang Berhormat Puncak Borneo.

#### **7.52 mlm.**

**Dato' Sri Dr. Hj Ismail bin Hj Abd Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara tentang Kementerian Pendidikan ini. Pertama ialah Butiran 00300 – Pendidikan Teknik dan Vokasional yang diperuntukkan RM103, 867,000 dan saya hendak bertanya tentang Kolej Vokasional Pertanian Chenor, Maran.

Sebelum itu saya hendak tahu daripada kementerian berapakah jumlah Kolej Vokasional Pertanian di seluruh Malaysia. Ia merupakan kolej yang agak berbeza dengan kolej-kolej yang lain dari segi teknikalnya dan ianya memberikan sokongan kepada pembangunan pertanian di mana Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ada di sini. Saya ingin tahu berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan kepada Kolej Vokasional Pertanian, Chenor bagi tahun 2019 ini?

Tuan Pengerusi, apa yang penting yang saya hendak minta kementerian pertimbangkan segera ialah pembinaan surau baharu di Kolej Vokasional Pertanian Chenor ini yang sebenarnya telah pun dimohon oleh saya dan pihak kolej melibatkan kos lebih kurang RM300,000. Pada asalnya telah pun diluluskan tetapi tidak ada tempat untuk dilaksanakan. Jadi saya minta supaya peruntukan ini tidak besar tetapi dapat diluluskan demi kepentingan untuk pelajar-pelajar dan tenaga pengajar di kolej ini.

Kedua, Tuan Pengerusi ialah Butiran 00800 – Rumah Guru. Saya ingin tahu beberapa tahun yang lepas banyak kuarters-kuarters guru dibina di seluruh negara dan saya ingin tahu berapa jumlah kompleks rumah guru ini yang telah dibina? Berapa unit rumah guru yang tidak digunakan kerana pegawai pendidikan juga mendapat peluang untuk memohon pinjaman perumahan oleh kerajaan dan sudah tentulah mereka lebih berminat untuk tinggal di rumah sendiri dan banyak kuarters-kuarters ini telah kosong. Jadi saya ingin tahu, berapakah kekosongan ini? Berapa jumlah kekosongan kuarters guru di dalam kawasan Maran ini?

Berikutnya Tuan Pengerusi, ialah Butiran 01300 – Pendidikan Khas. Pendidikan Khas ini adalah merupakan anak-anak kita yang mempunyai keistimewaan yang amat perlu diberikan perhatian kerana berbeza dengan pelajar-pelajar yang lain. Saya pernah berhadapan kerana isteri saya juga merupakan seorang guru bersama dengan mereka ini dan saya ingin tahu di seluruh negara berapakah jumlah pelajar khas di seluruh negara.

Kalau boleh dapatkan pecahan negerinya termasuk di Pahang dan juga di Maran. Berapakah bilangan sekolah yang mempunyai pelajar pendidikan khas ini di seluruh negara? Jadi saya juga ingin tahu berapakah jumlah peruntukan per kapita yang diberikan kepada pelajar-pelajar pendidikan khas ini kerana mereka perlu diberikan perhatian yang secara peribadi kepada pelajar-pelajar ini sebab mereka agak sukar untuk mengurus diri sendiri berbanding dengan pelajar-pelajar yang lain.

Tuan Pengerusi, yang berikutnya ialah Butiran 030200 – Pendidikan Rendah. Saya minta supaya perhatian juga diberi kepada sekolah-sekolah di kawasan luar bandar ini. Di Maran umpamanya sebuah sekolah kita telah minta peruntukan tambahan bagi membina bangunan baharu di sekolah ini, iaitu Sekolah Kebangsaan Senggora, Maran di mana kosnya saya ingat dahulu pernah di suatu ketika diluluskan berjumlah kurang lebih RM5 juta. Sehingga hari ini sekolah ini masih belum- pembinaan bangunan baharu ini masih belum dilaksanakan.

Jadi saya harap supaya kementerian dapat memberikan perhatian kepada cadangan pembinaan sekolah-sekolah ini dan bangunan baharu sekolah ini bagi memberikan keselesaan pendidikan kepada anak-anak kita di kawasan luar bandar khususnya.

Terakhir ialah saya ingin tahu berapakah mungkin peruntukan yang disalurkan oleh kerajaan kepada program-program khas di sekolah-sekolah sama ada sekolah menengah dan sekolah kebangsaan. Ini kerana lazimnya kita memberikan peruntukan khas kepada sekolah-sekolah menengah dan kebangsaan ini melalui peruntukan yang disalurkan kepada Ahli-ahli Parlimen dan juga ADUN oleh kerajaan negeri.

Jadi saya kira mungkin sampai masanya pihak kementerian dapat menyalurkan peruntukan khas kepada sekolah-sekolah terutama di kawasan luar bandar bagi menjalankan aktiviti sama ada sekolah menengah ataupun di sekolah kebangsaan termasuklah kepada pelajar-pelajar prasekolah ini. Tuan Pengerusi, terima kasih banyak.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Maran. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Puncak Borneo.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu.

### 7.57 mlm.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi kerana telah memberi saya peluang untuk bersama-sama menyebut mengenai butiran Belanjawan Kementerian Pendidikan. Saya terus kepada Butiran 010000 – Pengurusan di mana jumlah yang diperuntukkan daripada RM5.08 bilion telah mendadak jatuh kepada RM3.6 bilion. Namun saya percaya walaupun pengurangan yang amat besar ini saya berharap agar Kementerian Pendidikan akan terus dapat melakukan tugasannya dengan baik dan juga dapat meneruskan dan terus meningkatkan kualiti pendidikan negara kita.

Namun saya berasa amat terkilan sebab baru-baru ini kita sering mendengar dan juga kita melaung-laungkan supaya semua perkara yang tersebut dan termaktub dalam *Malaysia Agreement 1963* dilaksanakan dan salah satu daripada perkara yang kita sebut adalah Perkara 9 di mana dalam perkara ini ia menyebut dengan izin, “*Pronunciation session of public service di mana semua ketua-ketua jabatan di Sabah dan Sarawak hendaklah diterajui oleh anak-anak Sabah dan juga anak-anak Sarawak*”.

Namun baru-baru ini berlaku di mana pengarah-pengarah, ketua-ketua jabatan masih diberi kepada calon-calon dan penyandang-penyandang daripada negeri lain dan saya rasa rakyat di luar sana telah menanti-nantikan perkara ini ditunaikan supaya semua anak-anak daripada Sabah dan Sarawak dapat menerajui ketua-ketua jabatan khasnya daripada Persekutuan. Saya merasakan perkara ini haruslah dilakukan dengan secepat mungkin kerana kita telah berjanji di dalam manifesto kita dan saya berharap, ia akan diambil perhatian dengan serius.

Saya juga ingin menyebut Butiran 080500 iaitu Penyelenggaraan Genset. Di mana jumlah yang telah dinyatakan adalah sebanyak RM180 juta dan telah menurun kepada RM120 juta. Ini adalah satu pengurangan yang amat besar.

### ■2000

Akan tetapi, saya juga amat terkilan kerana sehingga ke hari ini, khasnya di negeri Sarawak, sebanyak 113 sekolah masih belum lagi disconnect dengan *electricity grid*, dengan izin. Salah satu kawasan sekolah yang di kawasan saya iaitu SK Kambug sehingga ke hari ini belum disambung dengan tenaga elektrik.

Ada pihak daripada kerajaan negeri iaitu Kerajaan GPS telah mempolitikkan perkara ini kerana mereka menyatakan Kerajaan Persekutuan tidak sudi dan tidak melakukan kerja ini dengan cepat. Akan tetapi, sebenarnya perkara ini disebabkan oleh kontraktor yang telah diamanahkan iaitu Jepak Holdings Sdn. Bhd. masih memegang kontrak dan kontrak ini haruslah dibatalkan. Kalau kontrak ini belum dibatalkan, maka kerja-kerja penyambungan semula tidak boleh dilakukan.

Ini adalah salah satu yang perlu ditegaskan kepada seluruh sekolah-sekolah dan juga rakyat khasnya di negeri Sarawak kerana kalau kita tidak tegaskan perkara ini, ia boleh

dipolitikkan dan seolah-olah Kerajaan Persekutuan iaitu Kerajaan Pakatan Harapan membuli kerajaan negeri dan itu adalah tidak benar sama sekali.

Saya terus pergi kepada Butiran 081900 – Bantuan Makanan Prasekolah iaitu telah juga merudum daripada RM90 juta kepada RM80 juta. Saya juga ingin mengetahui apakah jenis makanan yang diberi ini? Ini kerana seperti yang kita sedia maklum, baru-baru ini ada bantuan susu yang diberikan kepada sekolah tidak sampai. Malah, ada dalam sebut harga mereka sepatutnya membekalkan ikan tenggiri, sebagai contoh, tetapi yang datang ikan bilis.

Jadi kita harus memberi penekanan kepada perkara ini dengan apa yang kita beri itu adalah apa yang disebut di dalam sebut harga itu supaya tidak berlaku ketirisan kerana mangsanya adalah anak-anak yang sedang belajar dalam prasekolah ini. Kita dalam era Malaysia baharu ini, kita tidak izinkan ketirisan ini terus berleluasa.

Saya akan menyebut juga mengenai Butiran 00800 – Rumah Guru, di mana peruntukan sebanyak RM7.6 juta telah dikurangkan kepada RM1.1 juta. Untuk makluman Tuan Pengerusi, di negeri Sarawak, saya melihat keadaan rumah guru ini amat daif dan kita boleh lihat rumah guru ini ibarat rumah reban ayam. Inilah yang perlu kita beri tumpuan. Kasihanilah mereka, bantulah mereka bagaimana seorang pendidik diberi keistimewaan rumah yang tidak begitu selesa untuk mereka. Jadi, saya berharap agar pihak kementerian dapat melakukan kerja-kerja baik pulih dan menaik taraf ini dengan kadar yang segera.

Begitu juga dengan Butiran 03700...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila menggulung.

**Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]:** ...laitu mengenai program pembangunan luar bandar sekolah di Sabah dan Sarawak. Saya memohon supaya di kawasan saya Dewan Serba Guna SMK Tarat dan SK Simpang Kuda dibina dengan kadar segera. Begitu juga dengan padang sekolah SK Sera dan juga sekolah baharu untuk SK Serumbu dan juga baik pulih untuk sekolah SMK Tun Razak.

Oleh kerana keadaan sekolah ini yang amat daif, saya memohon supaya kerajaan dan juga kementerian memberi tumpuan yang jelas supaya perkara ini dapat diselesaikan. Sebab, kita dah sebut banyak kali tetapi kita tidak melihat perkara ini berlaku pada masa yang terdekat ini. Jadi saya memohonlah supaya perkara ini dapat disegerakan dan diselesaikan dengan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Puncak Borneo. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Ayer Hitam. Lepas ini Yang Berhormat Tampin dan Yang Berhormat Arau.

**Tuan Shaharizukrnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Setiu masukkan.

#### **8.04 mlm.**

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi kepada Maksud Pembangunan 3 Butiran 02000 – Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Seperti mana yang termaktub dalam buku belanjawan ini, terdapat RM5.5 juta yang

akan diberikan kepada Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman. Akan tetapi, ianya berlainan dengan sebelum ini yang mana sudah 50 tahun tidak pernah berhenti pembangunan mengurus diberikan iaitu dengan jumlah RM1.02 bilion. Ini sebagai kesinambungan kepada janji yang dibuat yang mana *instrument of government*, dengan izin, telah diluluskan di Dewan ini. Selepas itu dinaik taraf sebagai kolej universiti di mana ianya diteruskan melalui satu keputusan Kabinet seperti mana yang disahkan oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak tahu, apakah rayuan untuk mendapatkan *operating expenses* atau pun *matching grant*, geran padanan yang kita minta itu akan diteruskan? Ini kerana selama ini telah diberikan RM1.02 bilion. Campur dengan pembangunan— bukan setiap tahun kita dapat— RM340 juta. Ini menjadikan jumlah untuk 50 tahun ialah RM1.353 bilion yang mana telah diberikan oleh kerajaan terdahulu.

Jadi ini bukan komitmen parti politik tetapi satu perkara yang telah dibincangkan di Dewan ini dan telah dilaksanakan oleh termasuk Perdana Menteri yang ada sekarang dengan Yang Berhormat Port Dickson. Jadi ini saya hendak dapat penjelasan daripada pihak Kementerian. Itu yang pertama. Kita rayu supaya kita berikan, kalau tidak RM60 juta maksimum pun, sekurang-kurangnya ada seperti tahun lalu RM30 juta.

Kedua, kita hendak minta penjelasan juga kerana satu pengumuman telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mengatakan bahawa RM2 juta akan diberikan kepada Kolej Universiti Han Jung, Kolej Universiti New Era dan Kolej Universiti Selatan. Ini satu pengumuman yang dialu-alukan.

Akan tetapi persoalannya, di bawah Butiran 060000 – Operasi Pendidikan Tinggi ini, oleh kerana ini satu pengumuman baharu, saya hendak tahu di manakah peruntukan ini akan diselitkan? Di bawah butiran apa? Adakah ia melalui Kementerian Pendidikan atau pun peruntukan khas daripada Kementerian Kewangan sendiri atau pun peruntukan khas Perdana Menteri? Itu saya minta penjelasan.

Kemudian, apakah punca kuasa untuk kita berikan kepada tiga kolej ini? Ini kerana kalau ianya dapat dibuat seperti Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman pada tahun 1972, itu satu perkara yang didukung dan disokong. Saya hendak dapatkan apakah punca kuasa dan bagaimana ianya dapat dilakukan. Malam ini kita luluskan bajet tetapi tiga perkara itu tidak dimasukkan. Bagaimana cara kita mengatasi perkara ini? Ia janji yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan ianya telah diumumkan.

Ketiga, saya mengalu-alukan peruntukan untuk SJK(C) untuk naik taraf sebanyak RM50 juta seperti mana yang sebelum ini telah diberikan selama bertahun-tahun. Ini satu kesinambungan yang baik. Saya setuju. Saya minta supaya perkara tahun 2018 yang mana tahun lalu telah kita luluskan dan tahun ini masih lagi belum dilaksanakan. Kalau dulu Yang Berhormat jadi pembangkang, sudah tentunya satu pemantauan rapi sebelum sampai cuti sekolah pun kita kena cepat, cepat, cepat. Akan tetapi kali ini, sekolah pun sudah bercuti. Saya berharap perkara ini dapat dipercepatkan seperti mana yang diminta oleh Yang Berhormat ketika duduk di sini.

Jadi, saya minta satu lagi perkara iaitu RM20 juta yang mana Yang Berhormat Menteri umumkan untuk sekolah SJK(C) baharu dan yang berpindah ini, dia bagi RM20 juta tahun ini. Akan tetapi, kenapa dalam buku bajet ini untuk tahun 2019 tidak ada? Kalau ikutkan 16 buah SJKC yang baharu atau pun pindah, mereka perlukan jumlah tidak kurang daripada RM100 juta minimum. Kalau perlulah, ia sepatutnya secara bertahun, berfasa RM20 juta setiap tahun. Akan tetapi dalam buku ini tidak ada.

Akhir sekali, saya hendak tahu tentang PTPTN. Satu perkara yang agak janggal sekali di mana semalam Pengerusi PTPTN umumkan, dia kata berbeza dengan pengumuman yang dibuat oleh kementerian sebelum ini kata RM1,000 ke bawah, dia kata tidak payah bayar balik. Sekarang kata RM2,000 pun tidak payah bayar. Yang di bawah pendapatan RM2,000 tidak payah bayar balik tetapi yang melebihi RM2,000 dikenakan potongan gaji secara berjadual dua per cent hingga 15 peratus.

Persoalannya, kalau mereka sudah ada satu perjanjian yang ditandatangani dah bertahun-tahun bayar RM300 atau RM400, apakah mereka akan ikut kontrak ini sampai RM1,200? Kalau inilah jawapannya, akhirnya bagi mereka yang sudah tandatangan kontrak dengan PTPTN sebelum ini, mereka akan sengsara lagi. Inilah saya merayu supaya perkara ini kita lihat balik dan supaya tidaklah satu pengumuman baharu dibuat akan menjelaskan mereka yang sedang membayar.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rasah dulu.

## ■2010

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya turut serta dalam perbahasan pada petang ini. Pertamanya saya ucapan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang memang menjadi kementerian yang mendapat peruntukan paling besar yang menunjukkan komitmen yang cukup tegas daripada pihak Kerajaan Pakatan Harapan untuk sentiasa memperkasakan sistem pendidikan di negara kita yang akhirnya kita percaya dan yakin sistem pendidikan yang diperkasakan ini akan mewujudkan institusi yang boleh melahirkan generasi muda yang akan membawa negara ini maju ke hadapan.

Perkara yang saya hendak sebutkan adalah— saya ucapan tahniah juga kepada pihak kementerian kerana sekolah kebangsaan diperuntukkan RM250 juta, SKJ(C) sebanyak RM50 juta SJKT sebanyak RM50 juta. Saya percaya peruntukan pembangunan ini akan membolehkan semua sekolah-sekolah tersebut mendapat peruntukan yang diperlukan untuk penyelenggaraan dan pembangunan. Cuma saya memohon kepada pihak kerajaan, peruntukan ini kita tidak mahu macam kerajaan yang dahulu yang lambat dan lewat dalam memberikan peruntukan.

Kita kalau boleh saya percaya kementerian khasnya Yang Berhormat Menteri Kewangan kita iaitu bekas Ketua Menteri Pulau Pinang yang dapat memberikan peruntukan sewaktu beliau

menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang, dapat menyalurkan semua peruntukan pada suku pertama tahun tersebut. Ini adalah sesuatu yang kita patut dijadikan sasaran untuk tahun akan datang.

Saya juga ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana dimasukkan SMJK peruntukannya RM15 juta dan sekolah menengah persendirian Cina (SMPC) sebanyak RM12 juta. Sesuatu yang cukup dialu-alukan walaupun jumlah dia tidak banyak, tetapi cukup dialu-alukan sebagai satu komitmen daripada kerajaan yang mengiktiraf lulusan atau graduan daripada SMPC yang turut menyumbang kepada pembangunan negara.

Saya juga ingin membangkitkan butiran di bawah Butiran 040600 – Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Seperti tahun sebelumnya RM60 juta diperuntukkan. Saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan. Saya cukup yakin pemerkasaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kita selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan adalah menjadi tanggungjawab semua, tanggungjawab kerajaan untuk kita terus memperkasakan penggunaan bahasa Melayu.

Saya percaya semua di Dewan ini, semua rakyat Malaysia akan menyambut baik langkah ini dan ia juga bagi saya, saya mohon cadangkan supaya semua wakil rakyat tidak kira Ahli Parlimen, Senator atau Ahli Dewan Undangan Negeri di semua negeri patut sama-sama kita pastikan kita dapat bertutur fasih dalam bahasa Melayu supaya kita sendiri menjadi teladan untuk sama-sama mengangkat dan menjunjung bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan kita selaras dengan Perlembagaan Persekutuan.

Butiran 01800 — Bahagian Teknologi Pendidikan. Saya mohon penjelasan daripada kementerian kenapa ada pengurangan daripada RM500 juta kepada RM211 juta sebab ia melibatkan teknologi. Bagi saya ia patut dipertingkatkan sebab teknologi ini sangat penting untuk memacu dan membawa kita ke hadapan.

Satu lagi perkara yang saya hendak sebutlah ada di bawah Butiran 00601 iaitu peruntukan pembangunan untuk Universiti Malaysia hanya RM10 juta. Butiran 01500 — peruntukan pembangunan untuk UKM sebanyak RM238 juta. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Segamat tadi, saya sebagai alumni daripada UKM dan UM saya menyambut baik peruntukan yang besar untuk kedua-dua universiti. Cuma kenapa UM dapat RM10 juta sebagai universiti yang tertua di Malaysia?

Saya agak terkejut dan terkilan juga sebab bagi saya kalau Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman dapat RM5.5 juta, tidak akan UM dapat RM10 juta. Mana pergi rasionalnya? Bagi saya, sekiranya Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman ia masih dipegang oleh parti politik, tahun depan jangan beri peruntukan. Paling kurang MCA kena belajar dengan parti Gerakan. Gerakan ada Wawasan University yang dibiayai sendiri. Kita tahu Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman ada dana lebih RM500 juta tetapi masih mengemis minta kerajaan bagi peruntukan. Tidak malu kah? Saya hendak tanya.

Jadi, saya mohon kerajaan supaya tegas dalam hal ini. Akan tetapi, sekiranya ia boleh lepas tangan kepada pihak alumni untuk jadi yang menguasai kolej universiti tersebut, bagi peruntukan...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta penjelasan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan, penjelasan...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** ...Tidak kira RM30 juta ataupun RM60 juta.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Penjelasan...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ini kerana kita hendak pisahkan politik daripada institusi pendidikan.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Minta penjelasan...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Itu yang gagal dilakukan kerajaan sebelum ini. Yang Berhormat Ayer Hitam sila duduk. Waktu kamu saya tidak kacau.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tidak beranilah, tidak berani, duduk.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak, waktu kamu saya tidak kacau pun. Kamu jangan kacau saya. Tak malu kah kamu sebagai Presiden MCA?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Rasah. Bagilah, bagilah sikit.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak payah, tidak payah. Kita hendak pisahkan politik daripada institusi pendidikan. Oleh sebab itu, saya— walaupun parti Gerakan itu bekas anggota komponen Barisan Nasional, akan tetapi saya puji Gerakan. Dua kali pilihan raya saya lawan calon Gerakan, akan tetapi hari ini saya puji Gerakan. Paling kurang dia tidak mengemis macam MCA untuk Wawasan University. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat silap. Itu diluluskan di Parlimen.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, masa sudah tamat.

**Seorang Ahli:** Lawan, lawan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, masa sudah tamat Yang Berhormat Rasah. Sekarang ini Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau jangan tambah duri dalam daging.

### 8.15 mln.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Membaca pantun]*

*Makan nasi di Bukit Katil,*

*Untuk mendengar ayam berkокok,*

*Datuk Pengerusi seorang yang adil,*

*Lebih cantik bila bersongkok.*

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Segak. Cantik untuk wanita. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, lebih *handsome* bila bersongkok.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tambah masa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak. Tuan Pengerusi. Pertama sekali, saya hendak komen fasal Kementerian Pendidikan, Yang Berhormat Menteri nya dahulu ya. Yang Berhormat Menteri nya sekarang ni sudah berwarna-warni. Saya minta supaya Yang

Berhormat Menteri biarlah menjadi seorang yang berwibawa ilmu dan bukan membuat wacana ilmu. Jadi, Yang Berhormat Menteri ini seorang Yang Berhormat Menteri yang hebat, Menteri yang baik, Menteri Ahli Sunnah Wal Jamaah. Saya percaya dia boleh *perform* dengan izin, dengan lebih baik dan kena lebih berwaspada bila mengeluarkan kenyataan.

Saya minta pegawai-pegawai yang membantu Menteri supaya membantu Yang Berhormat Menteri agar mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang berbentuk wibawa ilmu dan bukan wacana ilmu. Ini adalah teguran ikhlas saya. Saya percaya Yang Berhormat Menteri boleh melaksanakannya dengan baik. Ini kerana kalau tidak nanti orang bincang benda-benda yang remeh yang tidak wajar disebut seperti kasut hitam, stoking berwarna ataupun kurikulum 1MDB dan sebagainya. *[Disampuk]* Yang Berhormat tidak payah bersuara sebab Yang Berhormat Menteri ini kawan baik saya. Saya sokong dia. Siapa kacau dia, saya akan lawan habis-habisan. *[Ketawa]* Akan tetapi untuk kebaikan, saya memberi teguran.

Kalau kira pihak PH cuba hendak memperlekehkan dia, saya akan lawan pihak PH. Kalau pihak—saya hendak lawan dia pun, saya akan lawan...

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Yang Berhormat Arau, bincang, bincang. Jangan sehari, hari lawan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, saya akan pertahankan Yang Berhormat Menteri yang saya percaya mempunyai masa depan yang cemerlang.

**Tuan Pengurus [Tuan Nga Kor Ming]:** Pertahankan diri dari Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini yang pertama sekali Tuan Pengurus ialah Butiran 060200. Yang Berhormat, sila rujuk kepada itu ya. Politeknik dan kolej komuniti. Yang Berhormat, bila ditubuhkan kolej komuniti, matlamatnya ialah supaya orang-orang dalam kawasan itu mendapat ilmu sekiranya mereka gagal untuk memasuki—contohnya ialah mereka gagal di peringkat *Form 3* ataupun *Form 5*, even Darjah 6, kita boleh menyediakan kolej komuniti untuk membolehkan dia dapat sijil.

Lepas itu bila dapat sijil dia pergi politeknik, dia dapat diploma dan seterusnya dia pergi ke universiti. Kita ada kes orang yang gagal di peringkat Darjah 6, dia sekarang mempunyai PhD kerana melalui kolej komuniti. Akan tetapi kadang-kadang kolej komuniti, kalau kita mengharapkan orang tempatan sahaja pergi belajar, dia sudah tidak sesuai. Ini kerana dia ada bidang-bidang yang orang tempatan tidak boleh bersama. Dia kena pergi ke kolej universiti yang lain.

Jadi, apa yang saya hendak sebut di sini ialah supaya kita sediakan penempatan untuk anak-anak yang belajar di kolej komuniti. Kebanyakan mereka ini adalah orang-orang miskin, orang yang tidak mampu. Bila mereka pergi belajar di kolej komuniti, mereka tidak ada tempat untuk menyewa dan kalau ada tempat pun mereka tidak mampu untuk membayarnya. Contohnya macam Kolej Komuniti Arau yang terletak di Tambun Tulang di kampung saya. Saya isytiharkan kepentingan saya sebab di kampung saya. Saya minta diberi perhatian kerana di tempat ini tidak ada penempatan. Jadi, banyak orang yang datang belajar itu orang daripada Kedah, Penang dan juga lain-lain lagi, kita bagilah penempatan kepada orang-orang miskin.

Keduanya adalah Butiran 040600 – Dewan Bahasa. Saya setuju dengan Yang Berhormat Rasah. Saya rasa Yang Berhormat Rasah ataupun yang sebelum ini ya yang belajar di UKM— Yang Berhormat Segamat. Dewan Bahasa sewajarnya memartabatkan bahasa Malaysia. Dewan Bahasa sepatutnya mempunyai kuat kuasa undang-undang kepada mereka yang gagal untuk melaksanakan bahasa Malaysia.

■2020

Malah Dewan Bahasa dan Pustaka patut *check* dengan anggota Kabinet sendiri, apakah bahasa yang digunakan dalam Kabinet, berapa *percent* bahasa Malaysia yang digunakan. Seolah-olah penggunaan bahasa Malaysia itu ialah penggunaan bahasa sampingan tetapi Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet sendiri lebih *comfortable* dengan izin menggunakan bahasa Inggeris.

Jadi, Menteri Kabinet sendiri kena menunjukkan contoh teladan yang baik supaya mereka sendiri melaksanakan dasar bahasa Malaysia. Contohnya Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi boleh menggunakan bahasa Malaysia dengan baik dan kadang-kadang menggunakan peribahasa yang menikam kalbu dibuatnya dan kita balas balik juga tertikam kalbu. Contohnya macam duri dalam daging, kita balas balik dengan daging dalam duri. Okey, jadi kita minta supaya Dewan Bahasa dan Pustaka diberi ruang dan peluang untuk menguatkuaskan undang-undang.

Keduanya adalah PTPTN. Saya setuju PTPTN, kita hendak Manifesto Pakatan Harapan. Tuan Pengerusi, Manifesto Pakatan Harapan ialah menghapuskan PTPTN. Jadi sekarang ini cari jalan bagaimana hendak laksanakan perkara itu sebab ini janji. Kena fikir bahawa apabila kita pegang jawatan sebagai Menteri, ini adalah amanah.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Arau, minta laluan Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Amanah ialah untuk tunaikan janji. Hapuskan PTPTN.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Arau, minta laluan sedikit. Ada satu *statement* daripada Pengerusi PTPTN Saudara Wan Ji yang mengatakan bahawa, *sorry* Wan Saiful, yang mengatakan bahawa pihak PTPTN berkuasa untuk memotong bayaran balik pinjaman PTPTN sedangkan orang yang sama yang buat draf Manifesto Pakatan Harapan yang mengatakan bahawa RM4,000 baru *start* bayar pinjaman PTPTN. Apa komen Yang Berhormat Arau?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, itu masuk dalam ucapan saya dan sekali lagi saya sebut bahawa...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Arau, sedikit...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa sudah tamat Yang Berhormat Arau. Sila menggulung.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Arau, sedikit sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Dahulu, apabila Barisan Nasional memperkenalkan PTPTN kita tidaklah teruk sangat. Akan tetapi sekarang semakin bertambah teruk pengurusannya. Sekarang saya tidak mahu cakap-cakap pengurusan lagi. Saya minta supaya PTPTN dihapuskan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Arau...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, silakan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya difahamkan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dia ada di dalam Dewan ini ada buat kenyataan hari ini bahawa majikan tiada hak untuk memotong potongan itu untuk PTPTN kecuali atas kebenaran pekerja. Apa pandangan Yang Berhormat Arau?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, saya setuju dengan Menteri ini. Bagus Menteri ini, bagus tetapi potong-potong tidak perlu lagi. Kita hapuskan. Ini janji. Janji besar, kenapa Barisan Nasional kalah? Ini kerana PTPTN kita tidak hapuskan dan Pakatan Harapan menang kerana hendak hapuskan PTPTN.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Boleh saya mencelah sedikit?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Boleh.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bukan itu sahaja kalah sebab yang itu. Ada banyak faktor lain yang menyebabkan Barisan Nasional kalah. Hendak tahu kah?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, saya tahu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Jelutong dia bagi celah kerana masa dia sudah tamat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kakanda, kakanda, saya adinda kakanda.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, ya 1MDB, Dato' Najib, macam-macam. Akan tetapi salah satu daripadanya ialah kerana PTPTN. Orang muda telah kalih untuk menyokong Pakatan Harapan. Sekarang ini kita menghormati kemenangan Pakatan Harapan. Hapuskan PTPTN. Dengan itu saya percaya, rakyat akan bertambah gembira. Kalau Yang Berhormat tidak hapuskan, Yang Berhormat percayalah *insya-Allah* dengan izin Allah, Yang Berhormat akan tewas dalam pilihan raya akan datang. Hapuskan serta-merta untuk membolehkan Yang Berhormat berkuasa sedikit lagi. Kalau tidak, tidak ada ruang untuk berkuasa. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Lain kali jangan bagi duri dalam daging. Sila hantar harum manis.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya akan hantar lima kotak kepada Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tampin. Selepas itu Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Kra]:** Kuala Krai.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar. Jangan lupa Papar.

#### **8.24 mlm.**

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi membenarkan saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Saya hanya menyentuh beberapa butiran sahaja. Butiran pertama ialah 010400 Pengurusan Sumber Manusia di mana perbelanjaan kita lihat berkurangan sedangkan perancangan daripada kementerian yang hendak mewujudkan pembantu guru dan apakah peruntukan itu mencukupi ataupun tidak.

Dengan kewujudan jawatan pembantu guru itu, apakah peruntukan itu masih berkurangan dan juga saya ingin bertanya, apakah bentuk jawatan pembantu guru yang akan diwujudkan. Apakah jawatan tetap ataupun jawatan sementara.

Perkara yang kedua saya hendak sentuh ialah 040100 yakni Bahan Pengajaran dan Pembelajaran. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah kita pada hari ini telah memenuhi tahap pendidikan semasa ataupun lebih canggih daripada itu atau masih pada tahap yang lama. Bagaimana kementerian hendak mengagihkan peruntukan yang sejumlah itu mengikut keperluan keutamaan di sekolah-sekolah ataupun di institusi pengajian tinggi.

Perkara yang ketiga yang saya hendak sentuh ialah 083100 sekolah transformasi di mana peruntukan yang diberikan dikurangkan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah strategi kementerian untuk memastikan sekolah transformasi ini dapat dicapai dan apakah kementerian berhasrat untuk mewujudkan ataupun untuk menjadikan semua sekolah di negara ini sebagai sekolah transformasi. Kalau ya, bila ia akan dilaksanakan dan bagaimana ia hendak dilaksanakan ataupun hendak dicapai.

Perkara yang keempat yang saya hendak sentuh ialah 083900 yakni Penyelaras Emolumen dan Kenaikan Pangkat Pendidik Pendidikan Tinggi. Tahun 2018 tidak ada peruntukan dan pada tahun 2019 berjumlah RM40 juta. Bagaimana kenaikan pangkat di kalangan pensyarah dilakukan. Apakah ia mengikut kriteria yang telah diperuntukkan.

Saya dapat maklumat, terdapat kenaikan pangkat di kalangan kakitangan akademik tidak mengikut kriteria yang telah ditentukan. Saya ingin bertanya juga, apakah kementerian bersedia menerima pakai kenaikan pangkat di kalangan kakitangan akademik berdasarkan *time-based* kerana telah banyak jabatan ataupun kementerian meletakkan kriteria tersebut salah satu di antara kriteria kenaikan pangkat. Sedangkan untuk menjadi pensyarah ataupun pengajar di universiti, mereka perlu melanjutkan pelajaran sehingga sampai ke peringkat doktor falsafah.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

Perkara yang kelima yang saya hendak sentuh ialah 050100 yakni Penyelidikan Fundamental. Peruntukannya meningkat daripada RM347 juta kepada RM425 juta. Saya ucapkan tahniah kepada peruntukan sejumlah itu. Namun saya yakin peruntukan ini belum cukup sebab penyelidikan amat penting di dalam pembangunan negara.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapakah peruntukan yang akan diberikan kepada setiap universiti yang ada di negara ini dan apakah yang menjadi fokus kementerian di dalam menentukan bidang penyelidikan yang akan dilakukan pada tahun 2019.

Akhirnya, berapakah jumlah setiap penyelidikan FRGS *Fundamental Research* diperuntukkan sebab sejak kebelakangan ini peruntukan yang diberikan kadang-kadang tidak mencukupi mengikut bidang yang dilakukan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pontian. Silakan.

### **8.28 mlm.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Perbelanjaan keseluruhan RM60.2 bilion. Kementerian Pendidikan ini terlalu besar. Belanja besar, tanggungjawab besar. Jumlah sekolah Tuan Pengerusi lebih 10,000; guru lebih 400,000; murid lebih 500,000; ada 20 universiti awam, ratusan universiti swasta.

Saya ingin mencadangkan agar kementerian ini dibahagi dua iaitu kembali kepada Kementerian Pendidikan Rendah Menengah dan Kementerian Pengajian Tinggi. RM60.2 bilion ini dibahagi dengan 314.5 bilion, 19 peratus daripada keseluruhan bajet negara. 26 kementerian yang ada di Malaysia ini, 25 lagi kementerian dapat 81 peratus daripada bajet. Purata 3.2 peratus satu kementerian. Kementerian Pendidikan 19 peratus kalau kita lihat ada menteri-menteri di sini.

Menteri di JPM cuma RM7.39 bilion, Kementerian Perdagangan dan Antarabangsa baru keluar cuma RM1.6 bilion, Kementerian Tenaga Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yang Berhormat Bakri cuma RM1.6 bilion.

### **■2030**

Saya sebut yang ada di sinilah, Kementerian Sumber Manusia cuma RM1.3 bilion. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Timbalan Menteri, cuma RM2.3 bilion. Kementerian ini Tuan Pengerusi RM60.2 bilion, 19 peratus. Kalau tidak setuju dengan–diadakan Kementerian Pendidikan Tinggi, saya ingin mencadangkan agar ada dua Menteri untuk kementerian ini. Satu Menteri Pendidikan I. Kedua ialah Menteri Pendidikan II. Menteri Pendidikan II boleh Yang Berhormat Jeli belakang sana itu.

**Tuan Pengerusi: [Ketawa]**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya rasa ramai yang setuju. Jadi Menteri Pendidikan I jaga RM30.1 bilion, Menteri Pendidikan II jaga RM30.1 bilion. Berjumlah RM60.2 bilion. Menteri-menteri lain cuma 3.2 peratus, RM30.1 bilion ini 9.5 peratus daripada keseluruhan bajet. Menteri-menteri lain cuma 3.2 peratus tetapi kalau dipecahkan dua Menteri pun, satu Menteri masih lagi jaga 9.5 peratus. Bukan saya tidak percaya kepada Yang Berhormat

Simpang Renggam, dia jiran saya Pontian. Akan tetapi untuk keadilan dan tugas tanggungjawab, saya ingin mengesyorkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tambah lagi satu Menteri untuk Kementerian Pendidikan.

Perkara kedua, Operasi Pendidikan Tinggi, RM8.28 bilion. Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam Dewan Rakyat sebut bahawa cawangan parti politik boleh ditubuhkan di semua universiti bila Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) dipinda. Dua hari selepas itu pada 1 November 2018, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut bahawa beliau tidak setuju dengan cadangan itu. Ini adalah satu cadangan yang memalukan daripada seorang Yang Berhormat Menteri, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak setuju. Apakah status cadangan ini sekarang? Adakah Yang Berhormat Menteri Pendidikan berbincang terlebih dahulu dalam Mesyuarat Kabinet...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** ...sebelum mengumumkan sesuatu dasar.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Boleh minta laluan?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tidak. Dewan Bahasa dan Pustaka...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dahulu Menteri-menteri bersekongkol menipu itu, okey?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Nombor tiga...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jelutong, sila duduk.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Butiran 040600 – Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), RM60 juta. Penghakisan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan berlaku baru-baru ini untuk beberapa papan tanda di Shah Alam hingga Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menitahkan agar diturunkan. Saya ingin mencadangkan agar Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), perlu memastikan penguasaan penggunaan Bahasa Kebangsaan termasuk dalam papan tanda iklan di seluruh negara termasuklah sekarang ini yang terlalu banyak menggunakan bahasa Inggeris.

Keempat, Butiran 080200 – Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), RM137 juta. Ianya perlu jelas segala urusan rasmi kerajaan dalam bentuk siaran, tulisan, lisan, media sosial mesti menggunakan BM. Beberapa kejadian berlaku sejak era Pakatan Harapan ini perlu dijadikan sempadan. Ketika yang sama, BI terutama di sekolah-sekolah luar bandar perlu dikukuhkan. Jika pelajar desa dapat UPSR 5A 1B, yang 'B' itu Bahasa Inggeris Tuan Pengerusi.

Jika SPM dapat 9A 1B, yang 'B' itu juga Bahasa Inggeris. Ia semacam satu trend yang merata di luar bandar dan trend ini mesti dihentikan. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah langkah-langkah yang akan dilakukan untuk memastikan BI di luar bandar? Bagaimana pula penguasaan BM di sekolah-sekolah swasta terutama di 60 sekolah swasta Cina?

Terakhir Tuan Pengerusi. Saya mencadangkan bahawa untuk Butiran 040300 – Pembangunan Kurikulum, RM24.9 juta subjek keusahawanan perlu ada. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab lapan sekolah teknik diajar kursus perdagangan. Sebanyak lapan Tuan Pengerusi. Sekolah di Malaysia ini ada 10,000, lapan sahaja. Macam mana hendak mempertahankan apa yang kitakehendaki *entrepreneurial nation*, kata era Barisan Nasional dahulu.

Era sekarang ini *entrepreneurial state*, lebih kurang samalah itu. Kalau kita tidak mengajar kurikulum keusahawanan ini untuk anak-anak kita di sekolah, perubahan sikap terhadap sistem nilai elok dimantapkan dalam kurikulum, sejarah wajar diajar dalam sekolah-sekolah swasta termasuk 60 *Chinese Independence School*, bukan sejarah 1MDB sebagaimana yang jadi kontroversi baru-baru ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Setiu, silakan Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai selepas ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Setiu dahulu.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sibuti juga.

### 8.34 mlm.

**Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri peluang kepada saya untuk membahaskan bajet peringkat Kementerian Pendidikan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Pertama, saya ingin sentuh mengenai Butiran 090000 – *One-Off*. Di dalam bajet ini disebut dalam bab *one-off* ini berkait dengan peruntukan harta modal sektor pendidikan yang ditambahkan. Di mana pada Bajet 2018, RM22.42 juta dan untuk Bajet 2019 sejumlah RM50 juta. Persoalan saya, di manakah peruntukan untuk bantuan baucar buku yang bernilai RM250? Di mana pada masa kerajaan yang lalu, bantuan baucar buku ini telah memanfaatkan seramai 1.2 juta orang pelajar.

Dalam satu *statement* yang diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan semasa Konvokesyen Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 10 November, beliau menyebut bahawa telah diputuskan dalam Mesyuarat Kabinet pada 9 November berkenaan dengan persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan untuk meneruskan bantuan baucar buku ini. Soalan saya, dalam peruntukan manakah bantuan baucar buku ini? Hal ini kerana tidak disebut dalam tajuk *one-off* ini.

Butiran yang kedua 083800 – Biasiswa Pendidikan Tinggi. Sekali lagi saya sebut sebagaimana celahan saya semasa perbahasan oleh Yang Berhormat Arau tadi. Saya cukup kesal dengan *statement* yang dikeluarkan oleh Pengurus PTPTN Wan Saiful Wan Jan yang seolah-olah mengugut para peminjam dengan mengatakan bahawa PTPTN berhak untuk melaksanakan skim potongan gaji di mana para mahasiswa ini tidak hendak bayar sekarang

bukan kerana tidak mahu bayar tetapi kerana menuntut janji daripada Manifesto Pakatan Harapan yang juga drafnya dibuat oleh Pengerusi PTPTN ini.

Bagi menggalakkan graduan ijazah menyambung pelajaran ke peringkat sarjana, kerajaan lalu menyediakan satu program yang dikenali sebagai MyBrain. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan mengeluarkan kenyataan MyBrain ini tidak akan diteruskan disebabkan tempias ekonomi susulan pelbagai faktor. Termasuk bebanan hutang dan perang perdagangan kuasa besar dunia dan akan mengaktifkan semula selepas kewangan negara kembali stabil. Persoalan saya, dalam Butiran 083800 ini ada disebut mengenai peruntukan biasiswa pendidikan tinggi sebanyak RM170 juta. Adakah RM170 juta ini termasuk apa yang kita namakan sebagai MyBrain tadi? Cuma tidak disebut sebagai MyBrain.

Ketiga, saya ingin menyentuh Butiran 060100 – Jabatan Pendidikan Tinggi. Saya ingin menyentuh mengenai wakaf pendidikan kepada pelajar berpendidikan tinggi. Kesediaan kerajaan menyediakan bantuan kewangan sama ada biasiswa, derma siswa, bantuan pelajaran dan sebagainya amatlah meringankan beban kepada para mahasiswa dalam kehidupan seharian di kampus. Namun, graduan masih dihimpit dengan bebanan hutang di awal generasi muda. Seramai 663,000 peminjam tidak pernah membayar lagi hutang PTPTN walaupun satu sen.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan tabung wakaf pendidikan tinggi bagi pelajar institusi pengajian tinggi. Konsep tabungan wakaf ini bukan bererti kita memberikan autonomi kepada universiti tetapi tabungan ini di bawah tanggungjawab kerajaan untuk disalurkan kepada semua institusi pengajian. Melalui konsep tabungan wakaf ini juga, ia dapat mengurangkan beban pelajar semasa belajar ataupun selepas belajar. Melalui hasil wakaf daripada pelbagai golongan rakyat terutama T20. Sekian Tuan Pengerusi, *[Membaca sepotong doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Pengerusi:** *Waalaikumussalam.* Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kangsar, silakan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Masjid Tanah, Masjid Tanah.

### **8.39 mlm.**

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Masjid Tanah selepas Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Jerai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**Tuan Pengerusi:** Ada, ada. Semua ada. Yang Berhormat Lembah Pantai.

### **■2040**

### **8.40 mlm.**

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut serta di peringkat Jawatankuasa Kementerian Pendidikan. Saya terus kepada Butiran

010300 – Pembangunan Infrastruktur. Yang Berhormat Menteri, antara permohonan yang paling diperlukan adalah membina dewan baharu untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Muda Musa, Kuala Kangsar di DUN Manong. Salah satu DUN yang bertaraf luar bandar di kawasan saya.

Permohonan dibuat semenjak bermulanya Rancangan Malaysia Kesebelas tetapi masih belum diluluskan Yang Berhormat Menteri. Inilah satu-satunya sekolah yang mempunyai Tingkatan 6 di dalam Parlimen saya. Begitu lama semua aktiviti sekolah di tempat terbuka tanpa bumbung. Laporan teknikal dan kos daripada JKR daerah sudah ada, saya diberitahu pembinaan ditangguhkan atas faktor kewangan. Saya mohon pertimbangan serius Yang Berhormat Menteri kerana ia adalah manifestasi pengiktirafan Yang Berhormat Menteri dan kementerian ini kepada satu-satunya sekolah yang mempunyai pelajar luar bandar yang majoritinya daripada keluarga yang susah dan miskin yang ada peringkat Tingkatan 6.

Seterusnya Butiran 01700 – Program Pembangunan Kokurikulum. Saya berpendapat kokurikulum yang ada di sekolah-sekolah tidak mencukupi kerana masih gagal menterjemahkan patriotisme dan perpaduan negara secara jelas dan menjadi pegangan pelajar-pelajar kita. Mungkin aspek ini bukan aspek kekurangan kepada kokurikulum tetapi pembinaan sikap dan kemahiran EQ iaitu *emotional intelligence* dengan izin, di kalangan pelajar yang masih rendah dan tidak menggarap realiti kemajmukan negara. Saya mohon Yang Berhormat Menteri mencari kaedah dan modul-modul yang dapat membudayakan prinsip-prinsip Rukun Negara, inti pati-inti pati Perlembagaan Persekutuan dan sikap kekitaan di kalangan pelajar.

Seterusnya Butiran 060000 – Operasi Pendidikan Tinggi dan juga Butiran 060100 – Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan. Yang Berhormat Menteri, Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) yang terletak di Parlimen saya hanya meminta geran tahunan sebanyak RM50 juta untuk perbelanjaan pengurusan dan pembangunan setahun *all-in* Yang Berhormat Menteri. Setakat ini Kerajaan Persekutuan hanya memberi RM30 juta kepada USAS. Yang Berhormat Menteri, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menimbang permintaan saya untuk USAS – sebuah universiti yang bertaraf penuh.

Geran Kerajaan Persekutuan ini amat kritikal Yang Berhormat Menteri bagi kemajuan dan perkembangan USAS. Seterusnya, universiti lain dapat lebih daripada itu, USAS hanya meminta RM80 juta setahun sebelum ini. Semua ini adalah *all-in* belanja operasi dan pembangunan fizikal sekali. Yang Berhormat Menteri, pencapaian USAS yang *vice chancellor* nya adalah Duli Yang Maha Mulia Sultan Nazrin iaitu Timbalan Yang di-Pertuan Agong kita sekarang – untuk sebuah universiti yang berusia sebeginu muda amat membanggakan.

Seterusnya, saya pergi ke Butiran 070000 – Hospital Pengajar. Butiran 070600 – Hospital Pakar Kanak-kanak. Yang Berhormat Menteri, kajian telah membuktikan kesihatan mental kanak-kanak adalah salah satu faktor yang menyebabkan penyakit fizikal kanak-kanak. Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk melihat semula modul-modul yang diajar di peringkat hospital kanak-kanak ini supaya Rawatan Psikologi dan Psikiatri Kanak-kanak dimasukkan sekali dalam modul dan pengajaran.

Butiran seterusnya Butiran 04800 – Kolej Komuniti. Yang Berhormat Menteri, Kuala Kangsar adalah sebuah bandar tumpuan pelancongan di utara Perak. Saya mohon Yang Berhormat Menteri pastikan kurikulum yang ada di dalam kolej komuniti di Kuala Kangsar mempunyai modul-modul yang ada kemahiran berdasarkan pelancongan. Ini adalah satu usaha Yang Berhormat Menteri untuk memastikan kemahiran yang dipelajari itu dapat digunakan di Kuala Kangsar dan juga menggalakkan pelajar lepasan kolej komuniti Kuala Kangsar tidak berpindah ke tempat lain, migrasi ke tempat lain untuk mencari punca rezeki.

Saya sedang mencuba sedaya mungkin untuk memastikan anak-anak muda Kuala Kangsar tidak melakukan migrasi ke bandar-bandar besar untuk mencari rezeki. Saya juga mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri dapat melihat semula semua, sebahagian modul *community college* seluruh negara menepati padanan pekerjaan di kalangan masyarakat tempatan. Ini akan menjadikan semua usaha kolej komuniti relevan dan bersesuaian dan menepati permintaan tempatan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tuan Pengerusi Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sekarang Yang Berhormat Masjid Tanah, silakan.

#### **8.44 mlm.**

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih yang saya hormati Tuan Pengerusi bagi Masjid Tanah, saya ingin menarik perhatian. Pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas keprihatinan dan juga perjuangan beliau dalam membantu sekolah-sekolah daif, jadi saya mengharapkan dengan permohonan yang telah dihantar kepada pejabat beliau iaitu Sekolah Kebangsaan Ramuan China Besar dan Sekolah Kebangsaan Ayer Limau dan juga beberapa lagi sekolah yang dalam perjalanan untuk kita mohon supaya pihak kementerian dapat melihat dan juga meneliti serta mempertimbangkan permohonan ini agar sekolah-sekolah lama yang memerlukan perhatian dan juga bantuan daripada pihak kementerian dapat dilaksanakan.

Keduanya, saya ingin menyentuh tentang Butiran 030200 – Pendidikan Rendah dan Butiran 03300 – Pendidikan Menengah yang mana berkenaan dengan pembantu guru. Adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menambah lagi bilangan pembantu guru? Daripada maklumat, kita dengar sudah ada pembantu guru ini tetapi mereka ini diletakkan di pejabat dan bukannya membantu guru tetapi membantu kerja-kerja pentadbiran dan juga lebih kepada kerja-kerja pejabat sahaja. Jadi mereka bukannya membantu guru. Saya harap pihak kementerian melihat dengan teliti tentang perkara ini kerana ia menjadi rungutan khusus untuk pendidik-pendidik yang terbeban dengan kerja-kerja mengajar mereka dan terbeban dengan kerja-kerja perkeranian ini.

Keduanya, saya ingin menyentuh tentang PTPTN. Keluhan yang dapat kita dengar daripada para peminjam yang sebelum ini konsisten dengan pembayaran semula PTPTN mereka dan mereka melaksanakan tanggungjawab mereka dengan melunaskan semula tanggungjawab dengan pinjaman mereka. Akan tetapi apabila PTPTN *come out* dengan izin, Skim Potongan Gaji

Berjadual ini telah pun menyusahkan dan menindas kepada golongan yang selama ini begitu konsisten dalam pembayaran semula pinjaman mereka. Saya percaya PTPTN mempunyai *database* dan PTPTN boleh mengasingkan siapa yang konsisten dan pembayaran siapa yang sebaliknya. PTPTN tidak boleh pukul rata sahaja mengambil kira ini dengan skim ini secara terus.

Jadi kita lihat hari ini kenaikan bayaran ansuran bulanan hampir empat kali ganda. Kita ambil contoh, jika walaupun peminjam itu bergaji RM8000, maknanya peratus potongan 15 peratus anggarannya lebih kurang RM1200 ke atas, apabila ditolak dengan cukai harga barang yang semakin mahal yang tidak turun, komitmen keluarga berapa sangat jumlah yang tinggal. Malah pembayaran PTPTN ini lebih tinggi daripada bayaran rumah, lebih tinggi daripada bayaran kereta. Jadi saya minta tolonglah, Pengerusi PTPTN, Wan Saiful belajar daripada Yang Berhormat Lenggong macam mana dia deal, berurusan dengan pelajar-pelajar ini, peminjam-peminjam ini supaya ia tidak membebankan.

Jadi seterusnya, saya ingin menarik perhatian kepada Maksud B.63, Butiran 083200 iaitu Inisiatif PPPM. Menerusi butiran ini, saya ingin menyentuh tentang pembelajaran abad ke-21, PAK21. Satu pembelajaran yang menggunakan kaedah terkini demi memastikan pelajar tidak pasif belajar di dalam kelas seperti pembelajaran *spoon-feeding*. Oleh itu, saya ingin bertanya bagaimanakah pihak kementerian melihat peruntukan yang telah disalurkan di bawah inisiatif PPPM ini mencukupi bagi menampung program seperti PAK21 dan apakah pendekatan yang dilaksanakan bagi memastikan pembangunan murid tidak terganggu dengan kekurangannya peruntukan ini?

Adakah perancangan terkini pihak kementerian terhadap program PAK21 ini memandangkan ia merupakan mekanisme yang baik bagi membantu menyediakan murid untuk menjadi lebih *assertive* dan kompeten terutama sekali dalam bidang pekerjaan kelak. Sekiranya pihak kementerian melihat inisiatif PAK21 ini tidak lagi relevan untuk dilaksanakan, apakah dasar baharu yang akan diperkenalkan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan?

Seterusnya bagi B.63 iaitu Butiran 081500 – Bantuan Pakaian Seragam Badan Beruniform yang mana merupakan keperluan untuk mereka – keluarga yang kurang berkemampuan, begitu juga dengan kawasan saya. Jadi, saya harap sekiranya ada bantuan sedemikian bagaimanakah boleh disalurkan untuk Parlimen saya dan juga Parlimen sahabat-sahabat lain yang memerlukan.

Seterusnya untuk – yang saya hendak *landing*, saya sudah hendak habis ini Tuan Pengerusi. Bagi Butiran 080200 bagi memartabatkan Bahasa Malaysia, memperkuatkannya Bahasa Inggeris, apakah bentuk program atau aktiviti yang sedang dirangka oleh pihak kementerian untuk memperkasakan MBMMBI ini seluruh sekolah rendah dan menengah di kawasan luar bandar khususnya.

#### ■2050

Dengan penurunan peruntukan ini, apakah pendekatan yang akan dapat dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi memastikan MBMMBI ini dapat menghasilkan impak yang kolektif dan juga komprehensif terhadap pembangunan para pelajar di negara kita ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Sekarang Yang Berhormat Pengkalan Chepa, silakan.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa tidak ada?

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada. Saya ikut senarai lah ya.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Lanang dulu, Yang Berhormat Lanang. Silakan. Yang Berhormat Lanang. *[Ketawa]*

#### **8.50 mlm.**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak dengan peruntukan RM148 juta. Pada tahun 2018, RM500 juta telah diperuntukkan untuk membaik pulih 116 buah sekolah daif di Sarawak. Sebelum ini saya telah meminta Kementerian Pendidikan supaya memberi satu senarai perbelanjaan yang telah digunakan untuk membaiki atau membina semula setiap buah sekolah daif ini.

Saya telah menerima jawapan bertulis yang menyatakan pelaksanaan projek dibuat secara berpakej berdasarkan keperluan mengikut keadaan fizikal sekolah yang dikemukakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Sekali lagi saya ingin minta supaya satu senarai nama 116 buah sekolah daif itu yang telah dibaiki atau dibina semula sekiranya pecahan perbelanjaan tidak dapat diberikan. Saya ingin tahu peruntukan RM148 juta ini, berapakah yang akan disalurkan kepada negeri Sarawak pada tahun 2019 dan juga sekolah daif yang akan dibangunkan dengan peruntukan tersebut.

Selain itu, saya juga ingin tahu berapa buah sekolah di kawasan Lanang yang dikategorikan sebagai sekolah daif. Saya juga ingin tanya yang RM500 juta peruntukan tahun ini terletak di Butiran mana satu kerana di bawah Butiran 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak anggaran 2018 adalah RM62.1 juta sahaja dan bukan RM500 juta untuk Sarawak serta RM500 juta untuk Sabah iaitu RM1 bilion.

Seterusnya saya merujuk kepada Butiran 00102 – Rendah Akademik yang diperuntukkan RM294.9 juta. Saya menerima banyak beberapa permohonan daripada sekolah-sekolah rendah untuk membina dewan serbaguna di sekolah-sekolah mereka. Jadi saya ingin tanya sama ada kerajaan menyediakan peruntukan untuk permohonan ini dan bagaimanakah pihak sekolah boleh membuat permohonan tersebut.

Seterusnya Butiran 030000 – Operasi Pendidikan berjumlah RM36.6 bilion dan juga Butiran 010400 – Pengurusan Sumber Manusia daripada RM160 juta diturunkan kepada RM146 juta. Saya dimaklumkan bahawa penempatan guru di dalam negeri Sarawak adalah di bawah kuasa Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Jadi saya ingin tahu, sama ada wujud polisi yang akan memberi keutamaan kepada guru wanita yang hamil ditempatkan di kawasan bandar daripada ditempatkan di kawasan di luar bandar.

Seterusnya Butiran 070000 – Hospital Pengajar yang diperuntukkan RM1.26 bilion dan juga Butiran 070600 – Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK) daripada kosong kepada RM30 juta. Saya ingin tahu di mana terletaknya Hospital Pakar Kanak-kanak ini dan di bawah Butiran 070000 – Hospital Pengajar tiada Hospital Pengajar di Sarawak. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya Hospital Pengajar di Bera di Sarawak dengan mungkin kita boleh bagi Hospital Pakar Onkologi di Sarawak.

Seterusnya Butiran 083700 – Ubat-ubatan Hospital Pengajar dengan peruntukan RM61 juta. Saya ingin mencadangkan supaya ubat-ubatan peruntukan ini perlu diletakkan di bawah Kementerian Kesihatan kerana ia libatkan ubat-ubatan.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada Butiran 081400 – Rancangan Makanan Tambahan berjumlah RM289 juta dan Butiran 081900 – Bantuan Makanan Prasekolah iaitu berjumlah RM90 juta kepada RM80 juta. Bantuan makanan prasekolah juga diberikan sama ada diberikan kepada pelajar sekolah rendah. Saya dimaklumkan bahawa bantuan makanan ini hanya ada diberikan kepada pelajar sekolah rendah, tetapi tiada yang diberikan kepada pelajar di sekolah menengah. Jadi saya nak tahu sama ada bantuan makanan juga boleh disalurkan kepada pelajar sekolah menengah. Ini kerana mereka yang benar-benar memerlukan bantuan makanan ini juga akan masuk sekolah menengah selepas enam tahun di sekolah rendah.

Butiran 00101 – Pendidikan Prasekolah dengan peruntukan RM5.647 juta. Saya ingin tahu sama ada peruntukan akan disalurkan kepada tadika-tadika persendirian memandangkan ia juga merupakan pendidikan prasekolah untuk anak Malaysia sebelum mereka masuk sekolah rendah.

Butiran terakhir 01700 – Program Pembangunan Kokurikulum berjumlah RM3.2 juta dan Butiran 03400 – Program Pembangunan Sukan dengan peruntukan RM4.37 juta. Adakah aktiviti berenang terletak di bawah program pembangunan kokurikulum atau program pembangunan sukan? Saya minta penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Seterusnya Yang Berhormat Kuala Krai, silakan.

#### **8.56 mlm.**

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Pendidikan. Saya merujuk kepada Butiran 030000 – Operasi Pendidikan. Penghapusan audit Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) sebaik Yang Berhormat Menteri dilantik sebenarnya adalah satu langkah yang baik. Walaupun sistem ini ternyata mempunyai beberapa sisi yang baik, namun penambahan bebanan tugas ke atas pundak guru menjadikan matlamat asal guru iaitu mengajar adalah tersasar.

Berkait dengan butiran yang sama saya ingin mengemukakan persoalan tentang penghapusan LINUS yang diumumkan. Walaupun langkah ini diterima oleh kebanyakan guru,

adakah satu kajian yang komprehensif telah dibuat? Ini kerana program LINUS ini sebenarnya banyak membantu pelajar yang tidak boleh membaca dan mengira. Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh pihak kementerian untuk menggantikan sistem ini?

Pihak kementerian juga memperkenalkan sistem Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan) untuk tahun mendatang. Saya difahamkan pelajar Darjah Satu pada tahun hadapan tidak lagi disaring untuk menentukan tahap dan kelas. Adakah perkara ini tidak akan menjadi beban kepada guru kerana tahap pembelajaran di kalangan pelajar yang bercampur ini akan menjadi lebih sukar? Saya tertanya-tanya adakah pengenalan-pengenalan sistem yang baharu ini akan menjadikan murid-murid kita adalah tikus makmal bermakna pernah disebut oleh Yang Berhormat Menteri suatu ketika dahulu yang akhirnya tidak memberi faedah selain daripada kepentingan politik ataupun kepentingan pihak berkenaan.

Perkara yang sama Tuan Penggerusi iaitu pihak saya telah menemu bual beberapa warga pendidik di sekolah bagi mengetahui sejauh mana seriusnya masalah dadah di sekolah. Saya difahamkan bahawa pihak sekolah sengaja dan terpaksa membuat laporan palsu kepada pihak kementerian permasalahan dadah di sekolah kerana bimbang Pengetua ataupun Guru Besar dan sekolah berkenaan mendapat implikasi buruk jika laporan sebenar diangkat.

Soalan saya, berapakah jumlah pelajar yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah yang telah dilaporkan oleh pihak sekolah kepada kementerian? Apakah pula anggaran sebenar oleh pihak kementerian? Bagaimanakah kaedah pihak kementerian bagi memastikan jumlah sebenar kes dadah di sekolah dapat diperolehi dengan tepat dan seterusnya membolehkan penyelesaian yang lebih berkesan dapat dibuat?

Dalam butiran yang sama Tuan Penggerusi, saya ingin merujuk kepada isu guru duka lara. Isu ini merupakan isu yang sangat penting. Di sini saya membawa satu contoh kes seorang guru yang mengajar di Petaling Jaya selama beberapa tahun dan ingin bersama suami yang bekerja di Melaka. Saya difahamkan untuk bertukar ke Melaka bukan suatu masalah. Namun, permohonannya telah berkali-kali ditolak.

Isu yang kedua seorang guru yang bertugas di Selangor dan ingin bersama suami di Kelantan. Walaupun mungkin ada masalah untuk bertukar ke Kelantan, tetapi mungkin boleh difikirkan bertugas ke kawasan berdekatan seperti Besut ataupun sebagainya. Akhirnya guru ini mengalami trauma dan sedang dalam proses permohonan untuk meletakkan jawatan. Saya harap pihak kementerian dapat meletakkan permasalahan ini adalah permasalahan terpenting pihak kementerian agar ia tidak lagi menjadi igauan kepada guru-guru duka lara ini.

Perkara yang ke seterusnya Tuan Penggerusi iaitu Butiran 060000 – Operasi Pendidikan Tinggi. Saya mengucap syabas kepada pihak Yang Berhormat Menteri yang membenarkan Ahli Parlimen Marang khususnya ke UIA beberapa hari lepas. Ini adalah satu perkembangan yang sangat positif. Ternyata kekangan yang dibuat oleh pemerintah terdahulu adalah omongan kosong yang jelas memperlihatkan ketidakprofesionalan dalam tindakan.

Saya ingin memanjangkan perkara ini untuk pihak Yang Berhormat Menteri juga membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari kalangan pembangkang dalam perkara yang sama

untuk ke sekolah. Sebagai seorang wakil rakyat, adalah menjadi keperluan untuk hadir bersama ke sekolah dalam bersama membantu menangani permasalahan di sekolah di kawasan masing-masing. Malaysia Baharu harus lebih terbuka dan bijak.

**■2100**

Dalam butiran yang sama Tuan Penggerusi, saya ingin menyentuh tentang isu PTPTN. Semalam pihak PTPTN mengumumkan pembayaran balik berdasarkan tangga gaji. Soalan saya ialah adakah pengumuman ini memberi makna perjanjian sebelumnya terbatal? Adakah peminjam-peminjam ini terpaksa menggunakan kaedah yang baharu diumumkan? Seperti yang diketahui, pendidikan percuma bukanlah sesuatu yang asing.

Saya belajar di Iraq pada tahun 1990-an dahulu iaitu ketika Perang Teluk sedang memuncak, masih diberikan pendidikan percuma kepada pelajar asing pun. Selain belajar secara percuma, asrama, malah diberikan kupon setiap bulan untuk mendapatkan bahan mentah makanan secara percuma. Dalam kenyataan Yang Berhormat Menteri sebelum ini iaitu pada tahun 2012 berkaitan pendidikan percuma di Morocco yang menarik perhatian beliau ketika itu walaupun Morocco tidak sekaya Malaysia, bahkan pelajar Malaysia pun menikmati pendidikan percuma.

Pengenalan sistem baharu ini ternyata sangat menyusahkan. Pihak PTPTN dilihat sebagai jerung yang hanya sedang bersedia membaham mangsa tanpa mengira kedudukan kewangan semasa para peminjam. Saya mencadangkan pihak kementerian mengkaji perkara ini dengan lebih mendalam. Saya juga yakin kerajaan baharu ini disokong oleh golongan muda kerana dijanjikan sesuatu yang mulus tentang PTPTN ini, akhirnya mereka terpedaya.

Terakhir Tuan Penggerusi iaitu Butiran 060300 – Universiti Malaya (UM). Dalam usaha kerajaan untuk membolehkan universiti awam memiliki sumber pendapatan sendiri, sudah tentu perbelanjaan berhemah adalah satu cara untuk memastikan perbelanjaan daripada sumber tersebut dapat memberi manfaat yang lebih meluas.

Soalan saya, adakah kerajaan menyedari bahawa terdapat sebuah universiti awam membayar gaji Naib Canselornya dengan sangat tinggi yang saya difahamkan melebihi gaji menteri sendiri. Mungkin lebih daripada RM50,000. Sedangkan pengajian di sektor awam adalah tertakluk kepada garis panduan kerajaan. Adakah Naib Canselor tersebut telah berjaya menjana pendapatan yang amat besar kepada universiti berkenaan sehingga sanggup membayar gaji yang tinggi?

Itu sahaja Tuan Penggerusi. Terima kasih, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Penggerusi:** *Waalaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Mengikut jadual, Yang Berhormat Menteri harus menjawab pada pukul 9.30 malam. Sekarang kita masih ada sembilan orang pembahas. Jadi, dukacita saya kena kurangkan ke tiga minit. Tiga minit memadai. Yang Berhormat Parit, silakan.

**9.02 mlm.**

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih Tuan Pengurus memberikan ruang kepada saya. Saya akan menyentuh beberapa butiran sahaja.

Pertama, Butiran 030100 – Pendidikan Awal. Pendidikan awal kanak-kanak adalah penting sebagai persediaan kanak-kanak sebelum melangkah ke alam sekolah rendah. Oleh itu, bagi mendapatkan kualiti pendidikan awal kanak-kanak, kerajaan seharusnya menyediakan suasana serta kawasan pembelajaran yang berkualiti dan selamat. Namun, apa yang menjadi kebimbangan serta kerisauan saya, terdapat beberapa bangunan prasekolah yang dikatakan tidak selamat dan perlukan penambahbaikan.

Kita tidak mahu perkara yang buruk berlaku sekiranya keadaan ini tidak diberikan perhatian yang serius oleh kementerian. Saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah usaha yang telah dijalankan oleh kementerian bagi membaik pulih bangunan prasekolah yang dikatakan tidak selamat oleh Jabatan Kerja Raya (JKR)? Adakah kerajaan telah menyediakan peruntukan khusus bagi penambahbaikan bangunan prasekolah ini?

Kedua, Butiran 030200 – Pendidikan Rendah dan Butiran 030300 – Pendidikan Menengah. Seri Iskandar merupakan kawasan yang begitu padat dan saya hendak tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, kerana ada dua buah sekolah yang memerlukan kepada di Seri Iskandar. Ini kerana Sekolah Kebangsaan Iskandar Perdana itu telah pun begitu padat dan ia mengalami dua sesi pembelajaran iaitu pagi dan petang. Satu lagi iaitu Sekolah Menengah Seri Iskandar juga begitu padat.

Oleh sebab kepadatan dua buah sekolah tersebut, rendah dan menengah, ramai anak yang belajar baik di sekolah rendah maupun menengah, mereka terpaksa pergi ke sekolah yang lain termasuk juga di Sekolah Menengah Dato' Abdul Rahman Yaakub, Bota Kanan. Begitu juga di tempat-tempat yang lain. Jadi saya hendak bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, adakah rancangan untuk membina dua buah sekolah iaitu sekolah rendah dan juga sekolah menengah khususnya di kawasan Seri Iskandar yang begitu padat?

Seterusnya ialah Butiran 010300 – Pembangunan Infrastruktur. Kita sedia maklum bahawa pejabat merupakan salah satu daripada tempat untuk kita menjalankan suatu proses ataupun sebagai enjin, apatah lagi Pejabat Pendidikan Daerah. Untuk makluman Tuan Pengurus, Pejabat Pendidikan Daerah Perak Tengah begitu sempit dan saya mohon supaya Pejabat Pendidikan Daerah Perak Tengah ini yang ada di kawasan Seri Iskandar dapat dibina baru dan tapak sebenarnya telah pun sedia ada.

Ini bagi memastikan keselesaan khususnya pentadbir, khususnya yang berada di Pejabat Pendidikan Daerah Perak Tengah. Jadi, harapan saya supaya dua buah sekolah dapat dibina di kawasan Perak Tengah khususnya di Seri Iskandar. Termasuk juga saya minta supaya kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri dapat memikirkan untuk di kawasan saya diwujudkan sekolah berasrama penuh kerana kita tidak ada sekolah berasrama penuh di kawasan Perak Tengah. Jadi justeru itu, saya mengharapkan supaya ada pertimbangan tertentu khususnya di kawasan saya. Terima kasih Tuan Pengurus.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Parit. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bandar Kuching.

#### 9.06 mlm.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan cepat-cepat.

Butiran 01300 – Pendidikan Khas. Saya menyambut baik peningkatan peruntukan ini. Jadi, kita haruslah menangani masalah utama yang dihadapi iaitu kekurangan guru yang terlatih. Jadi, peruntukan harus disalurkan untuk melatih guru-guru tersebut. Di kawasan Bandar Kuching, ada sekolah SJK(C) Bintawa di mana ia satu-satunya sekolah yang menawarkan pendidikan kelas Cina.

Jadi, saya ingin minta jika peruntukan tersebut dapat digunakan untuk membina sebuah dapur yang boleh digunakan untuk mengajar pelajar-pelajar *live skills* di sekolah tersebut. Di SK Batu Lintang juga ada kelas pendidikan khas yang mereka sekarang gunakan satu blok di mana diubahsuai dari tandas. Jadi, bloknya tidak berapa baik. Saya minta agar peruntukan digunakan untuk menambah baik blok tersebut.

Butiran 00202 – Sekolah Sukan. Kita tahu mutu sukan dan kualiti atlet yang dilahirkan di Sarawak memang tinggi. Kita ada atlet seperti Pandelela Renong. Namun begitu, satu-satunya sekolah sukan di Sarawak iaitu SMK Tabuan Jaya memang dalam keadaan yang ketinggalan dan perlukan penambahbaikan. Saya meminta peruntukan digunakan untuk menambah baik asrama, peralatan sukan dan bangunan yang sedia ada dalam sekolah sukan tersebut.

Butiran 03400 – Program Pembangunan Sukan dan Butiran 082700 – Pengurusan Sukan. Sekali lagi kita tahu kualiti dan potensi atlet di Sarawak. Saya ingin meminta agar lebih banyak program dijalankan di Sarawak terutamanya di kawasan pedalaman kerana ini akan memberikan satu aktiviti yang berfaedah kepada pemuda-pemudi dan pelajar-pelajar supaya mereka tidak terjebak kepada masalah sosial yang lain.

Butiran 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak. Saya ingin meminta secara terperinci bagaimana peruntukan ini akan digunakan terutamanya di negeri Sarawak. Seperti yang kita tahu, sekolah daif adalah satu masalah yang besar di Sarawak. Jadi, ini masalah yang kronik. Saya harap kerajaan ini dapat melakukan apa yang kerajaan terdahulu tidak dapat melakukan dan selesaikan masalah ini.

Butiran 082100 – Pembelian Buku Teks. Saya meneliti ada satu penurunan dalam butiran tersebut. Jadi, saya ingin menanya penjelasan tentang penurunan ini. Adakah ini disebabkan oleh pelan kementerian untuk *digitalize*, dengan izin buku-buku teks yang ada? Saya juga ingin bertanya, berapakah kos yang dianggarkan untuk proses *digitalization* buku teks ini kepada format PDF?

Butiran 00800 – Rumah Guru dan Butiran 00900 – Asrama. Ini satu ada peningkatan yang tinggi. Saya menyambut baik peningkatan tersebut. Saya ingin sekali lagi meminta jika peruntukan ini dapat disalurkan untuk memperbaiki asrama-asrama serta rumah guru yang ada

di Sarawak yang banyaknya daif seperti reban ayam. Ada yang tidak ada katil, yang ada katil tidak ada bantal. Jadi, saya harap peruntukan ini dapat digunakan dan disalurkan ke negeri Sarawak. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Batu Kawan. Silakan.

#### **9.09 mlm.**

**Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mulakan dengan Butiran 00101 – Pendidikan Prasekolah, di mana RM5.6 juta diperuntukkan.

#### **■2110**

Saya difahamkan daripada *feedback* ibu bapa bahawa pendidikan pra sekolah bagi sekolah Tamil belum lagi diberi kebenaran daripada Kementerian Pendidikan. Maka 50 tadika pra sekolah kini bersedia untuk beroperasi dan masih menunggu kebenaran daripada kementerian. Oleh hal demikian, saya ingin tahu bilakah kementerian pendidikan akan memberikan kebenaran untuk 50 operator pra sekolah untuk sekolah Tamil ini untuk beroperasi.

Saya merujuk kepada Butiran 081800 – Kelas Dewasa Orang Asli Penan. Saya perhatikan dalam butiran-butiran lain tidak ada lagi *mention* Orang Asli melainkan dalam butiran ini. Maka saya ingin bertanya apakah penggubalan dalam dasar ataupun pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak Orang Asli? Adakah ia mengikut apa yang berlaku di 70-an di mana kluster-kluster sekolah wujud di perkampungan atau kem-kem, pos-pos Orang Asli berbanding dengan apa yang berlaku sekarang, sekolah asrama dan kita tahu tragedi yang berlaku tiga tahun lepas di mana tujuh kanak-kanak hilang dan mereka mati, lari daripada asrama mereka itu.

Jadi saya mintalah mungkin kementerian menitikberatkan kepentingan untuk sekolah-sekolah kluster ini. Satu sekolah dalam kawasan untuk tiga pos ataupun dua pos.

Seterusnya, saya merujuk kepada Butiran 082900 – Program Sekolah Amanah. Saya ingin tahu apakah Program Sekolah Amanah ini? Berapakah sekolah di kawasan Parlimen Batu Kawan yang dikategorikan di bawah Program Sekolah Amanah ini?

Seterusnya, saya merujuk Butiran 00601 – Universiti Malaya (UM). Peruntukan bagi Universiti Malaya yang merupakan alma mater saya, saya lihat di sini banyak universiti yang lain; UKM mendapat peruntukan RM238 juta, UPM RM101 juta tapi UM universiti yang paling tua di Malaysia dan terunggul hanya mendapat RM10 juta sahaja.

Jadi saya ingin tahu apakah justifikasi RM10 juta ini dan adakah kementerian ada rancangan untuk menaikkan peruntukan tersebut?

Pada masa yang sama saya juga ingin merujuk kepada Butiran 082200 – Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan (BBPT). Bagaimana peruntukan ini diagihkan? Apakah sistem yang diguna pakai? Apakah mekanisme? Berapakah sekolah di kawasan Parlimen Batu Kawan ini yang mendapat manfaat daripada bantuan bayaran tambahan persekolahan? Juga bilangan pelajar yang mendapat manfaat daripada bantuan ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Batu Kawan. Seterusnya, Yang Berhormat Hulu Terengganu, silakan Yang Berhormat.

### 9.13 mlm.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya. Saya terus kepada Butiran 010400 – Pengurusan Sumber Manusia. Persoalan saya ialah berkaitan dengan warden-warden di asrama yang mana sungutan daripada mereka, mereka mendapat elaun yang berkurangan berbanding dengan elaun perumahan. Di mana apabila mereka menjadi warden mereka dikecualikan daripada elaun perumahan. Sedangkan tugas warden itu satu tugas yang berat. Jadi pohon kementerian mengkaji balik elaun tersebut.

Kedua, bagaimana janji kementerian untuk melantik pembantu guru kepada guru-guru yang mengajar?

Ketiganya, memohon supaya pihak kerajaan mengkaji balik apa yang dikatakan elaun basikal kerana sekarang ini orang sudah tidak guna basikal. Jadi pohon Menteri kaji balik.

Kemudian yang keempatnya elaun kerani kewangan yang sejak dulu RM40 perlu dikaji semula.

Kemudian berkaitan dengan elaun Ketua Bidang untuk sekolah B ini juga tidak diwujudkan. Mohon diwujudkan semula.

Kemudian saya merujuk kepada Butiran 040600 – Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang mana dalam memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Persoalan saya ialah peruntukan kerajaan pada SMPC yang saya rasa SMPC adalah sekolah yang tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Mohon kerajaan menjawab hal tersebut.

Kemudian Butiran 050100 – Latihan Pra Perkhidmatan. Isu yang ketara di Hulu Terengganu dan negeri-negeri di Pantai Timur ialah kekurangan guru bahasa Inggeris. Mohon kementerian mengkaji dan melihat masalah ini agar apa yang berada ataupun keputusan peperiksaan di sekolah-sekolah di Pantai Barat akan dapat diikuti ataupun dicemerlangkan di sekolah Pantai Timur iaitu berkaitan dengan bahasa Inggeris. Ini kerana kekurangan guru bahasa Inggeris menyebabkan prestasi subjek bahasa Inggeris menurun ataupun merudum.

Kemudiannya, seterusnya isu ataupun P.63 Butiran 00300 – Pendidikan Teknik dan Vokasional. Isunya ialah sekolah menengah teknik pengurusannya banyak diurus di peringkat *headquarters* iaitu di Putrajaya berkenaan dengan pertukaran dan sebagainya. Jadi pohon supaya ia dapat diselaraskan di peringkat negeri kerana ada sesetengah guru yang mengajar di satu sekolah sehingga 20 tahun, 30 tahun tidak bertukar-tukar.

Kemudian berkaitan dengan hal tersebut juga isu dibangkitkan ialah pakaian pelajar ataupun korporat pelajar-pelajar yang dihasilkan tidak sesuai, mutu kainnya yang tebal. Jadi ini perlu kepada pembaharuan ataupun pembaikan agar pelajar-pelajar lebih selesa untuk masa depan.

Kemudian yang terakhir, ada masa 30 saat lagi. Persoalan saya berkaitan dengan P.63 Butiran 00400 - Pendidikan Politeknik iaitu status terkini pembangunan Politeknik Hulu Terengganu yang saya rasa berada dalam kelewatan. Bilakah ia akan mula dibuka ataupun mula beroperasi?

Terakhir sekali Tuan Pengerusi, permohonan untuk menjaga atau *maintenance* rumah-rumah guru yang terbengkalai kerana itulah yang menyebabkan guru-guru tidak berminat untuk tinggal di rumah-rumah guru. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Hulu Terengganu. Saya menjemput Yang Berhormat Bagan Serai. Silakan.

#### **9.16 mlm.**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 060400 – Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditubuhkan 1970 atas cetusan pengorbanan rakyat dan aspirasi memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada UKM pada VC, warga UKM dan juga mahasiswa kerana telah mencapai kecemerlangan yang hebat. Universiti 48 tahun ini telah mencapai tangga 184 terbaik di dunia dan meningkat 46 anak tangga sejak tahun 2017 ia pada tangga 230.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada VC UKM, Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali yang telah menduduki kerusi VC selama dua penggal dan akan berakhir hujung tahun ini kerana Parlimen Bagan Serai mengucapkan tahniah dan rakyat Bagan Serai ucapan tahniah dan amat berbangga dengan Tan Sri VC yang berasal dari Bagan Serai. Seorang anak pelajar Bagan Serai yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Jalan Matang Buluh dan kemudian ke Sekolah Menengah Sains Tuanku Syed Putera, Perlis dan kemudian ke US. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada UKM.

Kebimbangan saya ialah graduan yang ramai dan sasaran PhD yang tinggi. Adakah kita dapat mengekalkan kualiti dan juga dengan kehilangan *talents* yang bagus kerana pensyarah-pensyarah yang lama telah berpencen pada usia 60 tahun.

Bolehkah kita tingkatkan usia pencen ini pada yang lebih? Dan boleh kah mengambil kembali profesor-profesor yang telah pencen ini, telah bersara ini kerana pengalaman mereka, kepakaran mereka dapat membantu mengekalkan kehebatan universiti.

Saya ingin bertanya tentang Butiran 030200 – Pendidikan Rendah dan Butiran 030300 – Pendidikan Menengah. Status pembinaan Sekolah Menengah Pelangi Perdana di Bagan Serai. Nampak agak *slow*?

Butiran 00800 – Rumah Guru. Di Parlimen Bagan Serai ada tiga rumah guru, dua separuh penuh dan satu lagi tidak duduk langsung. Ini sudah jadi gajah putih. Jadi saya hendak cadangkan supaya ini dapat dibuatkan asrama *form six* untuk pelajar-pelajar yang pergi ke Sekolah Menengah Alang Iskandar yang duduk jauh dan miskin. Parlimen Bagan Serai dulu telah membantu menyewa rumah supaya mereka dapat pergi ke sekolah dengan baik.

Butiran 04800 – Kolej Komuniti. Ini kolej yang telah dirasmikan pada awal tahun ini. Saya memohon sangatlah supaya diadakan asrama kerana pelajar-pelajarnya 85 orang daripada kawasan yang pedalaman yang jauh tidak ada perkhidmatan awam yang baik, *transport* yang baik, susah untuk mereka meneruskan pelajaran. Kalau diadakan asrama yang baik oleh kerana bangunan-bangunan di sekeliling yang agak kosong ini akan dapat membantu pelajar-pelajar di sekeliling di kawasan Bagan Serai. Ini banyak potong ini.

Terakhirnya, saya bertanya tentang keadaan bilik guru. Saya sudah melawat banyak sekolah-sekolah di Parlimen Bagan Serai. Bilik guru ini sempit, panas, *aircon* tidak ada, keselesaan tidak ada, meja dan kerusi ini boleh dikatakan antiklah. Jadi saya harap kementerian dengan peruntukan yang tertinggi dapat memberikan perhatian pada sekolah-sekolah di Parlimen Bagan Serai. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Bagan Serai. Sekarang Yang Berhormat Hulu Selangor, silakan.

#### **9.19 mlm.**

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerajaan peruntukan sebanyak RM1 bilion untuk membangun dan menyediakan program latihan di politeknik dan kolej komuniti di bawah Butiran 060200.

Oleh itu, Hulu Selangor ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan apakah ada perancangan untuk membina institusi pendidikan tinggi yang baharu di kawasan Hulu Selangor.

#### **■2120**

Adakah peluang untuk mewujudkan universiti, politeknik, institut kemahiran di kawasan Hulu Selangor dalam bidang pendidikan teknikal dan latihan vokasional?

Jumlah murid di peringkat sekolah menengah di dalam Daerah Hulu Selangor pada tahun ini adalah seramai 17,649 pelajar di mana pelajar Tingkatan Lima seramai 3,090 pelajar. Institut pendidikan tinggi di Hulu Selangor pula hanya satu sahaja iaitu kolej komuniti yang menawarkan Sijil Pelancongan dan Pengembawaan dan Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian. Ini masih tidak dapat menampung keperluan institusi pendidikan tinggi di sini.

Hulu Selangor amat memerlukan satu pusat penggajian tinggi untuk membantu meningkatkan taraf akademik di daerah ini terutamanya di bidang TVET kerana banyak industri berat dan besar turut berpusat di Hulu Selangor.

Tuan Pengerusi, justeru itu, Hulu Selangor mencadangkan agar pihak kementerian dapat mempertimbangkan semula dan merealisasikan impian Hulu Selangor untuk memiliki sebuah pusat penggajian tinggi awam baharu di daerah ini. Hulu Selangor turut mencadangkan agar pengkhususan di Kolej Komuniti Hulu Selangor diperkembangkan dengan menawarkan kursus-kursus TVET terutamanya dalam bidang teknologi automotif dan teknologi mekanikal.

Butiran 083300 – Bantuan Awal Persekolahan yang diperuntukkan sebanyak RM328 juta. Bagaimanakah cara pihak kementerian akan mengagihkan dana ini? Bagaimanakah dan

apakah perancangan yang akan diberikan oleh pihak kementerian untuk membantu masyarakat kurang kemampuan terutamanya di luar bandar?

Butiran 082400 – Biasiswa Kecil Persekutuan dengan dana RM90 juta manakala Butiran 083800 – Biasiswa Pendidikan Tinggi dengan dana RM170 juta. Apakah syarat kelayakan untuk memohon biasiswa ini? Berapakah peratusan biasiswa ini yang akan diberikan kepada pemohon luar bandar?

Butiran 082200 – Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan (BBTP) sebanyak RM118 juta diperuntukkan. Apakah tujuan ataupun objektif bantuan ini diwujudkan?

Sebanyak RM4 juta diperuntukkan di bawah Butiran 081500 – Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Beruniform dan RM24 juta di bawah Butiran 081100 – Bantuan Sukan. Bilakah dan apakah caranya kementerian akan mengagihkan bantuan ini?

Akhir sekali, Hulu Selangor ingin berkongsi maklumat, mengapakah pelajar-pelajar cemerlang dari sekolah rendah jenis kebangsaan tidak layak untuk memohon memasuki sekolah berasrama penuh? Apakah punca pelajar sekolah ini tidak layak memohon SBP? Sejak bilakah syarat ini dikuatkuasakan? Apakah inisiatif pihak kementerian untuk membantu pelajar-pelajar cemerlang dari sekolah rendah jenis kebangsaan?

Hulu Selangor mencadangkan agar syarat kemasukan ke SBP dikaji semula dan dipertimbangkan kemasukan pelajar-pelajar cemerlang dari sekolah rendah jenis kebangsaan. Diharapkan pihak kementerian mengambil maklum mengenai isu ini kerana Hulu Selangor mendapat aduan mengenai perkara ini.

Hulu Selangor turut mencadangkan agar kemasukan ke sekolah sains dapat dipertimbangkan melalui, dengan izin, *case to case basic*. Hal ini kerana sekolah jenis kebangsaan turut melahirkan pelajar-pelajar cemerlang yang memperoleh keputusan *straight A*, dengan izin, di dalam peperiksaan. Justeru itu, pihak kementerian harus mencari *solution* untuk membantu pelajar-pelajar berpotensi tinggi dari sekolah jenis kebangsaan.

Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Saya jemput Yang Berhormat Sibuti sekarang. Silakan.

#### **9.24 mlm.**

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi kepada Butiran 01000 – Pejabat-pejabat Pendidikan. Saya ingin mengetahui apakah status pembinaan baharu bagi PPD Subis?

Seterusnya adalah tentang Butiran 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak. Saya ingin mendapatkan butiran, adakah Butiran ini merupakan dana ataupun belanjawan bagi pembangunan sekolah daif? Juga saya ingin mengetahui, apakah status pembinaan sekolah IBS yang berjumlah 66 buah untuk negeri Sarawak? Adakah akan diambil alih oleh Sarawak?

Untuk makluman Dewan juga, sebanyak 50 buah sekolah di Sarawak menggunakan kaedah IBS yang dilaksanakan oleh JKR telah siap. Di kawasan saya sendiri juga mempunyai lima buah sekolah IBS yang telah siap, tiga buah sekolah di bawah KPM dan juga dua buah sekolah di bawah JKR.

Saya juga ingin mengetahui, adakah pihak KPM akan melaksanakan kaedah IBS untuk menyelesaikan sekolah daif? Jika melihat kepada Laporan Audit Negara, KPM agak gagal untuk melaksanakannya dan mungkin kaedah IBS ini kurang berkesan.

Juga, saya ingin bersama dengan pihak kementerian, jika ada perbincangan, kita berbincang bersama untuk menyelesaikan masalah sekolah daif terutamanya saya menyarankan agar pihak kementerian dapat menilai semula kajian yang telah dijalankan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak bersama Kerajaan Negeri Sarawak di mana sebanyak 263 buah sekolah yang dapat disatukan kepada 49 buah sekolah. Ini akan menjimatkan perbelanjaan.

Juga, saya ingin menyentuh tentang Butiran 080500 – Penyelenggaraan Genset sebanyak RM120 juta. Saya mencadangkan agar pihak kerajaan dan juga pihak kementerian memberi satu *timeline*, dengan izin, bilakah Kerajaan Negeri Sarawak dan juga KPM dapat bekerjasama untuk membelanjakan tawaran sebanyak RM50 juta tersebut. Usahlah perkara ini dipolitikkan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puncak Borneo.

Juga, saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puncak Borneo dan juga Yang Berhormat Bandar Kuching dan juga saya pernah menyebut perkara ini di dalam ucapan saya bahawa keadaan sekolah di Sarawak dan sebahagian besar sekolah-sekolah daif dalam keadaan seperti reban ayam. Saya berharap agar pihak kementerian mengambil langkah yang serius dan juga saya berpandangan agar Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat turun padang dan juga menjadi *person* ataupun wakil kementerian untuk berbincang kerana lebih mesra daripada Yang Berhormat Menteri.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Sibuti. Sekarang Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar minta.

#### 9.27 mlm.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 040600 – Dewan Bahasa dan Pustaka. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin mencadangkan agar Dewan Bahasa dan Pustaka ini bukan bawah Kementerian Pendidikan tetapi bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Akan tetapi pada masa yang sama, saya ingin mencadangkan agar badan berkanun iaitu ASWARA diletakkan di bawah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri. *[Ketawa]*

Pada masa yang sama, saya ingin menyentuh...

**Tuan Pengerusi:** Banyak betul sentuh ASWARA ya.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** ASWARA kena bawa masuk because, dengan izin, ia isu pendidikan tetapi di bawah Kementerian Pelancongan. Saya tidak rasa sesuai. Pada masa yang sama, bila kita lihat, Perpustakaan Negara berada di bawah Kementerian Pelancongan tetapi Dewan Bahasa dan Pustaka pula bawah Kementerian Pendidikan. Maka tidak ada keharmonian dari segi penggubalan dasar. Ini cadangan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya ingin menyentuh Butiran 060300 – Universiti Malaya. Saya berasakan bahawa pengurangan hampir 10 peratus daripada RM445 juta ke RM405 juta. Pemotongan RM40 juta yang begitu mendadak bagi Universiti Malaya, sebuah institusi utama yang mana antara alumninya termasuklah Yang Berhormat Batu Kawan dan ramai di kalangan kita keluar daripada institusi ulung ini. Saya rasa ini kurang munasabah dalam masa yang begitu dekat. Saya ingin mencadangkan mungkin diusahakan bantuan lain, sekiranya mereka perlu, memandangkan saya rasa masih banyak yang mereka sedang usahakan. Ramai yang hadir yang pergi ke Universiti Malaya adalah dari golongan B40.

Saya ingin menyentuh Butiran 070100 – Pusat Perubatan Universiti Malaya yang juga mengalami penurunan dana sebanyak RM4 juta ke RM396 juta. Saya ingin memohon pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk segera mengusahakan perbincangan dengan pihak Kementerian Kesihatan untuk memastikan bahawa PPUM ini dapat diiktiraf sebagai hospital awam. Bukan sebagai hospital kerajaan tetapi hospital awam. Perbincangan telah bermula tapi saya telah *check* dengan pihak PPUM bahawa perbincangannya tergendala pada waktu ini. Saya harap dapat dipercepatkan untuk memudahkan akses kepada ubat-ubat generik seperti *sofosbuvir* yang saya pernah bangkitkan sebelum ini.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 082800 – Program *Teach for Malaysia* yang telah bermula pada sekitar tahun 2011, 2012. Pengurangan hampir RM3 juta ini saya rasa kalau hendak dihilangkan program ini, ambillah sekurang-kurangnya atau setidak-tidaknya inti pati pengajaran daripada Program *Teach for Malaysia*. Saya nampak ramai daripada mereka yang menyertai program ini banyak membantu kita memahami apa yang berlaku selain daripada apa yang sampai kepada kita daripada guru-guru dan ibu bapa.

#### ■2130

Saya rasa mereka yang masuk menjadi *cohort* di dalam program ini banyak yang dapat kita praktikkan dan kita amalkan.

Akhir sekali untuk Butiran 00102 –Rendah Akademik. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mohon tolonglah lihat SK Petaling 1 dan 2 di jalan off Jalan Klang Lama mereka ada alami satu keadaan yang sangat daif. Ini di Kuala Lumpur kawasan belakang sekolah mereka itu dipenuhi air dan anai-anai yang telah memamah– ini di Kuala Lumpur. Tak patut berlaku. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Papar telah marahkan saya tidak panggil dia. Yang Berhormat Papar sila.

**9.30 mlm.**

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Alhamdulillah. Terima kasih Tuan Pengerusi. Seperti yang kita tahu Sabah dan Sarawak merupakan negeri yang terbawah dari segi pencapaian pendidikan dan kekurangan permohonan infrastruktur dan infostruktur. Dari itu Sabah harus mendapat peruntukan pembangunan pelajaran yang besar demi mengurangkan jurang perbezaan dengan sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia.

Tuan Pengerusi, P.63 Butiran 00900 – Asrama, diperuntukkan sebanyak RM34 juta untuk tahun 2019 berbanding dengan RM9 juta pada tahun sebelumnya. Ini bererti tahun 2019 Kementerian Pendidikan mempunyai dana untuk membina atau tambah baik asrama di sekolah-sekolah pendalaman.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak yang berjumlah RM84 juta dan juga P.63 Butiran 05011 – Penyelidikan Fundamental yang berjumlah RM425 juta. Dengan ini, saya ingin merujuk kepada permasalahan di Sabah. Sabah ada 1,074 buah sekolah rendah dan 222 buah sekolah menengah. Sedarkan Kerajaan Persekutuan bahawa daripada jumlah 1,096 buah sekolah ini ada 707 sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah daif satu, dua dan tiga.

Ada sekolah yang terpaksa dua sesi yang mana tidak ada lagi di Semenanjung Malaysia. Ada sekolah-sekolah yang tiada bekalan elektrik, ada sekolah-sekolah yang tiada bekalan air. Ada sekolah-sekolah yang tiada liputan internet, jauh sekali 4G. Ada sekolah tiada asrama, ada asrama tiada katil dan tilam, ada sekolah tiada rumah guru, ada rumah guru pula sangat daif tiada bekalan air terawat dan bekalan elektrik.

Memandangkan Sabah ialah penyumbang besar dana kepada Kerajaan Persekutuan adalah tidak wajar Sabah ditinggalkan di belakang dari segi pembangunan pendidikan. Kita ini ibarat ‘cubit paha kanan, sakit paha kiri’. Demi untuk memperkasakan dan melaksanakan pembangunan pelajaran di negeri Sabah, Kerajaan Persekutuan sepatutnya dan wajarnya memberi negeri Sabah berfungsi dengan sendiri secara autonomi dalam bidang pendidikan. Ini membolehkan Kementerian Pendidikan dan Inovasi Sabah mengawal kewangan, polisi, amalan dan pengulangan semula institusi pendidikan. Dengan ini Sabah boleh mencapai taraf pendidikan yang cemerlang dan saksama sejajar dengan hasrat MA63. Berilah kuasa autonomi kepada Kementerian Pendidikan dan Inovasi Sabah untuk menguruskan peruntukan yang disalurkan untuk mengelakkan ketirisan.

Ia sangat bersignifikan kepada harapan rakyat Sabah itu sendiri yang mahu melihat negeri Sabah boleh melaksanakan agenda memperkasakan pendidikan khususnya di luar bandar dan pendalaman. Dengan bajet yang komprehensif berimbang dan dalam berbagai sektor demi merangsangkan ekonomi negara, saya dengan ini memohon supaya negeri Sabah diberi perhatian sewajarnya dengan peruntukan yang diberi oleh kerajaan kerana Sabah masih lagi sangat mundur dari segala segi dalam pelajaran. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Papar. Tinggal tiga orang pembahas ya. Yang Berhormat Taiping minta dua minit, Yang Berhormat Jerai mungkin dua minit jugalah. Yang Berhormat Julau dua minit.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagi seminit sahaja.

#### 9.34 mlm.

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Merujuk kepada Maksud B.63 Butiran 030200 – Pendidikan Rendah, 030300 – Pendidikan Menengah, 030400 – Pendidikan Lepas Menengah. Di bawah tajuk kemenjadian murid pada muka surat 443 didapati peratusan tahap minimum pendidikan rendah adalah 66 peratus dan peratusan tahap minimum pendidikan menengah hanya 37 peratus. Manakala peratusan tahap minimum pendidikan lepas menengah adalah 99 peratus.

Saya memohon Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan bagaimana peratusan tahap minimum pendidikan lepas menengah dapat mencapai 99 peratus, manakala peratusan tahap minimum pendidikan menengah hanya pada 37 peratus. Selain daripada itu, saya juga memohon Yang Berhormat Menteri menyatakan usaha-usaha yang telah diambil untuk meningkatkan peratusan tahap minimum baik pendidikan rendah dan menengah.

Seterusnya menyentuh mengenai peratusan graduan universiti awam yang mendapat pekerjaan pada tahun konvokesyen hanya pada tahap 53 peratus pada muka surat 447. Saya memohon pihak Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah cabaran-cabaran utama untuk mereka mendapatkan pekerjaan dalam masa yang terdekat dan apakah kaedah-kaedah yang telah diambil untuk menambah baik keadaan sedemikian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Yang Berhormat Jerai silakan.

#### 9.36 mlm.

**Tuan Sabri bin Azit [Jerai]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.63 Butiran 040500 – Majlis Peperiksaan Malaysia. Baru ini kertas SPM mata pelajaran Pendidikan Islam terdapat kesilapan kaedah tulisan jawi. Rujukan *insya-Allah* selepas ini saya boleh bagilah kalau hendak. Kemudian saya mohon agar hal berkaitan dengan dapat dirujuklah kepada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk semakan dan pengesahan oleh munsyi Dewan Jawi.

Seterusnya Butiran 040600 – Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya menggesa usaha bersepada dapat dibuat bagi memulihara jawi sebagai warisan sejarah negara antaranya memudahkan pentaulianan munsyi Dewan Jawi dengan kadar segera. Memanfaatkan sepenuhnya tenaga pakar sedia ada di seluruh negara, menyemak dan mengaudit tulisan jawi yang di paparkan papan-papan tanda.

Seterusnya Butiran 050100 – Latihan Pra Perkhidmatan. Kerajaan terdahulu telah membuat keputusan untuk menutup dan menukar fungsi 11 institut pendidikan guru. Adakah kerajaan baharu berhasrat untuk mengkaji semula keputusan untuk menukar fungsi IPG ini.

Seterusnya Butiran 060900 – UIAM. Saya mendapat aduan daripada pelajar dan staf berkenaan projek pusat asasi UIAM di Gambang. Yang Berhormat Menteri pula orang kuat UIA. Jadi saya mohon penjelasan berkenaan status projek pusat asasi ini kerana ianya sudah lewat siap. Bangunan yang telah siap pula tidak dapat digunakan terbiar sehingga tumbuh lalang kerana ianya tidak selamat digunakan. Apakah tindakan yang diambil untuk menyelesaikan isu ini kerana para pelajar ini sekarang terpaksa menumpang belajar di kampus UIA Kuantan.

Butiran 08100 – Bantuan Per kapita. Saya ingin mendapatkan penjelasan berkenaan bantuan ini adakah sekolah agama rakyat juga termasuk dalam geran per kapita ini. Saya berharap KPM turut mengambil berat berkenaan nasib para pelajar sekolah agama. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Akhir sekali Yang Berhormat Julau. Silakan Yang Berhormat Julau.

### 9.38 mlm.

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada butiran projek 03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak muka surat 460 yang menyatakan bahawa peruntukan bagi tahun 2019 adalah RM148.5 juta berbanding RM62.1 juta pada tahun 2018. Saya amat bersyukur apabila peruntukan untuk pembangunan luar bandar Sabah dan Sarawak meningkat lebih dari dua kali ganda. Sebelum ini, sudah acap kali saya membangkitkan berkenaan isu pendidikan bagi pelajar-pelajar di pedalaman negeri Sarawak terutamanya di kawasan Parlimen Julau.

Antara masalah yang sedang dihadapi adalah masalah bekalan elektrik yang tidak menentu bagi sekolah-sekolah yang masih lagi menggunakan generator diesel bagi bekalan elektrik mereka. Amat mengecewakan apabila 22 buah sekolah masih lagi tidak disambungkan ke grid bekalan elektrik walaupun terletak dalam lingkungan 10 meter dari grid tersebut. Sekolah-sekolah tersebut adalah SK Ulu Pedanum, SK Nanga Serau, SK Nanga Lasi, SK Nanga Meluan, SK Nanga Wak, SK Nanga Entaih, SK Ulu Banding, SK Nanga Merun, SK Nanga Perdanum, SK Nanga Kedup, SK Nanga Tabai, SK Nanga Kota, SK Nanga Luau, SK Nanga Semawang, SK Nanga Sengai, SK Nanga Sekarah, SK Ulu Entaih, SK Sungai Sugai, SK Nanga Kamuk, SK Nanga Buku, SK Nanga Dayu, SK Nanga Kelangas.

### ■2140

Sekolah Kebangsaan Nanga Kedup bukan sengaja masih lagi menggunakan set generator untuk bekalan elektrik malah terpaksa mendapatkan bekalan air dari sungai yang berdekatan untuk kegunaan pelajar-pelajar termasuk untuk minum, memasak dan membasuh. Selain daripada sekolah itu, sekolah-sekolah ini juga masih lagi belum menerima bekalan air awam walaupun telah dilalui paip bekalan air awam iaitu SK Ulu Pedanum, SK Nanga Wak, SK Ulu Manding, SK Nanga Babai, SK Sungai Sugai, SK Nanga Engkamop, SK Nanga Buku.

Sekolah Menengah Kebangsaan Julau pula saban tahun pelajar-pelajar yang tinggal di asrama terpaksa tidur di atas lantai sahaja sehingga pada tahun ini, bulan ini, apabila tilam

didermakan atas usaha Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan. Terima kasih kami ucapkan.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Julau.

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** Perkara-perkara seperti ini ...

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Belum habis lagi *[Ketawa]*.

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]:** ... tidak berlaku di sekolah-sekolah di Semenanjung. Justeru walaupun peruntukan yang diberikan kepada pembangunan luar bandar ini sudah bertambah banyak, kita tidak boleh berpuas hati. Masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan demi menjadikan sekolah-sekolah di Sarawak setanding dengan sekolah-sekolah dari Semenanjung. Kita tidak mahu lagi terma sekolah daif masih lagi kedengaran di Malaysia baru. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ha, itu baru terima kasih betul.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ingat dah *landing* tadi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Julau. Kesemuanya 25 orang pembahas. Silakan Yang Berhormat Menteri, dalam masa 30 minit.

#### **9.42 mlm.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada 25 orang Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan untuk membahas peruntukan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia. Saya di sini nak sebut terlebih dahulu bahawa untuk permintaan untuk sekolah-sekolah yang sangat spesifik untuk kawasan di Ahli Parlimen sendiri, saya minta keizinan untuk menjawab secara bertulis sepertilah permintaan untuk membina dewan, untuk membina surau, untuk menaik taraf ataupun bangunan baharu. Saya rasa saya akan jawab soalan tersebut dengan jawapan bertulis supaya saya di sini dalam tempoh masa 30 minit, saya boleh fokus kepada isu ataupun dasar yang lebih besar supaya semua Ahli Parlimen yang masih berada dalam Dewan ini rasa informasi tersebut adalah akan bermanfaat kepada mereka.

Isu pertama yang saya hendak sentuh pada hari ini adalah tentang pendidikan khas. Beberapa Ahli Parlimen telah sentuh tentang isu pendidikan khas dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data terkini setakat 31 Oktober 2018, jumlah murid berkeperluan khas di seluruh Malaysia adalah sebanyak 83,598 orang dan jumlah sekolah yang mempunyai murid berkeperluan khas adalah sebanyak 8579 buah sekolah seluruh Malaysia. Peruntukan Per Capita Grant (PCG) kepada murid berkeperluan khas diberi berdasarkan kepada Surat Pekeliling Kewangan Bil.8/2012. Garis Panduan Penggunaan Kewangan, peruntukan bantuan persekolahan ke sekolah berdasarkan per kapita dan juga enrolmen murid.

Bagi 23 kursus kemahiran yang diikuti oleh murid berkeperluan khas, KPM telah menyetarakan PCG yang diberikan iaitu RM800 sehingga RM1600. Selain daripada itu, di bawah Bajet Perbelanjaan 2019 ini, kita lihat bahawa elauan untuk murid berkeperluan khas ini

yang berjumlah RM150 sebulan setiap orang telah meningkat daripada RM100 juta kepada RM142 juta. Bermaknanya murid berkeperluan khas yang akan menerima bantuan ini, bantuan bulanan, elaun bulanan ini akan meningkat daripada 55,000 orang ke 78,000 orang. Jadi ini menunjukkan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan untuk memberi akses pendidikan kepada golongan murid berkeperluan khas ini.

Jadi di sini saya juga hendak menegaskan bahawa pada tahun yang akan datang, kita mengadakan satu polisi *zero reject policy* di mana sekolah-sekolah kerajaan tidak boleh menolak sesiapa yang berkeperluan khas ini. Jadi ini menunjukkan hasrat kita untuk memberi *education for all*, dengan izin. Selain daripada itu, isu tentang geran ataupun biasiswa juga telah disebutkan dan disentuh oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019, biasiswa pendidikan tinggi yang berjumlah RM170 juta ini adalah biasiswa bagi pensyarah UA, pensyarah kolej komuniti dan juga politeknik. Selain daripada itu, Biasiswa MyBrainSc juga adalah di dalam bajet yang sebanyak RM170 juta itu.

Untuk peruntukan RM170 juta adalah termasuk pelajar MyBrain15 yang masih dalam tajaan. Mereka ini berjumlah seramai 1698 orang. Kementerian komited untuk memastikan kelompok pelajar tajaan MyBrain15 ini tamat pengajian dengan jayanya. Selain daripada itu, peruntukan RM170 juta ini adalah termasuk pembiayaan pelajar MyBrainSc yang akan diteruskan penawaran seperti biasa dan selain daripada biasiswa, saya rasa juga sama penting bahawa pada masa ini, sektor pendidikan tinggi menjalankan 20 program biasiswa untuk pelajar dalam dan juga luar negara. Statistik keseluruhan pelajar yang sedang aktif di bawah tajaan sektor pendidikan tinggi berjumlah 43,225 orang iaitu pelajar yang sedang aktif. Kementerian bercadang untuk menawarkan sejumlah 16,825 tempat di pelbagai peringkat pengajian daripada ijazah pertama ke peringkat *post doctorate* pada tahun 2019 bagi sektor pendidikan tinggi.

Selain daripada biasiswa, saya rasa amat penting juga adalah tentang geran penyelidikan yang juga telah disentuh oleh beberapa Ahli Parlimen. Geran penyelidikan yang sedia ada termasuklah fundamental, *research grant scheme*, dengan izin. *Long term research grant scheme* dan juga *transdisciplinary research grant scheme* dan untuk program tersebut, kita rasa bahawa melalui Belanjawan 2019, KPM menerima sejumlah peruntukan bagi tujuan penyelidikan sebanyak RM420 juta berbanding RM345 juta pada tahun 2018. Jadi ini menunjukkan bahawa KPM telah menyediakan bukan sahaja biasiswa tetapi geran penyelidikan yang semakin besar untuk golongan mahasiswa-mahasiswa kita.

Satu isu yang telah disentuh oleh beberapa Ahli Parlimen adalah tentang sekolah daif. Tuan Pengerusi, untuk makluman, jumlah sekolah daif di Malaysia, di negara kita setakat 31 Ogos tahun ini adalah sebanyak 1498 buah sekolah di mana 1073 buah sekolah rendah dan juga 425 buah sekolah menengah. Pada tahun 2018, sebanyak 394 buah sekolah daif di seluruh negara terlibat dalam projek pembaikan atau naik taraf yang merangkumi sebanyak 158 buah di Semenanjung Malaysia, 120 buah di Sabah dan juga 116 buah di Sarawak. Berdasarkan rekod pada 20 September 2018, prestasi pelaksanaan projek bagi negeri Sarawak menunjukkan 64 projek telah siap dan 52 masih dalam pelaksanaan yang dijangka siap pada Disember 2018.

Pihak KPM terus melaksanakan pemantauan rapi dan memantapkan kerjasama bagi semua pihak termasuk kerajaan negeri bagi memastikan semua projek berjalan lancar. Untuk tahun depan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tak akan terhad kepada kaedah IBS untuk membina sekolah daif lagi. Walau untuk tempat yang sesuai di mana kaedah konvensional adalah lebih menjimatkan, kita juga akan pakai kaedah konvensional. Dasar untuk pembangunan ataupun penambahbaikan untuk sekolah daif untuk tahun depan akan kita ubah sikit.

**■2150**

Ahli Yang Berhormat Puncak Borneo dan juga Yang Berhormat Julau juga telah sebut tentang sekolah-sekolah yang masih tidak ada bekalan elektrik. Setakat ini memang masih ada 113 buah sekolah yang tidak ada bekalan elektrik dan masalah ini bolehlah diatasi dengan peruntukan sebanyak RM50 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk KPM untuk masuk ke sekolah tersebut dan untuk menyambung sekolah itu kepada grid elektrik kita perlu tamatkan kontrak dengan JEPA dan sekarang memang KPM dalam proses menamatkan kontrak dengan JEPA dan kami rasa selepas kontrak dengan JEPA itu ditamatkan kita memang komited untuk memulakan penyambungan elektrik ini dengan serta-merta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa...

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya sedikit. Kalau berdasarkan rekod yang saya dapat daripada Kerajaan Negeri, 113 buah sekolah itu adalah sekolah yang kami sanggup bekerjasama dengan KPM dan juga sebenarnya total sekolah yang tidak mempunyai akses kepada elektrik adalah sebanyak 371 buah. Adakah KPM akan memberikan komitmen untuk penyambungan elektrik pada masa-masa akan datang?

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih, Yang Berhormat Sibuti atas soalan tambahan tersebut. Memang 113 buah itu adalah di mana jaraknya kurang daripada dua kilometer yang itu memang kita komited dan bukan itu sahaja untuk sekolah-sekolah lain kita memang komited. Akan tetapi ini adalah projek yang akan beberapa peringkat dan juga fasa.

Kerajaan Negeri Sarawak memang telah membuat satu tawaran di mana bahawa mereka tawar untuk memberi satu dana sebanyak RM50 juta untuk projek penyambungan bekalan elektrik kepada 113 buah sekolah itu. Saya hendak nyatakan di sini bahawa sebenarnya surat daripada Kerajaan Negeri Sarawak itu telah pun KPM balas pada 24 Oktober dan juga pada 29 November tahun ini.

Jadi, saya harap bahawa sekiranya Kerajaan Negeri Sarawak memang adalah ikhlas biarlah kita kerjasama. Janganlah tuduh bahawa KPM langsung tidak jawab surat [*Tepuk*] sejak bulan Jun. Saya rasa itu adalah tidak tepat kerana memang kami sudah balas pada 24 Oktober dan kami juga terima surat balasan daripada Minister for Education, Science and Technology Research Sarawak pada 31 Oktober dan selepas itu surat balasan kita telah hantar pada 29 November. Jadi memangnya masih ada komunikasi di antara Kerajaan Persekutuan dan

Kerajaan Negeri. Jadi kalau kita memang ikhlas biarlah kita kerjasama untuk membantu sekolah-sekolah kerana ini adalah anak Malaysia. *[Tepuk]*

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Inilah jawapan yang saya rasa agak tunggu-tunggukan. Berbeza dengan jawapan Yang Berhormat Menteri seperti yang saya nyatakan banyak sangat ding dong, ding dong dan sebab itu saya menawarkan agar Yang Berhormat Timbalan Menteri pergi ke Sarawak untuk berunding sekolah daif lebih mudah dan lebih mesra dengan senyuman itu. Terima kasih. *[Dewan ketawa]* *[Tepuk]*

**Tuan Penggerusi:** *[Ketawa]*

**Puan Teo Nie Ching:** *[Ketawa]* Terima kasihlah, saya rasa kita semua yang duduk di sini sedia bekerjasama dan kita memang...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ding dong itu macam kongkalikunglah. *[Dewan ketawa]*

**Puan Teo Nie Ching:** *[Ketawa]* Kita memang sedia untuk kerjasama dengan mana-mana pihak untuk kepentingan murid dan untuk kepentingan anak Malaysia. Selain daripada itu, saya juga hendak sentuh tentang dua isu yang ditanya tentang baucar buku dan juga tentang pembantu guru.

Untuk baucar buku, peruntukan baucar buku itu telah mendapat perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Akan tetapi perkara ini masih dalam pertimbangan Kementerian Kewangan dan sebab itu peruntukan untuk baucar buku itu tidak dalam Buku Anggaran Perbelanjaan 2019. Saya rasa apabila Kementerian Kewangan buat satu keputusan, kita akan buat pengumuman.

Selain daripada itu tentang jawatan pembantu guru. Ini memang masih dalam kajian kementerian. Jadi juga jawatan ataupun peruntukan untuk pembantu guru itu juga tidak dalam peruntukan sedia ada untuk Kementerian Pendidikan.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat Batu Kawan juga telah sebut tentang 51 kelas prasekolah yang di SJK(T). Saya hendak sebut di sini bahawa 51 kelas prasekolah tersebut bukan semua boleh dipakai pada tahun hadapan kerana banyak lagi yang masih tidak ada CCC.

Kita tidak boleh guna bangunan tersebut sekiranya bangunan tersebut tidak ada CCC. Untuk 51 bilik darjah yang terlibat sebenarnya hanya 12 bilik darjah yang mempunyai CCC yang melibatkan lapan buah sekolah. Jadi KPM memang komited untuk mendapatkan CCC secepat mungkin supaya bilik darjah yang siap dibina itu bolehlah diguna pakai serta-merta supaya kita boleh memberi pendidikan prasekolah kepada lebih ramai murid kita, anak-anak kita terutamanya datang daripada masyarakat India.

Selepas itu saya juga hendak sentuh tentang *Teach for Malaysia* yang disebut oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Memang nampaknya peruntukan untuk Program *Teach for Malaysia* ini telah banyak dikurangkan. Pada tahun 2018 peruntukan yang kita dapat adalah RM4.2 juta tetapi untuk tahun depan kita hanya dapat RM1.1 juta.

Akan tetapi saya hendak jelaskan di sini bahawa sebenarnya guru yang terlibat dalam *Teach for Malaysia* ini bilangan bukan sangat besar. Untuk Kohort 2018 hanyalah 55 felo *Teach for Malaysia* dan untuk Kohort 2019 hanya 65 orang felo *Teach for Malaysia*. Jadi maksudnya guru yang terlibat untuk *Teach for Malaysia* ini hanya 120 orang. Oleh sebab itu kita kurangkan peruntukan untuk Program *Teach for Malaysia* ini bukan kerana kita hendak mansuhkan projek ini bukan. Akan tetapi kita rasa cara penggunaan dana ini bolehlah kita kaji semula untuk memastikan bahawa dia adalah lebih *cost effective*.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Terima kasih, Tuan Pengurus dan terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terima baik jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma saya ingin cadangkan agar apa dapat-dapatan yang diperoleh daripada kohort-kohort ini yang boleh kita guna, yang boleh kita serap ke dalam cara kita berfikir tentang pendidikan dan cara kita berinteraksi dengan anak-anak murid memandangkan mereka seperti *outsider, insider*.

Mereka bukan guru tetapi mereka sebenarnya profesional tetapi kemudiannya diserapkan balik ke dalam industri. Saya rasa mereka juga ada satu sudut perspektif, sudut pandangan yang sangat menarik, mungkin kita boleh guna pakai untuk melihat keseluruhan keadaan dalam sistem pendidikan kita, terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih pandangan daripada Yang Berhormat Lembah Pantai. Kami memang setuju bahawa felo *Teach for Malaysia* ini memang mempunyai input yang cukup unik untuk sistem pendidikan kita. Oleh sebab itu kita memang berhasrat untuk sambungkan Projek *Teach for Malaysia*.

Akan tetapi dari segi peruntukan kita kurangkan kerana kita rasa ada penjimatan yang boleh dibuat. Oleh sebab sekarang saya rasa banyak yang kita bayar untuk *coach* untuk felo *Teach for Malaysia* itu tetapi dalam sistem kita, kita memang sudah ada SIP dan SISC Plus yang boleh membantu dan memantau felo *Teach for Malaysia* ini dan kita harap bahawa SIP dan juga SISC Plus ini guru bimbingan ini bolehlah belajar daripada golongan ini supaya kita boleh kongsi pengalaman dan juga teknik dan juga input yang cukup unik ini untuk guru-guru yang lain. Bukan sahaja felo *Teach for Malaysia* yang akan menerima manfaat daripada program ini.

Okey, Yang Berhormat Segamat sebut tentang isu bahawa pelajar cemerlang lepasan SPM/SPTM tidak mendapat tempat di universiti jadi beliau memohon supaya KPM memastikan lepasan cemerlang matrikulasi ataupun STPM mendapat tempat di Universiti Awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi sesi akademik 2018/2019 seramai 3,800 orang pelajar lepasan STPM, Matrikulasi dan Asasi yang mendapatkan PNGK 4.0 telah memohon kemasukan ke IPTA melalui UPU *Online*.

Daripada 3,800 orang tersebut sebanyak 62.3 pelajar lepasan STPM, Matrikulasi dan Asasi yang dapat PNGK 4.0 itu ditawarkan pilihan pertama. Selain daripada itu 33.1 peratus...

■2200

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, maaf matrikulasi...

**Puan Teo Nie Ching:** Boleh kah saya habiskan ayat?

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Matrikulasi selepas SPM bukan STPM.

**Puan Teo Nie Ching:** Sorry?

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** *I ask the question of Matrikulasi selepas SPM.* Jawapan diberi adalah asasi untuk STPM. Mungkin..

**Puan Teo Nie Ching:** Okey, *let me finish this sentences first* okey. 33 peratus dapat tawaran pilihan dua hingga lima dan hanya 4.6 peratus mendapat pilihan enam hingga dua belas. Jadi untuk matrikulasi ini yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat RM1 juta itu sebenarnya itu adalah peruntukan untuk pembangunan tetapi setakat ini kita – KPN tidak berhasrat untuk membina kolej komunikasi yang baharu. Jadi, RM1 juta itu adalah mencukupi untuk penyelenggaraan dan juga kerja-kerja tambah baik yang lain.

Untuk matrikulasi setakat ini, kapasiti kita adalah sebanyak 25,000 orang yang kita memang akan – selain daripada keputusan mereka, status sosial ekonomi keluarga juga adalah salah satu faktor yang akan diambil kira apabila kita membuat tawaran. Jadi, kita memang akan terus komited untuk mengkaji polisi yang sedia ada – bagaimana kita boleh tambah baik lagi.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Maran juga tanya tentang Rumah Guru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 47,893 unit kquarters di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia...

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** *[Bangun]*

**Puan Teo Nie Ching:** Daripada jumlah tersebut sebanyak 32,179 unit...

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan Teo Nie Ching:** Berstatus kquarters diduduki dan kekosongan Rumah Guru Maran adalah sebanyak 107 unit dan keseluruhan unit Kquarters Maran adalah 142 unit. Maksudnya kadar kekosongan adalah sebanyak 75 peratus. Kementerian pada ketika ini amat menggalakkan kquarters-kquarters yang tidak diguna ataupun tidak dihuni untuk diserahkan kepada pihak swasta ataupun agensi lain yang berminat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Segamat.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, maknanya daripada jawapan yang diberikan tadi terdapat lebih kurang 25,000 tempat untuk matrikulasi selepas SPM. Akan tetapi kita mendapati hampir setiap tahun ada lebih kurang hampir 1,000 pelajar yang mendapat keputusan cemerlang, *straight A's*. *Straight A's* yang tidak mendapat matrikulasi. Maka saya sendiri ada pengalaman daripada kawasan saya seramai lebih kurang 20 orang yang mendapat *straight A's*, saya telah mohon dan juga merayu kepada kementerian tetapi tidak satu pun pernah dipertimbangkan walaupun pendapatan keluarga mereka kurang daripada RM3,500.

Tidak apa. Ini perkara yang telah berlaku tetapi untuk tahun 2019 ini, saya hendak cadangkan agar semua pelajar yang mendapat keputusan *straight A's* tanpa mengira kaum dan yang kes di Segamat itu *100 percent all were* pelajar-pelajar kaum Tionghoa, Cina. Akan tetapi saya sebagai Ahli Parlimen saya mewakili semua masyarakat dan saya merayu kepada Kementerian Pendidikan agar untuk tahun 2019 semua pelajar yang mendapat kelulusan *straight A's* ini diberi peluang untuk belajar matrikulasi.

Satu lagi soalan yang saya tanya mengenai adakah kementerian bersetuju untuk membeli tempat atau pun mendapatkan tempat daripada IPTS, yang itu tidak dijawab. Saya kalau boleh diberi.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bangun]**

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Ya, saya juga dalam bahas saya, saya beritahu adakah kementerian bersedia untuk membeli tempat di kolej-kolej swasta, *matriculation* di kolej swasta? Oleh sebab itu, saya beritahu wang RM1 juta itu tidak cukup dan saya difahamkan ini untuk pembangunan. Perkara itu tidak dijawab dan saya minta kalau boleh dijawab dalam bertulis. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Boleh saya mencelah sikit? Bagan Serai. Sikit. Terima kasih Tuan Pengurus. Saya hendak bertanya, saya hairan kenapa guru-guru tidak mahu duduk rumah yang disediakan? Ini kerana sebab di Bagan Serai ada satu kawasan guru itu, *almost 100 percent* tidak ada. Ada hantu ke? *[Ketawa]* Ada tidak sebabnya? Ada tidak sebabnya? Ini askar tidak ada rumah, veteran tidak ada rumah, polis tidak ada rumah, guru-guru tidak mahu duduk rumah. Tidak ada standard ke rumah ini?

**Puan Teo Nie Ching:** Kuarters itu dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional jadi ada standard atau tidak yang itu *[Dewan ketawa]*. Saya rasa ada banyak punca lah tetapi saya rasa kami akan buat kajian kalau ada tempat yang sesuai, lokasi yang cantik ataupun kemudahan yang tidak mencukupi kita memang berhasrat untuk tambah baik supaya kuarters itu boleh dihuni, diduduki oleh guru-guru kita. Untuk lokasi yang tidak sesuai atau pun kuarters itu memang kelengkapan atau pun situasi yang cukup buruk, itu memang kita rasa mungkin perlu cari rancangan yang lain untuk kuarters-kuarters tersebut.

Tentang matrikulasi saya rasa matrikulasi adalah program kerajaan. Jadi tidak akan kita tawarkan program tersebut di IPTS.

Selepas itu Ahli Yang Berhormat Puncak Borneo juga telah sebut tentang di Sabah dan Sarawak masa dilantik dalam kalangan pegawai yang datang dari Semenanjung ataupun di negeri lain. Akan tetapi saya hendak maklumkan di sini bahawa Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan juga Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah adalah dilantik dari kalangan anak negeri Sarawak dan Sabah. Kita memang komited untuk polisi 90-10 tersebut dan kita memang masih dalam proses untuk memastikan bahawa 90-10 itu boleh didapati secepat mungkin. Setakat ini nisbahnya adalah lebih kurang *87 versus 13* peratus. So, *that is the currency* dengan izin.

Bantuan makanan pra sekolah. Menu adalah diselaraskan oleh Bahagian Pemakanan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan kerjasama di antara KPM dan KKM. Makanan berkhasiat sesuai untuk kanak-kanak berusia lima dan enam tahun. Makanan yang disediakan adalah makanan seimbang dan sesuai untuk pertumbuhan dan juga untuk kanak-kanak kita. Kadar bantuan makanan pra sekolah adalah RM2 setiap murid, setiap hari di Semenanjung dan RM2.25 sen untuk setiap murid, setiap hari untuk Sabah, Sarawak dan juga Labuan.

Tentang isu bahawa peruntukan khas untuk SJK(C) *actually...*

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat. Minta maaf.

**Puan Teo Nie Ching:** Yes.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Mengenai bantuan makanan pra sekolah itu saya mendapati hampir RM10 juta dikurangkan. Saya ada tanya mengapa ia dikurangkan? Adakah kerana ketirisan yang lepas atau pun sistem yang lebih efisien?

**Puan Teo Nie Ching:** Memang banyak bantuan ini telah dikurangkan tetapi kerana ini adalah arahan daripada Kementerian Kewangan bahawa kita kaji semula kontrak-kontrak yang telah ditawarkan tersebut. Ini kerana kita rasa bahawa kontrak-kontrak yang sedia ada ini banyak yang boleh ditambah baik lagi untuk memastikan kontrak tersebut adalah lebih kos efektif.

Seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bahawa semua efisien dan juga tidak ada pembaziran. Jadi, sebab itu nilai untuk ataupun peruntukan untuk bantuan makanan dan juga banyak kontrak sebenarnya kita terima arahan untuk kaji semula, untuk memastikan penjimatan dapat dibuat.

Tentang peruntukan khas ataupun tabung khas untuk SJK(C), SJK(T), Sekolah Mualigh. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa menambah baik proses pengalihan peruntukan tersebut. Bagi tahun 2019, KPM akan menyalurkan dengan segera peruntukan kepada sekolah-sekolah yang berkenaan. Jawatankuasa khusus berhubung pengagihan peruntukan ini turut telah ditubuhkan bagi memastikan lebih sistematik, integriti, ketulusan serta untuk memantau pelaksanaan bagi memastikan projek yang dilaksanakan siap mengikut jadual pelaksanaan.

Ahli Yang Berhormat Ayer Hitam juga tanya tentang status untuk peruntukan tersebut. Saya hendak nyatakan di sini Kerajaan Pakatan Harapan kita membentuk kerajaan pada bulan Mei dan saya dilantik pada bulan Julai. Kita dapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan pada bulan Ogos untuk sambung dengan RM50 juta untuk SJK(T), RM50 juta untuk SJK(C) dan juga RM50 juta untuk Sekolah Mualigh dan kita juga dapat peruntukan tambahan sebanyak RM15 juta untuk SMJK. Selepas itu kita minta semua sekolah yang layak membuat permohonan ini untuk dapatkan kod e-Vendor kerana pada tahun ini dan juga tahun depan kita tidak akan bagi cek lagi, kita hanya akan gunakan kod e-Vendor ini untuk terus buat secara *transfer online* dan selepas itu kita minta KPM – kita *design*, kita buat satu laman web di mana semua sekolah boleh buat permohonan melalui laman web.

**■2210**

Ini semua sebelum ini tidak pernah dilaksanakan oleh Barisan Nasional tetapi dalam tempoh masa beberapa bulan ini kita mampu buat. Kita hendak pastikan bahawa sistem pengalihan ini adalah lebih bersistematik, adalah lebih terus. Oleh sebab itu kita minta sekolah-sekolah yang buat permohonan ini juga tunjuk *quotation* yang mereka dapat untuk menjustifikasi jumlah yang mereka pohon itu. Jadi dan percaya, selepas tahun ini, apabila satu sistem yang lebih telus telah diwujudkan, saya percaya pengalihan untuk peruntukan daripada tabung khas ini akan menjadi lebih lancar, lebih sistematik dan efisien pada masa yang akan datang.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat Menteri, 15 saat. Yang Berhormat Menteri, memandangkan Yang Berhormat Menteri telah membuat juga dengan sekolah-sekolah mubaligh dan juga sebenarnya saya ada satu isu yang hendak dibawa. Ini kerana saya mendapati pelajar yang mendapat 8A dalam UPSR daripada sekolah jenis kebangsaan Tamil yang telah pergi ke Sekolah Sains Kuala Selangor 8A UPSR tetapi diberitahu kerana datang daripada sekolah jenis kebangsaan Tamil ataupun sekolah Cina tidak layak untuk memohon walaupun ia adalah peperiksaan yang diselia dan sebagainya.

Maka seolah-olah kita manafikan hak mereka sebagai rakyat Malaysia hanya kerana mereka pergi ke sekolah jenis kebangsaan. Saya yakin Yang Berhormat Ayer Hitam pun akan setuju dengan saya kalau pelajar itu mahupun daripada sekolah jenis kebangsaan Cina ataupun Tamil kerana ramai juga pelajar-pelajar Melayu yang pergi ke sekolah jenis kebangsaan Cina, ramai juga pelajar yang *estate* orang Melayu pun pergi sekolah Tamil. Hanya kerana dia pergi ke sekolah SJKC atau SJKT, sekarang sudah dapat 8A pun tidak boleh masuk ke sekolah Sains.

Jadi saya minta dan saya merayu kepada kementerian agar mengkaji membenarkan mereka untuk pergi selaras dengan manifesto dan janji Kerajaan Pakatan Harapan atau kita akan jadi juga seperti Kerajaan Barisan Nasional yang telah gagal. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih atas soalan tambahan tersebut. Memang polisi sedia ada yang telah wujud sejak kerajaan dahulu adalah hanya murid-murid daripada sekolah kebangsaan yang boleh buat permohonan untuk pergi ke sekolah berasrama penuh. Itu adalah dasar setakat ini. Akan tetapi kalau kita dapat persetujuan daripada kalangan semua Ahli Parlimen termasuklah daripada pembangkang, termasuklah daripada parti PAS dan juga rakyat jelata, saya rasa itu adalah satu polisi yang kita boleh duduk bincang sama ada kita boleh tambah baik atau tidak.

Akan tetapi saya harap bahawa apabila KPM kita buat apa-apa cadangan, janganlah ada parti, ada ahli politik ataupun Ahli Parlimen yang akan menjadikan itu satu isu yang cukup *racist*. Saya rasa itu yang saya tak nampak dan saya rasa kalau kita hendak duduk dan bincang apa-apa polisi-polisi pendidikan yang paling bagus untuk anak muda kita untuk generasi yang akan datang ini, biarlah kita bincang polisi itu dengan satu sikap yang cukup rasional. Jadi saya rasa masa saya sudah tamat. Saya...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Yang Berhormat Menteri, saya minta jawab soal pasal PTPTN.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat ...

**Puan Teo Nie Ching:** Bertulis boleh?

**Tuan Pengerusi:** Yang lain jawapan bertulis.

**Puan Teo Nie Ching:** Di sini ada banyak jawapan yang saya tidak sempat untuk sentuh semua.

**Tuan Pengerusi:** Jawapan bertulislah Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching:** Ini ialah— kalau saya hendak habis baca satu muka surat demi satu muka surat, saya rasa sekurang-kurangnya mungkin tiga jam lagi.

**Tuan Pengerusi:** Pukul 1.00 pagi.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat...

**Puan Teo Nie Ching:** Jadi saya untuk jawapan yang saya tidak sempat jawab pada malam ini, saya akan beri jawapan bertulis. Jawapan untuk Ahli Yang Berhormat Masjid Tanah memang ada di sini. Pohon maaf. Jadi sekian sahajalah jawapan saya untuk malam...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat, sedikit sahaja. Dapatkan jaminan...

**Tuan Pengerusi:** Jawapan bertulis Yang Berhormat, jawapan bertulis.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, saya cuma minta sahaja sebab saya tenang mendengar. Terima kasih kalau Yang Berhormat bagi jawapan secara bertulis tetapi minta Tuan Pengerusi untuk membuat satu keputusan atau satu *ruling*, bila agaknya jawapan itu diberi. Saya bangkitkan lima isu. Baru masuk mukadimah, masa sudah habis. Jadi saya supaya kita berlaku adil pada semua yang menunggu jawapan, saya rasa isu itu penting untuk TAR UC, bagaimana...

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Mengemis jawapan kah? Yang Berhormat Ayer Hitam mengemis jawapan kah?

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** ...PTPTN. Kita hendak tahu jawapan sebab luar pun mendengar. Kalau dapat secara bertulis, dengan kerjasama arahan daripada Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa jawapan bertulis dalam masa dua minggu.

**Puan Teo Nie Ching:** Saya rasa terima kasih sebab sebenarnya apabila Ahli Yang Berhormat Ayer Hitam yang masih merupakan Menteri, beliau pun banyak hutang saya jawapan bertulis. Akan tetapi tidak apa.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Rupa-rupanya.

**Puan Teo Nie Ching:** Saya rasa memang semua orang duduk di sini dengan sabar dan begitu sabar untuk menerima jawapan lisan saya.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Pengerusi, saya minta seperkara balik apa soalan boleh tanya. Saya ingat semua yang saya jawab, saya bagi secara bertulis.

Saya dengan elok minta Tuan Pengerusi supaya bagi jawapan terhadap apa yang saya bangkitkan. Itu sahaja.

**Puan Teo Nie Ching:** Untuk Ahli Parlimen yang tidak dapat jawab lisan pada malam ini, saya pohon maaf dan saya janji bahawa akan terima jawapan bertulis. Jadi Ahli Yang Berhormat Ayer Hitam sebagai veteran, tunjuklah *gentleman* sedikit. Terima kasih. Sekian jawapan saya pada malam ini. Terima kasih kepada semua Ahli Parlimen. Saya ambil cakna terhadap komen, ulasan dan juga sokongan dan juga kritikan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat walau dari kerajaan ataupun pembangkang. Terima kasih.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tidak adil kita buat secara melulu. Saya cuma hendak jawapan sahaja tetapi Tuan Pengerusi dua minggu terlalu lamalah. Kalau boleh minggu depan hendak dapat.

**Tuan Pengerusi:** Sila duduk Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Tuan Su Keong Siong [Kampar]:** Yang Berhormat Ayer Hitam duduklah Yang Berhormat Ayer Hitam duduk.

**Tuan Pengerusi:** Seterusnya, seterusnya...

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Yang Berhormat Ayer Hitam masih Barisan Nasional lagi kah? *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM55,128,468,300 untuk Maksud B.63 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM55,128,468,300 untuk Maksud B.63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM5,110,140,500 untuk Maksud P.63 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM5,110,140,500 untuk Maksud P.63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]*

**Fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

*[Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Usul Anggaran Pembangunan 2019 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

### Bacaan Kali Yang Ketiga

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu telah dipersetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan/Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

### USUL

**Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh enam bilion tujuh ratus juta ringgit (RM56,700,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2019, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2018, adalah diintukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul Menteri Kewangan, yang berbunyi;

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh enam bilion tujuh ratus juta ringgit (RM56,700,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2019, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2018, adalah diintukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Diputuskan,*

*"Bawaha Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh enam bilion tujuh ratus juta ringgit (RM56,700,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2019, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2018, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut."*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Isnin 10 Disember 2018. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat malam kepada semua.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.22 malam]*